



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEEMPAT BELAS

14 NOVEMBER 2018 (RABU)

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

14 NOVEMBER 2018 (RABU)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	4 - 5
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 28 - Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daneil Gooi Zi Sen)	6
Soalan No. 29 - Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	9
Soalan No. 30 - Ahli Kawasan Air Itam (YB. Jospheh Ng Soon Siang)	12
Soalan No. 31 - Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam)	14
14Soalan No. 32 - Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik)	16
Soalan No. 33 - Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz)	16
Soalan No. 34 - Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq)	18
Soalan No. 35 - Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye)	19
Soalan No. 38 - Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail)	20
Soalan No. 39 - Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim)	21
PENGUMUMAN MELANJUTKAN MASA PERSIDANGAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI DI BAWAH PERATURAN 6A(1)	24
PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2019 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2019	
Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) menyambung semula perbahasan	24
Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	25
Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	32

Kandungan	Muka Surat
Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	38
DEWAN DITANGGUHKAN	
DEWAN DISAMBUNG SEMULA	
Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah) menyambung semula perbincangan	45
Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	48
Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	55
Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	68
Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	75
Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	82
Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	86
DEWAN DITANGGUHKAN	
DEWAN DISAMBUNG SEMULA	
SESI PENGGULUNGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2019 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2019	
Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2019 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2019	91
Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	111
DEWAN DITANGGUHKAN	

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGKAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 14 November 2018 (RABU)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2	Y.A.B. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
9	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
10	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
11	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
12	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
13	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
14	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
15	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
16	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
17	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
18	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
19	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
20	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir

Bil.	Nama	Jawatan / Ahli Kawasan
21	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
22	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
23	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
24	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
25	YB. Zolkifly Bin Md. Lazim	Telok Bahang
26	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
27	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
28	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
29	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
30	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
31	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
32	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
33	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
34	YB. Heng Lee Lee	Berapit
35	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
36	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
37	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
38	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan / Ahli Kawasan
1	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
2	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak
3	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

- Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri
- Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Setiausaha Dewan:

Bacaan doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

“Bacaan Doa”.

Setiausaha Dewan:

Soalan lisan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sambung dengan soalan daripada Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Terima Kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya ucapkan selamat hari jadi kepada Y.A.B. Padang Kota (Ahli Dewan menepuk meja) yang meraikan hari jadinya pada hari ini. Dan soalan Pengkalan Kota adalah soalan nombor 28.

No. 28. Keretakan bangunan akibat daripada mendapan tanah.

- (a). Apakah perancangan Kerajaan Negeri terhadap keadaan bangunan yang mengalami keretakan dibahagian bawah bangunan akibat daripada mendapan tanah?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Dato' Speaker dan pada rakan saya daripada Pengkalan Kota. Saya juga bagi barisan EXCO mengucapkan selamat hari jadi kepada Ketua Menteri kita.(Ahli Dewan menepuk meja)

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya pun bagi seluruh Dewan. Mengucapkan selamat hari lahir kepada CM. Sila sambung,

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Itu tugas Dato' Speaker. Terima kasih pada Pengkalan Kota yang bertanyakan satu soalan yang penting iaitu berkenaan perancangan Kerajaan Negeri terhadap keadaan bangunan yang didapati mengalami keretakan akibat mendapan tanah. Untuk menjawab Pengkalan Kota Dato' Speaker, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai beberapa kaedah tindakan yang boleh diambil sekiranya terdapat keretakan bahagian bawah bangunan dalam fasa pembinaan iaitu seperti berikut Dato' Speaker. Satu mengarahkan perunding atau pemaju untuk mengkaji semula keselamatan dan kestabilan bangunan yang sedang dalam pembinaan seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 70B, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Dan dua, mengarahkan perunding supaya tidak mengeluarkan perakuan siap dan pematuhan ataupun (CCC) *Certificate of Compliance & Completion*...(dengan izin) seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 70, Akta Jalan, Parit dan Bangunan tersebut. Dato' Speaker sekiranya terdapat keretakan pada bahagian bawah bangunan sedia ada, Pihak Berkuasa Tempatan perlu menyiasat punca berlakunya mendapan tanah dan mengambil tindakan untuk menghapuskan punca mendapan tersebut. Tindakan-tindakan yang boleh di ambil Dato' Speaker adalah seperti berikut:

Nombor 1, mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 kepada pemilik bangunan supaya mengemukakan laporan kekukuhan struktur oleh jurutera bertauliah.

2, mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 83 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1976 kepada pemunya bangunan untuk membaiki kerosakan atau mengosongkan bangunan yang berbahaya; dan 3, mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 84 Akta yang sama kepada pemunya bangunan untuk menutup bangunan tersebut sekiranya didapati tidak selamat. Sekian. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Soalan Tambahan. Terima kasih. Jawapan yang diberikan oleh YB. Datok Keramat. Umum mengetahui lah isu berkenaan dengan integriti atau pun pengukuhan bangunan ini sememangnya amat pentinglah memandangkan ia melibatkan nyawa manusia sekiranya bangunan tersebut telah siap untuk dihuni. Sebagai contoh antaranya kita boleh nampak satu projek perumahan JKP yang terletak di Kampung Pisang Awak ini. Walaupun kita telah nampak banyak tingkat telah naik tetapi akibat daripada isu integriti atau pengukuhan struktur bangunan tersebut. Saya pun percaya pihak MBPP pun telah mengeluarkan notis supaya projek tersebut dirobuhkan demi menjamin keselamatan. Jadi soalan saya adalah berkenaan dengan piawaian ataupun *standard*. Apakah piawaian yang Kerajaan Negeri akan mengambil perhatian khususnya berhubung dengan pengukuhan ataupun integriti bangunan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih rakan saya daripada Pengkalan Kota atas soalan yang begitu baik sekali. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa memastikan *stability* semua bangunan yang didirikan. *Infact* apabila kebenaran merancang berlaku ini perlu disyaratkan kepada semua pemaju agar mereka menggunakan bahan binaan yang sesuai untuk memastikan sesuatu bangunan itu adalah selamat untuk dihuni. Kepada kes yang dibangkitkan oleh Pengkalan Kota Dato' Speaker, ia adalah satu kes dua (2) blok bangunan di Kampung Pisang Awak di Jelutong yang dimajukan oleh Agensi Persekutuan iaitu JKP Sdn. Bhd. Dan projek tersebut telah mula hampir 2 ataupun 3 tahun sudah. Dan apabila blok Rumah Mampu Milik ada dua (2) blok, satu (1) blok Rumah Kos Sederhana Rendah dan 1 (satu) blok Rumah Mampu Milik. Apabila blok Rumah Mampu Milik dinaikkan kepada hampir 10 atau 11 tingkat dan blok Kos Sederhana Rendah cuma 1 atau 2 tingkat didapati bahawa bahan binaan yang digunakan itu tidak kuat, tidak mengikut piawaian yang ditetapkan *that is the concrete...(dengan izin) was not according to the standards that was require...(dengan izin)* Dato' Speaker. Jadi apa yang berlaku Dato' Speaker, Kerajaan Negeri, mantan Ketua Menteri pada penggal dahulu membuat keputusan bahawasanya kita tidak akan membenarkan projek tersebut diteruskan. Dan apa yang berlaku kita telah mengarahkan pihak pemaju iaitu JKP Sdn. Bhd. untuk merobuhkan bangunan tersebut. *We will not allow, we will not tolerate such substandard buildings*. Dan pada asal apa yang berlaku oleh JKP terhadap permintaan kita untuk dirobuhkan bangunan tersebut, beliau menyatakan ataupun mereka memohon supaya mendapat satu pendapat, *second opinion* pendapat kedua daripada pakar mereka. Dan akhirnya setelah ada perbincangan dengan pakar mereka dan kita masih hendak bangunan tersebut dirobuh maka mereka telah bersetuju Dato' Speaker untuk buat sedemikian dan kita difahamkan baru-baru ini bahawa kerja-kerja tersebut akan berlangsung mulai akhir tahun ini. Sehingga bangunan tersebut dirobuhkan.

Saya cuma hendak juga mengulas kepada Pengkalan Kota tentang pendirian Negeri Pulau Pinang agar kita mempunyai bangunan-bangunan yang bertaraf terbaik, bertaraf antarabangsa. Mengapa saya sebut ini. Kerana saya beri contoh bangunan-bangunan yang dimajukan oleh Kerajaan Negeri melalui PDC. Kita ada 19 projek sekarang Dato' Speaker, seperti mana saya ada nyatakan dalam salah satu soalan lisan saya tempoh hari di mana kita ada dalam 27,000 unit. *This is just us...(dengan izin), PDC through the same government through PDC* pelbagai jenis Rumah Mampu Milik termasuk Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan Rumah Mampu Milik Dato' Speaker. *For you information* daripada 19 projek tersebut sepertimana saya nyatakan Dato' Speaker, satu kunci telah diserahkan pada bulan Mei tahun ini iaitu Projek Suria di Batu Kawan, Bandar Cassia Dato' Speaker. *520 units done*.

Untuk makluman Dewan ini bangunan itu baru-baru ini Agensi CIDB telah mewujudkan satu pensijilan bangunan untuk menunjukkan sama ada dia menepati *standard brick* yang diperlukan mereka. Dan pensijilan itu adalah dikenali sebagai QLASSIC. QLASSIC...(dengan izin), Dato' Speaker. Di mana kita sendiri dengan oleh Ketua Menteri sendiri telahpun mengumumkannya di Pulau Pinang akan digunakan untuk semua projek Kerajaan Negeri *at least to start with*. Kita nak tunjuk teladan dan contoh dan QLASSIC ini untuk mendapat Sijil QLASSIC dia ada dia punya *rating, that means* berapa peratus kita capai, baru boleh dapat sijil tersebut. Dan apa yang diperlukan untuk mendapat sijil QLASSIC, sekurang-kurangnya perlu 60% daripada setiap syarat-syarat di dalam pensijilan tersebut, 60%.

Untuk makluman Dewan ini, Suria kita mendapat QLASSIC 74%. Ini menunjukkan tahap dan mutu kerja yang dibuat oleh Kerajaan Negeri. Itu satu. Nombor dua yang penting untuk menunjukkan yang kita memang mempunyai hasrat untuk membina bangunan-bangunan yang bertaraf antarabangsa. Untuk makluman Dewan ini, saya begitu gembira untuk menyatakan bahawasanya di Pulau Pinang kita mempunyai projek yang pertama di seluruh Malaysia rumah mampu milik yang mendapat Indeks Bangunan Hijau atau *Gold Green Building Index (GBI)* tahap emas. (GBI) *Gold at SP Chelliah. We are the first in the countries for the affordable housing block*. Tapi bukan itu sahaja. Kita juga pertama di dalam Malaysia untuk satu bangunan kos sederhana rendah diberi Sijil Indeks Bangunan Hijau. *That is also at SP Chelliah. The whole a Malaysia there no LMC that you can get GBI Standard. But we in Penang we have achieve that and I have ask PDC to try to do that for all of our other project*. Itu lah jawapan saya kepada Pengkalan Kota. Sekian Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

YB. Datok Keramat, selalunya mendapan bangunan bukan saja disebabkan oleh bangunan itu sendiri. Terdapat projek perumahan memang bangunan ada parit tetapi bahagian jalan dan lorong belakang tiada ada parit. Ini yang menyebabkan berlakunya terdapat perbezaan apabila jalan raya berlaku mendapan.

Soalan kedua, Batu Kawan kita sedia maklum merupakan bekas kawasan paya bakau kemudian dijadikan kawasan kelapa sawit dan kini diadakan pembangunan yang begitu pesat. Adakah Kerajaan Negeri atau PDC akan mensyaratkan semua pembangunan di Batu Kawan mematuhi sistem QLASSIC oleh CIDB? Itu sahaja.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Seperti mana yang saya nyatakan tadi, *I think* ada dua perkara yang dibangkitkan rakan saya daripada Bukit Tambun iaitu berkenaan mendapan kalau kita lihat banding bangunan yang ada *piling*, berbanding dengan *backlane* ataupun jalan saya setuju memang ada kes di mana itu boleh berlaku tetapi seperti mana saya jawab tadi ada peruntukan-peruntukan undang yang mana kita boleh ambil tindakan terhadap pemaju ataupun pemilik untuk buat kerja-kerja rektifikasi untuk memperbetulkan apa yang berlaku. Datang balik kepada soalan kedua Dato' Speaker iaitu berkenaan Batu Kawan, memang Batu Kawan ini satu tempat paya bakau. Kita semua akur dengan itu dan kesemua pembangunan dan kemajuan yang berlaku di situ sudah pun dikehendaki untuk membuat kerja-kerja tanah sebelum apa-apa pembangunan boleh dilakukan. Dan itu termasuk juga projek Kerajaan Negeri yang mana telah pun berlaku. *And* apa yang disebut rakan saya itu memang tepat kerana contoh Kerajaan Negeri, projek Kerajaan Negeri seperti mana saya nyatakan Suria tersebut memang di Batu Kawan itu adalah projek pertama di Batu Kawan. *Infact* Batu Kawan daripada dua puluh tujuh ribu unit rumah mampu milik pelbagai jenis yang saya sebut tadi yang akan bakal dibina di kelima-lima daerah di Negeri Pulau Pinang. Batu Kawan *has the lion share...*(dengan izin), iaitu jumlah yang terbesar adalah di Batu Kawan *around 12,000. Almost half. This is only the first phase in* Batu Kawan. Tapi betul apa rakan saya dari Bukit Tambun kata tadi samada soal kita akan kehendaki projek-projek di situ untuk mencapai dan mendapat pensijilan QLASSIC ini, memang itu hasrat saya itu arahan saya kepada PDC juga untuk semua bangunan-bangunan yang lain tetapi *of course*

kepada pihak swasta kita cuma boleh harap mereka ikut teladan dan contoh Kerajaan Negeri. Dengan itu saja jawapan saya Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubok (Yang Berhormat Lee Khai Loon):

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya soalan 29.

No. 29. Untuk menegakkan prinsip pengasingan kuasa, adakah Kerajaan Negeri akan mewujudkan kembali Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 bagi mengembalikan kewibawaan DUN Pulau Pinang?

- (a) Terangkan pembaharuan dan perubahan sistem demikrasi berparlimen yang telah dibuat oleh DU Pulau Pinang sejak 2008?
- (b) Nyaakan hala tuju dan sasaran DUN Pulau Pinang untuk penggal yang baharu ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Machang Bubuk atas soalan. Sebelum menjawab bagi pihak saya, saya ucapkan terima kasih atas ucapan selamat hari jadi kepada saya dan saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah menghantar surat untuk saya terima sumbangan warga emas. Dan ada pihak yang menyapa saya menganggotai siri 60 club. Walau bagaimanapun kita harus enjoy kita punya hidup dan semoga hidup semakin gemilang.

Balik kepada realiti, Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 menegakkan prinsip pengasingan kuasa. Melalui akta tersebut suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen dapat ditubuhkan untuk menguruskan segala hal ehwal pentadbiran, pengurusan, kewangan dan lain-lain yang berkenaan dengan Parlimen. Parlimen akan mempunyai autonomi sendiri serta dapat memainkan peranan dengan menimbang serta memeriksa kuasa eksekutif kerajaan demi kebaikan rakyat dan negara. Kerajaan Negeri akan mengikuti perkembangan di Persekutuan yang sedang menimbang untuk mengubah semula akta berkenaan dan pihak Kerajaan Negeri akan melihat sejauh mana ianya dapat dilaksanakan untuk manfaat Dewan Undangan Negeri.

Bagi (a), sejak tahun 2008, beberapa pembaharuan dan perubahan sistem demokrasi berparlimen telah dilaksanakan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan Ahli Dewan Undangan Negeri mempunyai lebih ruang untuk menyuarakan hasrat dan pandangan rakyat. Sesi soalan lisan yang sebelum ini berlangsung hanya tiga jam pada hari pertama persidangan Dewan telah dipanjangkan kepada satu setengah jam setiap hari persidangan. Maksud jumlah waktu untuk sesi soal jawab sudah tambah dengan begitu banyak sehingga setiap orang ADUN dapat sekurang-kurangnya dua (2) soalan dijawab berbanding dengan masa dahulu dalam tiga (3) jam mungkin cuma dapat jawab dua belas, lima belas soalan sahaja. Di mana baki ahli yang tak sempat itu memang tak sempat diri pun untuk tanya. Jadi ini satu perubahan yang amat baik. Sekurangnya suara rakyat dapat disampaikan di dalam Dewan yang mulia ini.

Selain itu jawapan kepada semua soalan bertulis akan diletakkan di atas meja Ahli-ahli Dewan pada hari pertama persidangan bagi membolehkan Ahli-ahli Dewan meneliti jawapan dan menyuarakan sebarang isu berkaitan jawapan tersebut dalam tempoh persidangan. Ini pun satu perubahan yang baik sebab hasrat Ahli-ahli Dewan menanyakan soalan adalah untuk menggunakan jawapan dari pihak Kerajaan semasa perbahasan untuk memperkukuhkan hujah-hujahan supaya pihak Kerajaan dapatlah meneliti isu yang dibangkitkan dengan lebih teliti.

Bagi memastikan rakyat Pulau Pinang mendapat maklumat yang tepat mengenai kemajuan dan perkembangan Negeri Pulau Pinang, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang juga telah menyediakan ruang kerja untuk para media dan tempat khas untuk sidang media diadakan secara langsung dari Dewan Undangan Negeri. Terkini perubahan yang kita lihat yang juga menjadi satu peristiwa bersejarah iaitu jawatan Ketua Menteri juga akan dihadkan kepada

dua penggal sahaja melalui Pindaan kepada Perlembagaan Negeri yang akan dibuat pada hari terakhir sidang ini. Juga pelantikan Ketua Pembangkang sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan juga telah dibuat pada penggal ini bagi memastikan peranan *check and balance* dimainkan dengan lebih telus.

(b), secara umumnya peranan Dewan Undangan Negeri adalah untuk mengubal perundangan dan dasar negeri. Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dipanggil Enakmen. Berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, Dewan Undangan Negeri mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang yang disenaraikan dalam senarai negeri dan senarai bersama. Peranan Dewan Undangan Negeri yang seterusnya adalah memantau intitusi pemerintah iaitu jabatan dan agensi kerajaan negeri. Ahli-ahli Dewan bertanggungjawab untuk mengkritik atau menegur tindakan institusi kerajaan bagi memastikan jabatan atau agensi negeri tersebut melaksanakan fungsinya berdasarkan dasar yang telah ditetapkan. Seterusnya Dewan Undangan Negeri juga berperanan sebagai pengantara dalam penyampaian suara rakyat kepada kerajaan. Justeru melalui peranan yang dimainkan oleh Dewan Undangan Negeri, hala tuju dan sasaran Dewan Undangan Negeri harus selari dengan peranan yang dimainkan. Melalui pembaharuan dan perubahan yang dilakukan sejak tahun 2008, Dewan Undangan Negeri akan terus diperkasakan dan memainkan peranan yang lebih telus, cekap dan berintegriti. Sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih Yang Berhormat Ketua Menteri yang telah memberi satu jawapan yang begitu menyeluruh dan saya ingin ucapkan syabas kepada Kerajaan Pakatan Harapan yang telah melaksanakan reformasi dalam DUN ini. Cuma saya ada satu soalan tambahan iaitu kerana Akta Perkhidmatan Parlimen ini pernah dilaksanakan di dalam Parlimen, masa itu pernah dilaksanakan tetapi dihentikan pelaksanaannya untuk seketika dahulu. Maka sekarang disebabkan oleh pertukaran kerajaan di Pusat, akta ini dikembali pula dibincangkan dalam Parlimen.

So saya ingin nak tahu kenapa Perkhidmatan Akta Parlimen semasa dilaksanakan, adakah Negeri Pulau Pinang juga mengamalkan Akta Perkhidmatan Parlimen ini memandangkan pengasingan kuasa yang begitu penting dalam sistem berparlimen demokrasi berparlimen ini. Ini soalan tambahan saya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Machang Bubuk atas soalan tambahan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Akta Perkhidmatan Parlimen digubalkan pada 12 haribulan Mac tahun 1963 dan dimansuhkan pada 20 haribulan November tahun 1992. Hampir tiga puluh tahun ianya digunakan untuk mengawal ataupun menguruskan hal ehwal Parlimen. Pada masa akta ini berkuatkuasa, ianya tidak dilaksanakan di Dewan-Dewan Undangan Negeri sebab akta kalau lihat *reember* akta ini (dengan izin)...*an act to provide for the qualification for appointment and condition of service of members of the staff of the house of the Parliament*. Jadi memang Akta Perkhidmatan Parlimen khusus untuk House of Parliament dan tidak dikuatkuasakan untuk Dewan-Dewan Undangan Negeri di negeri-negeri di bawah persekutuan sebab setiap negeri pun ada Pentadbiran Dewan yang tersendiri yang tidak dirangkum di bawah Akta Perkhidmatan Parlimen.

Jadi sepanjang hampir tiga puluh tahun, ianya dikuatkuasakan memang di Dewan Undangan Negeri tidak terpakai akta berkenaan dan dengan niat kerajaan yang baru untuk menghidup semula akta ini mungkin secara permulaan mungkin pihak-pihak yang bertanggungjawab boleh mengadakan *stake holder engagement* dengan setiap negeri untuk memberi pandangan sejauh mana kalau akta itu digubalkan di parlimen adakah ianya juga boleh diperluaskan kepada semua dewan-dewan undangan negeri dalam perkhidmatan yang sama. Itu cuma satu fikiran saya sahaja sama ada ia *applicable* atau tidak maka ini memerlukan pertimbangan perundangan. Adanya Akta Perkhidmatan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri misalnya, maka ianya boleh digunapakai bukan sahaja di Parlimen tetapi di Dewan-Dewan Undangan Negeri. Tetapi ini pun tertakluk kepada persetujuan setiap negeri dan ini semua satu pandangan awal dan berharaplah pihak yang bertanggungjawab untuk menghidupkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen ini dapatlah mengadakan sesi penerangan ataupun melawat setiap negeri untuk membolehkan Ahli-ahli Dewan ataupun pertubuhan NGO memberi pandangan dan maklum balas tentang sejauh mana akta ini atau pengubalan akta ini dapat menghidupkan semangat demokrasi, pengasingan kuasa dan memastikan Dewan diuruskan dengan lebih cekap, tulus dan berwibawa.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Soalan tambahan. Adakah DUN Pulau Pinang bersedia untuk mengadakan tiga (3) mesyuarat untuk setiap penggal bagi memberi lebih banyak ruang untuk mengadakan penambahbaikan atau pindaan kepada enakmen-enakmen yang mungkin sudah tidak relevan dan juga memberi lebih banyak ruang untuk para ADUN memanjangkan soalan lisan dan soalan bertulis yang *up to date*...(dengan izin). Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Bukit Tambun. Setelah tidak berkhidmat satu penggal dan penggal ini saya kembali ke Parlimen, sudah mendapati saya menjadi *dinasour* dalam Dewan Rakyat sebab dalam satu penggal saya tak ada memang banyak perubahan telah dilakukan termasuk ada sesi soal jawab Menteri. Dua hari dalam satu minggu, jam yang pertama, *the first hour* adalah khusus untuk jawapan Menteri di mana Ahli-ahli Dewan boleh menanya soalan sehari sebelum hari soalan itu dikemukakan. Maka boleh membawa isu yang terkini apa yang berlaku kelmarin. Ianya diadakan pada Selasa dan Khamis. Katakan satu perkara yang berlaku pada hari Ahad, ianya dapat dikemukakan pada hari Isnin dan kalau dimasukkan dalam urusan mesyuarat, hari Selasa Menteri atau Timbalan dia perlu jawab soalan yang dipilih untuk dimasukkan dalam urusan.

Maka cara ini kita nampak amat terkini lah berbanding dengan dahulunya, soalan yang dikemukakan sehingga ia dijawab mungkin sudah berlalu tiga bulan. Khususnya dalam sesi bajet, kita dikehendaki kemukakan soalan 21 hari sebelum Dewan bersidang dan Dewan bersidang lapan minggu. Kalau kita diletakkan pada minggu yang kelapan, campur tempoh yang kita perlu kemukakan soalan, maka isu sudah jadi lapuk dan tidak terkini. Jadi kita nampak ada perubahan dalam urusan Parlimen dan ada kamar khas di mana setiap hari kalau ada soalan-soalan maka isu-isu yang lebih khusus dapat dibawa ke kamar khas. Ianya ada mesyuarat satu jam atau setengah jam di luar Dewan Sidang, Dewan Rakyat. Adakah kita boleh ikut apa yang dilakukan oleh Dewan Rakyat? Kita tidak pasti tetapi cadangan untuk mengadakan tiga (3) mesyuarat dalam satu tahun pernah berlaku di Dewan yang mulia ini. Saya pada zaman 1990-an apabila menjadi ADUN Pengkalan Kota, duduk dekat sana, masa itu tiga (3) kali setahun. Dan kita boleh timbangkan kalau didapati ianya dapat membantu masalah rakyat dapat diketengahkan dengan lebih kerap mungkin tempoh untuk menghantar soalan perlu dikaji semula. Kalau Parlimen boleh dilakukan, jangan kita memberi alasan, Negeri tidak boleh melakukannya lah. Harap pentadbiran ambil maklum...(Ahli Dewan menepuk meja). Sebab kita percaya perkhidmatan awam kita dapat menyokong pucuk pimpinan EXCO untuk memainkan fungsi yang lebih berkesan di Dewan Undangan Negeri.

Satu cadangan untuk mengkaji semula enakmen-enakmen yang lapuk ada banyak, saya rasa ada ordinan pada zaman British mungkin sudah tidak terpakai lagi. Dalam agenda kali ini pun ada satu pindaan apabila mendapati apa yang digubalkan sebelum ini tidak mengambil kira peruntukan di Perlembagaan Negeri misalnya. Mungkin kita boleh melihat kaji semula semua enakmen dan ordinan yang digubalkan sejak kemerdekaan lagi. Adakah enakmen ini masih relevan? Ataupun kalau relevan perlukah dikemaskini? Terima kasih atas cadangan dan kita akan menelitinya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Seterusnya saya nak minta Yang Berhormat Air Itam.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya, soalan 30.

No. 30. Nyatakan statistik golongan belia yang terlibat dalam kegiatan jenayah.

(a) Apakah jenis jenayah yang paling kerap melibatkan golongan belia?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada Air Itam. Saya menjawab untuk soalan 30. Yang di-Pertua, belia yang sering digambarkan sebagai golongan yang akan mewarisi dan bakal pemimpin masa depan negara. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2017, jumlah belia Malaysia adalah seramai 13.88 juta orang. Jumlah ini mewakili 45.9% keseluruhan populasi Malaysia. Namun demikian, belia yang sering dikaitkan dengan pelbagai isu dan masalah sosial seperti penagihan dadah, lumba motor haram, samun, pecah rumah, curi motosikal, buang *baby* dan sebagainya. Statistik golongan belia yang terlibat dalam kegiatan jenayah di mana statistik yang diberi oleh pihak Polis bermula 1 Januari tahun 2018 sehingga 15 Oktober. Statistik yang paling tinggi adalah kes untuk curi motosikal. 551 kes kecurian motosikal di mana kes-kes ini melibatkan golongan belia yang melakukan kes-kes jenayah. Yang kedua tinggi adalah kes curi, 483 dan juga kes untuk samun berkawan tanpa senjata api, 338 orang. Kes mencederakan adalah melibatkan 333 orang. Kes pecah rumah juga tinggi 307 orang. Dan saya berasa golongan belia memang penting kerana mereka adalah pemimpin-pemimpin, anak-anak muda kita, pucuk-pucuk pimpinan kita pada masa depan. Saya rasa semua pihak, kita kena bekerjasama supaya dapat mengurangkan kes-kes jenayah yang melibatkan diri oleh golongan belia ini.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Terima kasih Bagan Jermal. Seperti yang dimaklumkan oleh Bagan Jermal, golongan belia merupakan tonggak utama sesebuah negara dan di dalam Malaysia terdapat 13.88 juta belia. Dan nampaknya kes-kes yang melibatkan golongan belia ini, kes-kes jenayah itu agak tinggi juga dalam tahun, statistik yang diberi dalam tahun ini, dari bulan Januari sehingga sekarang sahaja. Adakah pihak Kerajaan Negeri ada program-program yang dirancang untuk menggalakkan golongan-golongan belia ini terlibat dalam program yang mungkin dicadangkan agar mereka tidak melibatkan diri dalam jenayah dan juga mungkin menjadi sebahagian daripada gelandangan yang berlakunya di Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih untuk soalan tambahan daripada Air Itam. Memang Kerajaan Negeri sedang berusaha dengan pihak-pihak yang berkaitan seperti pihak Polis, pihak Penjara dan juga Jabatan Penjara Negeri Pulau Pinang dan juga Jabatan Pendidikan Pulau Pinang bersama dengan PYDC supaya kita akan menganjurkan satu program di mana program ini adalah

program intervensi, transformasi sahsiah remaja. Ini adalah di mana pada bulan September semasa bermesyuarat dengan Jawatankuasa MMK Keselamatan Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri kita, saya telah bangkitkan isu di mana sama ada kita boleh bekerjasama dengan Jabatan Penjara Negeri Pulau Pinang dan juga pihak Polis, sama-sama kita akan adakan lawatan ke Jabatan Penjara Negeri Pulau Pinang.

Objektif program ini adalah untuk mengwujudkan minda yang positif dan memberi kesedaran kepada pelajar sekolah menengah untuk mengelakkan mereka dan juga mencegah mereka daripada melibatkan diri dalam jenayah ataupun kes-kes jenayah. Program ini akan dianjurkan oleh Pejabat Pusat MMK Belia dan Sukan dan akan bermula, dijangka akan bermula pada bulan Januari tahun 2019 dan kita akan anjurkan program ini satu bulan sekali dan setiap kali kita akan memberi kepada penyertaan 100 orang pelajar lelaki bersama dengan perempuan dan diiringi oleh guru sekolah untuk menyertai program ini, lawatan ke penjara, menjalankan kerja-kerja amal dan juga mendengar taklimat yang akan disampaikan oleh Jabatan Penjara, Jabatan Kesihatan dan juga pihak Polis. Program ini akan bermula tahun 2019. Saya harap ADUN-ADUN yang ada di Dewan ini, kita ada 40 ADUN termasuk juga pihak Pembangkang, kita alu-alukan sesiapa yang berminat boleh hubungi pejabat saya.

Program yang pertama yang akan dijalankan adalah kita akan ambil kawasan saya, ADUN Kawasan Bagan Jermal, sekolah-sekolah menengah di sekeliling termasuk juga kawasan Parlimen dan bulan Februari, bulan Mac dan sehingga bulan Disember. Saya buka peluang kepada semua ADUN yang ada di sini siapa yang berminat boleh tulis surat kepada saya dan kita akan atur untuk satu bulan sekali. Kalau ada *respond* yang bagus kita mungkin boleh jadikan program ini dua (2) bulan sekali. Dan saya berharap program ini sedikit sebanyak kita memberikan peluang kepada golongan pelajar di mana mereka boleh lebih memahami keadaan di penjara dan mereka juga boleh memahami, lebih memahami kalau ada apa-apa kes-kes jenayah yang melibatkan mereka, mereka akan dihukum dengan cara yang macam mana. Inilah sedikit sebanyak, kita juga boleh mengubah minda mereka dari negatif ke positif kerana kita dapat tau kadang-kadang sesetengah pelajar tu bukan tidak baik cuma mereka bergaul dengan kawan-kawan yang berfikiran negatif, minda mereka negatif maka mereka akan ikutlah kawan-kawan mereka untuk melakukan kes-kes jenayah ini. So kita harap program ini dapat membantu sedikit sebanyak.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya amat tertarik dengan apa yang dibincangkan iaitu berkaitan dengan masalah belia. Masalah anak muda yang terlibat dengan kes jenayah. Jadi golongan muda ini, golongan yang bila lepas sekolah dia ada *gap*, dia ada ruang yang panjang. 25 tahun atau 30 tahun ke bawah ini tempat yang masa yang cukup penting untuk kita jaga, untuk kita kawal dia. Dulu kita ada pertubuhan belia, persatuan belia macam-macam lah HYO dan sebagainya yang menjadi tempat anak muda kampung ini berpersatuan. Orang muda ini kadang-kadang dia tidak minat dengan politik, dia masuk dalam pertubuhan sukarela ini, belia dan sebagai. Jadi saya nampak sekarang ini pertubuhan belia ini banyak yang tak diperkasakan. Ia jadi macam *slow*...(dengan izin), *slow* dari segi pentadbiran, aktiviti, program dan sebagainya. Jadi apa pandangan Bagan Jermal kalau boleh kita cuba untuk perkasakan balik pertubuhan belia yang ada *grassroots*, yang dah ada akar umbi untuk kita kumpulkan belia-belia ini untuk kita laksanakan program selain daripada PYDC, kita ada PYDC, okey PYDC satu program, kita perkasakan balik pertubuhan belia. Bukan maksud saya kita tak perkasakan tapi saya nampak sekarang ini banyak pertubuhan belia ini terbiar dia tak aktif tak banyak laksanakan program untuk kebaikan anak-anak muda yang kita perlu bentuk mereka, didik mereka, kerana mungkin di rumah dah jadi masalah peringkat keluarga dah jadi masalah nak bentuk anak-anak muda sebab dia mempunyai banyak akses banyak benda-benda yang

membuka fikiran dia ke arah yang negatif jadi perlu kita minta pandangan daripada Bagan Jermal untuk kita laksanakan balik pemeraksanaan pertubuhan belia. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Sungai Dua. Memang saya setuju di mana persatuan-persatuan ataupun pertubuhan belia yang ada terutama NGO-NGO, mereka memang kena memainkan peranan yang penting selain daripada mungkin satu tahun menganjurkan satu Mesyuarat Agung satu kali dan mereka kena kerap kali menganjurkan program memang pintu atau pejabat saya memang sentiasa terbuka dan setiap kali saya berjumpa dengan pertubuhan-pertubuhan belia seperti REHDA Youth, JCI dan juga pertubuhan-pertubuhan belia yang lain mereka datang untuk melawat ataupun *courtesy call* saya memang berbincang dengan mereka supaya mereka anjurkan lebih banyak program untuk golongan belia. Salah satu punca belia melibatkan diri dalam jenayah adalah mereka rasa mereka diketepikan kerana mungkin mereka tidak dapat cari pekerjaan yang baik pekerjaan yang baik ataupun mereka tidak ada kerja maka mereka akan melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan yang tidak baik dan tidak sihat dan saya rasa pertubuhan-pertubuhan belia yang sedia ada ada apa-apa program bolehlah datang untuk berbincang dengan pejabat saya supaya kita dapat bersama-sama untuk memperbaiki atau memperkasakan keadaan belia yang melibatkan golongan yang penting ini. Sekian terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya No. 30.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

31.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Maaf 31.

No.31. Projek pembangunan bercampur di Pulau Jerejak oleh Tropical Island Resort.

- (a) Adakah satu kajian mengenai impak kepada system ekologi telah dibuat?
- (b) Apakah kesan geografi kepada pembangunan di sekitar?
- (c) Adakah dalam projek tersebut akan dibina taman tema permainan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih soalan dari Yang Berhormat Batu Uban mengenai pembangunan di Pulau Jerejak. Untuk makluman Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Pelan Induk Projek Pembangunan Bercampur di Pulau Jerejak oleh Tropical Island Resort Sdn. Bhd. telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 30 Ogos 2016. Tropical Island Resort telah menyediakan Laporan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi cadangan pembangunan bercampur di Pulau Jerejak dan cadangan pembinaan jambatan baharu antara Pulau Jerejak dengan Pulau Pinang. Laporan EIA ini telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 21 Jun 2018 untuk pertimbangan dan kelulusan. Kajian impak kepada sistem ekologi telah diambil kira dan dimasukkan dalam Laporan EIA yang telah diluluskan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar pada 20 Julai 2018.

(b) Kesan geografi kepada pembangunan di sekitar akan ditentukan semasa pemaju menyediakan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA). Berdasarkan laporan EIA yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar, pembangunan yang dicadangkan melibatkan kawasan pesisir pantai Pulau Jerejak dan tidak melibatkan kawasan berketinggian melebihi 76 meter. Oleh yang demikian, kajian kesan geografi yang terperinci adalah tidak signifikan berdasarkan hasil kajian perunding.

(c) Berdasarkan kepada Pelan Induk yang telah diluluskan dalam projek tersebut, Tropical Island Resort bercadang untuk membangunkan Taman Tema atau *Theme Park* di bahagian selatan Pulau Jerejak. Walau bagaimanapun, Tropical Island Resort belum mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk cadangan *Theme Park* tersebut. Sekian.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Amat Berhormat Ketua Menteri berkenaan maklum balas yang diberikan. Namun, saya mempunyai dua (2) soalan di sini. Yang pertama ada kekhawatiran daripada pelbagai pihak mengenai projek yang bakal diadakan ini. Contohnya ianya akan memberi kesan impak kepada kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut kerana umum faham kawasan itu buat masa ini memang sesak terutamanya pada waktu puncak dan juga adakah ianya juga akan mengubah *structure* asas sejarah kawasan berkenaan. Maka pertanyaan saya di sini projek ini telah diluluskan pada 30 Ogos tahun 2016 maka ketika itu adakah satu perbincangan bersama dengan wakil rakyat ketika itu ataupun Ahli Parlimen di kawasan telah dibuat dan soalan kedua juga terdapat juga cadangan menjadikan Pulau Jerejak sebagai tapak warisan UNESCO. Saya baru-baru ini ada terbaca dalam satu kenyataan akhbar bahawa Timbalan Menteri Pelancongan sedang berusaha untuk menjadikan mendapatkan penarafan tapak warisan dunia di Pulau Jerejak ini. Maka adakah dengan ini apakah kesan terhadap projek ini, adakah projek ini akan dijalankan ataupun sebaliknya. Minta penjelasan, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Batu Uban. Mengenai perkara yang kedua berhubung dengan cadangan untuk menjadikan Pulau Jerejak sebagai tapak warisan. Adalah dimaklumkan bahawa sepanjang waktu ini pihak Kerajaan Negeri tidak pernah menerima apa-apa hasrat pihak Kementerian untuk menjadikan Pulau Jerejak sebagai tapak warisan cuma dalam kebelakangan ini perkara ini dibangkitkan oleh Timbalan Menteri yang menghantar surat kepada pihak Kerajaan Negeri tentang cadangan pihak Kementerian untuk menjadikan Pulau Jerejak sebagai tapak warisan.

Adalah dimaklumkan tadi pelan itu pun sudah diluluskan pada tahun 2016 tetapi cadangan ini baru dikemukakan setelah Timbalan Menteri menjadi Timbalan Menteri. Kalau nak kata Timbalan Menteri pernah menjadi ahli OSC yang meluluskan cadangan ini, jadi Timbalan Menteri lebih faham apa yang terjadi di Pulau Jerejak.

Namun sebenarnya Tropical Island Resort merupakan syarikat usahasama di antara UDA Holding dengan PDC. Dan pada satu ketika memang syarikat ini memiliki tanah seluas 80 ekar yang akan dibahagikan pembangunannya kepada 3 fasa, yang fasa pertama pun sudah dibina Tropical Island Resort tetapi fasa kedua, fasa ketiga tidak dijalankan selepas itu. Maka pelan pembangunan wujud sejak 10, 20 tahun dahulu. Tetapi baru-baru ini ekoran daripada perubahan ekuiti dalam syarikat ini maka pemegang saham syarikat ini telah kemukakan pembangunan atau cadangan pembangunan baru di mana satu bahagian sudah dapat kelulusan kebenaran merancang. Jadi kita berharap apa-apa cadangan yang dijalankan di atas Pulau Jerejak dapat mematuhi segala syarat yang diletakkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Jabatan Alam Sekitar.

Berhubung dengan trafik jambatan yang dicadangkan itu memang dalam cadangan ini pemaju mensyaratkan cuma ataupun pihak Kerajaan Negeri semasa rundingan mewajibkan jambatan itu cuma untuk kegunaan penduduk yang memberi hak tanah di Pulau Jerejak adalah aksesnya adalah terhad kepada jentera elektrik atau *electric cars* jadi itu masih dalam penghalusan oleh pihak pemaju dan kita berharap suasana kehijauan dapat dikekalkan walau pun 80 ekar itu sejak dahulu pun sudah jadi milikan swasta melalui syarikat yang ditubuhkan itu di atas tanah-tanah swasta itu memang pihak Kerajaan akan mengawal pembangunannya. Selain daripada itu usaha untuk mewartakan Pulau Jerejak sebagai *forest reserved* masih berjalan dan akan dimuktamadkan tidak lama lagi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Seterusnya, Bukit Tambun.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Terima kasih Dato Speaker. Soalan saya yang ke 32.

No. 32. Sila jelaskan pemilik dan pengusaha feri Pulau Pinang serta huraian:

- (a) Jumlah feri yang beroperasi, status baki feri dan kos operasi.
- (b) Jumlah kereta, motosikal dan penumpang yang menaiki feri serta kutipan bulanan bagi 2018.
- (c) Apakah perancangan untuk meningkatkan kekerapan perjalanan, tahap penggunaan feri serta pengenalan *water taxi*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih kepada Dato Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bukit Tambun atas soalan berhubung dengan perkhidmatan feri di Negeri Pulau Pinang. Pemilik dan pengusaha perkhidmatan feri Pulau Pinang adalah Rapid Ferry Sdn. Bhd. berkuatkuasa mulai 1 Mei tahun 2018.

Jumlah keseluruhan feri adalah sebanyak 6 buah. Jumlah feri yang beroperasi pada satu-satu masa adalah lima (5) buah iaitu Feri Pulau Pinang, Pulau Undan, Pulau Angsa, Pulau Payar dan Pulau Kapas. Sebenarnya semua feri ini boleh sampai ke Pulau Pinang, jangan tunggu feri Pulau Pinang saja. Pulau Kapas itu pun sampai ke Pulau Pinang. Sebuah feri iaitu feri Pulau Talang-Talang sedang dalam proses pembaikan oleh pihak Penang Port Sdn. Bhd. dan dijangka akan mula beroperasi pada bulan Januari tahun 2019. Sepanjang lima (5) bulan perkhidmatan feri dikendalikan oleh pihak Rapid Ferry Sdn. Bhd., jumlah kos operasi feri adalah sebanyak RM1.749 juta sebulan. Kos ini tidak termasuk kos *docking* yang dilaksanakan oleh Penang Port Sdn. Bhd.

Jumlah kereta, motosikal dan penumpang (pejalan kaki) yang menaiki feri serta kutipan bulanan bagi tempoh Mei sehingga September 2018 akan diedarkan tetapi secara ringkasnya bagi tempoh berkenaan bagi kereta empat (4) bulan ini atau lima (5) bulan ini bilangan kereta adalah 183,461 dan kutipan adalah RM1.361 juta. Bagi motosikal bilangannya 334,706 motosikal kutipan dia RM661,194 mana kala bagi penumpang atau pejalan kaki bilangannya adalah 539,639 dan kutipan adalah RM664,834.50.

Buat masa ini kekerapan feri adalah sebanyak 54 perjalanan sehari pada hari bekerja dan 50 perjalanan sehari pada hujung minggu pada cuti umum. Kerajaan Negeri kini sedang meneliti beberapa perancang, perancangan untuk meningkatkan lagi kekerapan perjalanan, tahap penggunaan feri dan pengenalan *water taxi* seperti berikut :

Mengadakan perbincangan bersama pihak Rapid Ferry untuk mengoptimumkan perjalanan feri sehari. Cadangan untuk menggunakan *vessel passenger* khusus untuk mengangkut penumpang pejalan kaki berdasarkan pelan pembangunan feri dan meneliti laluan-laluan lain yang berpotensi untuk dijadikan laluan *water taxi*. Sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Saya ingin silakan Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Terima kasih Dato Speaker. Soalan saya No.33.

No. 33. Sesuai dengan polisi Kerajaan Negeri yang menjunjung Islam sebagai agama rasmi Malaysia dan mengamalkan Islam Rahmatun Lill Alamin, senaraikan program-program dan inisiatif yang telah diambil sepanjang tahun 2018.

Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Dato Yang di-Pertua Dewan kerana memberi peluang untuk saya menjawab soalan Yang Berhormat Bayan Lepas di dalam dewan yang mulia dan sejuk ini.

Pelbagai program serta inisiatif yang berteraskan Al-Islam Rahmatun Lil Alamin dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang sepanjang tahun 2018.

Al-Islam Rahmatun Lil Alamin menjadi tema sempena Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang bermula tahun 2015 sehingga 2018 serta dijadikan tema tetap untuk semua majlis-majlis rasmi Agama Islam di peringkat negeri Pulau Pinang. Dalam hubungan ini, di antara program yang dirancang dan dilaksanakan sepanjang tahun 2018 adalah seperti berikut :-

- (a) Majlis Sambutan Maal Hijrah,
- (b) Majlis Sambutan Maulidur Rasul,
- (c) Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang,
- (d) Majlis Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang,
- (e) Majlis Sambutan Bulan-Bulan Al-Quran selama 4 bulan iaitu Rejab, Syaaban, Ramadhan dan Syawal. Majlis ini turut diisi dengan program Celik Al-Quran, Kelas Tahsin dan Tafsir, Hafazan dan Talaqi Al-Quran, Khutbah, Seminar Al-Quran, *Street Dakwah* dan Program-Program *Share The Love*, Bacaan Kitab Nurul Iqtibas Ibnu Abbas, Sambutan Nuzul Quran dan Jelajah Ibrah Al-Quran.

Selain daripada program yang dijalankan di peringkat negeri, pelbagai program juga turut dilaksanakan yang berkonsepkan Al-Islam Rahmatun Lil Alamin secara berkala di seluruh Negeri Pulau Pinang, antaranya ialah :-

- (a) Program Muallaf *Talk Show* Peringkat Negeri Pulau Pinang yang bermula pada 25 Januari hingga 4 Februari 2018 di 32 buah masjid di seluruh Pulau Pinang;
- (b) Program *Open Mosque* pada 9 Ogos 2018 di Masjid Bertam Indah, Kepala Batas yang terbuka kepada semua masyarakat untuk hadir ke masjid dan mengikuti pelbagai aktiviti yang dapat meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap Agama Islam dan pengimrahan masjid;
- (c) Sepanjang tahun Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang melalui Bahagian Dakwah melaksanakan aktiviti ziarah mahabbah ke rumah-rumah saudara baru di seluruh negeri Pulau Pinang dengan mengagihkan bantuan makanan serta memberi bimbingan agama kepada saudara baru;
- (d) Program Remaja Permata Hatiku pada 2 Mei 2018 melibatkan hampir 500 orang pelajar yang dibimbing oleh Yang Berbahagia Ustaz Ebit Liew, seorang pendakwah bebas dan pakar motivasi;
- (e) Program Mahrajan Al-Islam Rahmatun Lil Alamin pada 5 dan 6 Mei 2018 di Masjid Sembilang, Seberang Jaya, pelbagai acara telah diadakan sepanjang program dijalankan seperti pameran, Pertandingan Pidato, Malam Cinta Rasul, EXPO jualan produk Muslim dan Bumiputra serta lain-lain lagi; dan
- (f) Program ziarah pesakit ke hospital juga turut dilakukan sepanjang tahun dengan diurusetikan oleh Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang melalui Program Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti.

Secara keseluruhannya, amalan yang berteraskan Al-Islam Rahmatun Lil Alamin ini yang dilaksanakan di Pulau Pinang sejak dari tahun 2018 sehingga kini telah mendapat sambutan yang sangat positif serta menggalakkan daripada masyarakat. Sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Terima kasih Yang Berhormat Pinang Tunggal di atas jawapan yang panjang lebar yang membuktikan Kerajaan Negeri sememangnya memberikan perhatian atas tema ataupun konsep polisi kita Al-Islam Rahmatun Lil Alamin.

Soalan tambahan saya adalah bagaimana pula Kerajaan Negeri untuk memantau atau mengawal institusi-institusi masjid di Pulau Pinang ini yang tidak mesra dengan Kerajaan Negeri yang ada. Kadang-kadang terlalu banyak masjid-masjid yang dikuasai oleh Pembangkang yang menjemput pengkuliah-pengkuliah atau penceramah-penceramah yang menggunakan topik-topik atau tajuk yang panas seperti LGBT, seperti apa itu *Bible* dan sebagainya. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat bagaimanakah kaedah yang terbaik untuk mengawal masalah-masalah ini yang berlaku di masjid-masjid dan surau di dalam Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Yang Berhormat Bayan Lepas. Di setiap Pejabat Agama Daerah kita ada pegawai yang memantau masjid-masjid dan surau-sarau dan yang sentiasa berhubung dengan Ahli Jawatankuasa Kariah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kariah juga kita selalu memanggil mereka untuk mengikuti kursus untuk pentadbiran kariah masing-masing dan menguruskan program-program yang dijalankan di kariah-kariah, antaranya adalah pengkuliah-pengkuliah yang dijemput mestilah yang mempunyai tauliah. Jadi dengan cara inilah kita memantau program-program yang diadakan di masjid-masjid dan surau-sarau supaya ianya dapat disampaikan untuk manfaat semua masyarakat sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Pinang Tunggal, sila Bertam.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq):

Terima kasih Yang di-Pertua Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 34.

No. 34. Bagi kawasan Padang Benggali hingga ke Kuala Bekah adalah merupakan kawasan pantai yang ada pokok api-api

(a) Adakah kawasan ini merupakan kawasan simpanan tanpa pembangunan?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih Dato' Speaker untuk mengizinkan saya menjawab soalan nombor 34. Sebagai makluman Yang Berhormat, pada masa ini tanah kerajaan sepanjang pesisiran pantai Padang Benggali sehingga Kuala Bekah Mukim 14 Daerah Seberang Perai Utara adalah perhutanan semula jadi Pokok Api-Api. Sehingga kini keluasan masih bertambah dan Pelan Merancang Bandar dan Desa belum diwartakan untuk apa-apa jua pembangunan. Padang Belat adalah berdekatan dengan Padang Benggali dan telah mula menjadi tapak pelancong eko-pelancongan kerana terdapat banyak jenis burung *migration birds*. Pejabat Perhutanan Pulau Pinang sedang menjalankan kajian untuk ukuran semula dapat mewartakan tapak itu sebagai hutan simpanan kekal.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq) :

Soalan tambahan Yang Berhormat. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk mempromosikan kawasan tersebut sebagai satu kawasan tarikan pelancongan? Itu sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) :

Telah diusahakan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih dan saya ingin silakan Yang Berhormat Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 35.

No. 35. Adakah semua rumah pam di DUN Jawi diselenggara secara berkala?

(a) Jika ada terangkan mekanisme penyelenggaraan tersebut.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat kawasan Jawi yang bertanya mengenai penyelenggaraan rumah pam di DUN Jawi.

Bagi maklumat Yang Berhormat kesemua 6 buah rumah pam di KADUN Jawi iaitu Rumah Pam Nibong Tebal, Rumah Pam Sanglang, Rumah Pam Sanglang B, Rumah Pam Che Aminah, Rumah Pam Bagan Buaya dan Rumah Pam Victoria diselenggara secara berkala iaitu setiap tiga (3) bulan sekali oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang daerah yang berkenaan.

Walau bagaimanapun jadual penyelenggaraan rumah ini juga bergantung kepada *running hour* operasi pam tersebut di mana pam berkenaan akan diselenggara lebih awal dari jadual yang sebenar. Selain penyelenggaraan berkala, pihak JPS juga membuat pembaikan luar jangka ke atas kerosakan pam yang dilaporkan.

Mekanisme penyelenggaraan rumah pam secara berkala melibatkan penggunaan senarai semak ataupun *check list* asas penyelenggaraan pam yang disyorkan oleh pihak pengeluar pam dan yang ditetapkan oleh Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal JPS Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan senarai semak tersebut, kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan yang diperlukan akan dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik secara sebut harga, tender atau melalui tatacara perolehan pihak berkuasa. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat atas jawapan tersebut dan soalan tambahan saya adalah apakah tindakan oleh pihak JPS bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Taman Cenderawasih dan Taman Desa Jawi?

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Ya terima kasih Yang Berhormat. Bagi kawasan-kawasan yang disebutkan tadi Taman Cenderawasih dan juga Taman Desa Jawi masalah banjir di kawasan tersebut sebenarnya telah pun dibawa ke perhatian Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir dan sukacita dimaklumkan peruntukan telah diluluskan untuk membuat reka bentuk terperinci dengan menggunakan caruman perparitan. Namun begitu kajian tersebut dan juga pembinaannya sekiranya diluluskan akan mengambil masa yang lama juga selama beberapa tahun.

Bagi jangka masa pendek saya telah pun telah terima satu surat daripada JPS bagi cadangan untuk menaiktaraf pam besar di rumah pam Bagan Buaya yang telah disebutkan tadi dengan penambahan sebiji lagi pam. Maka cadangan ini akan dibawa untuk pertimbangan Jawatankuasa MMK sebenarnya pada mesyuarat yang akan datang yang akan diadakan pada minggu hadapan selepas persidangan DUN dan dijangka sekiranya diluluskan dijangka dapat dilaksanakan pada awal tahun 2019 dan diharapkan itu dapat membantu jugalah sedikit masalah di kawasan tersebut. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, soalan berikutnya soalan 36 oleh Yang Berhormat Pantai Jerejak memandangkan Yang Berhormat Pantai Jerejak telah mohon cuti soalan ini dilangkau, seterusnya soalan 37 soalan daripada Yang Berhormat Penanti, memandangkan Yang Berhormat Penanti tidak ada di dalam Dewan soalan ini juga dilangkau. Ingin saya mempersilakan Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail):

Dato' Speaker, soalan saya nombor 38.

No. 38. Mohon dipertimbangkan untuk mengadakan perkhidmatan *One Stop* di Balik Pulau di mana orang ramai boleh ke sana untuk semua urusan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan lain-lain agensi Kerajaan Negeri dan Pusat.

Y.A.B Ketua Menteri:

Hari jadi pun amat sibuk, banyak soalan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tuhan akan menghadiahkan kepada orang yang rajin.

Y.A.B Ketua Menteri :

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pulau Betong, Kerajaan Persekutuan ada menubuhkan *One Stop Centre* yang dinamakan *Urban Transformation Centre (UTC)* dan *Rural Transformation Centre (RTC)*. RTC di Pulau Pinang beroperasi di Simpang Ampat, Nibong Tebal yang dibuka setiap hari kecuali cuti umum. Bermula pada pukul 8.30 pagi hingga 10.00 malam.

Penubuhan UTC atau RTC perlu mengambil kira permintaan dan keperluan penduduk setempat agar perkhidmatan yang ditawarkan dapat dinikmati sebaiknya. UTC dan RTC diterajui oleh Kementerian Kewangan dan hasrat Kementerian Kewangan adalah untuk menubuhkan UTC Negeri di setiap ibu negeri di Malaysia. Sekiranya terdapat keperluan serta peruntukan kewangan yang membenarkan, Kementerian Kewangan akan mewujudkan UTC Bandar di bandar-bandar utama yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi.

Bagi tahun 2019, berita baiklah tapi tak tau manakah lokasinya, Kementerian Kewangan dalam perancangan untuk menubuhkan UTC Pulau Pinang berdasarkan kepada ketersediaan peruntukan dan keperluan. Bagi tujuan penubuhan UTC Pulau Pinang, Kementerian Kewangan kini sedang melaksanakan kajian mengenainya dan lokasi dan bangunan akan dijadikan UTC masih belum dimuktamadkan. Masih dalam mengenalpasti bangunan atau tempat yang sesuai.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Dato' Speaker ada soalan tambahan, kepada Yang Amat Berhormat Padang Kota, mengenai RTC Simpang Ampat, memang Jabatan Kementerian Luar Bandar yang membayar sewaan kepada MARA sebab RTC di Simpang Ampat dimiliki oleh MARA. Dan telah dimaklumkan bahawa kementerian tidak akan lagi menanggung sewaan pada tahun hadapan. Justeru itu, Jabatan Imigresen sebenarnya telah tutup pada 1 November tahun ini dan Jabatan Pendaftaran dan klinik juga akan tutup pada 1 Januari tahun 2019. Mengenai perkara ini Yang Berhormat Parlimen Batu Kawan telah menulis surat kepada Kementerian Luar Bandar tetapi sehingga kini tiada jawapan. Oleh itu, di sini saya mengambil kesempatan ingin memohon kepada Kerajaan Negeri untuk memanjangkan masalah ini kepada pihak Kerajaan Persekutuan agar RTC ini diteruskan kerana ia membawa manfaat kepada seluruh rakyat di Seberang Perai Selatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tambun atas keprihatinan terhadap permasalahan berhubung dengan pengoperasian RTC di Simpang Ampat. Saya rasa tidak patutnya agensi-agensi membuat keputusan untuk menarik diri daripada memberi perkhidmatan sebab ini satu

pusat kerajaan. Namun saya percaya dalam tempoh penstrukturan semula agensi-agensi di bawah kementerian-kementerian maka didapati sekarang Kementerian Kewangan akan menerajui UTC dan RTC maka kita berharap selepas penstrukturan semula ini masalah yang berlaku mungkin bukan sahaja di Simpang Ampat dapat ditangani dengan sebaiknya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Soalan. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Padang Kota saya ada satu soalan. Adakah Yang Berhormat Padang Kota bersetuju bahawa perkhidmatan UTC dan RTC adalah hasil usaha perjuangan Kerajaan Barisan Nasional yang wajar diteruskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Memang diusaha oleh rejim yang lepas. Tetapi rejim yang baru akan menambahbaikannya kalau ada kelemahan-kelemahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Saya nak bagi soalan pokok untuk....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail):

Berbalik kepada soalan nombor 38 tadi RTC di Balik Pulau. Mohon YAB. untuk yang terdekat di Balik Pulau tentang kaitan yang dibangkit tentang *one stop* untuk KPJS *endorse* sebagainya untuk di Kompleks Majlis Bandaraya bersebelahan dengan kompleks pasar awam boleh kita memanfaatkan RTC tersebut yang terdekat. Mohon pencerahan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Seperti jawapan yang disampaikan UTC akan dicadangkan di setiap ibu negeri setiap negeri manakala RTC boleh di kawasan *semi urban* tetapi dalam jawapan itu pun ada cadangan untuk mewujudkan UTC itu UTC negeri. Ada cadangan untuk UTC bandar di bandar-bandar utama mungkin dalam skop fungsi yang berbeza ini hierarki dia UTC bandar UTC negeri, UTC bandar RTC maka kalau di bawah UTC bandar, bandar-bandar seperti Balik Pulau dapat dipertimbangkan, harap.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih saya nak menjemput Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Dato' Speaker, soalan saya nombor 39.

No. 39. Senaraikan statistik golongan yang berpendapatan kategori Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40% Terendah (B40), Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40% Pertengahan (M40) dan Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 20% Tertinggi (T20) di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Dato' Speaker, izinkan saya menjawab Soalan 39 daripada Sungai Pinang. Semakan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sehingga jawapan ini disediakan statistik pendapatan kategori Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40% Terendah B40, Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40 Pertengahan M40, dan Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 20% tertinggi T20 tidak dapat diperolehi. Oleh itu jumlah sebenar pendapatan golongan ini tidak dapat dikemukakan. Dan ini adalah kerja Barisan Nasional lah, rejimnya.

Kerajaan telah menjalankan beberapa program kebajikan dalam usaha membasmi kemiskinan termasuk bagi golongan B40 di setiap daerah tahun sejak tahun 2008 hingga sekarang. Pelbagai agensi Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan telah berkerjasama bagi membantu rakyat terutama golongan miskin.

Berikut adalah langkah-langkah diambil oleh meningkat pendapatan dan kuasa membeli golongan B40 iaitu kata meningkat. Di sini jikanya mengikut data-data Kerajaan Negeri, B40 yang terbanyak sekali ada di kawasan-kawasan UMNO khususnya di SPU. UMNO ada, rakyat miskin. Ya, saya boleh bukti, saya ada bukti. Program ejen program Agenda Ekonomi Saksama (AES) telah membuktikan telah buktikan juga kami ada program i-Sejahtera juga Program Khas Ekonomi, Skim Pinjaman Harapan iaitu SPH Negeri Pulau Pinang dulu dipanggilkan oleh Projek T10 yang ini pada masa itu haknya hanya orang-orang UMNO orang yang sokong Barisan Nasional, rejim Barisan Nasional lain orang tak boleh dapat begitu susah kata anda bukan Bumiputera tak boleh dapat. Mahu saya boleh hantar bukti.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Sungai Puyu buktikan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Duduk, duduk dulu. Saya habis *you* naik. Tabung Usaha Tani (TUT) sekarang dulu dipanggil Tabung Usaha Tani Muda di bawah Ahli Yang Berhormat Seberang Jaya. *Penang Career Assistance Island Centre* di mana di KOMTAR tingkat itu kita ada satu pusat C.A.T - *centre* itu ada *job matching* juga ada Program Ms. Mr. Malaysia di mana bantuan rakyat miskin mendapat peluang kerja Kerajaan Negeri melalui *Penang Skill Development Centre* (PSDC) telah memperkenalkan Program-program Mr. Malaysia bagi meningkatkan pakar dalam bidang teknikal dan vokasional selari dengan kepelbagaian Industri 4.0.

Meningkatkan pelaburan kerana boleh pencapaian pelbagai jenis pekerjaan kepada orang ramai dan lain-lain. Kalau nak tanya boleh.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tambahan, terima kasih kepada Sungai Puyu yang telah menyentuh banyak tentang kemiskinan banyak di kawasan Barisan Nasional dan saya rasa ini satu *statement* yang tidak tepat dan saya minta kalau boleh dipertimbangkan balik. Kemiskinan ini berlaku di mana-mana tempat termasuk di kawasan bandar ada orang miskin ada orang susah dan kategori kemiskinan ini kita dah tetapkan miskin tegar, mudah miskin dan miskin ini saya rasa dah dimaklumkan oleh semua pihak peringkat. Bagi B40 ini saya ingat kita dah tau golongan yang pendapatannya di bawah RM3,000 atau RM3,600 saya rasa lebih kurang saya tak pasti RM3,000 lebih itu saya rasa golongan B40.

Dan M40 adalah RM6,000 pertengahan pendapatan median RM6,000 lebih. Jadi soalan sayalah saya tak nampak selain daripada bantuan-bantuan yang diberikan begitu juga jabatan agensi pun banyak beri bantuan kepada golongan miskin. Cuma golongan B40 ini kadang-kadang memang susah nak dapat bantuan kebajikan dan sebagainya dan kalau boleh kita nak pandangan dari pihak kerajaan Sungai Puyu. Boleh dak Kerajaan Negeri menyediakan program yang boleh membantu meningkatkan pendapatan khusus kepada M40. Kita kenal pasti bilangan M40, B40 tetapi kita kenal pasti projek ekonomi yang boleh kita beri kepada mereka.

Seperti contoh projek pertanian di kawasan kampung, kawasan projek perindustrian yang boleh kita panjangkan ke rumah yang boleh meningkatkan pendapatan itu yang penting. Untuk meningkatkan pendapatan B40 itu yang penting sebab RM3,000 lebih di kawasan Pulau Pinang dengan kos sara hidup yang tinggi tidak mencukupi. Saya tak nampak apa yang pihak Kerajaan Negeri selain daripada pinjaman tabung itu untuk golongan yang tertentu, meniaga dan sebagainya. Ini untuk keseluruhan yang bekerja kilang yang dapat pendapatan yang tidak mencukupi. Apa yang Kerajaan Negeri boleh buat untuk bantu meningkatkan pendapatan? Cara macam mana yang kita nak buat saya nak minta pandangan YB.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Pada saya, saya tiada jawapan dalam Dewan ini untuk beri laporan. Bahawa di bawah AES di mana kami minta semua JKKK dan semua pemimpin-pemimpin masyarakat untuk beri

maklumat-maklumat sesiapa yang miskin dan dari sana juga kami terdapat keluarga-keluarga yang termiskin di mana mereka pendapatan tidak mencukupi PGK RM220.00 adalah di SPU. SPU ada 9 KADUN. 3 KADUN yang berpengaruh oleh DAP pada masa itu tak sampai 50 akan tetapi baki 6 di bawah UMNO rejim Barisan Nasional. Kita ada lebih daripada lebih daripada 600 lebih. Apakah ini bermaksud? Sejumlah di Negeri Pulau Pinang ada 1,000 lebih tetapi jika kami semak satu demi satu yang terbanyak sekali di bawah UMNO. Jika kehendak saya boleh tunjuk bukti. Jika saya tunjuk bukti bolehkah wakil UMNO minta maaf daripada rakyat kerana mereka adalah Kerajaan Pusat 60 tahun rejim Barisan Nasional.

Di sini kita boleh dapat lihat bahawa apabila kita nak minta angka-angka B40 tak dapat dibagi walaupun Barisan Nasional rejim Barisan Nasional war-warkan B40. Di mana angka semua khidmat mulut sahaja *mouth service* sahaja. Bolehkan Kerajaan Pakatan Harapan mula buat macam ini? Adakah Barisan Nasional 60 tahun? Sistem perantaraan untuk orang miskin disampaikan pada mereka? Adakah? Walaupun hari ini kelmarin Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa Kerajaan Harapan terpotong subsidi-subsidi. Siapa potong subsidi? Rejim Barisan Nasional. Apabila kata pesawah-pesawah untuk tanam padi saya nak tanya satu soalan, adakah sistem perantaraan sampai pada orang kata *paddy farmers* atau orang tengah sapu habis? Makan isi bagi *farmer* makan tulang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat jawab soalan sudah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan tu dah lari.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Tak lari. Soalan tu tak lari kerana nombor satu soalan kata tunjuk bukti saya ada bukti bahawa AES di bawah AES yang banyak sekali adalah dulu...(gangguan) kawasan UMNO rejim Barisan Nasional.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Puyu. Okey.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bukan, saya nak bagi dia tau sikit kerana dia tak tau walaupun...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tanya sudah. Yang tak sangkut paut harap EXCO pun tak payahlah terlalu panjang lebar.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bukan saya nak bagitau sama dia bahawa dia nak minta tau berapa jumlah B40.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

B40 dengan program untuk bantu golongan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Dia telah umum, rejim Barisan Nasional telah umum begitu lama. Tetapi bila saya nak dapat dia punya angka-angka dia tak dapat bagi saya. Ini bermaksud apa cakap kosong sahaja Barisan Nasional. Rejim Barisan Nasional.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Sungai Puyu. Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat tamatlah soalan lisan untuk 1 jam 30 minit selaras dengan Peraturan Mesyuarat Majlis-Majlis DUN dan sila Yang Berhormat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletak atas meja kepada ahli yang bertanya dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi dan juga di bawah Peraturan 6A(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 14 November 2018 dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Untuk sambut

Timbalan Ketua Menteri I:

Saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Hari ini *birthday boy* kena memenuhi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini, hari Rabu sehingga jam 10.00 malam. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan "Tidak". Usul dipersetujui sebulat suara. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sambung dengan sesi perbahasan atas Usul Rang Undang-Undang Pembekalan Tahun 2019 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2019.

Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan, satu peringatan mesra kepada semua, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat supaya lebih memberi perhatian atas segala ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk cadangan, termasuk pandangan, termasuk kritikan yang dilontarkan di dalam Dewan ini kerana segala yang anda sebut di dalam Dewan ini akan disaksikan secara langsung oleh khalayak di luar sana dan juga akan diperiksa oleh mereka semua di luar melalui liputan media.

Saya harap bahawanya, perkara ucapan anda sebaik mungkin berlogik, berasas dan anda semua perlu bertanggungjawab ke atas semua ucapan anda di dalam Dewan ni jikalau diperlu dijawab, di tanya oleh *reporter-reporter* di luar sana. Maka dengan itu, melainkan anda melanggar Peraturan Mesyuarat saya juga tidak akan menghalang anda untuk memberi ucapan. Sila saya nak minta jemput, Ahli Yang Berhormat seterusnya, tak nak minat nak? Sungai Pinang sambung?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Ya, terima kasih Dato' Yang di-Pertua saya juga ingin mengucapkan selamat hari raya, hari jadi, iyalah Deepavali, hari ini saya pakai pakaian India sebab Deepavali Valttukal.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Baru saja saya ingat bagi ucapan...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lm Siew Khim):

Betul-betul Deepavali dan juga selamat hari jadi kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, yang berimpian memimpin Negeri Pulau Pinang ke arah sebuah negeri yang Pintar, Hijau dan Berteraskan Keluarga yang Menginspirasi Negara.

Semalam saya sentuh tentang penanaman pokok iaitu negeri hijau. Hasrat Kerajaan Negeri untuk menanam seratus lagi, seratus ribu lagi pokok dalam tempoh lima tahun yang akan datang bagi memelihara alam sekitar adalah sangat-sangat mengagumkan, dan saya

sokong sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri memperuntukkan RM50.2 juta untuk melaksanakan program-program penghijauan.

Tuan-tuan dan puan-puan juga dapat lihat bahawa banyak juga program penanaman pokok telah dianjurkan oleh bukan sahaja Ketua Menteri, oleh Dato' Bandar MPPP, YDP MPSP dan juga EXCO-EXCO dan juga ADUN-ADUN yang berada di Dewan yang berkhidmat dan juga banyak NGO-NGO juga, dan juga di sekolah dan lain-lain. Penanaman pokok selain daripada boleh menjamin persekitaran yang hijau ia juga dapat menanamkan sikap tanggungjawab terhadap alam sekitar.

Di sini saya ingin sentuh sedikit tentang sungai. Manfaat daripada sungai semua orang tahu. Bagaimana pelihara sungai ramai yang tidak ambil tahu. Seperti yang semua sedia maklum bahawa Projek RTB Sungai Pinang, Projek RTB Sungai Pinang Fasa 3 ya, yang telah tertangguh setelah sekian lama telah pun diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan baru-baru dan dijangka akan bermula yang bernilai RM150 juta akan dijangka bermula pada April tahun depan. Pada masa yang sama ini, kita perlu mengindahkan sungai juga. Selain daripada penanaman lebih pokok di persisiran Sungai Pinang, usaha untuk mengindahkan sungai adalah sesuatu yang amat penting. Saya bercadang Kerajaan Negeri mentransformasi pesisiran Sungai Pinang yang tercemar supaya menukar wajah menjadi lokasi riadah yang baharu, yang boleh dijadikan suatu tempat riadah untuk orang ramai berjalan kaki, berjogging dan berbasikal.

Pada masa yang sama, dengan penggunaan teknologi IQPR walau pun telah tamat kontraknya. Kualiti air Sungai Pinang telah meningkat ke kelas dua dari kelas empat. Saya berharap Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah amaun yang boleh menjamin tahap kualiti air Sungai Pinang itu terpelihara. Dengan usaha-usaha semua pihak ke atas Sungai Pinang saya percaya Sungai Pinang akan menjadi satu produk pelancongan baru, di mana pelancong boleh belayar di sepanjang Sungai Pinang tidak lama lagi. Sesak, tak apa, kita jemput kalau ada ramai orang datang akan ada perancangan yang bagus, saya yakin ini adalah satu, impian bukan sahaja untuk Sungai Pinang sahaja saya rasa tetapi untuk memelihara sungai kita, kualiti sungai, pengindahan sungai, kita perlukan kerjasama dan sokongan daripada semua pihak. Sungai Pinang adalah di hilir Sungai Pinang di KADUN Sungai Pinang. Ia adalah di hilir sungai *down stream* kita perlukan sokongan dan usaha bersama daripada ADUN-ADUN dan rakyat yang tinggal di hulu sungai iaitu di *up stream* supaya janganlah buang sampah ke dalam sungai ke semua mengalir ke hilir sungai. Kalau impian Sungai Pinang dijadikan sebagai pelancongan yang baru, supaya satu program, satu produk yang baru iaitu boleh belayar di Sungai Pinang akan dijadikan satu realisasi, saya perlukan sokongan dan kerjasama rakyat jelata seluruh Pulau Pinang. Janganlah buang sampah ke dalam sungai, sayangilah sungai kita yang begitu indah, yang memberi begitu manfaat kepada manusia.

Dengan ini saya ingin *actually* sudah habislah. jadi pantun kapal layar belayar sudah, kini tinggal dalam lipatan sejarah, Sungai Pinang yang kita cinta, bersama-sama kita jadikannya tempat yang indah. Sekian saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Ahli Kawasan Sungai Pinang. Seterusnya Ahli Kawasan Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Bismillah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ketua Menteri. Selamat ulang tahun, dan juga seluruh Ahli Dewan.

Saya mengambil kesempatan, peluang dalam sesi perbahasan Bajet 2019 pada kali ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang menyentuh pelbagai sektor dan peruntukan yang diumumkan dalam bajet kali ini. Bagi meneruskan kelangsungan memajukan Negeri Pulau Pinang seiring dengan pembangunan ekonomi dan sosial di Malaysia ini.

Dato' Yang di-Pertua, Ketua Menteri telah mengumumkan telah menyediakan sejumlah RM39.3 juta untuk projek menaik taraf pembinaan jalan raya baru di Negeri Pulau Pinang. Sungai Aceh tanpa segan silu memohon supaya tempias kepada pengumuman bajet ini untuk

disalurkan peruntukan tersebut bagi menaik taraf pelebaran jalan raya di antara daripada Kampung Simpang Tiga hingga, sehinggalah ke Pekan Sungai Acheh.

Dato' Yang di-Pertua, jalan raya yang saya sebut tadi itu, daripada Kampung Simpang Tiga ke Sungai Acheh tu perlu diberi perhatian serius oleh Kerajaan Negeri memandangkan apabila siap jambatan yang dibina menghubungkan antara Jawi dan juga Sungai Acheh kelak, penguna-pengguna jalan raya daripada Negeri Perak, daripada penduduk-penduduk Negeri Perak daripada Tanjung Piandang, Kuala Kurau, Sungai Kota, Bagan Tiang akan menggunakan jalan ini sebagai alternatif untuk ke utara, sebab mereka tak akan pusing ke jalan jauh daripada keluar Simpang Lima untuk guna ke arah utara. Sungai Acheh ni adalah tempat akses yang paling dekat dan juga cepat masuk ke Pekan Nibong Tebal terus ke tol Sungai Jawi. Jadi saya mintak perhatian daripada Kerajaan Negeri lah supaya bajet itu dapat disalurkan untuk pelebaran jalan antara Simpang Tiga dan juga Sungai Acheh. Begitu juga di jalan Permatang Keling sehingga ke Sungai Bakau. Cuma masalah kat sini, jalan ini di Negeri Pulau Pinang bersempadan dengan Perak. Penyelenggaraan yang dibuat ke atas jalan ini adalah JKR Perak, dan mungkin saya rasa dengan jumlah populasi kenderaan yang banyak sekarang ini, mungkin Kerajaan Negeri dapat salurkan terus kepada JKR Pulau Pinang untuk naik taraf pelebaran jalan di Jalan Permatang Keling dan juga Jalan Sungai Bakau ni. Sebab penyelenggaraan memang kita masa dalam mesyuarat JKTD penyelenggaraan itu dibuat oleh JKR Negeri Perak. Walaupun kedudukannya di dalam Negeri Pulau Pinang.

Perkara yang saya sebut tadi tu untuk pengguna jalan raya di kawasan terutamanya di kawasan Sungai Acheh ni saya minta tumpuan oleh Kerajaan Negeri kerana pembangunan di kawasan Sungai Acheh diperlukan termasuk dari segi infra sebab Sungai Acheh ini adalah pintu masuk ataupun Jalan Persekutuan juga akses masuk ke Negeri Pulau Pinang dari arah Selatan ni adalah di DUN Sungai Acheh. Sebab tu saya minta sangat tempias daripada pengumuman bajet dari infra untuk menaik taraf jalan dan pelebaran jalan ini adalah dapat ditumpukan di kawasan Sungai Acheh.

Dato' Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan Negeri menyediakan kediaman kepada penduduk di Pulau Pinang ini, saya mencadangkan supaya unit-unit *low cost*...(dengan izin) yang tidak berpenghuni ataupun tidak mempunyai pemilik yang mana pemohon tidak berminat, yang telah kadang-kadang Kerajaan Negeri telah buat *selection*, tawarkan unit tersebut tetapi dia tidak berminat mungkin sebab lokasi ataupun mungkin sebab faktor sekeliling yang menyebabkan dia menolak untuk diusahakan konsep sewa beli, macam mana kawan, rakan saya dari Jawi cadangkan supaya tawaran ini kita berikan kepada kelompok atau golongan-golongan yang berminat, tidak berkemampuan, berpendapatan rendah terutamanya macam kelompok-kelompok ibu tunggal macam OKU, orang bujang yang bekerja sambil, yang tidak mempunyai kerja tetap ditawarkan dalam konsep sewa beli ini. Kalau kita biarkan *low cost* ini tidak berpenghuni, dia akan jadi masalah contoh di Taman Jentayu, contoh flat di belakang Taman Jentayu tu menjadi tempat sarang pusat penagihan dadah, unit tingkat 3 tak silap saya, dua unit tersebut tu memang menjadi sarang penagih dadah. Mungkin lah itu unit yang ada penghuni tetapi kita bimbang unit-unit yang tidak ada pemilik ini ia akan jadi masalah apabila menjadi pusat penagih dadah, membiak wabak penyakit macam Aedes dan lain-lain.

Jadi mana-mana kelompok-kelompok yang berpendapatan rendah yang tidak berkemampuan kita tawarkan terus sebab kita juga tahu bahawa ada setengah-setengah yang ditawarkan, bukan dia tidak berminat, dia berminat hendak ambil tetapi tidak lepas *loan* banknya. Jadi bila kita buat konsep sewa beli ini sekurang-kurangnya kita dapat memenuhi unit-unit yang tidak berpenghuni ini dan bertepatan dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memberikan kemudahan kediaman kepada penduduk-penduduk di Negeri Pulau Pinang.

Dato' Yang di-Pertua, tahniah juga kepada Kerajaan Negeri yang masih mengekalkan program kebajikan seperti warga emas, anak emas, pelajar emas, ibu emas dan pelbagai lagi yang emas-emas ini. Program seperti ini memang tepat disalurkan kepada sasarannya sebab kalau macam *Federal* sebelum ini buat konsep macam BRIM, mengikut tangga gaji masih boleh kita manipulasi jumlah gaji itu. Tetapi sasaran Kerajaan Negeri warga emas 60 tahun, cukup 60 tahun boleh dapat, tidak kira siapa pun. Angka itu tidak boleh tipu, faktor umur kita tidak boleh tipu, bahkan Ketua Menteri tadi sudah sebut, dah dapat tawaran 60 tahun untuk warga

emas. Cukup umur sahaja boleh dapat, lahir-lahir sahaja boleh dapat, sebab salah satu kita punya prosedurnya salah seorang ibu bapanya pengundi di Pulau Pinang, lahir di Pulau Pinang akan dapat.

Jadi saya berharap program-program seperti ini, seperti yang Ketua Menteri sebut kita akan kaji, yang ini tidak payahlah kita kaji, kita teruskan, cuma kalau kita hendak kaji mungkin dari segi AES, mungkin AES itu kita boleh kaji dari segi bagaimana kita hendak mempercepatkan proses bantuan-bantuan yang telah diluluskan AES terutamanya saya lihat bantuan-bantuan permohonan yang melibatkan gantian bumbung. Sekarang pula musim hujan, bila proses ambil masa yang lama, kita takut dalam bilik tidur jadi kolam renang. Proses-proses ini kita percepatkan dan mungkin juga kita lihat kembali cadangan untuk penambahbaikan dalam permohonan-permohonan AES ini. Cuma ingin saya mencadangkan, dalam berhasrat negeri berkebajikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sama ada tahun pada tahun 2009 atau 2019 ataupun pada tahun mendatang, Kerajaan Negeri boleh melaksanakan satu lagi program kebajikan iaitu memberi kad kesihatan kepada warga emas. Golongan warga emas ini yang 60 tahun dan mendapat sumbangan RM100 ini diberikan kad kesihatan, *medical card* supaya golongan-golongan ini yang kita tahu yang umur 60 tahun ini selalunya banyak penyakit tiga serangkai supaya mereka ini, golongan-golongan warga emas ini boleh segera tanpa menunggu *que* di hospital kerajaan ataupun klinik kerajaan terus ke klinik swasta untuk mendapatkan rawatan. Mungkin angka itu Ketua Menteri atau barisan EXCO boleh pertimbangkan. Itu cadangan saya supaya kita dapat memberikan lagi satu skim kebajikan kepada warga emas ini, macam mana yang telah dilaksanakan di Negeri Selangor.

Setakat yang saya nampak setakat ini pada warga emas, kalau ada lebih kewangan Kerajaan Negeri hendak beri kepada anak emas sampai umur sekian-sekian itu terpulang. Tetapi bagi saya warga emas umur 60 tahun ke atas ini memang banyak, kita tengok di hospital-hospital banyak golongan umur 60 tahun ke atas ini.

Dato' Yang di-Pertua, faktor kesihatan ini amat penting dan perlu dititik berat oleh semua pihak dalam membantu kelompok yang saya sebutkan tadi, warga emas, supaya satu mekanisma yang kita buat kepada kelompok warga emas, selain daripada pengiktirafan kita pada pemberian RM100.00 ini. Jadi saya mengharapkan cadangan tersebut diambil kira dan diambil berat oleh Kerajaan Negeri.

Dato' Yang di-Pertua, faktor keselamatan juga perlu kita ambil penting dan titik berat oleh semua pihak terutamanya dalam usaha membantu pihak Polis, PDRM dalam membentasi jenayah. Dalam Bajet yang telah diumumkan baru-baru ini, saya melihat Kerajaan Negeri amat serius untuk menjaga keselamatan seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang dengan peruntukan bajet kepada kedua-dua PBT kepada MBPP dan juga MPSP. Di sini saya juga ingin mencadangkan bermula pada tahun hadapan, sekiranya boleh Kerajaan Negeri melihat mana-mana pemilik premis perniagaan ataupun pemilik kediaman di dalam taman yang memasang CCTV, bukan di dalam rumah tetapi syaratnya di luar kediaman rumah, yang menghala di bahagian luar untuk diberikan pengecualian cukai taksiran untuk tahun berikutnya ataupun separuh daripada jumlah cukai tahunan itu diberi pengecualian separuh. Sebab untuk memberi galakan kepada pemilik-pemilik premis perniagaan ataupun kediaman di taman ini memasang CCTV membantu, daripada kita hendak keluarkan bajet lebih pasang CCTV di kedua-dua PBT kita berikan skim galakan. Bukanlah tiap-tiap tahun makna kata tahun berikutnya, sama ada setahun kita hendak kecualikan ataupun separuh daripada jumlah cukai taksiran itu kita kecualikan.

Dato' Yang di-Pertua, dalam ucapan pengumuman bajet oleh Ketua Menteri dalam industri halal, saya juga sejajar dengan penubuhan Penang International Halal Hub, amat bertepatan dan sekarang ini Pengerusi PIHH daripada Batu Maung yang juga EXCO telah mengadakan mesyuarat beberapa kali untuk meneruskan rancangan yang telah dibuat oleh Pengerusi terdahulu. Tahniyah di atas kemasukan pelabur-pelabur di Taman Perindustrian Halal di Pulau Pinang (PHIPP) sebanyak sejumlah RM726.76 juta di kedua-dua fasa yang melibatkan 31 buah syarikat di kawasan tersebut. Saya juga mencadangkan kepada PIHH untuk mengorak langkah bagi mengenal pasti negara-negara yang mana kita boleh lihat negara-negara yang dalam proses-proses hendak membangun, yang mempunyai masalah-masalah produk halal ini.

Contoh macam baru ini saya pergi ke Kemboja, hampir 40% syarikat muslim di negara tersebut menghadapi masalah untuk mendapatkan produk makanan halal. Saya dimaklumkan minyak masak itu ambil *recycle* daripada Vietnam, minyak *recycle* kita faham ianya dikutip dari semua restoran. Mungkin PIHH kali ini boleh mensasarkan pula, membawa pengusaha-pengusaha kita di dalam Negeri Pulau Pinang ini untuk membuat pelaburan di negara-negara yang saya sebut, negara-negara yang membangun ini, supaya kita dapat memberikan peluang kepada peniaga-peniaga ataupun usahawan-usahawan dalam negeri ini melebarkan sayap jaringan perniagaan mereka.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pula berkaitan dengan isu pertanian. Sungai Acheh sudah dikenali sebagai salah satu kawasan pertanian di Negeri Pulau Pinang. Sejumlah RM7.31 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan pertanian meliputi semua sektor dan ini sedikit sebanyak dapat membantu mereka yang terlibat dalam pertanian di Negeri Pulau Pinang.

Saya berharap Kerajaan Negeri dapat menyalurkan peruntukan ini melalui jabatan ataupun agensi berwajib kepada golongan petani untuk menambahkan pendapatan mereka dengan tanaman-tanaman hiliran. Kalau tanaman-tanaman hiliran sebelum ini adalah atas inisiatif mereka sendiri tetapi ini mungkin kita boleh buat satu skim, kita buat satu skim giliran bermakna atas batas-batas bendang kita buat tanaman nenas, boleh tanam tebu, pokok pisang, boleh tanam bunga kantan. Benda-benda itu yang menjadi, boleh menambahkan sumber pendapatan mereka, macam tebu beberapa hari sudah boleh mengambil hasil sementara hendak tunggu mendapatkan hasil padi tersebut. Jadi skim RM7.31 juta ataupun mungkin Kerajaan Negeri boleh tambah lagi untuk skim giliran sebab batas-batas bendang ini kita boleh memanfaatkan untuk tanaman-tanaman.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya minta mencelah. Terima kasih Sungai Acheh. Saya ada menyebut dalam ucapan saya lepas berkaitan dengan isu pertanian sebab kita memerlukan industri pertanian untuk membekalkan makanan dan juga menambah pendapatan. Apa yang saya cadangkan kalau boleh kita lihat, mungkin Sungai Acheh boleh komen dan saya cadangkan supaya satu *data base*, satu data keperluan bahan makanan disediakan oleh pihak jabatan yang terlibat seperti contoh sayur-sayuran, tanaman limau dan sebagainya yang boleh diusahakan di peringkat orang kampung. Selepas itu kita cuba untuk kenal pasti kampung-kampung yang terlibat, kita usahakan perkara ini secara setiap rumah menanam. Contohnya limau nipis, keperluannya agak tinggi di seluruh Negeri Pulau Pinang, jadi kita kenal pastikan di kampung, dia tanam bukan di kawasan kerana kita tahu di Pulau Pinang tanah agak kurang, kita perlukan tanah yang luas tetapi di Pulau Pinang tanah agak kurang jadi kita gunakan konsep *hactare equivalent* tetapi kena ada badan pengurusan, tidak boleh laksanakan macam itu saja, bagi orang kampung buat, tidak ada pengurusan, tidak ada rantaian, tidak ada orang yang menguruskan pemasaran dan sebagainya. Kita kena buat sampai tahap macam itu supaya pertamanya kita dapat menambah hasil pendapatan. Itu yang penting, tambah pendapatan kepada penduduk kampung dengan usaha-usaha yang boleh membantu membekalkan makanan kepada Kerajaan Negeri tetapi dengan bersistem. Tidak boleh kita buat macam itu saja, itu pandangan saya.

Kalau boleh mendapat sokongan daripada semua supaya industri pertanian ini diperkasakan dan penduduk Pulau Pinang juga dapat hasil tetapi dengan cara yang perlu dirangka oleh pihak Jabatan Pertanian atau lain-lain jabatan supaya masyarakat dapat hasil dan negeri mendapat perbekalan yang cukup. Itu pandangan saya.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Terima kasih kepada Sungai Dua. Saya bersetuju dengan Sungai Dua dalam konsep kita hendak menambahkan pendapatan kepada para petani kita perlu melihat mekanisma yang boleh membantu untuk mereka menambahkan pendapatan dengan menggunakan ruang-ruang di kawasan-kawasan tanaman mereka iaitu di sawah padi untuk ditanam dengan tanaman hiliran. Mungkin di Jabatan Pertanian boleh mengesyorkan beberapa jenis bentuk tanaman jangka masa pendek yang boleh mendapatkan hasil tambahan. Sistem itu mungkin kita boleh atau jabatan itu sendiri boleh letakkan sama ada mengikut individu tanam di rumah atau buat

sistem kelompok secara kecil-kecilan, 5 orang ataupun 7 orang ataupun 10 orang paling banyak untuk diberikan bantuan sama ada benih ataupun baja supaya mereka dapat menambah pendapatan mereka sementara hendak menunggu hasil padi, hasil tanaman dia. Saya berharap perkara tersebut juga diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri.

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih juga di atas keperihatinan Kerajaan Negeri terhadap bidang hortikultur dalam pengumuman Bajet 2019 ini. Bahkan industri hortikultur ini telah menjadi penyumbang sebanyak RM1.6 bilion daripada jumlah RM3 bilion hasil pengeluaran negara.

Dato' Yang di-Pertua, angka pengeluaran tidak semestinya melambangkan para penternak mendapat keuntungan yang berlipat ganda. Jika bencana alam ribut di laut, sangkar pecah habis ternakan lari, harga yang menjunam seperti beberapa tahun yang lepas kos RM 9.00 sekilo terpaksa jual di ladang RM 8.00. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri dapat mengkaji semula, caj TOL kepada para penternak dalam sektor akuaria ini. Sebab kita bila dia orang rugi dalam satu jumlah yang besar ni membawa ada puluhan ribu ada sampai yang berjuta. Kita tak boleh nak ganti. Tapi sekurang-kurangnya kita dapat kaji semula caj TOL kepada mereka. Saya saya tahu baru-baru beberapa tahun yang lepas juga kita ada bagi diskaun kepada pembayaran pemilik apa pemilik-pemilik TOL ni 30% kalau tak silap saya. Tapi kita boleh kaji untuk kita *reduse* kan balik. Supaya memberikan galakan kepada mereka penternak-penternak dalam bidang akuakultur ni. Tahniah juga kepada Kerajaan Negeri yang mengekalkan bantuan pukut dengan jumlah RM1.2 juta yang mensasarkan kepada anggaran lebih kurang 3,000 para nelayan.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga berharap usaha membantu para nelayan dengan kita mempermudah urusan-urusan mereka. Contohnya baru-baru ini, ada nelayan-nelayan yang ditahan untuk menikmati skim sara hidup dan juga bantuan diesel. Lalah ini apa nama Kerajaan Pusat di bawah apa nama LKIM. Saya juga setuju untuk diambil tindakan kepada mereka-mereka yang melanggar prosedur terang-terangan, contoh nelayan skim sara hidup ni diberikan kepada nelayan sepenuh masa tapi bila LKIM buat semakan ada potongan EPF tiap-tiap bulan bermakna dia ada kerja tetap itu okey tak dak masalah. Tetapi ada para nelayan yang pukul 3.30 petang pi klinik ada resit, pukul 6.50 suruh anak pi ambik pi beli minyak kena tangkap ditarik balik sara hidup tu, perlulah ada budi bicara daripada pihak LKIM. Saya rasa pasal nak cakap saya ingat Permatang Pasir dah tadi pasai saya pun dah maklum kepada Permatang Pasir sebelum ini. Sebab dia sebagai Pengerusi LKIM. Jadi saya harap perkara-perkara ini dapat kita permudahkan kerana mereka ini bukanlah golongan-golongan berpendapatan tinggi.

Satu lagi isu yang saya nak sebut pasal isu diesel. Sebelum ni yang mana yang dapat menikmati skim bantuan diesel ni, dijetei ni memang ada dah petrol stesen untuk yang dapat skim bantuan diesel ni, dia boleh terus daripada bot dia terus pam masuk dalam bot dia. Baru-baru ni 18 orang ditahan bantuan diesel. Ada pelbagai isulah yang dikenalpasti salah satunya yang dimaklumkan kepada saya, curi minyak pi jual dekat tokey lori, pi jual dekat nelayan lain kan. Dan saya rasa mungkin daripada 18 tu tak semualah. Tetapi yang masalah dia, bila nak bawa tong pi beli dekat luar stesen biasa tak boleh. Kita tak salahkanlah kedai minyak sebab masalah dia memang tak boleh bawa tong, bahaya. Nelayan ni nak kena pi hari-hari, sebab tu saya mintak supaya permudahkan, nak bawa tong tak boleh beli nak kena pi ke laut hari-hari subsidi dah kena Tarik. Diesel dah kena *block*. Jadi perkara-perkara ini dia dah menyusahkan nelayan tersebut sampai ke tahap kita nak beli minyak mahal ni had tu pun tak boleh tak kan, dia kata nak kena bawa kenderaan tu mai, tak kan nak suruh bawa bot pi boh kat pi Pekan Nibong Tebal kot.

Kadang-kadang benda-benda yang ni boleh la atas budi bicara tapi tak perlu lah menyusahkan lagi apa nama para-para nelayan ni, sebab kelaut ni kena pi hari-hari. Dah la kena bertahan nak pi beli pulak minyak diesel di stesen minyak biasa bukan sebab yang subsidi tak pa dia ada dekat pelantar. Hat di luar tu nak bawa tong tu. Lepas tu ialah tak salahkan pemilik premis stesen minyak tu sebab memang syarat dia tak boleh tong kecuali ada kad yang telah disahkan bahawa traktor dia dok dalam bendang, jentolak apa nama tayar lipan dia. Dia ada benda tu dia kena beli dia boleh bawa tong. Lepas tu bila nak beli adalah kedai yang budi bicara bagi, nak beli 300 liter kan bawa Hilux tak boleh isi. Bawa tong curi-curi nak pi beli kan

bahaya bawa tong minyak itu dengan motor motosikal. Jadi saya mintalah supaya bila kita tahan terutamanya agensi-agensi bila kita *block* minyak dia cuba keluarkan segera surat ka apa ka untuk memberikan kebenaran untuk mereka ni untuk membeli minyak tu di stesyen minyak biasa. Tak logik lah nak suruh bawa bot pi bubuh apa pi tarik pi bubuh kat stesen minyak tu pula kan tak munasabah langsung bantulah golongan-golongan nelayan ni...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya bersimpati dengan masalah yang berlaku kepada golongan nelayan. Nelayan ni merupakan golongan yang memang susah memang berhadapan dengan risiko dan sebagainya. Dan daripada bajet, minta izin bajet daripada Kerajaan Persekutuan dikurangkan sebanyak 70% pada bantuan nelayan dan insentif pengeluaran ikan. Jadi pada pandangan Sungai Acheh, adakah perkara ni perlu dipertingkatkan kembali dan adakah boleh Pihak Kerajaan Negeri menyalurkan sesuatu yang lebih diperlukan kepada golongan nelayan yang terlibat dengan nelayan sepenuh masa ni. Makna kita tau ada juga berlaku penyelewengan dan sebagainya berlaku dari segi minyak dan sebagainya diesel. Jadi yang penting kita nak pastikan golongan nelayan mendapat bantuan yang sewajarnya kerana mereka pun kalau pergi ke laut ni bukannya boleh pergi sepanjang tahun, mungkin dalam setahun tu mungkin 4, 5 bulan yang boleh ke laut dan perlu tanggung keluarga yang besar. Ini kalau boleh mungkin Kerajaan Negeri boleh memikirkan sesuatu selain daripada pukut iaitu bantuan yang lain untuk nelayan-nelayan di Pulau Pinang ni sahaja kerana pihak peringkat Pusat memang dah dikurangkan mungkin bantuan tu akan lebih kecillah daripada 300 sebulan mungkin tinggal 100. Jadi 70% pengurangannya jadi mungkin akan dikurangkan ataupun dikurangkan bilangan nelayan nanti kita buat pemutihan nanti. Jadi itu kalau boleh kita minta pandangan ataupun perhatian daripada pihak Kerajaan Negeri untuk memberi pertimbangan kepada nelayan-nelayan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Terima kasih pandangan Sungai Dua. Mungkin di peringkat Pusat membuat permotongan tersebut sebab mengenal pasti beberapa mengelakkan daripada ketirisan berlaku kepada pembelanjaan wang rakyat ni kepada golongan sasaran. Tetapi macam yang disebut tadi, macam bulan macam tahun ni sajalah berapa banyak apa nama musim hujan dan juga ribut di laut mereka tak boleh turun. Tapi mereka apabila dah disekat sebab dia, dia ada tempoh apa nama satu tahun ni kena dia tak boleh kurang daripada 120 hari turun ke laut walau pun turun orang kata apa walau pun turun ke laut tak dak hasil tangkapan balik rekod untuk buat rekod kata dia ni turun ke laut. Cuma kadang-kadang kita rasa macam benda tu macam kalau macam contoh la Sungai Dua turun pi ke laut tak dan lagi Sungai Sungai Dua balik apa nama tak dan lagi Sungai Acheh turun Sungai Dua habaq ang tak payah turun la kata ribut kat laut aku pun dah patah balik tak kan saya nak turun laut. Saya nak pi *start* enjin bot pi perabis duit minyak sikit pas tu patah balik buat rekod janji saya syarat saya turun tak perlulah, permudahkan benda-benda macam ni rekod-rekod terhadap nelayan mungkin kita boleh kaji baliklah terutama mungkin perbincangan ni boleh melibatkan EXCO Kerajaan Negeri kita dan isu ni banyak isu banyak Pusat tapi perhatian tu dapat kita berikan sebab nelayan ni banyak di Negeri Pulau Pinang sepanjang pantai daripada Kepala Batas sampailah ke Nibong Tebal.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Acheh banyak lagi kah? Dah 30 minit.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Dato' Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu Pukat Apolo yang saya bangkit pada persidangan yang lepas masih tak selesai-selesai. Bahkan mereka semakin bermaharalela di perairan kita ni. Sudahlah kata apa kebelakangan, sejak kebelakangan ni ribut dekat laut, sara hidup kena tarik, diesel kena sekat, bot kengka pukut tunda dua bot ni pula makin mengganas di perairan kita. Mai daripada Perak masuk mai ceroboh Pulau Pinang mengganas yang makin-makin teruk sekali bila lepas perbahasan saya lepas Dewan DUN makin banyak bot masuk ke perairan Pulau Pinang. Tapi biasalah bila kita tanya penguatkuasa tak dak rekod, tak dak ni semua, tak dak kan? Kadang-kadang bila nelayan ni ambik gambar jumlah bot tak kena

pula sebab tangkap daripada sini hala pi belah laut terbuka dia kena pi belah laut terbuka tangkap belah hutan ha, barulah nak tunjukkan jarak tu dekat dengan pantai apa?

Saya pun tak tau la nak cakap macam mana lagi kan, rekod tak dak sentiasa tak pernah ada pencerobohan ni masalah ni, Jadi saya harap kali mungkin apa pihak EXCO kita dapat berbincang secara serius dengan Menteri walau pun saya dengar kata ada cadangan untuk menarik balik lesen 2020 tak payah tunggu 2020 kan. Seluruh Malaysia ni belah Perak tu tang hujung Utara Perak tu ya, Pulau Pinang apa ni Tanjung Piandang dengan Kuala Kurau dok tunggu 2020 apa tarik terus seluruh Malaysia tak dak tak dak masalah. Apa keistimewaan meraka tu tak perlu tunggu 2020 tarik secepat mungkin segera nak jaga sekelompok kat situ ka nak jaga nelayan terbanyak di Pulau Pinang. Bukan setakat Pulau Pinang nelayan pantai di Perak pun belambak pasai pa kan? Jadi saya harap pihak Menteri serius dan saya harap pandangan ini boleh dibawa oleh EXCO kita kepada Menteri yang terbabit supaya tak payah kita tengok dok dok jaga bab politik sangat la tang ni. Hat ni bincang masalah masyarakat nelayan ni. Jaga nelayan ni yang ni yang paling penting kan jangan dok politik sat gi tak dapat sokongan berapa kerat sangat. 500 biji bot baru dok ada 200 pasang lebih campur awak-awak kalau kita kali tiga pun ada berapa ja, tak kan *calculation* tu pun saya nak kena kira bagi kot kan. Jadi saya harap perkara ni dapat diambil serius oleh Kerajaan Pusat terutama Menteri Pertanian dalam menjaga nelayan-nelayan pantai di kawasan Pulau Pinang ini.

Saya ada dua perkara lagi yang saya nak sebut kat sini untuk menamatkan perbincangan saya. Saya ringkaskan lah. Saya tengok dalam bajet Kerajaan Negeri juga dalam segi pengindahan ada peruntukan-peruntukan yang disediakan. Bertepatan dengan itu juga saya ada tanya soalan tambahan soalan bertulis saya berkaitan dengan kawasan di Ampang Jajar di DUN Sungai Acheh sama ada ada bajet tak untuk PBT bajet khas untuk menaikkan apa menaik taraf pusat-pusat rekreasi ataupun tempat-tempat rekreasi ni. Tapi jawapan tu kata PBT akan gunakan wang sumbangan ada beberapa buah kaedah dan saya harap supaya Kerajaan Negeri melihat taman di Ampang Jajar ini sekiranya selesai projek RTB ni boleh dinaikkan taraf dengan menyediakan tempat bola tampar, tempat *outdoor gym* yang lebih tersusun dengan mengadakan untuk aktiviti-aktiviti riadah dan juga sukan *family* ni di kawasan tersebut kerana kawasan tu luas dan juga kawasan tersebut juga boleh dibuat satu hub *food truck* dekat sana sebab dia ada tempat paking yang besar mungkin kita tengok dari segi infra kita buat, sebab di situ ada kawasan USM, kawasan gedung ilmu di kawasan pinggir Negeri Pulau Pinang ni di sempadan dengan Perak ni dan akan menjadi tarikan pelancong apabila kita buat tempat *food truck* dekat situ.

Dan yang terakhirnya di kawasan Sungai Kerian sempadan yang memisahkan antara Jawi dan juga Sungai Acheh. Saya kebetulan ada satu pengusaha daripada Kerala berjumpa dengan saya dia kata nak adakan nak wujudkan *house boat* dekat kawasan tersebut antara di Sungai Kerian tu lah saya melihat kalau kawasan tersebut diadakan diwujudkan satu *house boat*, saya rasa memang cukup cantik sebab di situ dia banyak. Kita ada sangkar ikan kan secara tak langsung sangkar ikan tersebut boleh mewujudkan chalet-chalet terapung di atas sangkar-sangkar mereka dan juga dia boleh menaikkan orang kata apa sumber ekonomi kepada penduduk setempat bila siap jambatan menghubungkan antara Sungai Aceh dan juga Tanjong Berembang ke Victoria, Jalan Victoria tersebut kawasan persisiran sungai kita boleh jadikan sebagai pusat pelancongan wujudkan *house boat* seperti mana di Kerala sebab kebetulan masa PWDC buat lawatan ke Kerala, saya berkesempatan naik ke *house boat* tersebut dan memang tempat tu memang cantik dan jadi pusat salah satu pusat yang baik kat situ. Mungkin ini jadi satu lagi industri pelancongan di Pulau Pinang ini dengan wujudnya *house boat* sebab konsep dia bentang tu cantik la. Sebab dia ada buat permohonan untuk dapatkan tanah TOL dekat situ. Jadi saya tengok konsep dia cantik dan dia pun dah berbincang dengan Ahli Parlimen pun dia bersetuju dengan konsep tersebut. Jadi, saya mengharap supaya Kerajaan Negeri dapat meneliti untuk mewujudkan *house boat* ini menjadi aset pelancongan di kawasan Seberang Perai Selatan. Jadi, satu jam lebih Ketua Menteri berdiri, dua jam lebih pula ucapan Ketua Pembangkang, pembentangan bajet amat bererti khasnya untuk kesejahteraan rakyat Pulau Pinang. Sekian, *wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Ahli Kawasan Sungai Acheh. Ahli Kawasan Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih kepada Dato' Speaker yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Enakmen bagi Perbekalan tahun 2019.

Salam sejahtera, salam Harapan, salam Malaysia Baru. Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang buat julung kali telah membentangkan Belanjawan 2019 dengan berjaya dan juga memberi satu belanjawan yang telah menjaga kepentingan rakyat. Saya juga ingin memberi satu penekanan di sini iaitu urus tadbir Cekap, Akauntabiliti dan Telus yang telah diamalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang selama ini telah menjadi satu asas yang penting untuk mentadbir negeri dan menjadi contoh kepada negeri-negeri lain.

Dalam ucapan Bajet 2019 oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, saya amat tertarik dengan usaha Kerajaan Negeri untuk membangunkan Pulau Pinang menjadi sebuah bandar pintar, *Smart City*. Dalam soalan bertulis saya berkenaan dengan *road map* kepada kerajaan digital sepenuhnya dan negeri pintar, jawapannya adalah setakat ini tiada peruntukan tertentu disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk projek dan inisiatif yang berkaitan dengan bandar pintar kerana ia masih di peringkat perancangan. Satu dokumen *road map Penang Towards A Smart International City* dan berkenaan dengan pelbagai inisiatif sebagai panduan kepada pelbagai pihak untuk merealisasikan bandar pintar Negeri Pulau Pinang telah disediakan. Namun, bandar pintar bukan sekadar satu slogan atau konsep yang tidak dapat dirasai oleh rakyat Pulau Pinang. Matlamat *Smart City* adalah untuk menyiapsiaga bandar kita lebih *resilience* dan berdaya saing. Pelbagai masalah yang dihadapi dalam proses *urbanization* seperti kesesakan lalu lintas, banjir kilat, jenayah dan juga lain-lain yang mengancam kesejahteraan hidup rakyat ini sebenarnya boleh diatasi atau ditangani dengan mengamalkan konsep bandar pintar ini.

Bandar pintar adalah satu cara penyelesaian yang boleh digunapakai oleh pembuat dasar untuk memastikan bahawa keputusan yang diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah itu dijalankan dengan lebih baik. Saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri mengemukakan *road map Penang Towards A Smart International City* ini di dalam Dewan yang mulia ini agar ia dapat dibincangkan dan dibahas oleh semua wakil rakyat. Dokumen tersebut perlu diperhalusi dan juga dibentang dalam Dewan supaya lebih ramai wakil rakyat mengambil bahagian. Proses pembentukan pelan induk tersebut amat penting agar hasrat Kerajaan Negeri membangun negeri menuju ke bandar pintar dapat dicapai. Semua *stakeholders* perlu dilibatkan dalam proses pembentukan ini.

Dato' Yang di-Pertua, liputan *fiber optic* yang masih terhad. Pada masa yang sama kita nak mencapai menuju ke bandar pintar, kerajaan di Negeri Pulau Pinang ini masih menghadapi bahawa liputan jalur lebar itu, *fiber optic* itu perlu dipertingkatkan khasnya di kawasan-kawasan komersial dan juga perusahaan dan juga perumahan kerana sekarang banyak kawasan perumahan khasnya yang lama telah mempunyai permintaan yang tinggi untuk dapat menikmati perkhidmatan jalur lebar ini. Mereka nak supaya internet mereka lebih cepat untuk mereka boleh akses kepada internet dengan lebih mudah dengan harga yang berpatutan. Saya telah menerima banyak permohonan daripada kawasan-kawasan perumahan di kawasan saya di mana mereka meminta supaya kerajaan tak kira Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan boleh menyediakan perkhidmatan jalur lebar ini kepada setiap kawasan perumahan yang ada di Negeri Pulau Pinang ini. *Fiber optic* adalah asas atau infra yang penting untuk pembangunan sesebuah negeri ke arah bandar pintar. Tanpa kelajuan internet yang memuaskan maka bidang *e-commerce*, *Internet of Things* hanya akan menjadi omong-omong kosong sahaja. Maka, saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri bekerjasama dengan industri telekomunikasi khasnya memberi keutamaan untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar talian tetap dengan kelajuan internet melebihi *100mbps* kepada semua kawasan untuk mengurangkan jurang informasi di antara bandar dan desa.

Dato' Yang di-Pertua, perkara yang saya ingin bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini yang seterusnya adalah penstrukturan semula syarikat-syarikat GLC yang dimiliki atau diurus oleh Kerajaan Negeri agar pengurusan syarikat dapat dipertingkatkan dengan tahap optimum. Seperti kita maklum, banyak syarikat GLC telah ditubuhkan selepas Kerajaan Pakatan pada tahun 2008 untuk menubuhkan pelbagai syarikat-syarikat atau perbadanan atau *corporation* untuk menjalankan pelbagai program-program kepada rakyat. Kita pada masa itu antara satu sebab faktor kenapa GLC itu ditubuhkan adalah kerana Kerajaan Negeri pada masa itu, 2008, kerajaan baru, kita tidak dapat sokongan daripada Kerajaan Pusat pada masa itu, rejim UMNO BN ini. Maka, telah tubuhkan pelbagai GLC-GLC atau *corporation* seperti PWDC, PYDC, PDC, banyak yang telah ditubuhkan untuk membantu kerajaan melaksanakan program-program. Itu satu cara yang baik pada masa itu. Itu adalah cara penyelesaian supaya kerajaan dapat berterusan untuk melaksanakan agenda-agenda reformasi pada masa itu. Tapi kita sekarang 2018, kita telah menjadi kerajaan di Pusat dan banyak jabatan-jabatan kerajaan di pusat atau jabatan-jabatan yang di bawah Kerajaan Persekutuan ini sebenarnya mereka juga menjalankan kerja-kerja yang telah ditanggungjawabkan. Maka, kita rasa ada satu keperluan untuk Kerajaan Negeri khasnya dalam penstrukturan semula GLC-GLC yang ada dalam Kerajaan Negeri supaya boleh bekerjasama dan tidak berlakunya pertindihan kerana ke semua jabatan ini juga mempunyai kos *overhead expenses*, pentadbiran emolumen itu dan sumber-sumber yang ada pada jabatan-jabatan tersebut perlu diuruskan dengan lebih baik lagi. Yang paling penting adalah ia dapat menjalankan perkhidmatan yang paling baik kepada rakyat.

Maka, saya ada dalam satu contoh juga, macam di Negeri Pulau Pinang ini, saya ada satu jawapan daripada soalan bertulis saya iaitu kita ambil satu contoh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang yang saya tanya. Ada satu carta organisasi yang begitu lengkap yang mempunyai begitu ramai kakitangan dan pegawai-pegawai pentadbiran dan sebenarnya saya nampak ada juga kerja-kerja yang mereka juga buat ada pertindihan dengan Penang Youth Development Corporation (PYDC). Maka saya nampak bagaimana PYDC boleh bersama-sama dengan Jabatan Belia dan Sukan untuk membangunkan atau menggunakan sumber-sumber yang ada, peruntukan-peruntukan yang diberikan oleh Pusat untuk kita memastikan bahawa sumber-sumber, peruntukan-peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat itu dapat diguna dalam 4 tahap yang optimum dan juga memastikan bahawa GLC-GLC yang ada pada Kerajaan Negeri itu, juga akan dipertingkatkan keberkesanan dan juga kecekapan GLC itu dalam melaksanakan program-program yang berteraskan kepada matlamat Kerajaan Negeri.

Maka, selaras dengan urus tadbir Cekap, Akauntabili dan Telus, saya juga di sini meminta supaya Kerajaan Negeri akan membentangkan laporan tahunan bagi setiap GLC yang di bawah Kerajaan Negeri ini dalam Dewan yang mulia ini. Macam kita juga ada terima kali ini risalah-risalah yang telah dibentangkan oleh Ketua Menteri macam kita ada Laporan Tahunan Perbadanan Bukit Bendera kali ini. PDC setiap tahun pun ada bagi tapi untuk banyak lagi GLC-GLC yang memang di bawah Kerajaan Negeri tetapi tidak membentangkan laporan tahunan mereka dalam Sidang DUN yang ini. So saya harap perkara ini dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri supaya akauntabiliti itu, prestasi GLC tersebut dapat diteliti oleh semua wakil rakyat yang ada di sini.

Dato' Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini kita sering bincang tentang isu penguatkuasaan dan sejak pada permulaannya kita cakap tentang penguatkuasaan, kelemahan penguatkuasaan ini adalah satu isu yang amat penting dalam segi kita melaksanakan atau menguatkuasakan sesuatu dasar dan juga undang-undang Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan, iya. Kakitangan kerajaan perlu diperkasakan dengan pelbagai kemahiran serta penguasaan dalam bidang yang berkaitan agar penguatkuasaan yang lebih cekap untuk memastikan dasar kerajaan dapat dipertahankan. Banyak isu yang kita timbul, isu pembuangan sampah haram. Kilang-kilang haram yang memproses sisa plastik yang mencemarkan udara dan alam sekitar, iya. Ada pembukaaan tanah secara haram. Bila kita bincang di sini kita selalu mendapati satu (1) kesimpulan atau satu (1) *conclusion* di mana oh, ini penguatkuasaan tidak, tidak dapat dijalankan dengan baik maka perkara itu dapat tidak dapat dielakkan. Kilang-kilang itu terus boleh beroperasi kerana undang-undang yang sedia ada itu tidak mencukupi untuk menghentikan operasi yang haram itu, iya. Kita masih ada pembukaaan tanah secara sesuka hati, buka dulu kemudian bila dapat notis henti kerja biarkan begitu sahaja. Tanpa ada

satu (1) penguatkuasaan yang serius, perkara ini akan sentiasa berulang-ulang. Maka, saya di sini kita, kita nak supaya Kerajaan Negeri untuk dengan lebih serius untuk menangani perkara ini perlu mengkaji segala undang-undang dan juga segala dasar-dasar untuk memastikan bahawa penguatkuasaan dapat dibuat dengan, dengan tegas ke atas kilang-kilang dan juga pihak yang telah membuka, membuka tanah meneroka tanah tanpa kebenaran. Antaranya yang saya selalu sebut di sini adalah kita tindakan penguatkuasaan yang tegas itu bukan sekadar, bukan sekadar pergi beri kompuan sahaja tetapi sekiranya ya sekiranya pihak kilang-kilang tersebut tidak akur, maka kita perlu tambahkan ya, kita kena bawa pergi ke mahkamah termasuk yang saya selalu sebut, termasuk rampas balik tanah. Saya, saya tak tahu kenapa kita terlalu takut kepada, bukan takut la tapi kenapa kita tidak mengambil cara ini, apa masalahnya, ya, tanah itu dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Sekiranya tuan tanah itu tidak mematuhi undang-undang, iya dia boleh membuka kilang di sana tanpa kebenaran ya untuk membuat aktiviti-aktiviti yang mencemari alam sekitar, maka boleh kita kerajaan boleh mempertimbangkan supaya kita boleh rampas balik tanah tersebut. Macam ini baru ada satu (1) kesan yang lebih, lebih kesan yang lebih baik untuk kita membanteras.

Dan kedua kita juga boleh pertimbangkan bahawa sumber air dan elektrik itu untuk kilang-kilang beroperasi itu boleh diputuskan oleh TNB dan PBA. Ke semua ini adalah agensi kerajaan yang boleh kita minta supaya *stop illegal activity* itu, iya. Supaya dan permohonan untuk perlingkungan semula guna tanah itu daripada pertanian kepada perusahaan, perusahaan itu perlu ditolak supaya kilang-kilang yang memproses sisa plastik itu boleh dihentikan dengan segera. Ya. Hanya, jika kita hanya bertindak secara *fire fighting* dan tidak mengambil langkah-langkah pencegahan maka kita akan sentiasa berdepan dengan isu seperti yang tadi kita sebut tadi...(gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Coon Aik):

Machang Bubuk, minta celahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bukit Tambun.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Coon Aik):

Dato' Speaker, kini kita dalam peringkat penyediaan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang untuk *public hearing* akan tamat pada 19 November ini. Dan sekiranya Rancangan Struktur digazetkan, dan akan disusuri dengan Rancangan Tempatan Pulau Pinang. Dengan adanya Rancangan Tempatan, semua *zoning* akan ditetapkan dan tidak boleh lagi diterima sebarang permohonan perlingkungan semula untuk lot-lot secara *ad-hoc* sepanjang lima (5) tahun. Oleh itu, saya meminta pihak Plan Malaysia dan juga Kerajaan Negeri mengambil serius tentang perkara ini dan menyiapkan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang dan juga Rancangan Tempatan Pulau Pinang, kalau boleh *by June 2019* ...(dengan izin). Sekian.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Okey, terima kasih Bukit Tambun atas pandangan yang telah atau cadangan yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri dan saya setuju iaitu apabila Rancangan Struktur Negeri itu telah diputuskan, ditetapkan maka ia perlu dilaksanakan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa beberapa isu yang di dalam DUN Machang Bubuk. Ya, saya juga ingin mencadangkan supaya YB. Padang Lalang untuk mempertimbangkan supaya setiap Pusat Khidmat ADUN atau wakil rakyat perlu dilengkapi, dilengkapi dengan perkhidmatan kaunseling, iya. Perlu ada kaunseling dan bagi menangani tekanan hidup yang kian berat kebelakangan ini. Kenapa saya sebut perkara ini kerana menurut jawapan bertulis soalan bertulis saya, jumlah kes bunuh diri dari tahun 2017 sehingga kini telah mencapai 137 kes. Maksudnya kira-kira setiap lima (5) hari di Pulau Pinang ini ada seorang membunuh diri. So ini adalah satu (1) angka yang amat membimbangkan dan ini adalah angka orang telah yang membunuh diri. Sekiranya ada perkhidmatan kaunseling ini di setiap DUN atau di setiap kawasan yang boleh didekati oleh penduduk yang mempunyai masalah, maka keadaan kes membunuh diri dapat itu dapat dikawal. Kita keadaan ini amat membimbangkan

dan punca-punca untuk kes bunuh diri itu perlu dikaji dengan baik. Ya. Dengan pada masa kini memang setiap, setiap pusat DUN memang tidak ada perkhidmatan atau kepakaran kaunseling. Iya, so ini adalah satu (1) keperluan ya, keperluan untuk Kerajaan Negeri untuk mengkaji dan juga bagaimana boleh kita mempertingkatkan perkhidmatan itu. Sebab Jabatan Kebajikan Masyarakat, JKM memang mempunyai *counselor*. Tapi tidak mencukupi untuk menangani kes yang begitu banyak ya. Ada kes pelbagai jenis kes termasuk daripada kanak-kanak hingga warga emas. Mereka perlu menangani begitu ramai orang. Maka saya rasa adalah, adalah penting untuk JKM dan juga Kerajaan Negeri menyediakan satu (1) sistem sokongan keselamatan sosial, *social security* bagi golongan B40 yang mempunyai tekanan hidup yang tinggi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Machang Bubuk, saya cuma nak mencelah tentang kaunselor, kaunseling. Sebagai Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat sendiri pun dah jadi kaunselor. Setiap hari kes, macam-macam kes, ada kes rumah tangga, ada kes macam-macam. Bagi yang baru ini akan mula menghadapi...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bertauliah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tugas sebagai kaunselor yang tidak bertauliah. Cuma kita akui hakikatnya memang berlaku dan kalau boleh di JKM memang tak mencukupi cuma kita nak kalau boleh JKM wujudkan sukarelawan kaunseling (kaunselor). Di Pulau Pinang ni, kadang-kadang menghadapi masalah, nak cari sukarelawan. Kalau boleh kita *create*, wujudkan satu (1) sukarelawan macam JKM buat sukarelawan untuk membantu golongan warga emas uruskan dan sebagainya. Itu dah diwujudkan. Kaunseling ni, kaunselor juga perlu diwujudkan peringkat JKM sebab tenaga kaunseling tak mencukupi memang tak mencukupi dalam pelbagai bidang. Diwujudkan dan kalau boleh macam yang Machang Bubuk cadangkan di setiap tempat tu ada, ada harinya, seminggu dua (2) kali ka, sekali ka buat kaunseling untuk masalah masyarakat di kawasan supaya tekanan-tekanan hidup ni boleh kita bantu selesaikan. Kalau tidak ia akan berlaku bermacam-macam perkara yang akan menyebabkan berlaku masalah sosial dan sebagainya di kalangan masyarakat termasuk nak bunuh diri kalau boleh wujudkan sukarelawan. Saya cadangkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih Sungai Dua. Saya setuju dan saya sokong cadangan tersebut kerana memang saya rasa ramai YB. - YB. yang ada di sini perlu memainkan peranan bukan sahaja menyelesaikan isu-isu rakyat tapi juga perlu memberi kaunseling tapi yang yang menariknya adalah ramai yang di kita sini adalah bukan kaunselor yang bertauliah, iya so semua...(gangguan) kita kena belajar lah macam mana nak...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Nak mencelah juga. Okey. Isu yang sama baru masuk so tentang bunuh diri. Baru-baru ini, *I think* awal tahun ini, ada satu (1) *incident* di mana seorang pelajar Sekolah Menengah Nibong Tebal, Methodist telah membunuh diri setelah dituduh telah mencuri telefon bimbitnya, telefon bimbit seorang cikgu. Nampaknya ada juga guru-guru, saya tidak mahu bercakap, berbincangkan isu ke dalam adakah dia pernah mengambil telefon itu, adakah kawan dia yang ambil, itu tidak penting. Tetapi apa yang saya nampak sepatutnya guru-guru yang membimbing para pelajar kita untuk mengatasi masalah-masalah sebegini ataupun memberi kaunseling kepada mereka. Kadang kala menjadi punca bukan saja guru-guru, malah kadang kala ibubapa juga memberi tekanan kepada kanak-kanak. *I know*, kalau prestasi markah mereka tak baik dalam peperiksaan, ada mereka ditekan dari segi mental sehingga pelajar khususnya golongan muda sekarang bukan macam dulu. Dulu kita kena marah, kena pukul, kejar sekeliling rumah pun kita masih lagi kental, masih lagi buat nakal balik. Tetapi budak-budak sekarang ibu bapa marah sikit pun tak boleh terima. Dan saya harap sekolah, pihak sekolah memainkan satu (1) peranan di mana mereka membentuk insan, seorang insan itu. So saya harap para cikgu juga perlu memainkan peranan. Kalau ada isu-isu yang berkaitan

dengan diri mereka sendiri, jangan gunakan alasan emosi, tetapi perlu mengendalikannya secara lebih profesional. Saya berharap kes adik Vasanthapriya yang telah meninggal dunia pada awal tahun ini akan dikaji balik dan Kementerian Pendidikan akan menetapkan satu (1) SOP di mana kita melihat guru tersebut pernah melanggar SOP secara terang menerang tetapi apabila *inquest*nya dibincang tentang, tentang bukan tentang fakta bahawa SOP itu telah dilanggar. So Kementerian Pendidikan juga kena ada satu (1) SOP untuk mengendalikan pelajar-pelajar yang tertekan dan atau pun ada isu-isu emosi. Itu pandangan saya Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Okey terima kasih Bagan Dalam. Memang sekarang disebabkan oleh pembangunan yang begitu pesat dan juga kebergantungan kepada IT IT yang telah memberi tekanan hidup kepada bukan sekadar orang-orang dewasa, tetapi sekarang budak-budak kecil pun mempunyai tak mau bercakap dengan orang ramai, anti sosial, kegiatan-kegiatan anti sosial ni memang tadi kita pun ada banyak membincangkan. Maka perkara ini bukan, saya setuju bukan sekadar kita letak satu (1) atau sediakan kaunseling itu sudah boleh selesaikan masalah. Itu memang bukan cara mudah seperti itu. Tetapi keadaan ini, masalah ini, perlu ditangani dengan secara lebih holistik di mana pelbagai pihak termasuk ibubapa, sekolah dan juga NGO-NGO yang di, di masyarakat yang berdekatan dan juga dari segi agama, ya agama juga perlu didedahkan kepada adik, kepada semua golongan yang terlibat...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Machang Bubuk, dah setengah jam.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Ya, ya. Okey saya cuba cepatkan. Dato' Yang di-Pertua, saya, isu yang seterusnya yang saya ingin membincangkan adalah pengurusan harta awam yang lebih cekap. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri yang telah memberi peruntukkan kepada kedua-dua PBT untuk memasang CCTV. Usaha ini amat penting bagi mempertingkatkan keselamatan di kedua-dua kawasan pentadbiran ini. Pemasangan CCTV bukan sekadar di kawasan jalan raya malahan di tempat permainan, rekreasi, tempat letak kereta dan juga lain-lain. Kebelakangan ini di Pasar Taman Awam, Pasar Awam Taman Selamat telah menghadapi masalah-masalah penyeluk saku dan juga ada penjaja-penjaja yang tanpa berlesen tanpa kebenaran, tanpa izin telah berniaga di koridor pasar. Kes tentang penyeluk saku. Kes penyeluk saku telah bertambah pada kebelakangan ini. Dan Polis serta JKKK kita juga ada turun untuk membuat program kesedaran di kalangan penduduk di sana. Namun kita dapati ia langkah yang paling berkesan adalah melalui pemasangan CCTV. Agar pihak penguatkuasaan Polis atau MPSP boleh memantau keadaan di sana. Dan saya juga mengharapkan ia MPSP boleh memasang CCTV di kawasan Pasar Awam tersebut dan supaya ia boleh meningkatkan keselamatan dan juga keadaan yang lebih baik dalam Pasar Awam Taman Selamat ini.

Untuk perkara yang seterusnya Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta supaya Balai Polis Machang Bubuk perlu dinaik taraf daripada Gred C ke Gred A. Mengikut jawapan kepada soalan bertulis saya berkenaan dengan Indeks Jenayah dan nisbah anggota Polis di Balai Polis Machang Bubuk. 1 orang Polis dengan 1,556 orang penduduk. Jumlah penduduk di kawasan pentadbiran Balai Polis Machang Bubuk adalah 63,790 orang. Dengan hanya ada 41 orang Polis sahaja. Kawasan ini telah menghadapi kekurangan anggota Polis khususnya selepas penambahan jumlah penduduk yang begitu ketara di kawasan perumahan dalam 10 tahun yang ini. Disebabkan kejadian jenayah khususnya kes pecah masuk rumah, ragut bertambah di kawasan Alma. Satu perbincangan meja bulat telah diadakan dengan menjemput pihak Polis, Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan pelbagai NGO seperti *Community Policing* telah diadakan untuk mencari jalan penyelesaian untuk menangani isu keselamatan komuniti.

Antara resolusi yang telah dicapai adalah meminta kerajaan untuk menaik taraf Balai Polis Machang Bubuk daripada Gred C ke Gred A kerana cadangan untuk menambah satu lagi Balai Polis itu tidak dapat dipenuhi maka tak apa la. Naik taraf Balai Polis yang sedia ada. Daripada Gred C kerana kekurangan keanggotaan Polis. Saya harap perkara ini dapat diambil

secara serius oleh Kerajaan Negeri supaya dapat bersama-sama kita membanteras jenayah di kawasan Alma, Bukit Minyak.

Dato' Yang di-Pertua, cadangan sisa *Construction and Demolition (C&D) Recover Centre* di Bukit Teh yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri memandangkan tapak pelupusan sampah di Jelutong telah penuh dan tidak sesuai lagi digunakan. Saya rasa perkara ini cadangan tersebut perlu dikaji semula memandangkan pelbagai faktor yang perlu diambil kira termasuk jalan akses ke kawasan tersebut yang sempit dan juga merbahaya kepada penduduk-penduduk kampung dari Jambatan Kedua sehingga ke Kawasan Bukit Teh. Kawasan itu adalah kawasan kampung, jalan-jalan kampung yang agak sempit dan memang keselamatan penduduk-penduduk di sana perlu dipertimbangkan. Selain itu tapak cadangan tersebut yang di Bukit Teh juga kita mendapati bahawa ia merupakan satu bekas tasik lombongan pasir haram pada masa dulunya. Yang sekarang ia telah dijadikan satu tapak pembuangan sampah haram. Maka, tapi walau macam manapun ia masih merupakan tasik atau lombong yang begitu besar yang boleh dikatakan ia adalah satu kawasan tadahan hujan yang begitu luas sekali kerana kawasan di Bukit Teh, Jalan Gajah Mati itu adalah kawasan banjir kilat yang selalunya penduduk-penduduk kampung menghadapi masalah banjir kilat ini. So, sekiranya kawasan itu akan dijadikan satu tempat untuk *C&D recovery center* maka saya risau hujan apabila hujan turun tempat air-air itu akan mengalir ke kawasan yang berjiranan. Saya memang sokong Kerajaan Negeri untuk membina *recovery centre C&D* ya. Usaha ini untuk memulihara kawasan tasik lombong tersebut. Ia tapi sekiranya kolam tersebut boleh di pulih dan dijadikan kolam-kolam sahaja dan boleh dijadikan satu kolam tadahan hujan maka ia tidaklah perlu ditambah sebagai untuk menjadi satu *recovery centre*. So, saya harap perkara ini dapat dipertimbangkan dengan lebih lanjut supaya ia dapat dijalankan dengan baik dan kawasan tersebut dapat dipelihara.

So, saya juga Dato' Yang di-Pertua, saya akhirnya. Saya nak menyentuh tentang penyertaan rakyat. Penyertaan rakyat bagi saya adalah kunci, satu kunci kejayaan satu untuk Kerajaan. Saya mengalu-alukan Kerajaan Negeri mengwujudkan satu portfolio baru Keterangkuman Gender bagi memastikan kesaksamaan gender tanpa mengira etnik agama dan status sosial ekonomi. Antara projek yang akan dilaksanakan adalah *Gender Responsive and Participatory Budgeting*. KADUN Machang Bubuk sebenarnya juga ada bekerjasama dengan Pejabat Ahli Parlimen Bukit Mertajam dan juga PWDC telah melaksanakan satu projek penyertaan rakyat iaitu "Duit kita, Hak kita". Projek perintis ini yang telah menjadi contoh untuk KADUN-KADUN lain. Saya difahamkan KADUN Bukit Tambun juga akan menjalankan projek ini di mana kita akan melibatkan penduduk atau rakyat di kawasan masing-masing untuk menentukan bagaimana peruntukan ADUN, Ahli Parlimen itu boleh digunakan dalam tempat-tempat atau projek-projek yang diperlukan oleh rakyat.

Dan baru-baru ini saya juga pergi ke kita punya Pintu Gerbang di Permatang Tinggi yang telah menang Projek "Duit kita, Hak kita" itu baru-baru ini juga telah dirasmikan, dilancarkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Dan ini adalah hasil di mana penduduk-penduduk kampung juga amat gembira kerana mereka rasa mereka ada kuasa dan juga ada kata pemutus dalam menentukan projek yang mereka inginkan di kawasan mereka. Maka saya berharap perkara ini dapat diperkembangkan bukan sekadar dalam peruntukan ADUN dan Ahli Parlimen sahaja. Tetapi misalnya di MPSP di MBPP perlu ada sebahagian peruntukan khas untuk diberikan kepada penduduk-penduduk di kawasan pentadbiran mereka untuk menentukan bahawa apa projek-projek yang rakyat nak buat itu. Apa bukan sekadar proses bajet dialog sahaja. Tapi proses macam mana rakyat boleh menentukan bahawa ok. Satu peruntukkan itu dapat digunakan dalam mengubah keadaan infrastruktur dan juga keadaan hidup di kampung tersebut atau dikomuniti tersebut. So, saya harap dengan sokongan Kerajaan Persekutuan saya yakin sebahagian bajet yang telah diperuntukkan oleh kerajaan itu boleh dihaskan untuk khasnya projek yang akan di putuskan oleh rakyat di Negeri Pulau Pinang ini.

Dan juga akhir kata saya ingin mengatakan bahawa di sini tahun 2019 adalah satu tahun yang amat mencabar untuk kita semua. Memandangkan ekonomi negara dan dunia yang tidak menentu. Sebagai sebuah negeri yang sentiasa bertekad untuk maju ke depan, satu kerajaan yang lebih dinamik untuk melaksanakan agenda reformasi perlu diamalkan. Perjalanan menuju ke masyarakat yang demokrasi masih jauh lagi. Hanya dengan meningkatkan kesedaran orang

ramai terhadap politik dan dasar-dasar kerajaan barulah boleh kita menggalakkan penyertaan rakyat secara aktif dalam proses membuat keputusan. Hanya dengan penyertaan rakyat yang aktif demokrasi sebenar dapat dilaksanakan dengan ini saya juga ingin mengambil kesempatan ini supaya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan, agensi dan badan berkanun kerajaan yang telah memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat di Machang Bubuk dan juga marilah kita sama-sama teruskan berusaha untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan kita kepada rakyat. Dengan ini saya ingin memohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Machang Bubuk. Penaga sila.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah)

Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua, EXCO-EXCO Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat dan seterusnya kepada semua tuan-tuan dan puan-puan yang berada dalam dewan yang mulia ini. Saya mulakan dengan lafaz *Assalamualaikum W.B.T* dan Salam Sejahtera. (*Bacaan Doa*).

Saya mulakan Ucapan Perbahasan Bajet 2019 yang telah dibentang oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita pada hari Jumaat yang lepas 9 November 2018 Kearah Menjayakan Penang 2030, Negeri Pintar, Hijau dan Berteraskan Keluarga Yang Menginspirasi Negara dengan mengambil apa yang telah difirmankan oleh Allah S.W.T di dalam Al-Quran Nul Karim. (*Bacaan Ayat Al-Quran*). Firman Allah S.W.T yang bermaksud, "*Sesungguhnya tuhanmu itulah yang meluaskan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakinya, dan dia juga yang menyempitkannya. Sesungguhnya dia maha mendalam pengetahuannya, maha melihat akan hamba-hambanya*". Allah yang maha adil lagi maha bijaksana sebenarnya mengurniakan rezeki yang cukup bagi hamba-hambanya. Sama ada dari aspek sumber atau kemahiran mentadbir dan mengurus. Semua mereka diuji di alam dunia ini sama ada menunaikan amanah dengan jujur dan ikhlas ataupun melakukan khianat terhadap amanah yang dibebankan kepada mereka. Sebagaimana ingatan Allah di dalam Al-Quran Al-Karim (*Bacaan ayat Al-Quran*). "*Sesungguhnya kami telah membentangkan perkara yang dinamakan amanah, tanggungjawab kepada segala lapisan langit dan bumi termasuk juga bukit bukau dan gunung ganang. Lalu mereka semuanya enggan memikul untuk melaksanakan amanah tersebut dan mereka berasa takut kerana besarnya tanggungjawab. Namun, makhluk yang bernama manusia menerima untuk menunaikan sesungguhnya mereka daripada kalangan orang-orang yang sangat zalim dan jahil*". Surah Al-Ahzab, ayat yang ke 72.

Sebenarnya Allah memberi rezeki dengan dengan kadar yang mencukupi kepada hambanya. Kalau diberi berlebihan boleh menjadi melampau atau lupa diri. Sejauh mana Bajet 2019 ini mampu memacu pertumbuhan ekonomi, menurunkan kadar inflasi dan mengurangkan kadar pengangguran masih terlalu awal untuk dinilai kesudahannya.

Dato' Yang di-Pertua, sebagai ADUN tunggal PAS dalam Dewan ini. Maka saya menyokong Bajet 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Demi untuk kebaikan masyarakat dan rakyat. Namun, perlu diberi perhatian kepada beberapa perkara yang saya lihat. Yang pertama yang saya nak bangkitkan sumber pendapatan kewangan negeri kita. Di mana hasil pendapatan Kerajaan Negeri daripada tiga (3) sumber hasil. Hasil cukai, hasil bukan cukai dan juga hasil terimaan bukan hasil. Dilihat begitu merosot daripada tahun ke tahun, menurun. Kalau kita lihat tahun 2013 jumlah pendapatan kerajaan daripada tiga (3) sumber ini adalah sebanyak RM833,713,960.39. Tahun 2014 kepada RM799 juta sehinggalah kepada tahun 2018 pendapatan daripada sumber-sumber ini hanyalah RM577 juta. Yang *point* di belakang itu saya tak sentuh, takut tersilap titik. 2018 RM577 juta dan 2019 bagaimana anggaran yang dibentangkan oleh Ketua Menteri, Yang Amat Berhormat adalah RM505, 500,000.00. Kita melihat bagaimana sumber pendapatan ini makin tahun, makin menurun. Jadi apa sebab dan punca, kenapa pendapatan ini makin merosot, bukan makin naik dan yang boleh dibanggakan. Itu yang pertama, yang perlu diberi perhatian.

Yang kedua, saya juga melihat kepada defisit yang telah dibentangkan itu memang makin berkurangan. Ini disebabkan apabila kita melihat dalam belanjawan ataupun bajet yang dibentangkan pada muka surat 46. Defisit itu kurang kerana tidak menyediakan kemudahan

pinjaman kepada Badan-Badan Berkanun Kerajaan Negeri. Sebagaimana disebut di sini. Ucapan yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Saya nak kod daripada belanjawan ini. Anggaran defisit untuk belanjawan tahun 2019 ialah RM395.69 juta iaitu dengan kadar penurunan defisit sebanyak RM352.80 juta berbanding dengan anggaran defisit 2018 sebanyak RM748.5 juta. Jumlah defisit pada tahun 2019 ini berkurang dengan ketara iaitu dengan sebanyak 47% berbanding tahun 2018 kerana Kerajaan Negeri tidak lagi menyediakan kemudahan pinjaman kepada Badan-Badan Berkanun Negeri. Langkah drastik ini perlu diambil oleh pihak Kerajaan Negeri setelah mengambil kira kedudukan kewangan semasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang saya sebut tadi. Pendapatan atau sumber hasil yang kita dapat selain bertujuan memantapkan kedudukan kewangan semasa. Adakah dengan tidak ada kemudahan pinjaman ini kepada Badan-Badan Berkanun Negeri ini samada mereka boleh terima ataupun tidak sebab kakitangan awam ini perlu diberi perhatian dan kebajikan mereka juga perlu diberi perhatian kerana merekalah yang menjadi nadi dan penggerak kepada pembangunan negeri kita, Negeri Pulau Pinang. Itu dua perkara yang perlu diberi perhatian dalam bajet yang telah dibentangkan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Terima kasih Penaga. Dua perkara Penaga telah bertanya tentang kenapa pendapatan negeri telah berkurangan? Penaga juga perlu mengaku bahawa Pulau Pinang menjalankan pelbagai dasar-dasar pro rakyat antaranya ialah mengurangkan cukai pintu di kedua-dua PBT. So, itu salah satu sebabnya kenapa punca ataupun pendapatan kita telah merosot. Dan lagi satu, terima kasih kepada Penaga yang telah mencadangkan bahawa para pekerja dalam sektor awam itu perlu dijaga kebajikannya. Adakah Penaga sedar, Negeri Pulau Pinang tidak pernah sesekali tertinggal membayar gaji para penjawat awam kita malah kita adalah negeri yang bayar bonus setiap tahun tanpa ada apa-apa halangan dan *infact*, untuk tahun 2019 kita bayar tahun ini juga, Disember. So, itu memang praktis di Pulau Pinang dan Mantan Ketua Menteri, Ahli Kawasan Air Putih telah pun bercakap tentangnya dalam ucapan perbahasan beliau. Itu, saya minta pandangan Penaga. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Terima kasih Yang Berhormat Bagan Dalam dan saya bersetuju dan itu mungkin pandangan daripada Yang Berhormat. Cuma saya nak tunggu *respons* daripada EXCO atau Ketua Menteri yang akan menjawab secara rasmi. Saya bersetuju apa yang dibangkitkan oleh Bagan Dalam.

Perbezaan belanjawan 2018, 2019. Saya juga melihat setelah belanjawan 2019 dibentangkan. Ada perkara, ada dua (2) perkara juga yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Perlu jawapan yang jelas. Yang pertama, apakah status kad "I Love Penang" telah diperuntukkan, yang telah diperuntukkan RM4.5 juta kepada Penang Institut untuk perlaksanaannya.

Yang kedua, adakah bayaran *one off* kepada mahasiswa yang akan menyambung pengajian mereka ke IPT RM1,000.00 di Semenanjung dan RM1,200.00 untuk Sabah dan Sarawak dan juga pelajar ke Sekolah Vokasional RM300.00 adakah akan diteruskan ataupun terhenti supaya hasrat tersebut, hasrat pelajar-pelajar ini untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan *support* kewangan tidak terhenti separuh jalan. Itu dua (2) saya lihat berkaitan dengan perbezaan antara belanjawan 2018 dan 2019.

Saya pergi kepada yang kelima. Yang saya nak sebut di sini berkaitan dengan isu dalam kawasan saya, DUN Penaga. Kuala Muda adalah merupakan sebuah kampung yang terletak di daerah Penaga dalam kawasan Penaga. Di situ terdapat kawasan laut yang amat cantik untuk dijadikan tempat tarikan pelancongan. Pantai tempat semula jadi yang cantik telah menarik juga, telah menjadikan, telah menarik para nelayan untuk naikkan ikan dan menjual cara berbisik tradisional iaitu di Penaga ada Pasar Bisik. Secara tradisional menarik minat pengunjung sekitar Penaga dan luar Penaga ke Kuala Muda boleh dikatakan setiap hari. Dan saya telah dua, tiga kali membuat lawatan ke Pasar Bisik ini melihat bagaimana suasana yang amat baik, ceria dan terlalu ramai masyarakat yang ke situ untuk membeli ikan secara berbisik. Kerajaan perlu mengambil langkah di dalam mempertingkatkan serta menaik taraf di kawasan

tersebut. Di persisiran pantai pula terdapat pokok bakau yang telah menjadi hutan serta juga menjadi tempat penagih dadah berada di situ. Saban hari walaupun operasi kerap dilakukan oleh PDRM ataupun AADK.

Isu sekolah KAFA yang menumpang di Sekolah Rendah Kuala Muda. Ini juga perlu diberi perhatian yang pelajarinya sekitar 200 pelajar. Pihak negeri telah menyediakan tanah suruh pihak khariah laksanakan sendiri. Cuma sebelum Pilihanraya Umum, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk membuat sekolah tersebut tetapi selepas PRU ke 14, bertukar kerajaan. Pembinaan sekolah KAFA itu telah ditangguhkan atau dibatalkan. Maka, mewakili penduduk kawasan Kuala Muda, saya amat berharap pihak Kerajaan Negeri membina sebuah KAFA, sekolah, Kelas Agama Fardhu Ain untuk kanak-kanak di Kuala Muda yang mana kanak-kanak itu perlu untuk pengajian, pembelajaran dan kita lihat hari ni ketinggalan dalam pembelajaran di peringkat KAFA.

Isu petani dan nelayan. Rakyat luar bandar khususnya daripada kalangan petani dan nelayan sepatutnya menjadi asas ke arah strategi makanan yang mencukupi bagi keselamatan negeri yang boleh menghadapi sebarang kemungkinan. Dahulunya subsidi memberi wang hanyalah menjadi amalan politik wang terhadap petani dan nelayan. Bukanlah boleh menjayakan kehidupan, bukan boleh menjayakan kehidupan mereka demi kepentingan negara. Sepatutnya, diperuntukkan bagi kemudahan kepada mereka secara menyeluruh seperti dilakukannya oleh negara maju yang menjadikan peruntukan khusus bagi menggalakkan pertanian. Sehingga negara Jepun sebagai contoh memperuntukkan 99% subsidi kepada petani dengan diambil daripada hasil kemajuan industri mereka yang sangat pesat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang pada hari ini dalam sesi perbahasan bajet 2019 dan saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Air Putih walaupun tidak ada pada hari ini yang telah menjadi Menteri Kewangan dan telah membentangkan bajet di Peringkat Kebangsaan, di Peringkat Nasional dalam Parlimen baru-baru ini yang telah memansuhkan tol Jambatan Pulau Pinang untuk penunggang motosikal dan perkara ini saya kira kalau tuan-tuan, Yang Amat Berhormat dan juga Yang Berhormat yang lain masih ingat dalam persidangan yang lepas, 7 Ogos. Saya telah bangkit dan berucap dalam Dewan yang mulia ini mewakili suara rakyat keseluruhannya. Setelah rakyat memberi mandat yang besar kepada PH untuk memenangi pilihan raya umum yang lepas walaupun sebahagian daripada janji PH tidak dapat dilaksanakan. Jadi, saya minta mewakili rakyat keseluruhannya, saya kata apa salahnya tol jambatan untuk penunggang motosikal itu dihapuskan. *Alhamdulillah*, syukur kepada Allah SWT, dalam pembentangan bajet parlimen baru ini. Cadangan tol itu, Tol Jambatan Pulau Pinang untuk penunggang motosikal telah dihapuskan dan berkuat kuasa pada 01 Januari 2019. Jadi saya ucap terima kasih kepada Air Putih dan saya kira kalau boleh dalam bajet 2020 nanti, bukan hanya tol untuk penunggang motosikal Jambatan Pulau Pinang saja tapi saya nak cadangkan tol feri untuk berjalan kaki dan juga untuk basikal. Basikal naik feri pun kena bayar tol. Saya nak cadangkan supaya mansuhkan tol feri untuk pejalan kaki, basikal dan motosikal dihapuskan juga sebab kita tahu rakyat bawahan juga yang ada di sebelah Butterworth, di sebelah sana yang menggunakan laluan atau pun menggunakan feri untuk kerja mereka, untuk kerja harian mereka, yang berulang alik dari sebelah seberang ke sebelah Pulau ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Minta laluan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Silakan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Terima kasih rakan saya daripada Penaga yang memberikan sokongan terhadap dasar-dasar yang begitu baik yang dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan. Cuma saya nak dapatkan pendapat Yang Berhormat Penaga. Setujukah Yang Berhormat Penaga sekiranya negara kita tidak dibelenggu oleh kleptokrat-kleptokrat yang menggadaikan

kekayaan negara kita. Maka sekiranya kekayaan itu masih ada maka lebih banyak lagi yang kita boleh capai. Setujukah Yang Berhormat Penaga?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Terima kasih daripada Pengkalan Kota. Ya, saya bersetuju dan Malaysia baharu perlu keluar daripada dimensi yang lama. Mewarisi tradisi atau pun mewarisi apa telah di buat oleh kerajaan sebelum ini kepada dimensi baru untuk lebih demokrasi untuk lebih terbuka untuk memastikan wang rakyat dan juga wang negara itu tidak berlaku ketirisan, dan yang paling penting tidak berlaku lagi rasuah sama ada di peringkat kementerian, di peringkat menteri-menteri ataupun di peringkat bawahan. Itu yang kita akan lihat dan kita akan nilai.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/I Muniandy):

Penaga minta laluan, Ketua Pembangkang dahulu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tambah sikit, tadi Pengkalan Kota sebut setujukah tanya kepada Penaga tentang kalau tidak ada masalah dalam pengurusan kerajaan yang lama lebih banyak lagi bantuan diberikan. Saya juga nak tanya Penaga nak minta pandangan Penaga, setuju atau tidak. Banyak bantuan telah diberikan kepada rakyat, walaupun berlaku macam-macam masalah, dari segi pengurusan dan pentadbiran, kita tak meragui ada kesilapan dan kesalahan yang berlaku. Tapi adakah setuju Penaga kerajaan yang lama telah bagi bantuan kepada semua peringkat masyarakat. Kepada nelayan, kepada petani, kepada semua telah disalurkan. Setuju ataupun tidak tentang masalah ini. Setuju tak setuju?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cukup?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/I Muniandy):

Saya sambung dulu.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tetapi Penaga nanti *time up*, kena jaga masa.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/I Muniandy):

Terima kasih Penaga, terima kasih juga kepada Ketua Pembangkang. Saya pun minta Penaga bersetuju atau tidak ada juga bantuan beg tangan mahal, barangan kemas beratus juta, RM160 juta dalam *cash* ada seorang dan satu keluarga di bantu itu pun kena mengakulah. *I think* Ketua Pembangkang pun memang mengaku.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Saya mohon...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/I Muniandy):

Saya habiskan dulu Permatang Berangan, lepas tu. Memang kita dasar-dasar *pro* rakyat itu tanggungjawab kerajaan terhadap rakyat, itu Sungai Dua faham saya berharap dan saya ingin memuji Penaga mengambil kesempatan ini untuk memuji Penaga kerana dia bukan macam Pembangkang-Pembangkang lain. Khususnya seperti mantan Perdana Menteri yang hari-hari jadi wira dalam *facebook*. Penaga lebih praktikal dan bila dia kata tol Jambatan Pulau Pinang bukannya lima (5) tahun sudah habis baru enam (6) bulan, enam (6) bulan kita *stage by stage* manifesto akan dilaksanakan dan Penaga faham, dia pun sokong dia pun cadangkan cadangan yang bernas.

Inilah Pembangkang di Pulau Pinang, bukan sahaja Penaga *infact* Permatang Berangan, Sungai Dua semuanya pembangkang yang *ineffective* saya memuji ketiga-tiga sekali dan saya pun ingin menyangkal kenyataan yang di buat di akhbar di *The Star* semalam seolah-olah Pembangkang tidak ada ruang berbincang. Ini bukan, Dewan ini tak sama lagi selepas lahirnya Malaysia Baharu. Pembangkang menjadi pembangkang yang *effective* dan juga

bertanggungjawab dan kita pun menyokong kalau ada hujah-hujah Pembangkang yang bernas dan juga yang *pro* rakyat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cukup, tengok Speaker di sana sudah minta cukup, Speaker di sana.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Mohon laluan, Dato' Yang di-Pertua sikit sahaja saya nak tambah untuk Yang Berhormat Bagan Dalam. Saya tidak setuju tentang isu beg tangan sebab itu masih lagi dalam siasatan dan saya mengharapkan tidak ada pihak yang berprasangka awal untuk membuat keputusan sebelum diputuskan oleh mahkamah.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sambung Penaga. Selagi *you* bagi jalan masa anda akan ditolak.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Saya orang tengah. Terima kasih kepada semua Y.B.-Y.B. yang telah mengambil ruang ini juga untuk mencelah ataupun memberi pandangan daripada Sungai Dua, Bagan Dalam dan juga Permatang Berangan.

Iya, memang ke arah penambahbaikan sebab itu mukadimah kepada ucapan bajet saya tadi pun saya mengambil daripada apa telah yang diingatkan oleh Allah S.W.T dalam Al Quran berkaitan dengan amanah (*bacaan ayat Al Quran*). "*Amanah itu telah diambil oleh manusia dalam keadaan mereka menzalimi diri mereka dalam keadaan mereka jahil*". Sebab itu amanah yang telah diberi ini mesti disempurnakan dengan sebaik mungkin. Kalau dalam Islam di sana ada sifat-sifat munafik yang juga di sebut oleh Nabi S.A.W (*bacaan ayat Al Quran*). Tanda orang munafik ada tiga (3) kata Nabi S.A.W. Yang pertama, "Kalau bercakap itu berbohong, (*bacaan ayat Al Quran*), Bercakap bohong apabila berjanji tidak menepati janji dan apabila di beri amanah khianat dengan amanah tersebut".

Sebab itu Malaysia Baharu hari ini kita melihat supaya amanah itu dapat dilaksanakan sebaik mungkin demi untuk kebaikan kepada seluruh rakyat dan saya kira walaupun kerajaan sebelum ini telah memberi banyak peruntukan-peruntukan juga dan telah disambung lagi oleh kerajaan baru PH dan saya kira akan lebih baik dan kebajikan rakyat akan lebih terjamin. Pembelaan mereka lebih terjamin sekiranya wang negara itu di urus dengan sebaik mungkin dan saya yakin kita mampu untuk melakukannya. Terima kasih kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga nak mengambil kesempatan di sini untuk membangkitkan masalah isu tenaga kerja atau pun isu masalah kerja empat (4) syif atau pun empat (4) syif dan 12 jam. Setelah 10 tahun terlaksananya kita melihat dengan kerja empat (4) syif ini dan kerja lebih masa. Dia kita melihat institusi keluarga kian runtuh begitu juga dengan masyarakat kampung dan komuniti sudah tidak berfungsi. Hilangnya nilai-nilai kasih sayang terutama sekali yang melibatkan ayah ataupun ibu dengan anak-anak. Hilangnya nilai kasih sayang, hilangnya perhatian.

Bayangkan seorang ibu yang keluar daripada rumah sekitar jam 6.30 pagi dan balik semula ke rumah sekitar jam 8.30 malam. Adakah dia boleh fokus, dia boleh memberi perhatian, boleh memberikan kasih sayang kepada anak-anak di rumah. Yang anak-anak itu pun sebelah siang ada yang ditempatkan di pusat-pusat jagaan dan sebagainya. Dalam keadaan dirinya letih, penat yang memerlukan rehat yang cukup besoknya nak menyambung lagi kerja ataupun tugas. Jadi saya melihat sebab itu kerajaan mesti mencari jalan mekanisme bagaimana nak mengatasi masalah khususnya kepada pekerja-pekerja wanita, ibu-ibu yang di sana dia juga ada tanggungjawab, komitmen dengan anak-anak ahli keluarga. Kita hendak melihat supaya institusi keluarga ini dapat di baik pulih bukan makin runtuh tapi makin diperkasakan.

Sebab itu saya nak imbas sedikit bagaimana sejarah, ketika mana berlaku selepas Pilihanraya Umum tahun 1990. Tak salah Pilihanraya yang ke-8 atau ke-9 ketika mana Kelantan di takbir oleh Allahyarham Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Ketika itu kita semua sedia maklum

bekerja enam (6) hari dalam seminggu, bekerja enam (6) hari dalam seminggu cutinya hanya hari Sabtu itu di Kelantan dan Terengganu dan di negeri-negeri lain cutinya hanya hari Ahad. Tapi selepas daripada PAS menguasai Kerajaan Negeri Kelantan tahun 1990 idea yang dilontarkan oleh Allahyarham Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Beliau telah mencadangkan supaya cuti untuk pekerja-pekerja yang bekerja di bawah Kerajaan Negeri daripada sehari seminggu kepada dua (2) hari Jumaat dan Sabtu dan ianya pula diikuti oleh kerajaan di peringkat Pusat. Kerana apa Tok Guru kata biar hari Jumaat itu fokus kepada jadikan hari Jumaat sebagai hari untuk mencari ilmu.

Kita nak pastikan jiwa kita yang kosong ini diisi dengan ilmu-ilmu yang bermanfaat. Ilmu-ilmu agama dan lain maka Tok Guru kata jadikan hari Jumaat itu sebagai hari cuti untuk mencari ilmu dan hari Sabtu itu hari keluarga. Bawalah keluarga bersiar-siar, *picnic* dan seumpamanya makan angin di luar. Dan bila urusan keluarga selesai, urusan diri kita selesai. Maka dia kembali semula untuk bekerja pada hari Ahad, bekerja dengan penuh berwibawa. Jadi perkara ini juga perlu diberi perhatian kerana saya melihat dan kebimbangan kita sebagaimana yang dibangkitkan tadi isu masalah bunuh diri. Masalah bunuh diri dan saya dalam soalan bertulis saya untuk sesi kali ini.

Saya melihat statistik yang di beri apabila soalan yang dikemukakan bertanya jumlah orang yang hendak atau telah bunuh diri di Jambatan Pulau Pinang untuk rekod tahun 2018 sahaja. Seramai 14 kes yang direkodkan, sama ada cubaan untuk membunuh diri dengan terjun Jambatan Pulau Pinang. Yang menyebabkan masalah-masalah termasuklah masalah rumah tangga, selisih faham antara suami isteri, tekanan, tiada pekerjaan ini juga perlu di beri fokus. Tekanan dalam pembelajaran, ada yang usianya masih muda sanggup mengambil keputusan nekad untuk terjun Jambatan Pulau Pinang.

Maka ini masalah sosial, masalah jiwa yang perlu diubati dan saya melihat sebab itu saya mengemukakan di sini supaya kerja empat (4) syif ini juga di beri perhatian oleh kerajaan untuk memastikan masa seorang ibu itu atau seorang wanita itu dapat berada di rumah bersama keluarga lebih banyak, lebih banyak masa dan saya yakin Insya Allah kalau kesemuanya kita beri perhatian maka kita boleh membina sebuah masyarakat yang baik, keluarga yang bahagia yang saya kira ini boleh menjayakan Penang 2030 yang telah meletakkan bajet juga pada kali ini dengan 4 Teras meningkatkan daya murni untuk meningkatkan kualiti kehidupan itu yang perlu di beri perhatian dan teras yang kedua menaik taraf ekonomi dengan meningkatkan pendapatan isi rumah dan yang ketiga memperkasakan rakyat untuk meningkatkan penyertaan masyarakat dan teras yang keempat melabur dalam persekitaran infrastruktur dan kemudahan awam untuk meningkatkan daya tahan dalam pelbagai keadaan.

Jadi itu yang ketujuh yang saya yang kelapan, saya minta supaya perkara ini di beri perhatian masalah pekerja-pekerja yang bekerja empat (4) syif ataupun 12 jam dan perkara ini mesti diselesaikan dengan sebaik mungkin kita nak supaya masyarakat supaya keluarga itu baik, masyarakat kampung dan komuniti yang tidak berfungsi itu dapat difungsikan. Hilangnya nilai-nilai kasih sayang itu dapat kita perbaiki dan keprihatinan sesama masyarakat perlu di beri kerana kita melihat dengan kerja lebih masa itu pun kerja ini dia tidak menguntungkan rakyat tetapi lebih menguntungkan golongan kapitalis yang mengaut keuntungan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya melihat kepada masalah pendatang asing juga yang perlu kita beri perhatian. Masalah pendatang asing, yang mana sekarang ini mereka bukan sahaja bekerja di sektor perladangan ataupun perkilangan tapi sekarang ini mereka juga telah menceburi bidang perniagaan yang perkara ini juga boleh menyebabkan peniaga-peniaga di kalangan rakyat tempatan makin terhakis dan peluang itu semakin sempit. Sebab itu saya terima juga masa nak masuk dalam Dewan ini, terima banyak saya di feri tadi pun ada yang mari minta supaya saya suarakan hasrat mereka dalam Dewan yang mulia ini.

Isu lambakkan pendatang asing yang menjalankan aktiviti perniagaan khususnya di sebut di sini di sekitar KOMTAR, Kompleks Tun Abdul Razak. Mohon tindakan oleh PBT supaya melancarkan operasi membanteras aktiviti haram ini yang saya lihat makin berleluasa mereka menguasai perniagaan. Boleh buka kedai runcit, daripada satu (1) kedai runcit ke kedai runcit yang kedua dan seterusnya menyebabkan kedai-kedai runcit rakyat tempatan ini terpaksa di

tutup. Tidak ada pembeli, tidak ada pembeli, tidak ada pelanggan maka kita perlu beri perhatian supaya isu lambakkan pendatang asing yang menjalankan aktiviti perniagaan ini dapat diatasi dengan sebaik mungkin khususnya di Negeri Pulau Pinang ini, *Insyah-Allah*.

Dan begitu juga menyentuh isu Rohingya yang telah dibangkitkan oleh kalau tak silap saya daripada Yang Berhormat Sungai Pinang pada perbahasan petang semalam. Isu Rohingya ianya juga berlaku di kawasan Penaga dan bulan lepas satu (1) pertemuan di buat antara Pengerusi Jawatankuasa Masjid Kuala Muda dengan Agensi-Agensi Penguatkuasaan yang melibatkan PDRM, yang melibatkan AADK, yang melibatkan Imigresen dan lain-lain agensi penguatkuasa kita bincang berkaitan dengan beberapa isu termasuklah isu dadah, termasuklah isu pendatang ataupun isu pelarian Rohingya yang hari ini saya kira mereka juga adalah sebahagian daripada komuniti di negara kita.

Mereka ada keluarga, masyarakat mereka berkumpul kalau masalah mereka kita tidak selesaikan ianya juga memberi satu (1) masalah kepada kita. Walaupun itu masalah mereka tetapi kita kena selesaikan sebab dia akan menimbulkan masalah kepada kita, macam-macam kes bayangkan oleh kerana mereka berkeluarga ada anak. Kelmarin YB. Sungai Pinang sebut daripada suami isteri beranak. Pada anak yang pertama sehingga anak yang ke 9. Sebuah keluarga yang besar, anak-anak ini tidak bersekolah, nak masuk ke sekolah kebangsaan tak boleh sebab mereka bukan warganegara mereka tidak ada ic. Bila anak-anak ini tidak bersekolah pada waktu persekolahan, Anak-anak kita berada di sekolah anak-anak mereka berkeliaran, menimbulkan masalah sosial yang begitu serius masalah sosial. Di sana komuniti berada dalam keadaan jahil kejahilan, maka kerajaan perlu melihat bagaimana cara untuk mengatasi memastikan supaya pelarian Rohingya ini juga di beri perhatian dan bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah.

Sebab ketika mana dalam yang saya sebut tadi dalam pertemuan bulan lepas dengan agensi-agensinya terbabit. Kalau pun Imigresen buat tangkapan, di tangkap pelarian-pelarian ini dan apabila mereka tidak ada kad UNHCR tidak ada kad bila di tangkap dan di panggil pihak UNHCR akan datang dan beri kad. Masuk ke pusat tahanan tanpa kad keluar pula dengan kad rasmi dan mereka akan kembali balik ke komuniti yang mereka berada. Kalau ke Penaga akan kembali balik ke Penaga.

Sehingga berlakunya kes-kes yang lain, kes kecurian, kes sosial, kes mengendap pun ada. Jadi perkara ini perlu di beri perhatian juga oleh kerajaan yang saya sentuh supaya kita dapat mengambil manfaat bersama dan kita dapat mengatasi isu pendatang asing ataupun lambakkan pekerja asing dan juga isu pelarian Rohingya yang saya tahu yang saya kira memang mereka terpaksa lari meninggalkan kampung halaman mereka di Arakan apabila berlaku kekejaman yang dibuat yang dilakukan oleh kerajaan Myanmar sehingga di sempadan Burma ataupun di sempadan Myanmar dengan Bangladesh.

Di suatu daerah yang di sebut dengan ataupun di kenali dengan Cox's Bazar. Saya sudah dua (2) kali sampai di Cox's Bazar dalam misi bantuan. Lebih daripada sejuta pelarian Rohingya yang berada di sana dan duduk dalam keadaan khemah-khemah dan tempat yang sangat tidak selesa yang sangat menyedihkan pemandangan kita. Maka mereka datang ke sini maka kita perlu beri perhatian dan supaya dengan perhatian yang kita beri khususnya di sudut pembelajaran anak-anak mereka, masalah sosial di kawasan tersebut dapat diatasi dengan sebaik mungkin, *Insyah-Allah*. 15 minit boleh?

Yang di-Pertua Dewan undangan Negeri :

15 minit lagi, tak apa nanti sambung sesi yang akan. Ahli-ahli Yang Berhormat saya nak tangguhkan Dewan untuk henti rehat dan kita sambung jam 2.30 petang nanti.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.05 tengah hari.

Dewan bersambung semula pada jam 2.30 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi perbahasan kita bersambung dengan YB. Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua. Saya akan menyambung perbahasan Bajet 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita, pada Jumaat yang lepas pada 9 November 2018, ke arah menjayakan Penang 2030 “Negeri Pintar, Hijau Dan Berteraskan Keluarga Yang Berinspirasi Negara”.

Dalam ucapan perbahasan tengah hari tadi, banyak perkara yang telah saya sentuh dan untuk sambungan pada petang ini, saya juga nak fokus di sudut pertanian. Selain daripada fokus utama saya tadi berkaitan dengan nelayan di Penaga, begitu juga di sudut pertanian sebab sebahagian daripada penduduk-penduduk Penaga juga adalah golongan petani maka, Penaga juga melihat industri tanaman pokok kelapa, pokok nyioq wajar diberi perhatian ataupun diberi fokus yang boleh mendatangkan pendapatan sampingan kepada penduduk kampung. Kerajaan perlu menyalurkan sedikit bantuan kepada penduduk kampung yang mengusahakan tananam tersebut, sebab kita lihat hari ini pun permintaan buah kelapa, air kelapa ini memang sangat tinggi, memang sangat tinggi. Harga sebiji pun dianggarkan antara RM4.00 ke RM5.00 sebiji. Jadi, usaha ataupun industri tanaman pokok kelapa ini juga perlu diberi perhatian terutama sekali bagi EXCO Pertanian melihat perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua, suka juga dalam Dewan ini saya ingin memperkatakan berkaitan dengan semangat *federalisma*. Sebagaimana yang sering disebut dan diungkapkan oleh Yang Berhormat daripada Bukit Tengah, setiap kali saya melihat sesi perbahasan ataupun ucapan beliau di dalam Dewan ini, semangat *federalisma* sangat ditekankan dan saya mengharapkan semoga untuk Malaysia Baharu kali ini, semangat ini dapat diperkasakan. Kita praktikkan dan apabila semangat ini diperkasakan, saya kira tidak timbul soal diskriminasi ataupun soal anak tiri kepada negeri-negeri khususnya, negeri-negeri yang ditadbir oleh Pembangkang kali ini. Sebab itu saya ingin respon juga dengan apa yang disebut oleh YB. daripada Air Putih dalam ucapan dua (2) hari lepas, saya kira ada juga sedikit diselitkan dan juga sahabat saya daripada Pengkalan Kota yang melihat sememangnya Kerajaan Pulau Pinang hebat, disudut kewangan. Dan saya kira Kelantan juga tidak, saya kira Kelantan juga tidak ketinggalan sebab itu tidak timbul soal isu tidak mampu untuk membayar gaji sepertimana yang disebut oleh YB. daripada Air Putih di Parlimen tempoh hari.

Kalau kita melihat kerajaan Kelantan semenjak ditadbir oleh Allahyarham Tok Guru Nik Abdul Aziz tahun 1990. Hampir 30 tahun, Kelantan diperintah oleh PAS. Tapi tidak timbul soal tidak mampu untuk membayar gaji kakitangan. Dan surat yang diviralkan itu adalah tidak lain dan tidak bukan atas semangat *federalisma*, di sana ada peruntukan yang sepatutnya disalurkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri. Sama lah dengan...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Mohon penjelasan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Pulau Pinang pun perlu ada peruntukan pusat untuk Kerajaan Negeri. Sila.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) :

Pohon. Terima kasih sahabat saya daripada Penaga. Saya tertarik dengan ideologi yang dibuat oleh Yang Berhormat tentang pentadbiran Negeri Kelantan. Namun saya masih teringat kenyataan daripada mantan Perdana Menteri bos lama Sungai Dua, mengatakan bahawa kalau

Kerajaan Kelantan tak dibantu oleh Kerajaan Pusat, ketika itu Barisan Nasional, dia kata tak mampu nak bayar gaji. Jadi adakah kenyataan oleh mantan Perdana Menteri itu betul. Dan kalau dia menipu, berbohong sesuai dengan sifat Yang Berhormat Penaga sebut tadi tentang sifat-sifat munafik tadi, apa tindakan Yang Berhormat untuk respon terhadap kenyataan palsu tersebut, kalau ianya palsu. Pohon penjelasan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Permatang Pasir. Saya sebut tadi memang semangat *federalisma* ini perlu kita hayati dengan sebaik mungkin. Dan dalam isu Kelantan, saya kira sahabat saya Ahli Parlimen daripada Pasir Mas telah menjawab di Parlimen dengan statistik ataupun data yang telah dikemukakan, sememangnya kalau kita melihat pendapatan yang diperolehi oleh kerajaan Kelantan dengan perbelanjaan yang dikeluarkan untuk bayaran gaji kepada penjawat awam ni, sememangnya Kerajaan Kelantan mampu. Cuma semangat *federalisma* sepertimana yang saya sebutkan tadi, di sana ada peruntukan yang sepatutnya diberi kepada negeri-negeri yang tidak boleh di anak tirikan dengan tidak boleh ditanggung ataupun dilewatkan, kerana Kelantan sendiri menyumbang kepada KDNK RM21.68 bilion yang di ambil...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Yang Berhormat, tak jawab.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Kerajaan pusat...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Tak jawab, permohonan saya tadi.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Tidak.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Tak. Saya pohon jawab tadi penjelasan terhadap soalan saya tadi.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Yes, memangnya betul saya sebut Kerajaan Negeri Kelantan mampu dan bukan surat yang dihantar itu sekadar untuk membayar gaji, kalau tak mampu bayar, Kelantan yang ditadbir oleh PAS, tak mungkin bertahan dalam tempoh 30 tahun. Dalam tempoh....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Kalau, kalau begitu benarliah Datuk Seri Najib berbohong. Jadi apa respon Yang Berhormat, kalau Datuk Seri Najib bohong.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Dua-dua berbohong. Dulu dua-dua berbohong. Termasuk fakta yang diberi oleh Air Putih juga di Parlimen tidak tepat, kerana itu realitinya. Kita bukan sekadar bercakap, sekadar fakta yang tidak benar, tapi mesti realiti, realiti. Kerana sememangnya Pusat perlu membantu kesemua negeri, bahkan rekod kita di Pulau Pinang pun kalau kita melihat banjir tahun lepas, saya kira Disember kita sendiri melihat bagaimana Ketua Menteri, bekas Ketua Menteri kita viral video, pukul 3.00 pagi, mengalirkan air mata memohon bantuan kepada Kerajaan Pusat untuk menangani isu banjir besar yang melanda negeri kita. Jadi kita tak salahkan dia, sememangnya Pusat perlu membantu, perlu membantu.

Jadi atau semangat *federalisma* ni saya kira perkara ini tidak sepatutnya dibangkitkan sama ada di Peringkat Parlimen ataupun di Peringkat Dewan Undangan Negeri, dan Dewan yang mulia ini. Saya sekadar sentuh kerana disentuh oleh Air Putih dan juga sahabat saya daripada Pengkalan Kota.

Saya teruskan ucapan saya, saya melihat isu tanah runtuh ini walaupun telah diberi penjelasan daripada Datok Keramat, dan ada lagi soalan lisan saya mungkin besok berpeluang. Cuma, kita perlu melihat dengan cara yang lebih jelas, dengan cara yang lebih tepat untuk memastikan supaya perkara ataupun insiden tragedi ini tidak berulang oleh kerana tahun lepas telah berlaku tragedi yang mengorbankan nyawa, dan tahun ni sekali berlaku di Bukit Kukus tragedi yang bukan sahaja merugikan harta benda tetapi, menghilangkan nyawa apabila 9 daripada pekerja asing yang terkorban dalam insiden tersebut. Kebimbangan ini juga timbul dan saya melihat satu kenyataan media yang dikeluarkan oleh, oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan juga Sahabat Alam Malaysia (SAM). Kebimbangan dengan cadangan pembinaan dua (2) buah hotel di atas Bukit Bendera, yang akan bertentangan dengan Pelan Kawasan Khas (SAP) bagi Bukit Bendera, dan mendedahkan risiko serius terhadap kejadian tanah runtuh dan hakisan tanah, bukan hanya kepada bukit itu sahaja, tapi juga kesannya kepada bahagian bawah.

Jadi perkara ini disebut kerana di sana ada berdasarkan laporan akhbar Ketua Menteri kita sendiri telah berkata salah sebuah hotel itu akan dibina di belakang banglo Convalescent manakala sebuah lagi akan dibina sepanjang cerun berdekatan *cafe* di laluan kuli. Maka ini kebimbangan, NGO-NGO juga bimbang sebab itu kita perlu melihat, kalau SOP yang telah ditetapkan itu tidak diikuti, maka kita bimbang keselamatan bangunan tersebut oleh YB. daripada Datok Keramat juga, keselamatan nyawa ataupun supaya insiden tidak berulang ianya pasti akan berulang kalau perkara-perkara ini tidak diambil peduli dan sepatutnya kawasan-kawasan itu perlu dipelihara.

Jadi itu sebagai, sebagai ingatan ataupun respon dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang. Saya juga nak sentuh berkaitan dengan isu pengangguran dan perancangan Kerajaan Negeri untuk menghasilkan di sana kesemua rakyat khususnya mendapat peluang ataupun peluang mendapat pekerjaan. Dan dalam Manifesto PH di Peringkat Nasional itupun menjadikan 1 juta peluang pekerjaan. Perkara ni kita nak pastikan supaya di Negeri Pulau Pinang juga rakyat kita dapat bekerja di sektor-sektor, bekerja dengan baik. Apabila saya melihat disana ada juga kes-kes apabila diberhentikan ataupun dibuang daripada sektor pekerjaan yang mengakibatkan mereka ini menganggur.

Berdasarkan soalan bertulis saya berkaitan dengan jumlah pekerja yang telah diberhentikan dan dibuang dari sektor industri perkilangan semenjak tahun 2015 sehingga ke hari ini, maklumat yang diberi, jawapan diberi daripada 2015 seramai 9,390 orang. Walaupun nilai itu makin berkurangan setiap tahun, dan untuk 2018 ini sehingga bulan September hanyalah 1,643. Jadi kita perlu fokus bagaimana kita nak menjana, nak memastikan industri ini juga dapat berkembang pesat dengan pelaburan-pelaburan yang masuk, yang memungkinkan pekerja ataupun rakyat kita memperolehi pekerjaan. Sebab di sana ramai dikalangan mahasiswa juga yang menganggur. Jadi perlu ada perancangan yang jelas juga daripada Kerajaan Negeri.

Untuk isu nasional, saya juga ingin menyentuh oleh kerana Pulau Pinang juga tidak terkeluar daripada isu yang pertama berkaitan dengan masalah penyebaran Bible dah dibangkitkan, dan saya nak bangkitkan sikit lagi supaya Majlis Agama Islam dan Kerajaan Negeri mesti pantau, ataupun memberi perhatian yang serius, tidak ada lagi pengedaran Bible di pintu sekolah-sekolah. Dan apa yang berlaku di Taman Kuala Bekah itu saya kira mungkin oleh kerana sekarang ni masih dalam siasatan Polis, *report* Polis telah dibuat, provokasi mungkin provokasi atau seumpamanya, tapi kita tidak mau mencetuskan suasana kebimbangan dalam masyarakat kita.

Jadi hak agama itu kita jaga, kita rai, masing-masing bebas, bebas beramal dengan kepercayaan ataupun anutan masing-masing dan Islam itu adalah merupakan Agama Persekutuan bagi negara kita.

Dalam soal isu ICERD, saya oleh kerana wakil tunggal PAS dan sememang PAS menentang sekeras-kerasnya apa yang dinamakan ICERD ini, ringkasan kepada ataupun dimaksudkan "Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Semua Bentuk

Diskriminasi Kaum”. Konvensyen ini telah dibuka untuk ditandatangani dan disahkan mulai 21 Disember 1965, dan mula berkuatkuasa pada 4 Januari 1969. Hingga ke hari ini Malaysia tidak mengesahkannya. Malaysia adalah salah satu dari negara yang tidak menerimanya. Peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan juga sudah mencukupi untuk memihak keadilan dan hak asasi manusia kepada semua kaum dalam negara kita. Keadaan yang keadaan yang tiada pencapaian yang sewajarnya kepada rakyat Bumiputera dalam bidang ekonomi dan pendidikan, walaupun jumlah mereka paling besar, tetapi masih ketinggalan.

Begitu juga hak Islam yang masih belum, yang masih banyak belum ditunaikan, ada di sana hak-hak Islam yang masih banyak, yang belum ditunaikan walaupun, sudah ada dalam Perlembagaan. Jadi perkara ini perlu kita beri perhatian. Namun, hendak dihapuskan kononnya hak asasi yang adil dan persamaan. Ketahuilah bahawa yang adil itu, maknanya meletakkan sesuatu pada tempatnya yang sewajar, bukan persamaan yang sewajarnya mengikut kemampuan, kerana kemampuan yang berbeza mestilah diambil kira. Ketahuilah bahawa perjuangan menentang penjajah dahulu dimulakan oleh umat Islam dan Bumiputera seawal kedatangan Penjajah Portugis tahun 1511 sehinggalah 31 Ogos 1957, sekali gus negara kita mencapai kemerdekaan dalam keadaan penjajah sengaja meletakkan bumi kita dan umat Islam dalam ketinggalan.

Maka jangan dipermainkan isu ICERD ini, kerana kemenangan Pakatan Harapan (PH) dalam Pilihanraya tanpa peduli keadaan demografi penduduk yang, tanpa peduli keadaan demografi penduduk dan ketinggalannya yang masih gagal diusahakan. Maka sepatutnya ICERD ini dihadapkan kepada Israel yang telah merampas bumi Palestin, membunuh penduduk asal, menindas, menganiaya umat Islam di sana, maka perlu dihadapkan kepada Israel dan Myanmar juga tak terkecuali yang melaksanakan kekejaman terhadap rakyat yang berbeza agama dan bangsa di negara mereka, maka bukan diterima di negara Malaysia ini yang telah wujudnya penerimaan masyarakat majmuk, jangan lagi diganggu sehingga melampaui batas yang ada. Jangan dilanggar lampu merah yang sedang menyala. Jangan bersikap laksana diberikan betis mahukan paha.

Maka, saya mengakhiri ucapan perbahasan Bajet saya pada petang ini dengan kita mengingatkan dengan kita mesti mengambil kira dan pihak kerajaan untuk menguruskan Bajet ini, berkonsepkan “Wasatiah”. Sederhana, jangan bakhil, jangan ada sifat kedekut termasuklah bakhil terhadap kawan politik. Maka hak mesti diberi sama rata kerana sepatutnya demam Pilihanraya sudah tiada lagi. Kerajaan jangan lupa, jangan juga boros khususnya diadakan pula projek untuk memenuhi poket kroni.

Sejarah lama kita kena padam, kita kena buang jauh-jauh daripada negeri dan negara kita. Kita mulakan dengan Malaysia Baru. Dan lebih parah sekiranya berlaku lagi pembaziran, ketirisan apabila belanja dalam perkara yang tidak berguna kepada rakyat dan kerajaan. Maka, saya mengakhiri dengan Firman Allah S.W.T. (*bacaan potongan ayat Al-Quran*);

“Sesungguhnya orang-orang yang boros dan membazir itu adalah saudara syaitan”.

Maka Timbalan Yang di-Pertua saya mengakhiri ucapan saya dan sekali lagi dan di mana saya tegaskan diawal perbahasan tengahari tadi yang ketika itu tidak dihadiri oleh Ketua Menteri, maka wakil tunggal PAS dalam Dewan ini menyokong bajet 2019 yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih YB. Penaga. Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang. Salam hormat dan salam harapan kepada Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan semua ADUN-ADUN, pegawai-pegawai kerajaan yang hadir pada petang ini. Terlebih dahulu Bayan Lepas ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada sahabat parti lama saya, Penaga yang pada awalnya dalam perbahasan beliau awal-awal lagi menyatakan sokongannya kepada belanjawan yang dibentangkan Y.A.B. CM. Tahniah dan syabas. *Insyaa-Allah*, saya yakin...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Mohon mencelah.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Okey, boleh.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Terima kasih kepada YB. Bayan Lepas. Inilah pendekatan PAS. Politik matang dan sejahtera. Yang baik kita menyokong, yang merugikan rakyat kita membantah.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Terima kasih kepada sahabat saya daripada Penaga. Jadi, Y.A.B. CM boleh dipertimbangkanlah daripada RM60,000 jadi RM600,000 untuk ADUN-ADUN Pembangkang. Tapi dengan syaratlah. Kena tukar borang. Sebab cara cakap, cara perbincangan seperti berada dalam Kerajaan Negeri. Betul tak? Okey, saya teruskan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Boleh mencelah?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Mencelah lagi?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Harap dalam suasana Malaysia Baharu ini tidak ada istilah 'katak yang suka melompat'. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Bayan Lepas, kena ingat *you* ada 30 minit. So, kalau *you* benarkan celah-celah ni, potong masa kamu juga.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Mungkin kata-katak tak akan mencelah-celah Tuan Speaker. Okey, izinkan saya meneruskan perbincangan saya. Bayan Lepas menyambut baik Belanjawan 2019 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dengan 4 Teras Utama menjadikan pemangkin untuk kerajaan menerajui keharmonian dan kesejahteraan rakyat di negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, terima kasih peruntukan untuk institusi Islam sebanyak RM56.8 juta yang amat dialu-alukan sejajar dengan konsep Rahmatallilalamin, iaitu rahmat untuk sekalian alam yang diimplementasikan di samping juga peruntukan pembinaan sekolah-sekolah agama rakyat yang termasuk dalam bajet RM12 juta untuk sektor-sektor pendidikan lain yang telah diperuntukan.

Terpulanglah kepada agensi pelaksana seperti MAINPP, JAIPP, Yayasan Islam Pulau Pinang dan Pejabat EXCO Agama sendiri untuk menggunakan sebaiknya amanah yang Kerajaan Negeri telah berikan. Bagi membawa Islam sebagai Rahmatallilalami, Maqasid Syariah dan juga Fiqh Malazi untuk dihadamkan oleh muslim di negeri ini.

Tuan Speaker, bagi setengah jam kena laju sikit Tuan Speaker. Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 hingga sekarang telah membelanjakan lebih RM20 juta untuk prasarana malah membina masjid dan surau. Terima kasih atas peruntukan dan keprihatinan ini, sudah tentulah hasrat Kerajaan Negeri dengan peruntukan tersebut untuk mengharmonikan masyarakat dan juga mengharmonikan hubungan Kerajaan Negeri dengan masjid serta surau. Namun demikian, masih ada lagi masjid dan surau dijadikan platform politik yang melampau memainkan isu-isu yang tidak sewajarnya. Saya mencadangkan agar ADUN-ADUN dari muslim dari Kerajaan Negeri dilantik secara automatik sebagai penasihat kepada Jawatankuasa Qaryah, manakala bagi kawasan yang tiada ADUN Muslim, ADUN berkenaan bolehlah mencadangkan nama penasihat tersebut kepada Pejabat Agama Daerah untuk diproses. Bagi saya bukanlah bertujuan untuk masuk campur pengurusan qaryah atau masjid secara terus tetapi lebih kepada pemudah cara

yang mana kita pun tahu kerajaan sekarang adalah sama dengan kerajaan *federal* bagi meningkatkan tadbir urus yang lebih baik.

Selain daripada itu, saya berharap pegawai-pegawai Pejabat Agama, JAIPP jalanlah tanggungjawab anda dengan telus, buatlah pemantauan setelah aduan dibuat, jangan pula pengadu dibebankan supaya membawa bukti rakaman suara dan sebagainya kerana penceramah berkenaan selalunya akan hadir secara berkala melainkan ada jemputan khas. Pegawai Agama tersebut boleh cari maklumat dan buat pemantauan. Penjawat awam perlu bersikap profesional walaupun pendirian politik tidak seiring dengan Pakatan Harapan. Yang benar tetap benar, yang batil tetap batil. Seperti Penaga katakan tadi, kita dalam era Malaysia Baharu.

Saya ucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri yang telah melangkah ke penggal ketiga pemerintahan di Pulau Pinang. Selama dua (2) penggal atau 10 tahun rakyat terus dibela dengan pelbagai inisiatif dibuat dengan pelbagai sudut yang difikirkan dapat membantu atau mempertingkatkan taraf hidup seperti AES Pembasmian Kemiskinan, pinjaman usahawan, bantuan peralatan ekonomi, bantuan baik pulih dan bina rumah baru, perumahan rakyat serta kemudahan infra. Program bantuan atau penghargaan kepada rakyat yang mencetus gelombang penerimaan rakyat kepada Pakatan Harapan adalah i-Sejahtera yang mana telah menelan belanja RM412 juta sepanjang 10 tahun.

Tuan Speaker, saya amat gusar, dalam belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat yang mengaitkan hasrat Kerajaan Pusat untuk mengurangkan bantuan sara hidup atau dulu dikenali BRIM, sekarang Bantuan Sara Hidup. Kita dimaklumkan Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji pemberian i-Sejahtera tersebut. Saya sangat-sangat berharap agar program berkenaan diteruskan malah ditambah baik seperti yang termaktub dalam Manifesto Pakatan Harapan Negeri bagi Pilihanraya Yang Ke-14 seperti kenaikan bayaran warga emas dan OKU sebanyak RM200 setahun.

Kerajaan Negeri juga perlu sedar pengundi-pengundi sehingga tertubuhnya Kerajaan Negeri yang kuat adalah hasil sokongan padu oleh wanita. Oleh itu, saya syorkan supaya janji untuk memberi bantuan khas kepada ibu yang bekerja dengan syarat-syarat tertentu seperti mempunyai anak yang berumur 6 tahun diberikan RM300 setahun sebagai bantuan kepada mereka untuk menghantar anak ke pusat-pusat penjagaan. Selain itu, dalam Manifesto Pilihan Raya, kita juga telah menawarkan RM300 setahun untuk Program Penang Sihat. Bagi saya hasrat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat tidak boleh disamakan kerana Kerajaan Negeri yang ditubuh adalah kerajaan daripada parti yang sama sebelum pilihan raya tetapi tidak bagi Kerajaan Pusat yang mana Kerajaan Pusat tidak mendapati gambaran sebenarnya keadaan kewangan kerajaan terdahulu iaitu beban kewangan yang kerajaan baru akan tanggung.

Kebanyakan Manifesto yang besar telah ditunaikan oleh Kerajaan Negeri seperti perincian jawapan bertulis yang saya terima. Saya yakin Kerajaan Negeri akan terus komited dan saya berdoa apa yang dijanjikan dipermudahkan untuk dikota dan dilaksanakan.

Tuan Speaker, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan Negeri memperuntukkan RM15 juta bagi menyediakan bas percuma. Saya dimaklumkan di kawasan lain telah beroperasi. Namun demikian, Bayan Lepas yang agak luas daripada Sungai Ara ke Gertak Sanggul masih tiada lagi khidmat bas percuma tersebut. Saya mohon agar khidmat bas percuma ini disediakan bagi memudahkan orang awam untuk bergerak. Untuk makluman, masih ada kawasan dalam DUN Bayan Lepas yang mana Bas Rapid tidak sediakan khidmat. Saya berharap apabila diadakan nanti bas percuma tersebut perlu pastikannya bertepatan dengan jadual pelajar sekolah pergi dan balik kerana ada pelajar yang pergi ke sekolah dengan berjalan kaki sejauh 2 km . Di samping memudahkan rakyat dengan adanya bas tersebut, ianya dapat menghindarkan pelajar sekolah risiko kemalangan dengan jalan raya yang sibuk apabila berlaku pembesaran jalan raya maka pelajar sekolah amat berisiko sebagai penjalan kaki. Bertam juga ada memaklumkan kawasan beliau menerima sebanyak empat (4) buah bas CAT yang telah beroperasi. Bagi saya ia adalah projek khidmat percuma dalam skop yang besar. Moga-moga Bayan Lepas juga akan terima jumlah yang sedemikian.

Bayan Lepas sekarang telah himpit pembangunan yang mana tumpuan pembinaan perumahan kos tinggi yang melibatkan permasalahan kepada penduduk yang telah tinggal lama di tanah tersebut secara perjanjian mulut berpuluh-puluh tahun dan sekarang dijual oleh pemilik tanpa sedar. Lebih 200 buah rumah yang akan diarahkan keluar. Saya memohon Kerajaan Negeri sentiasa menyokong saya membela pemilik rumah untuk mendapatkan pampasan yang wajar seperti dasar setinggalan Pulau Pinang iaitu nilai rumah ganti rumah kos rendah. Namun, saya mohon dasar ini diperketatkan lagi dengan memasukan sekali dengan nilai kos lot parkir. Saya sedang berusaha dan berharap mereka ini dapat disediakan minima kos rendah. Buat ketika ini, ada pemaju yang sudi berbincang dan ada juga pemaju yang enggan berbincang dengan saya sebagai ADUN Kawasan. Kebanyakannya telah diheret ke mahkamah terlebih dahulu menyebabkan penduduk gundah gulana, panik, takut dengan notis pengusiran dalam tempoh satu (1) bulan untuk keluar dari tanah tersebut. Bagi saya pemaju pun perlu lebih berhemah dan beradab. Jumpalah pimpinan tempatan untuk menggunakan peguam atau surat peguam sebagai persediaan awal, itu tiada masalah. Lebih teruk lagi, jika tanah tersebut dimiliki oleh syarikat dari luar Pulau Pinang yang tidak mahu faham walaupun saya telah mengutuskan surat mengenai dasar-dasar Kerajaan Negeri yang perlu dipenuhi.

Tuan Speaker, Bayan Lepas tidak menolak pembangunan namun setiap permohonan merancang, PBT hendaklah menitikberatkan sosial impak terhadap keadaan sekeliling termasuklah kadar mampu tanggung atau '*water catchment*' Sungai Teluk Kumbar dan Sungai Bayan Lepas bagi mengelak banjir yang teruk bagi masa yang akan datang kerana banjir yang berlaku sekarang pun terhasil hanya cukup hujan lebat selama dua (2) jam. Agensi-agensi teknikal perlulah membuat kajian mendalam sebelum komen dalam ulasan dibuat untuk perhatian PBT. Kita tidak mahu apabila pemajuan nanti tanahnya ditimbun tinggi maka tanah bersebelahan pula rendah dibanjiri air. Bayan Lepas sekali berharap RTB Teluk Kumbar dan RTB Bayan Lepas dapat dilaksanakan segera. Mengenai banjir juga Bayan Lepas amat istimewa kerana frekuensi banjir kilat yang melanda DUN Bayan Lepas mengatasi DUN lain-lain kekerapannya. Apabila hujan lebat sahaja penduduk akan dibayangi oleh hantu air iaitu banjir.

Bayan Lepas juga dihantui dengan banjir daripada air IWK. Perkara ini telah saya bangkitkan hampir setahun dalam Mesyuarat JKTD tetapi sampai sekarang masih lagi tidak diselesaikan apabila *main hole* di persimpangan *traffic light* Rajawali sampai sekarang melimpah lagi. Ini mendatangkan keadaan yang tidak enak untuk diduduki dan mendatangkan bahaya kepada pengguna-pengguna jalan raya.

Mengenai persiapan menghadapi banjir pula saya syorkan agar pusat pemindahan rasmi diberikan perhatian khas iaitu dibuat pemantauan berkala bagi memastikan tahap penyelesaian dan keselamatan terjamin seperti pencahayaan yang mencukupi, kipas syiling berfungsi, bilik air yang menyelerakan serta kawasan mudah dikawal. 'Kit bencana' seperti tuala, selimut, bantal hendaklah sentiasa mencukupi dan sebolehnya ditambah lagi *collapsible tank* ataupun *partition* yang ada tulis IM4U. Dengan adanya *partition* tersebut, amat penting bagi memudahkan keluarga mengawal anak-anak serta memelihara aib mangsa serta memudahkan petugas memastikan mangsa berada di pusat tersebut atau tidak lagi selepas *partition* tersebut ditanda. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, bagi Bayan Lepas dalam menangani kes banjir, kita mendapat kerjasama yang baik daripada semua agensi kerajaan. *Alhamdulillah*.

Mengenai perumahan, syabas Kerajaan Negeri kerana telah berjaya membina hampir 100 ribu rumah. Rakyat sebenarnya mengharapkan pembinaan rumah kos rendah dan sederhana rendah, lebih banyak kerana rumah lebih RM150,000 agak sukar dimiliki, saya dimaklumkan projek mampu milik Rumah Pavilion masih lagi tidak boleh habis dijual kerana tiada kemampuan membeli walaupun binaannya dan suasana sekitar yang amat baik.

Perda, PDC atau MAINPP sendiri ada hartanah diseru agar membangunkan perumahan awam, tidak kiralah kaedah pemilikan macam mana yang sesuai sama ada kaedah sewa beli, sewa asnaf atau pusat perlindungan gelandangan, kes rumah kos rendah yang tidak mampu dibeli akibat proses bank saya rasa bukanlah majoriti dalam senarai empat puluh ribu mereka yang menunggu. Mungkin juga ZPP, Zakat Pulau Pinang boleh fikir bagaimana untuk membantu jika mereka ini muslim dengan cara ZPP diberikan hak membeli rumah kos rendah terlebih

dahulu, kemudian lakukanlah kaedah sewa beli jika berkemampuan bagi pihak penyewa berkenaan.

Tuan Speaker, sukan dan belia perlu diberikan perhatian serius. Bila menyentuh sukan bola sepak Pulau Pinang amatlah menyedihkan. Semua pihak kenal bola sepak adalah ibu segala sukan, ibu segala pingat. Kita mengharapkan bola sepak akan menyinar serinya satu hari nanti di bawah kepimpinan Tuan Speaker. Saya yakin, tidak mustahil...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB, tambah lima minit.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Jika kita dapat menyediakan padang yang baik di peringkat sekolah lagi dan saya yakin bola sepak akan menyinar jika kita dapat menyediakan di peringkat sekolah lagi, prasarana-prasarana seperti padang yang baik. Baru-baru ini saya menganjurkan perlawanan bola sepak Anak Muda Bayan Lepas, sambutannya adalah amat hebat. Tetapi alangkah sedihnya apabila melihat keadaan padang Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Batu kalau dikirakan bola letak depan gol tak tendang pun boleh masuk. Maknanya tidak rata. Padangnyanya cukup luas tetapi tidak rata. Bagaimana kita nak lahirkan pemain yang penuh kemahiran. Kebanyakan sekolah tidak mempunyai padang bola jika adapun padang itu tidak cukup saiz dan tidak sempurna permukaannya. Bayan Lepas tidak mempunyai mini stadium ataupun padang yang sesuai untuk sukan bola sepak ataupun sukan padang. Saya mencadangkan agar EXCO Belia dan Sukan berbincang dengan Kementerian Pendidikan atau Jabatan Pendidikan Negeri untuk naik taraf padang Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Batu dan dijadikan *railing* utama sukan bola sepak kawasan DUN Bayan Lepas.

Anak Bayan Lepas cemerlang dalam sukan layar sehingga kerap kali membolot pingat emas dalam pertandingan antarabangsa contohnya Sukan Sea yang baru lalu disebabkan ada kemudahan latihan sukan air di Teluk Kumbar. Bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnyanya. Begitu juga sukan bola sepak, latihan yang kukuh di peringkat awal diperlukan. Saya percaya kawasan lain juga ada masalah yang sama seperti Bayan Lepas hadapi. Saya juga yakin Yang Berhormat Tuan Speaker menyokong saya dalam isu bola sepak ini. Hasrat saya supaya apa yang kita buat akan melahirkan generasi muda yang sihat mental dan fizikal serta akan dapat mengharumkan nama negeri Pulau Pinang. Saya berharap Tuan Speaker setuju. Saya juga menyokong kenyataan Batu Lancang mengenai *e-sport* yang saya fikir banyak negatifnya. Tidak semestinya sesuatu yang baru itu adalah baik dan jika dia tidak di urus dengan baik ia akan menjadi barah untuk generasi muda yang terleka dan paling teruk jika ianya menular menjadi budaya pula. Pada yang terlibat secara profesional mungkin tiada masalah tetapi saya bimbang dengan penglibatan daripada pelajar-pelajar sekolah rendah lagi jika Kerajaan boleh bagi perhatian khas hingga mencecah jutaan ringgit untuk disalurkan kepada *e-sport* saya juga mohon. Saya juga mohon jasa baik supaya baik pulih penyediaan padang diberikan perhatian sejajar juga dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk pupukkan semangat bersih, hijau, sihat dan selamat.

Tuan Speaker mengenai infra, dalam sesi DUN yang lepas saya telah bangkitkan cadangan supaya jalan ke Genting yang menghubungkan Bayan Lepas ke Balik Pulau dibesarkan supaya tiada *bottle neck* dari jalan empat lorong yang sedia ada dari Teluk Kumbar menjadi dua lorong. Sekarang jalan ke Bukit Genting menghadapi masalah mengalami runtuh yang serius. Saya pun tidak paham kenapa rejim UMNO dulu tidak meneruskan pelebaran jalan berkenaan saya dan saya kira-kira hanya tinggal 150 meter sahaja lagi ke penghujungnya. Sekarang rakyat pula terima bahana apabila jalan berkenaan di tutup satu lorong. Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada YB. EXCO, Zairil yang telah berjaya mendapatkan peruntukan daripada MOF sebanyak RM 1.7 juta untuk kerja-kerja pembaikan segera. Terima kasih juga kepada JKR Barat Daya dan juga JKR Pulau Pinang yang menjalankan tugas dengan baik. Walaupun rakyat akan terjejas selama tiga (3) bulan mengikut jangkaan masa yang saya dimaklumkan. Kerja-kerja baik pulih akan dilakukan bermula dalam minggu ini. Jalan ini adalah jalan utama bagi Daerah Barat Daya kerana di bahagian Balik Pulau terletaknya pejabat-pejabat pentadbiran kerajaan serta pusat pendidikan seperti KKTM, Kolej Vokasional

yang tidak terdapat dalam Dun Bayan Lepas. Kesian Dun Bayan Lepas apa pun tak ada. Saya sekali lagi mendesak pembesaran jalan tersebut secara menyeluruh perlu dibuat segera. Saya mohon JKR negeri membuat kajian kos dan lain-lain keperluan untuk dikemukakan kepada Menteri Kerja Raya segera untuk mendapat pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pendidikan juga adalah teras utama kejayaan sesuatu negara. Sebelum ini Batu Lancang juga menyuarakan kekesalannya prasana sekolah kebangsaan yang amat tidak memuaskan. Pelbagai permohonan dan aduan yang saya terima walaupun baru enam (6) bulan sebagai ADUN. Sebelum ini guru-guru dan lembaga sekolah dikunci rapat oleh rejim UMNO supaya wakil Kerajaan Negeri tidak dibenarkan masuk walaupun ketika itu saya bertugas sebagai Pegawai Penyelaras KADUN di bawah Ketua Menteri. Tabika KEMAS pun ditadbir secara terus oleh rejim sehingga kini. Syukur peralihan kerajaan yang memerintah setelah hampir enam puluh satu tahun telah dihumban dengan kunci-kuncinya sekali dan telah dibuka sepenuhnya. Kita dapat melihat betapa teruknya kerosakan yang disembunyikan, projek-projek pembinaan sekolah melalu PMC seperti yang disuarakan oleh Bertam amatlah mendukacitakan. Ada sekolah mempunyai seribu pelajar namun tiada surau atau musollah disediakan, ada sekolah yang ada dewan tetapi tidak boleh digunakan, ada bilik air, bilik air sumbat, ada lampu, lampu tak menyala.

Saya dan kita telah diamanahkan untuk memperkasakan kembali prasarana pendidikan. Kita sedia maklum Belanjawan Nasional memperuntukan RM60.2 billion, merupakan 19% daripada belanjawan penuh iaitu RM250 juta untuk prasarana sekolah kebangsaan, mubaligh serta lain-lain. Serta RM100 juta untuk pembangunan sekolah daif. Namun demikian bagi saya Kerajaan Negeri juga perlu memberikan fokus untuk membantu sekolah kebangsaan melalui peruntukan sekolah Kerajaan Negeri bagi mempercepatkan proses pemerksaan sekolah kebangsaan. Pegawai-pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah perlu dipantau dan memantau supaya budaya lama yang telah dapat, budaya lama yang telah dijalankan dapat diperbaharui agar seiring dengan hasrat kerajaan, hasrat pasca PRU 14 tidak usah disembunyikan sebarang kerosakan atau kekurangan. Marilah kita bekerja untuk tingkatkan taraf sekolah kebangsaan dan daya saingan anak bangsa kita di persada dunia.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya telah merasmikan program murni yang telah diadakan oleh Guru Besar dan PIBG di Sekolah Kebangsaan Mutiara Perdana di Bayan Lepas bagi melancarkan tabung pembinaan surau sekolah yang saya maksudkan tadi yang mana jumlah pelajar muslim seribu orang tetapi kemudahan surau tidak dibuat melalui rejim BN melalui projek PMC. Saya ucapkan sedap pula perkataan rejim ini. Saya ucapkan syabas, syabas atas usaha pihak sekolah dan PIBG tersebut. Saya mengharapkan EXCO Pendidikan dan juga JPN fikirilah sama ada sekolah ini boleh memohon peruntukan daripada RM100 juta untuk sekolah daif yang diisytiharkan melalui Kerajaan Pusat mungkin boleh dimasukkan ke sekolah ini dari segi takrifannya sekolah daif, dan lawatan saya ke sekolah-sekolah Bayan Lepas banyak kerosakan yang perlu dibaiki segera dan saya berharap tindakan segera dapat diambil untuk mengatasi apa saja masalah dengan adanya hubungan baik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Kerajaan yang ada sekarang adalah kerajaan yang terbuka dan akan terima maklumat dan aduan daripada mana-mana peringkat yang paling penting, rakyat marhaen terus dibela.

Tuan Yang di-Pertua, selari dengan pesanan Perdana Menteri kita, Tun Mahathir Mohamad supaya penjawat awam perlu menghormati demokrasi di mana bumi di pijak di situlah langit dijunjung. ADUN-ADUN perlulah main peranan sebagai pemantau kredibiliti penjawat awam khususnya agensi pusat yang selama ini berkhidmat dengan rejim BN. Bukanlah kita untuk merasa sangsi menekan atau menganiayai sesiapa atau membalas dendam tetapi kita perlu seiring dengan harapan rakyat untuk melihat perubahan besar dalam negeri dan negara yang lebih baik, saya ingatkan juga supaya penjawat awam supaya dapat memberikan kerjasama yang baik kepada wakil-wakil rakyat dan jangan cuba menyusahkan kami untuk beri khidmat untuk rakyat. Buat masa ini saya tidak ada masalah lagi dengan agensi Kerajaan Pusat yang memberikan kerjasama yang baik sepanjang enam bulan saya berkhidmat. Saya faham penjawat awam terikat dengan SOP atau pekeliling. Namun demikian saya sebagai wakil kepada rakyat memohon prosedur yang minimum yang perlu saya penuhi apabila berhadapan dengan isu keselamatan, kebajikan kesejahteraan rakyat yang kami utamakan. Polisi kerajaan yang

telah sekian lama diamalkan iaitu CAT - Cekap, Akauntibiliti dan Telus, pegawai kerajaan perlu hadam. Jangan terlalu mahukan ketelusan sehingga mengabaikan kecekapan dan lambat untuk membuat keputusan dan bertindak, hingga rakyat terkesan hingga kurang efisien dan sebaliknya dan jangan pula kita mengabaikan terus ketelusan dan kredibiliti kerana ianya sememangnya teras perjuangan kita selama ini.

Sektor ekonomi, syabas kepada Yang Amat Berhormat yang begitu bersungguh-sungguh untuk menarik pelabur asing dan tempatan ke sektor perkilangan di Pulau Pinang. Ini dibuktikan dengan Ketua Menteri dan ADUN-ADUN sendiri telah turun melihat mendengar penerangan secara terus seperti baru-baru ini di kilang Inari di FTZ Bayan Lepas dan kilang WD di Batu Kawan. Ramai yang sering kali silap anggapan bahawa FTZ tersebut terletak dalam DUN Bayan Lepas padahal ianya terletak dalam DUN Batu Maung ataupun DUN Pantai Jerejak.

Sektor elektronik menjadi fokus industri di Pulau Pinang, dalam DUN Bayan Lepas tiada kilang yang ada hanya peniaga-peniaga kecil yang berselerakkan, ada kompleks perniagaan MBPP di Rajawali dan Kompleks MBPP di Sungai Ara. Namun penduduk Teluk Kumbar masih menanti tanda-tanda pembinaan *market* baru seperti yang direncanakan telah lama, yang ada sekarang kelihatan semak samun sahaja. Sedih Tuan CM. Harap-harap Kerajaan Negeri dapat menyiapkan segera pasar berkenaan sebagai kemudahan awam yang asas sebagai simbol sesuatu penempatan turut sama dimajukan.

Sektor pelancongan juga menggamit orang luar untuk datang ke DUN Bayan Lepas dengan adanya Pantai Teluk Bayu dan Tanjung Asam yang cantik namun tiada kemudahan asas seperti seperti bilik air, bilik persalinan dan surau serta kiosk jualan makanan. Saya kira....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Untuk memberi jawapan segera, MBPP memang sudah dapat tanah termasuk mengadakan pertandingan reka bentuk dan sudah pun sediakan bajet tetapi memandangkan projek ini memang tidak kos efisien sebab termasuk tanah dan bangunan ia melebihi RM20 juta lebih, untuk kurang dari tujuh puluh gerai jadi MBPP sedang kaji semula *skill down* reka bentuk dan tidak membelanja begitu banyak tapi masih dapat menyediakan kemudahan pasar di tempat yang sudahpun di ambil alih tanah dia.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Terima kasih jawapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, rakyat-rakyat Bayan Lepas sanggup menanti asalkan jadi. Sektor pelancongan juga mengambil orang luar untuk datang ke DUN Bayan Lepas dengan adanya Pantai Teluk Bayu dan Tanjung Asam yang cantik namun tiada keperluan asas seperti bilik air, bilik persalinan dan surau serta kiosk jualan makanan. Saya kira EXCO Pelancongan boleh membantu saya untuk membangunkan dan menyediakan kemudahan dengan segera ke lokasi tersebut yang semakin hari semakin ramai pengunjungnya.

Tuan Yang di-Pertua Bayan Lepas juga terletak Lapangan Terbang Antarabangsa yang sebelum ini digembar-gemburkan digemparkan banjir. Namun langkah baik pulih, naik taraf sistem pengairan di lokasi yang bermasalah telah dibuat dengan segera. Syabas diucapkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya yang telah memanggil Pengurusan MAB untuk memberikan penjelasan. Apa yang perlu dibuat bagi menggambarkan Pulau Pinang begitu indah ialah laluan keluar bermula daripada pusingan bulatan ataupun *round about* perlu disenggarakan secara rutin. Ada belukar berhampiran pusingan bulatan yang menghala ke Bukit Ayun. JKR atau MBPP perlu lihat skop siapakan masalah tersebut untuk diselesaikan. Pagi tadi saya lalu belukar lagi.

Menyentuh mengenai kesihatan, Bayan Lepas tidak terlepas dari ancaman denggi. Saya ingin mear-warkan persetujuan Menteri Kesihatan untuk membekalkan *drone* bernilai RM20,000 setiap satu bagi mengesan tempat pembiakan nyamuk aedes. Yang baru dimaklumkan dalam berita TV3, lama tak dak TV3, baru-baru ini tengok TV3, ada muka Dato' Seri Dzulkefli Ahmad daripada Amanah, Pakatan Harapan. Diharapkan Jabatan Kesihatan Negeri mengorak langkah segera untuk membuat permohonan.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit kronik seperti kanser dilihat terlalu tinggi di masa ini. Saya sering turun padang menziarah rakyat, ramai sangat kena kanser. Kita pun hairan bagaimana dan macam mana kanser itu berlaku. Saya menyeru Kerajaan Negeri memberikan perhatian khusus kepada mangsa dan keluarga penghidap kanser agar mereka yang melalui detik-detik sengsara ini dapat pembelaan dengan kos sara hidup. Tahniah Kerajaan Negeri yang memberikan pemeriksaan *mammogram* secara percuma sebagai langkah awal menangani kanser. Secara keseluruhannya, yang ni baru betul Penaga, *last* sekali baru bagitahu kita sokong, bukan awal-awal lagi kita sokong. Tak apalah Malaysia baharu. Secara keseluruhannya belanjawan ini diterima oleh semua pihak termasuk Pembangkang kerana saya lihat wakil Pembangkang tidak berhujah membantah bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Syabas Ketua Menteri. Akhir kata, saya bersama-sama Kerajaan Negeri dengan harapan dan akan berjuang dengan asas yang kita asuh iaitu amanah, progresif dan peduli untuk membela rakyat dan juga memacu kecemerlangan gagasan 2030 Pulau Pinang kita. Saya mohon menyokong penuh belanjawan yang dibentangkan. Sekian, terima kasih Tuan *Speaker*.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Bayan Lepas. Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Terima kasih kepada *Speaker*. *Bismillahirrahmanir rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Timbalan *Speaker* kerana telah memberikan peluang dan ruang yang seluas-luasnya kepada saya untuk berbahas tentang bajet ataupun Undang-Undang Perbekalan bagi tahun 2019. Syabas kepada Yang Berhormat Ketua Menteri yang telah membentangkan satu belanjawan yang penuh dengan elemen-elemen integriti, pelan-pelan pembangunan yang saya percaya dan yakin dapat mengangkat Pulau Pinang pada tahap yang lebih baik tanpa meninggalkan elemen-elemen kebajikan kepada rakyat. Walaupun ia dikatakan satu belanjawan yang defisit namun *it's not a matter as long as* kebajikan rakyat itu dijaga. *As long as* pembangunan negeri diteruskan kerana kita yakin, mengikut rekod-rekod yang terdahulu, di penghujungnya pengurusan kewangan negeri akan menjadi *surplus*.

Jadi untuk saya percaya dengan permulaan tahun, permulaan bagi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, satu belanjawan yang berhemah yang merangkumi fiskal yang seimbang. Saya percaya untuk tempoh lagi empat (4) tahun akan menambahkan lagi jumlah perbelanjaan. Walaupun ia berbentuk defisit, *it's not a matter*. Kita tertarik dengan hujah-hujah yang telah diberikan yang mengatakan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan tidak menunaikan janji dan sebagainya. Tetapi melihat kepada perbelanjaan ataupun belanjawan banyak inisiatif-inisiatif yang ditawarkan, yang dicadangkan. Yang menunjukkan betapa kukuhnya janji yang diberikan sebelum ini, yang diberikan selama ini, hendak ditunaikan. Jadi saya pohon kepada rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini ataupun yang di luar sana untuk menghentikan tohmahan kepada Kerajaan Pakatan Harapan bahawa kami tidak menunaikan janji. Kami kerajaan yang pegang kepada prinsip integriti dan tunaikan janji. Yang penting kami bukan kerajaan yang khianat kepada rakyat, kami tidak mencuri wang rakyat, kami tidak menyeleweng wang rakyat dan ini pokok atau prinsip yang akan mendokong rakyat. Rakyat menolak Kerajaan Barisan Nasional 9 Mei 2018 atas dasar kegagalan mereka menguruskan negara dengan baik, dengan bersih, dengan penuh integriti. Soal janji, bukan tidak ditunaikan, dalam proses untuk ditunaikan. Tetapi rakyat akan menolak kerajaan yang khianat kepada amanah rakyat, yang khianat kepada harta negara. Jadi soal yang mengatakan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan gagal tunaikan janji meleset sama sekali jika kita melihat kepada belanjawan yang telah dibentangkan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Jadi untuk membahaskan belanjawan ini ada beberapa *item* yang saya akan sentuh dan *item* yang pertama adalah tentang kelestarian Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kita tahu bahawa Pentadbiran Kerajaan Negeri bertapak daripada bawah hingga ke atas, bermaksud di atas ada barisan EXCO dan di bawah ada JKKK atau terbaru MPKK dan dibantu oleh ADUN-ADUN di kawasan masing-masing. Jadi oleh kerana berlakunya penyelarasan di antara

Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri dalam mentadbir komuniti di kampung, maka saya pohon agar kebajikan JKKK ini dapat dilihat oleh Kerajaan Negeri. Saya difahamkan bahawa Kerajaan Pusat akan menyediakan bayaran elaun sebanyak RM500.00 atau RM550.00 kepada Pengerusi JKKK. Saya mengharapkan Kerajaan Negeri memberikan elaun tambahan supaya mereka dapat bekerja dengan lebih efisien dan juga bertanggungjawab. Di samping itu saya juga difahamkan bahawa mereka juga akan diberikan geran ataupun dana khas oleh Kerajaan Persekutuan. Namun saya percaya dana khas itu tidak mencukupi untuk dibelanjakan dalam tempoh setahun. Jadi apa salah kiranya penjaminan Kerajaan Negeri hari ini kerana tidak lagi membayar JKKK dalam bentuk yang sepenuhnya, wang itu digunakan untuk memberikan dana khas kepada JKKK sebagai tambahan kepada dana khas atau geran khas yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Itu isu yang pertama.

Saya juga tertarik dengan berkenaan dengan kemudahan wifi yang akan ditingkatkan dan melibatkan liputan jalur lebar melebihi 100Mbps. Jadi apa yang ingin saya tekankan bahawa di tempat saya Permatang Pasir, ia terletak di kawasan luar bandar. Geografinya begitu, dia terhimpit dengan pembangunan sekeliling, Seberang Jaya, Bukit Mertajam, Pekan Bukit Mertajam dan sebagainya. Namun bagi saya, itu geografi yang tidak dapat kita elakkan. Dia ada satu kawasan di mana ia kaya dengan sektor pertanian tapi di sudut kemudahan teknologi, kita tidak boleh membeza-bezakan antara kawasan-kawasan. Jadi saya pohon untuk Kerajaan Negeri mempertimbangkan kemudahan wifi percuma kepada kawasan Permatang Pasir. Ditingkatkan lagi kemudahan yang sedia ada supaya keadilan itu dapat dicapai walaupun pembangunan fizikal tidak dapat dibuat sebaiknya di Permatang Pasir tetapi pemberian kemudahan teknologi itu dipertingkatkan supaya timbul keadilan, kebajikan oleh kerajaan kepada kawasan-kawasan di dalam Negeri Pulau Pinang. Biar ia seimbang walaupun tidak sama. Keadilan itu bermaksud memberikan hak kepada yang sepatutnya. Jadi rakyat di seluruh Negeri Pulau Pinang berhak untuk diambil peduli oleh kerajaan. Walaupun pembangunan secara fizikal tidak dapat dijalankan secara seimbang antara Pulau ataupun George Town dengan Seberang Perai atau Permatang Pasir tetapi skim-skim lain, segmen-segmen lain dalam ekonomi termasuk teknologi, kemudahan internet dan sebagainya ini diberikan secara adil kepada kawasan-kawasan luar bandar sebegini.

Saya juga tertarik dengan rumah mampu milik yang dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menjadi contoh kepada negeri lain terutamanya kepada Kerajaan Pusat. Sepanjang pemerintahan Kerajaan Pakatan di Pulau Pinang sebanyak 28,195 unit rumah telah dibina, dengan izin, Yang di-Pertua dan terdapat hampir permohonan yang lebih banyak dibuat. *Waiting list* sekarang...(dengan izin), Timbalan Yang di-Pertua, 91,408 unit yang sedang dipohon oleh rakyat Pulau Pinang. Ini menunjukkan bahawa rakyat dahagakan rumah mampu milik. Rakyat dambakan perhatian daripada Kerajaan Negeri. Kita sedar bahawa sebelum 9 Mei 2018, regim Barisan Nasional ada menjalankan rumah mampu milik melalui skim PR1MA, yang dijanjikan satu juta unit rumah dalam tempoh lima (5) tahun. Walau bagaimanapun saya difahamkan hanya sekitar 200,000 yang telah dibina. Jadi dengan semangat *federalism* yang sering disebut oleh rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini yang berasaskan kepada persamaan *ruling party* di antara Kerajaan Persekutuan dengan juga Kerajaan Negeri. Saya mengharapkan agar Kerajaan Negeri memainkan peranan untuk rumah-rumah PR1MA, rumah mampu milik yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan diberikan atau diberikan tumpuan ke Negeri Pulau Pinang. Bermaksud Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga membina rumah mampu milik dan Kerajaan Persekutuan juga membina rumah mampu milik dan menambah kuantitinya di Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan permohonan yang ada, hampir 91,408 permohonan *waiting list* sekarang. Jadi Kerajaan Negeri Pulau Pinang kita sedar *with the limited resources...*(dengan izin), kita sedar bahawa kekangan kewangan itu tidak memungkinkan kita mampu membina rumah sebanyak itu, jadi hubungan baik yang ada sekarang atas semangat *federalism* itu, kita pohon Kerajaan Persekutuan untuk menambah pembinaan rumah mampu milik Persekutuan di Pulau Pinang.

Dan saya juga sedar bahawa seperti saya bahaskan tadi, geografi Permatang Pasir itu tidak juga memungkinkan pembinaan rumah mampu milik. Projek perumahan yang besar di Permatang Pasir dalam masa terdekat. Jadi apa yang saya nak cadangkan kepada Kerajaan Negeri adalah menimbang agar permohonan itu dibuat secara kuota, berasaskan kepada

tempat asal pemohon itu. Walaupun kita bina rumah mampu milik sebagai contoh di Seberang Jaya ataupun di Bukit Mertajam tapi kuota pemohon diberikan secara adil supaya penduduk di Permatang Pasir pun walaupun tinggal berjauhan daripada rumah mampu milik yang ingin dibina tetapi mereka masih mendapat peluang berdasarkan kuota yang kita berikan. Jadi itu saranan saya kepada kerajaan supaya penduduk Permatang Pasir walaupun jauh daripada sudut pembangunan fizikal tetapi semangat pembangunan *the salient of development* itu tidak diabaikan. Jadi saya pohon cadangan ini dipertimbangkan dan selaras dengan itu terdapat juga beberapa pembangunan sedang dirancang tapi saya dimaklumkan sudah lama dirancang tapi belum dilaksanakan. Saya berasa dukacita dengan keadaan ini dan saya memohon Kerajaan Negeri untuk mengesa Kerajaan Persekutuan mempercepatkan pembinaan sebuah dewan orang ramai Permatang Pasir dan juga sebuah Sekolah Menengah di Kampung Tok Elong untuk kemudahan penduduk di dalam Permatang Pasir. *Is not Kerajaan Negeri fault its federal government's fault* tapi dengan hubungan yang baik hari ini saya pohon agar EXCO berkenaan dapat mengesa dapat berjumpa bertemu dengan Kementerian Pendidikan untuk mempercepatkan pembinaan sekolah dan bertemu dengan JKR dan kementerian yang terbabit untuk mempercepatkan pembinaan dewan orang ramai Permatang Pasir. Selaras dengan itu, saya juga mengucapkan terima kasih pada rakan saya dari Bagan Jermal, Jermal bukan Jerman...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Bagan Jermal. Nama yang sedap saya ingat tak perlu diubah Jermal atas kesudian YB. untuk meluluskan penambahbaikan *futsal court* di tempat saya dengan kos RM300,000, satu sumbangan yang besar dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada kawasan Permatang Pasir. Terima kasih kepada YB.

Selain itu saya juga tertarik dengan skim AES ataupun i-Sejahtera yang diteruskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang peruntukan RM45 juta satu peruntukan yang besar yang menunjukkan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan masih meneruskan *one-off payment*. Kita dengar desas desus fitnah tohmahan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan akan menghapuskan *one-off payment* tapi ternyata di peringkat persekutuan bahkan di peringkat negeri meneruskan pemberian skim dan saya mengharapkan pemberian-pemberian seperti ini diteruskan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa ia bukan soal kita berjanji kepada rakyat, ia bukan soal manifesto kita. Ini soal kebajikan rakyat yang perlu dijaga kerana rakyat sudah lama terbeban dengan kebobrokan dan kebejatan pemerintahan UMNO Barisan Nasional penyelewengan yang dilakukan itu menyebabkan rakyat menderita dan untuk memulihkan ekonomi negara mengambil masa yang panjang dan begitu juga untuk memulihkan ekonomi rakyat mengambil masa yang panjang. Jadi saya pohon agar skim-skim seperti ini *one-off payment* begini diteruskan untuk membantu mereka yang ketinggalan dalam sudut ekonomi dan juga pendapatan bulanan.

9 Mei 2018 juga menyaksikan kebangkitan anak muda hampir 50 peratus undi yang diperolehi oleh Pakatan Harapan sokong oleh orang muda. Yang menunjukkan bahawa orang muda muak dengan Kerajaan yang bobrok yang *corrupt* dan ini pengajaran kepada kita semua bahawa Kerajaan perlu bersikap integriti dan bersih. Saya memang tunggu lama...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Peraturan perkara 46 menyakitkan hati, jadi saya minta dikurangkan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Saya 41 tahun saya sakit hati. Saya baru cakup 4 minit.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Dia 41 tahun tapi ada kesan yang baik pada saudara bukan semua yang tak baik. Kesan yang baik ada benda yang baik saudara dapat tak semua benda yang tak baik jangan dianggap semua benda yang kita buat tak baik.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Kita hanya cakap tentang kebobrokan, penyelewengan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Itu sebahagian kecil sebahagian kecil yang berlaku.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Itu besar.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tapi yang yang baik banyak.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Jumlah yang besar hutang sekarang RM 1.3 trilion. ..(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Kena lihat yang baik baik sama. ..(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Ini hutang yang bertanggung oleh saya sebagai orang muda dan generasi muda di luar.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Jangan dilihat benda yang tak baik saja.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Ini hutang 1.3 trillion antaranya 1MDB saya tak dapat manfaat ..(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Hutang baru RM686 juta...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Jadi saya tak dapat buat rambut yang mahal...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Air Putih sendiri mengakui hutang 686 billion. ..(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Hutang ini diwarisi oleh pada kerajaan yang lama.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Bukan sampai 1 trillion pun.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Ya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tak perlu dimasukkan dengan jaminan dan sebagainya. ..(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Masuk. Sudah masuk. ..(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Baru berapa *percent*. ..(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Hutang kena bayar. ..(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Diminta YB. sorang-sorang bercakap.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Negara yang besar pun hutang banyak Jepun, Amerika dan sebagainya hutang banyak tapi kita mungkin berkemampuan untuk membayar hutang tersebut. Kerajaan baru ni pun sedang memohon hutang daripada pelbagai negara lain. Negara lain untuk menjalankan projek dan sebagainya. Jadi kita kena lihat benda ni secara logik, secara rasional jangan terlampau menampakkan kelemahan dan sebagainya akhirnya kita tertinggal nak rancang sesuatu yang baik untuk negara. Yang, yang lepas kita jadikan sempadan teruskan buat yang baik hat baik yang lepas baik kita terima akui jangan langsung tak menerima apa-apa. Saya sedih juga. Sedih, sangat-sangat.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Terima kasih Sungai Dua. Saya anggap sebagai *uncle*.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Ya, baru 55 tak *uncle* lagi.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Kekanda Sungai Dua. Ya, adinda.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Boleh mencelah.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Boleh-boleh pasai dua-dua dah sekapal. Okey, terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Bertenang. Terima kasih kepada YB. Permatang Pasir. Saya mencelah sedikit dan mohon penjelasan setelah mendengar apa yang telah kemukakan tadi. Maksudnya berkaitan beberapa projek pembangunan tidak dapat dilaksanakan melihat kepada keadaan hutang negara yang banyak ataupun kerajaan sekarang ni fokus untuk membaik pulih ekonomi menyebabkan beberapa perancangan ataupun projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan bahkan ada yang telah ditangguh dan dibatalkan.

Mohon pandangan daripada Yang Berhormat Permatang Pasir adakah alasan yang sama atas isu hutang negara yang banyak nak baik pulih ekonomi terlebih dahulu adakah alasan yang sama ini digunakan untuk memastikan janji-janji PH 100 hari tu tidak dilaksanakan walaupun sudah melepasi 100 hari termasuklah penurunan harga petrol, termasuklah pemansuhan hutang PTPTN yang saya hari ni sampai ke hari ni lalu kawasan Penanti, sebahagian kawasan Permatang Pasir masih ada lagi *signboard* ataupun masih ada lagi kempen-kempen, kempen PRU yang lepas yang belum ditanggalkan ada janji-janji itu sehingga menyakitkan kadang-kadang menyeksakan atau menyakitkan hati juga melihat janji 100 hari nak mansuhkan PTPTN, nak hapuskan tol bukan sekadar tol, jambatan motosikal saja keseluruhan tol bahkan termasuklah sebagaimana yang saya sebut tadi adik-adik kita di universiti ataupun yang telah keluar daripada universiti yang terlibat dengan pinjaman PTPTN hutang mereka tak dapat dihapuskan bahkan yang menyedihkan juga bagi saya apa yang telah diputuskan di peringkat kementerian di peringkat pusat mana-mana yang telah bekerja walaupun gajinya hanya RM1,000 sebulan perlu membuat pembayaran balik hutang PTPTN. Mohon penjelasan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Terima kasih kekanda Sungai Dua juga Penaga. Soalan apa yang saya sentuh adalah kebobrokan penyelewengan kerajaan ia menjadi sempadan kepada mana-mana kerajaan kerana tiada kerajaan yang kekal prinsipnya mana kerajaan yang menyeleweng yang bobrok yang *corrupt* yang menindas rakyat akan ditolak rakyat. Berlaku di Indonesia, Filipina banyak negara dan ini terjadi pada 9 Mei 2018 di Malaysia di negara kita. Dan bila kita masuk ke

pejabat, saya tak masuklah bos saya masuk. Saya masuk ke pejabat rupanya banyak hutang ditinggalkan. Banyak projek-projek yang diselewengkan dan ini yang kita perlu pulihkan dan bila kita masuk ke sebuah rumah baru tetapi bersifat lama penuh dengan sampah sarap. Kita perlu bersihkan sampah sarap itu dahulu sebelum kita bawa masuk perabut-perabut baru dalam keadaan kekangan begini. Kalau keadaan keterdesakan kita untuk bayar hutang kita masih menjaga kebajikan rakyat sebab itu diperingkat persekutuan elau sara hidup diteruskan baik pada rakyat biasa mahupun golongan nelayan ataupun petani begitu juga di peringkat negeri ia masih diteruskan. ..(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Elau sara hidup diteruskan. Saya tau diteruskan tapi peruntukan dikurangkan kepada 70 percent cuma kita nak kepastian Yang Berhormat Permatang Pasir sebagai sebagai Pengerusi LKIM, tahniah. Nak jaga nelayan nak jaga nelayan bukan senang nak jaga nelayan. Cakap kena kuat dengan nelayan tak leh *slow* cakap deras jadi pastikan bantuan-bantuan untuk nelayan dan juga nelayan khususnya bawah Yang Berhormat tidak dikurangkan dulu dapat RM300.00 teruskan dengan RM300.00. Cuma mungkin ada penambahbaikan dari segi orang terima yang tu saya minta tolong sangat.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Insya-Allah. Kita masih di peringkat. ..(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Saya mohon mencelah juga.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Bagi saya jawab dulu. Di peringkat nelayan jumlah itu samada berkurang atau tidak kita akan melihat semula ia akan distruktur semula tetapi sebagai kerajaan yang baru kita melihat kepada pemulihan ekosistem ekonomi kita nak pulihkan ekonomi secara holistik supaya *purchasing power* rakyat itu bertambah termasuk golongan nelayan kalau dikekalkan RM300.00 pemberian sebulan tetapi harga barang begitu mahal kalau dulu GST dan sebagainya. *Purchase purchasing power* akan berkurang dan ini akan menambah beban kepada nelayan sebab itu kerajaan ada pada hari ini kita pulihkan ekonomi secara holistik kita buang cukai yang menindas. Kita bersihkan tadbir urus, kita *zero* kan *minimize*kan pembaziran supaya apa supaya ekonomi negara itu pulih dan akhirnya ekonomi rakyat itu dipertingkatkan bukan sahaja nelayan malah petani golongan professional dan sebagainya akan menjadi lebih senang termasuklah kita dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Okey kita lihat apa yang nak buat kita tungulah.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Insya-Allah. Terima kasih kepada harapan yang diberikan oleh kekanda Sungai Dua. Penjelasan yang diminta oleh Penaga tadi. Kita tunaikan janji sebab itu bagi saya sebelum kita mengkritik seseorang ataupun pihak lain kita perlu membaca. Kita ada 64 janji ataupun manifesto dalam buku harapan yang akan kita tunaikan dalam tempoh lima (5) tahun dan *on top of that* kita *sebuah at that time* kita dah kerajaan *the waiting*. Kita yakin rakyat akan menyokong kita. Kita berikan 10 janji 100 hari. Apa dia janji 10 janji itu antaranya siasat 1MDB. Ternyata telah siasat. Menyelesaikan masalah Felda kita telah masalah Felda, memberikan skim kesihatan kita telah berikan, kita nak bagi EPF kepada golongan wanita, golongan suri rumah telah kita berikan dan ini 10 janji 100 hari. Kita kena bezakan. ..(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya rasa yang 10 janji tu saya rasa baru dua (2) saja yang selesai. Yang dilaksanakan sepenuhnya GST dengan 1MDB yang lain belum laksanakan lagi dalam peringkat kajian sebagainya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

EPF.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Yang lebih 100 hari. EPF baru nak *start*....(dengan izin) baru buat nak isi borang e-Kasih dan sebagainya tak djalan lagi. Laksana betoi-betoi la. Buat betoi-betoi dulu.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Dia begini, dia begini kadang-kadang....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Janji-janji kena tunaikan. Jangan kita dapat pandai berjanji kita tak tunaikan. Jangan kita kata nak tanggung hutang banyak baru kita nak selesaikan rumah-rumah dah masuk dah semak samun dan sebagainya. Jadi dah enam (6) bulan lebih dah dah boleh perbetoi banyak dah. Kerajaan dulu pun tinggai *reserve* banyak kepada kerajaan baharu...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

RM100 juta RM100 juta saja *reserve*.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Rizab Kerajaan, RM400 billion....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Hutang RM1.33 Trillion.(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Dah tinggal berapa RM400 billion dah pakai dah.(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Bagaimana nak dikatakan satu rizab yang banyak Sungai Dua? (gangguan) hutang RM1.33 Trillion, hutang itu bukan dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan hutang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional (gangguan) *60 years you rules this country*.(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Banyak maklumat yang saya dapat yang saya perolehi ada banyak rizab-rizab dan wang-wang yang ada yang boleh kita gunakan dan kalau kita nak *bankrupt* , tak boleh jalanlah ini habislah tutuplah Kerajaan atau masih ada benda-benda ini.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Antara perbezaan, saya jelaskan sekejap, antara perbezaan Kerajaan dahulu kalau dia tak ada duit dia akan berhutang dengan EPF, guna orang FELDA dan sebagainya, dijual tanah FELDA untuk dapatkan dana tapi itu bukan sikap kita, kita tidak akan mengadaikan wang rakyat, kita tidak gadaikan tanah rakyat semata-mata untuk kita uruskan negara.

Hari ini kita mencari wang sendiri, merangsang ekonomi dan ini perbezaan antara Pakatan Harapan dan Barisan Nasional. Persoalan tentang janji ini penting untuk difahamkan kerana bahawa kekangan undang-undang seperti EPF perlu dibuat pindaan undang-undang tapi yang pokok dia prinsipnya perkara ini sedang dalam proses kita tidak pernah mengeluarkan kenyataan bahawa itu bukan janji kami, *it's not our promises*, kita mengaku itu janji kita yang kita telah berikan dan sedang kita usahakan untuk memprosesnya dan hutang PTPTN yang menjanjikan penghapusan PTPTN adalah PAS bukannya Pakatan Harapan. Pakatan Harapan menjanjikan gaji RM4,000 baru bermula pembayaran balik. Jadi Penaga kena ingat balik manifesto yang dibuat ingat tak ingat ini kalau tak ingat saya boleh bawa balik manifesto itu.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Permatang Pasir, saya masih ingat dan masih ada *banner* di Penanti pun masih ada....(gangguan), Permatang Pasir boleh untuk menghapuskan yuran PTPTN, baik kalau asas

RM4,000 baru nak dihapuskan mengapa hari ini dah buat keputusan RM1,000 gaji RM1,000 sebulan sudah mula dipotong atau diambil untuk pemotongan hutang PTPTN ini?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Saya bukan orang paling layak untuk menjawab bagi pihak PTPTN tapi apa yang saya faham bahawa kita janji dalam tempoh lima (5) tahun. Itu janji kita, saya yakin benda ini akan di *review, all this policy will be review for time to time, we have five (5) years to rules this country*. Tapi pokoknya kita telah beri kelonggaran hari ini hutang PTPTN RM41 billion dan hutang ini kita perlu tanggung dan kita perlukan dana untuk kita beri pinjaman pendidikan kepada generasi baru. Kita ada adik-adik kita yang nak masuk Universiti, kalau PTPTN kita tak ada wang dengan hutang RM41 billion, bagaimana kita nak berikan dana baru kepada pelajar baru? Sebab itu Kerajaan Pakatan Harapan prihatin Timbalan Yang di-Pertua, saya tetap berpegang pada prinsip gaji RM4,000 baru di bayar tetapi berdasarkan pada apa yang ada ini hutang begitu tinggi PTPTN, dalam masa yang sama hutang negara juga begitu tinggi tak mampu kita nak menampung pinjaman baru kepada pelajar. Apa yang dicadangkan 2% untuk gaji RM1,000, 2% dari RM1,000 baru RM20 bukan RM200. *Normally* pelajar yang berhutang dengan PTPTN *installment* bulanan dia RM200 lebih. Jadi kita ambil secara logik gaji RM4,000 bayar RM200 sebulan, gaji RM1,000 bayar RM20 sahaja sebagai komitmen rakyat kepada hutang dan kita tahu sebagai orang Islam Penaga, bahawa hutang ini perlu dibayar (*petikan Al-Quran*), bahawa orang beriman peganglah pada janji, janji dalam PTPTN adalah untuk membayar balik jadi keperihatinan Kerajaan Harapan hanya mengenakan RM20 sebulan permulaan untuk mengajar rakyat bersikap lebih berhemah dan daripada masa yang sama menampung dana yang ada tadi Permatang Berangan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Permatang Pasir sudah kah?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Belum saya....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Okey, saya ambil peluang sebab Yang Berhormat Permatang Pasir beri peluang, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya cuma nak tanya Yang Berhormat Permatang Pasir adakah Yang Berhormat setuju bahawa daripada pemerintahan Barisan Nasional dulu ada yang positif? Ini menyebabkan muncul dan wujudnya orang-orang yang berpendidikan tinggi dari kalangan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada. Jadi, itu adalah hasil perjuangan Barisan Nasional juga. Ada yang baik yang mana yang perlu diteruskan oleh Kerajaan Baharu teruskanlah dan jangan terus menyalahkan kesilapan ataupun kekurangan daripada Kerajaan yang lama dan perkara ini tak akan habis di sini kalau saling menyalahkan.

Jadi teruskan apakah perancangan dan juga pelan-pelan yang dicadangkan oleh Kerajaan baru supaya penambahbaikan dapat dilakukan dan bukan sekadar menuduh tanpa sebarang bukti yang sah selagi okeylah yang salah satunya manifesto 100 hari itu dah dijalankan, salah satunya untuk membuat siasatan 1MDB jadi jangan putus dulu keputusannya kerana masih dalam perbicaraan. Jadi kalau pun ada kesalahan nanti biarlah mahkamah yang memutuskan keputusannya dan berikan apakah perancangan Permatang Pasir untuk penambahbaikan kepada rakyat Pulau Pinang terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Terima kasih Permatang Berangan. Untuk *sharing information with* Permatang Berangan juga seorang Peguam. Di luar negara sudah 2, 3 individu dijatuhkan hukuman atas kesalahan penyelewengan dalam 1MDB antaranya Yeo Jiawei seorang Pegawai Bank BSI di Singapura...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Saya mohon mencelah masalahnya orang yang tertuduh itu adalah...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Sabar saya nak jelaskan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Belum diputuskan lagi. Jadi yang saya maksudkan di Malaysia belum diputuskan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Yang terbaru (*nama tidak jelas*) mengaku bersalah dan aliran wang 1MDB ini datang daripada Negara Malaysia pergi ke luar di seleweng di luar duit dia diseleweng di luar negeri *enjoy* di luar negeri pesta arak dan sebagainya dan hanya dinikmati oleh 2, 3 kerat sahaja termasuk orang Pulau Pinang tapi bukan keseluruhan kebanyakan orang Pulau Pinang hanya seorang sahaja orang Pulau Pinang yang menikmati 1MDB itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Mohon mencelah, kalau macam itu Kerajaan Baru tangkap dulu Jho Low dan ambil maklumat penuh baru buat keputusan jadi hari ini saya ingat Permatang Pasir ringkaskan nanti masa ambil banyak masa orang lain jadi biarlah perancangan Permatang Pasir itu adalah untuk penambahbaikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Bila *you* tanya saya jawab lah, Jho Low itu kita sedang usaha cari kalau Dato' Seri Najib bagi maklumat cepat kita tangkap (Ahli Dewan ketawa), itu sahaja bukan. Jadi dia kena faham dalam 1MDB ini perkara 117 dalam *Articles and Memorandum of Association* 1MDB mengatakan bahawa Perdana Menteri adalah pengerusi 1MDB di mana segala transaksi kewangan termasuk hutang pinjaman, *debenture* dan sebagainya perlu kelulusan bertulis kerana tidak mungkin mana mungkin beliau tidak tahu apa yang berlaku dalam 1MDB...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Permatang Pasir teruskan dengan yang lain-lain bukan 1MDB orang dah faham semua dah.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Tak bila ditanya...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Cukup-cukup saya tak mau dengar dah.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Saya tiga (3) tahun menderita 1MDB, baru dengar tiga (3) minit sudah tak tahan. Okey, saya teruskan dengan izin Yang di-Pertua tadi soalan tak *relevan* dengan Belanjawan jadi tak boleh ambil kira itu dalam perbahasan saya. Jadi anak muda ini perlu dibantu kerana mereka adalah golongan yang paling tertindas sebelum ini. Jadi apabila Kerajaan Negeri mengumumkan untuk memberikan Skim Pinjaman Harapan, satu skim yang baik supaya anak muda ini diberikan peluang dan juga ruang untuk mereka berniaga, cuma saya harapkan peruntukan itu ditambah melebihi RM1.0 juta yang dicadangkan, itu cadangan saya.

Yang kedua tentang sektor perniagaan kecil dan sederhana. Kita sedar bahawa antara masalah yang dihadapi oleh peniaga kecil ini adalah kebanjiran warga asing yang tidak terkawal, yang merisaukan kita adalah monopoli golongan ini terhadap satu gerai makanan ataupun satu kedai, mereka dilihat bukan pekerja di situ seolah-olah lesen yang diberikan itu di *assign* kepada mereka dijual kepada mereka dan saya pohon tindakan yang tegas oleh PBT jika ini dilihat, jika ini dikesan buatlah pemantauan yang lebih rapi, pemantauan yang lebih mendalam supaya penguatkuasaan undang-undang ini dapat ditegakkan terhadap penduduk tempatan yang menyalahgunakan lesen perniagaan. Saya pohon agar satu undang-undang baru dipinda yang bersifat *persona non grata* iaitu mana-mana orang tempatan yang menjual lesen mereka, yang *assign* lesen mereka kepada warga asing diharamkan terus daripada mendapatkan lesen perniagaan. Ini baru menjadi pengajaran yang besar pengajaran

yang berguna kepada kita rakyat Malaysia supaya lebih berhemah supaya lebih amanah dalam menjalankan perniagaan.

Saya juga memohon agar walaupun pendidikan itu dalam bidang kuasa Persekutuan, namun saya percaya di peringkat Negeri boleh memainkan peranan untuk membantu sekolah-sekolah yang menumpukan kepada kemahiran kerana kita berhadapan dengan Revolusi Industri 4.0 kita sudah pasti akan menggunakan lebih banyak teknologi juga *automation* dan saya menyarankan agar ada dana khas, *grant* khas diberikan kepada sekolah-sekolah yang menumpukan kepada kemahiran. Sebagai contoh di Permatang Pasir, Sekolah Menengah Sama Gagah mereka menumpukan kepada *skill* ataupun kemahiran. Jadi saya pohon agar satu peruntukan khas yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu sekolah-sekolah sebegini ini agar generasi akan datang lebih terdedah, lebih diberikan pendedahan juga pendidikan tentang kemahiran supaya Malaysia Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersedia untuk berhadapan dengan cabaran Revolusi Industri 4.0.

Dan seterusnya tentang perkhidmatan bas percuma CAT. Soalan saya sidang sebelum ini berkenaan tentang perkhidmatan ini yang berkaitan dengan cas kepada warga asing yang menggunakan perkhidmatan ini, Kerajaan Negeri *maintain* untuk tidak mengenakan caj, bagi saya warga asing yang menggunakan perkhidmatan bas ini perlu dikenakan caj walaupun pada kadar yang minimum supaya Kerajaan Negeri mempunyai hasil tambahan, maka kita memberikan perkhidmatan percuma dalam keadaan ekonomi yang masih tidak menentu ini, apa salah kiranya kita memberikan penekanan kebajikan itu kepada rakyat tempatan *instead of* rakyat asing bukan kita nak mendiskriminasi warga asing tetapi kita mengenakan caj yang minima agar ada penambah pendapatan kepada Kerajaan Negeri.

Saya juga berminat untuk menyentuh tentang wanita, saya ucapkan syabas kepada PWDC...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Mohon.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Sila.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Terima kasih kepada YB. Permatang Pasir, soal yang dibangkitkan tadi warga asing yang menggunakan perkhidmatan bas percuma yang disediakan oleh Kerajaan Negeri memang saya sangat bersetuju supaya fokus diberi kepada warga tempatan terdahulu. Di sana juga ada isu mungkin yang mungkin YB. Permatang Pasir boleh bagi perhatian setelah YB. Permatang Pasir selaku Pengerusi LKIM ini, berkaitan dengan bot Kenka yang menceroboh perairan Negeri kita seperti yang dibangkitkan oleh Sungai Acheh itu dan juga fokus masalah kebajikan nelayan, bantuan nelayan dan setakat hari ini ada maklumat saya terima khususnya Nelayan Kuala Muda Penaga ada warga asing yang telah mula menceburi atau yang telah mula bekerja sebagai awak-awak di bot nelayan ini jadi perkara itu juga perlu diberi perhatian terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Terima kasih atas maklumat tersebut memang kami di peringkat agensi sedang meneliti perkara ini dan antara cabaran yang besar adalah bagaimana nak menjamin keselamatan nelayan kita dan memastikan pecerobohan perairan kita itu dapat dikawal.

Agensi sedang meneliti perkara ini dan antara cabaran yang besar adalah bagaimana nak menjamin keselamatan nelayan kita. Dan memastikan pecerobohan perairan kita itu dapat dikawal. Dan sudah pasti dalam menjaga perairan ini kita memerlukan kerjasama daripada APMM dan sebagainya *Insyaa-Allah* perkara ini akan diteliti secara serius oleh pihak agensi terima kasih Penaga. Berbalik kepada wanita tadi, saya mengharapkan agar Briged Wanita ini di KADUN-KADUN kita di dipertingkatkan diperkukuhkan kerana wanita ini memainkan peranan yang penting dalam pembangunan masyarakat. Mereka bukan sahaja perlu dilihat sebagai ibu yang melahirkan anak. Ataupun Ibu yang mendidik anak tetapi perlu dilihat sebagai agen kepada pembangunan negara, pembangunan setempat.

Saya tidak mahu lagi melihat Briged Wanita ini hanya sebagai agensi kebajikan. Tetapi kita buka peluang *entrepreneurship* kepada mereka. Saya pohon agar PWDC dapat mencari apa-apa produk ekonomi bagi menjana pendapatan briged membantu wanita-wanita di kawasan-kawasan kampung terutamanya dan juga satu dana khas diberikan kepada Briged Wanita supaya mereka dapat bergerak dengan lebih baik terutamanya dalam menceburi bidang-bidang perniagaan agar mereka menjadi lebih berdikari *independent* untuk mencari dana bagi membantu golongan wanita.

Yang seterusnya berkenaan dengan pertanian, saya juga tertarik dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran padi daripada 5.8 tan metrik sehektar kepada 7 tan metrik sehektar. Namun peningkatan ini perlu seimbang dengan jumlah keluasan sawah padi itu sendiri. Tidak ada guna kalau kita mencari teknologi-teknologi baru untuk meningkatkan pengeluaran padi tapi pada masa yang sama tanah-tanah padi ini semakin berkurangan. Jadi saya mengharapkan satu tindakan tegas, satu polisi tegas oleh pihak kerajaan supaya tidak memberikan keutamaan kepada permohonan-permohonan perlingkungan semula daripada pertanian kepada industri ataupun sebagainya. Biarlah tanah warisan dikekalkan kepada tradisi pertanian ini. Silakan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Permatang Pasir. Saya bila cakap bab pertanian saya berminatlah, cakap bab wanita tadi pun saya berminat sebab wanita tadi kita kena pastikan. Saya sebut banyak kali dalam Dewan dulu pun kita sebut kita kena perkasakan wanita dari segi ekonomi. Tak boleh kita tinggalkan wanita. Wanita ini banyak sumbang ekonomi sebenarnya di kampung dia buat nasi lemak, tambah pendapatan kepada keluarga tetapi kadang-kadang dia tidak diberi perhatian dari segi ekonomi jadi itu satu.

Kedua, dari segi pertanian tanaman padi. Saya cakap juga bab ini tentang tambakan tanah sawah ni banyak kali lama dah tanah sawah dalam kawasan pengairan pun dan sistem pengairan jelapang padi ditambah. Di kawasan Penaga, di kawasan Sungai Dua, di kawasan Telok Ayer Tawar pun ada yang ditambah. Tindakan tak boleh dilaksanakan secara tegas dalam kita menahan daripada tambakan ini berlaku. Satu penyelarasan tak dibuat untuk memastikan tindakan yang betul-betul bersepadu dibuat bila tambakan tu nak dimulakan. Bila dah ditahan tanah dah ditambah dia jadi masalah kepada kawasan sebelah dia. Dah jadi semak dah jadi tempat musuh tanaman berkumpul dan sebagainya. Ini menyebabkan kurang kawasan pertanian daripada dulu yang saya tau 20,000 sekarang dah tinggal 12,000 hektar. Dah kurang banyak, itu termasuk dulu di kawasan Permatang Pauh banyak kawasan tapak UITM dulu kawasan padi tapi dah kerana pembangunan kita tukar syarat. Dan kalau boleh kita kekalkan. 12,000 ni 10,000 dalam kawasan jelapang, 2,000 ke 3,000 luar jelapang termasuk Bukit Mertajam termasuk Balik Pulau sikit. Jadi kita kawallah ini, 12,000 hektar ini pastikan dia tak berkuranganlah. Jadi saya setuju yang ni saya sokong siap-siap.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Terima kasih Sungai Dua kerana mempunyai naluri yang sama dengan saya berkenaan dengan hal wanita juga pertanian. Di bawah sektor pertanian ini saya pasti ada sub sektor pertanian perikanan. Ia bukan kebetulan tetapi adalah visi saya untuk membantu golongan di bawah yang terkekang dengan keadaan ekonomi dan sebagainya sudah pasti pertanian ini adalah satu segmen-segmen yang perlu dibantu kerana ia sinonim dengan geografi luar bandar dan sinonim juga dengan 3D dan B40 dan sebagainya.

Jadi menyentuh soal perikanan banyak sentuh dari rakan-rakan saya. ...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Baik, YB. Permatang Pasir lagi 5 minitlah.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Berapa 50 minit?

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

5 minit lagi. Saya menambah masa untuk *you* kerana *you* berhujah tanpa menggunakan *paper*. So saya telah tambah lagi 5 minit untuk *you*. Contohilah YB.-YB. lain ya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Jadi kalau kita melihat kepada perbelanjaan ataupun pendapatan 2017 dari Pulau Pinang pertanian menyumbang kepada 8.2% KDNK negeri dan di bawah sektor pertanian itu perikanan hanya menyumbang kepada hanya 20.7% pendapatan dari sudut pertanian jadi ini satu sumbangan yang kecil yang perlu diambil pertimbangan yang sewajarnya oleh Kerajaan Negeri supaya sektor pertanian ini diangkat ke tahap yang lebih baik. Memang kita sedar bahawa dengan yang diperlukan *one off payment* sebab itu langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberikan bekalan ataupun sumbangan pukut sebanyak RM400 seorang nelayan belanja hampir RM1.2 juta untuk perbelanjaan ini. Satu yang saya amat bangga sebagai rakyat di Negeri Pulau Pinang Bantuan Kerajaan Negeri yang prihatin kepada nelayan namun kita perlu melihat jangka panjang *long term plan* supaya pendapatan dapat dipertingkatkan sosio ekonomi kehidupan nelayan dapat dipertingkatkan nak mempertingkatkan sosio ekonomi kehidupan mereka ini kita perlu tingkatan jumlah tangkapan.

Jadi ini adalah peranan yang perlu dimainkan oleh kedua-dua pihak agensi di peringkat Persekutuan dan juga agensi ataupun di bahagian-bahagian di peringkat Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagaimana mahu mencari inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan pendapatan mereka. Antaranya adalah untuk menggalakkan mereka menceburi perikanan laut dalam. Di peringkat agensi kita Persekutuan kita ada menyediakan skim-skim pinjaman untuk mereka membeli vessel-vessel baru, kapal-kapal yang sesuai dengan tekanan laut dalam. Dan ini saya mengharapkan kepada kerjasama Kerajaan Negeri untuk memberi galakkan kepada para-nelayan. Di samping itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Sikit-sikit sahaja.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Tolak 5 minit sahaja tak boleh kira.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Industri laut dalam dulu pun dah buat banyak peserta pergi kursus anak muda pergi kursus laut dalam. Tapi masalahnya timbul selepas kursus tu dia nak laksanakan dia perlu satu modal yang agak tinggi. Kapal besar ini saya ingat RM500,000 modal untuk kapal dengan peralatan untuk pergi ke laut dalam dari segi lesen tak adalah masalah. Lesen itu akan diperolehi tak ada masalah boleh mohon daripada Jabatan Perikanan dan sebagainya tapi modal untuk bot besar dengan nak kos gaji orang-orang ini. Pi dok sana enam (6) bulan nak dapat ikan tuna lepas tu nak balik kos tu agak tinggi itu pun kita kena perhati juga kena cari jalan juga.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Seperti yang saya katakan tadi terima kasih kanda saya Sungai Dua. Seperti yang saya katakan tadi bahawa agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan menyediakan skim-skim pinjaman. Namun kita tahu bahawa jumlah yang diberikan itu mungkin tidak mencukupi seperti mana yang dikatakan oleh Sungai Dua jadi perlu kolaborasi Kerajaan Negeri memikirkan inisiatif tambahan kepada nelayan ini untuk mereka menceburi perikanan laut dalam. Jadi saya mengharapkan ada satu geran khas atau dana khas diperuntukkan daripada tahun ini ataupun tahun depan untuk membantu mereka menceburi perikanan laut dalam maknanya ia memerlukan modal yang besar. Di samping itu, kita sedar bahawa nelayan juga memerlukan bantuan-bantuan berbentuk duit belanja kerana mereka ini terkekang dengan keadaan cuaca dan sebagainya. Sebagai contoh saya melafazkan merakamkan takziah kepada seorang nelayan di Telok Bahang yang telah meninggal pada hari Isnin yang lalu dari hari pertama kita bersidang kerana terjatuh ke laut.

Dan mereka ini perlu dibantu. Jatuh itu akibat gelora dalam laut seperti saya katakan tadi pekerjaan mereka ini begitu mencabar mereka terkekang dengan cuaca dan sebagainya sebab itu saya pohon Pejabat Zakat Pusat Zakat untuk menimbang dan memberikan pemberian zakat khas kepada golongan nelayan supaya golongan ini dapat dibantu di peringkat Persekutuan kita bantu, di peringkat negeri pun kita bantu dan di peringkat Agama Islam atau peringkat Hal Ehwal Agama Islam juga bantu dan ini kalau boleh dicollaborate lebih baik *Insyallah* golongan lain akan dapat dibantu dengan baiknya.

Dan saya juga mengharapkan agar Kerajaan Negeri memainkan peranan bagaimana nak membantu nelayan ini keluar daripada zon kemiskinan dengan mereka menceburi bidang-bidang hiliran ataupun *downstream*. Ini perlukan kerjasama daripada Kerajaan Negeri kerana ia melibatkan bidang kuasa yang berbeza. Sebagai contoh pemberian tanah, tol ataupun tanah-tanah yang terbiar diberikan secara *elimination* kepada persatuan nelayan ataupun kepada individu-individu nelayan untuk diusahakan sebagai pusat pemprosesan ikan, hasil ikan yang kita panggil hiliran atau *downstream* ataupun mereka terlibat dengan akuakultur dan sebagainya ini memerlukan juga peranan dan kerjasama yang baik daripada Kerajaan Negeri.

Jadi saya pohon sekiranya ada permohonan-permohonan tanah tol dan sebagainya untuk diusahakan dalam bidang akuakultur dan sebagainya. *Fishery* diberikan pertimbangan yang sewajarnya dan serius oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Di samping itu sudah pasti bercakap tentang *fishery* kita tidak dapat elak daripada kesan *Penang Transport Master Plan*. Jadi saya mengharapkan bahawa apa sahaja tambakan laut yang nak dilakukan pemindahan pulau dan sebagainya itu tidak menjejaskan populasi ikan, tidak menjejaskan kawasan tangkapan ikan dan seterusnya tidak menjejaskan pendapatan nelayan. Sekiranya kajian-kajian yang sedang dibuat itu boleh memberi kesan kepada pendapatan nelayan ataupun menjejaskan populasi ikan dan sebagainya saya mengharapkan bahawa Kerajaan Negeri bersedia untuk mencari alternatif pampasan dan sebagainya supaya nelayan ini tidak ketinggalan. Kalau mereka dicabar di sudut pengurangan hasil tangkapan disebabkan oleh tambakan laut Kerajaan Negeri perlu datang dengan satu skim baru bagaimana hendak menambah pendapatan mereka.

Seperti saya hujahkan tadi bahawa mereka perlu dibantu dari sudut geran khas ataupun pemberian tanah untuk mereka menceburi bidang-bidang seperti hiliran ataupun akuakultur dan ini memerlukan kerjasama yang baik daripada Kerajaan Negeri.

Dan saya juga yang terakhir sentuh tentang perikanan ini adalah sama ada kerjasama daripada Kerajaan Negeri untuk kita memerangi orang tengah. Orang tengah memainkan peranan yang begitu besar dalam menentukan harga pasaran harga ikan di pasaran. Nelayan menjual ikan sebagai contoh ikan kembung hanya RM4 sekilo bila mereka mendaratkan ikan mereka tapi ikan yang dijual di pasar ikan yang kita beli di pasar mencecah hampir RM20 sekilo dan tidak seimbang jangankan harga ini menyebabkan kita hidup susah nelayan tidak dapat manfaat. Sepatutnya harga ikan yang mahal ini dimanfaatkan oleh nelayan tetapi kehidupan nelayan semakin susah sedangkan harga ikan dijual mahal. Jadi, apa yang saya harapkan adalah kerjasama juga daripada Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan supaya orang tengah dapat dididik ataupun diperangi bagaimana mereka tidak menjadi lintah darat mengaut keuntungan yang tidak sepatutnya sehingga membebankan rakyat. Jadi mereka mempunyai tanggungjawab kepada rakyat, tanggungjawab kepada masyarakat dan negara untuk pastikan harga barang harga ikan menurun di pasaran. Ini saranan saya yang terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terakhir ini. Dua kali dah yang akhir. YB?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Ya, Timbalan Speaker saya minta maaf. Yang terakhir isu Hal Ehwal Islam. Kita sedar bahawa Kerajaan Negeri telah meningkatkan peruntukan daripada RM53.43 juta pada tahun 2017, 2018 kepada RM56.8 juta. Peruntukan Hal Ehwal Islam cuma apa yang saya melihat rekod-rekod lepas peruntukan kepada Sekolah agama rakyat RM1.75 juta diberikan secara kelompok kepada sekolah-sekolah pendidikan Islam, baik dari sekolah agama rakyat peringkat

rendah, peringkat menengah, baik sekolah tahfiz, sekolah tadika Islam semuanya dikumpulkan dalam satu kluster dalam satu peruntukan. Jadi ini akan mengurangkan peruntukan-peruntukan kepada sekolah agama rakyat. Sedangkan sekolah agama rakyat memainkan peranan yang penting. Sebab sekolah agama rakyat inilah yang mendidik pelajar dari sudut pendidikan Islam itu secara menyeluruh.

Sesuai dengan falsafah pendidikan kebangsaan yang mahu melahirkan pelajar-pelajar yang seimbang daripada rohani, jasmani, intelektual dan juga kemahiran dan sebagainya. Saya mengharapkan bahawa untuk bajet kali ini peruntukan kepada sekolah agama rakyat itu diasingkan supaya mereka mendapat manfaat yang lebih berbanding dengan sekolah-sekolah pendidikan Islam yang lain sebab peranan mereka adalah lebih besar dan mereka tidak pula mendapat bantuan daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Mohon mencelah, sikit saja Timbalan Yang di-Pertua, kali ini Permatang Berangan bersetuju dengan Permatang Pasir, terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Kepada rakan-rakan lain jangan bimbang walaupun saya mendapat sokongan penuh daripada Pembangkang saya tetap setia dengan Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang. Dan terakhir yang ini betul-betul terakhir sebab kertas *smart city* satu cadangan yang baik oleh Ketua Menteri satu *vision* yang begitu ke hadapan untuk mewujudkan *smart city* di Pulau Pinang dan saya mengharapkan integrasi yang baik. *Smart city* memerlukan integrasi, teknologi dan komuniti barulah *smart city* akan tercapai sasarannya. Sebagai contoh yang sedang menuju ke *smart city* iaitu Moscow mereka mengambil penilaian-penilaian yang seimbang di antara komuniti atau masyarakat rakyat dengan teknologi apa yang saya maksudkan adalah satu sistem atau platform *online* yang boleh kita buat supaya rakyat dapat menyumbang ideanya. Pembangunan-pembangunan yang telah kita cadangkan ataupun yang kita akan cadangkan. Jadi apa yang saya maksudkan adalah teknologi yang akan kita import itu teknologi yang kita *apply* itu hendaklah diberikan secara seimbang kepada kawasan-kawasan dalam Pulau Pinang terutamanya daripada kawasan Permatang Pasir yang saya bahaskan tadi.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Ketua Menteri atas perbelanjaan belanjawan yang berhemah, yang seimbang dan saya pohon mencadang, terima kasih. Eh, saya pohon menyokong. Minta maaf. Minta maaf CM saya tak berniat jahat.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih. Terima kasih Permatang Pasir. Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, rakan-rakan sepejuangan dalam Dewan yang mulia ini, ketua-ketua jabatan dan kawan-kawan media. Selamat petang dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri atas pembentangan Rang Undang-Undang Pembekalan dan usul anggaran Pembangunan tahun 2019 yang bertemakan Penang 2030 Negeri Pintar Hijau dan Berteraskan Keluarga Yang Menginspirasi Negara. Pada 29 Ogos, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah melancarkan visi beliau iaitu Penang 2030. Pada 18 September yang lalu, Yang Berhormat Datok Keramat telah merasmikan Majlis Pelancaran Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang tahun 2030 dan pada 9 November yang lalu Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah membentangkan Bajet 2019. Dalam tempoh enam bulan yang terdekat ini, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah menyediakan satu *roadmap*...(dengan izin) yang jelas untuk memimpin Negeri Pulau Pinang ke arah 2030.

Teras pertama Bajet 2019 adalah meningkatkan daya huni untuk meningkatkan kualiti kehidupan. Di sini saya ingin menyentuh tentang jalan raya. Saya berpendapat RM39.3 juta yang akan disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk projek meningkatkan akses dan menaiktaraf jalan-jalan kampung adalah tidak mencukupi terutamanya hanya RM2 juta untuk jalan kampung. Contohnya, Jalan Bukit Tambun iaitu (FT 149) yang berstatus jalan persekutuan umpama jalan kampung yang tidak rata dan berlubang. Saya menyeru Kerajaan Negeri untuk mendapatkan peruntukan kewangan daripada Kementerian Kerja Raya atau Kementerian Kewangan. Keadaan akan menjadi lebih teruk apabila jalan ini digunakan sebagai laluan untuk lori iaitu lebih kurang 200 hingga 500 *trip* lori yang akan membawa sisa binaan dari bahagian pulau ke Bukit Teh DUN Machang Bubuk. Laluan lori ini akan melalui jalan iaitu Jalan Batu Kawan di Batu Kawan yang di bawah penyelenggaraan PDC, Jalan Bukit Tambun di bawah JKR dan memasuki kawasan Timbalan Speaker iaitu Jalan Tasek dan Jalan Bukit Teh sebelum sampai ke tapak pelupusan sisa pepejal. Dalam jawapan yang diberi oleh YB. Datok Keramat, Jalan Bukit Tambun di bawah penyelenggaraan JKR tetapi baru-baru ini saya mendapat jawapan dari Kementerian Kerja Raya bahawa permohonan untuk menurap semula Jalan Bukit Tambun tidak diluluskan.

Oleh itu, sekiranya projek pemindahan sisa pepejal diteruskan siapakah yang akan menurap semula jalan ini dan siapakah yang akan menyelenggara Jalan Batu Kawan, Jalan Bukit Tambun, Jalan Tasek dan juga Jalan Bukit Teh. Pengurusan sisa dan kebersihan awam. Pada Bajet 2019 Kerajaan Negeri melalui MPSP telah memperuntukkan RM35.26 juta untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan pelupusan sampah. Bagi saya, peruntukan ini perlu untuk sisa pepejal ini perlu dikawal. Sepatutnya perlu berkurangan setiap tahun. Sebaliknya kita perlu memberi penekanan kepada pengasingan sisa di punca. Sudah tiga tahun kita lancarkan program ini iaitu bermula pada tahun 2016. Malangnya, majoriti penduduk di Seberang Perai masih tidak sensitif dan tidak mematuhi garis panduan ini. Berdasarkan pemeriksaan yang dilakukan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai ke atas premis kediaman bertanah pada tahun 2016 iaitu 45,179 unit rumah, hanya 18,000 unit saja mematuhi. Pada tahun 2017, 63,180 unit diperiksa, hanya 25,000 unit saja mematuhi. Pada tahun ini, sehingga September 43,115 unit diperiksa hanya 17,131 unit saja mematuhi. Oleh yang demikian, saya menyeru Kerajaan Negeri perlu memberi peruntukan khas kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (JKKK), persatuan penduduk dan NGO yang betul-betul melaksanakan pengasingan sisa di punca ini dan menjalankan aktiviti kitaran semula. Kita patut mengalakkan aktiviti kitaran semula ini.

Teras kedua menaiktaraf ekonomi dengan meningkatkan pendapatan isi rumah. Pertama, Pertumbuhan Industri Halal. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana telah mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM484 juta di fasa satu Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang dan RM242 juta untuk fasa dua. Saya menyaran agar industri Halal ini diperluaskan di peringkat IKS dan Industri Desa. Untuk makluman sidang Dewan, produk yang dikeluarkan oleh pengusaha di IKS dan desa ini kebanyakannya tidak memiliki persijilan Halal. Akibatnya produk-produk yang dihasilkan di IKS atau di kampung hanya dapat dipasarkan di antara komuniti dan tidak dapat dipasarkan ke lain-lain negeri. Keluar saja dari Negeri Pulau Pinang dan antarabangsa. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab perlu mempromosikan kepentingan pensijilan halal ini dan memberi penerangan prosedur untuk membuat permohonan terutamanya usahawan wanita di kampung.

Kedua, memperkasakan peranan IKS melalui Skim Bantuan Modal kepada usahawan. Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang diperkenalkan pada tahun 2009 telah membantu 3,034 penjaja dan peniaga kecil dengan jumlah pinjaman RM15.3 juta dan kutipan balik berjumlah RM12.13 juta. Ini merupakan satu pencapaian yang begitu memberangsangkan. Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan peruntukan yang sekarang telah dijenamakan semula sebagai Skim Pinjaman Harapan sejumlah RM1.0 juta ini dapat dilipatgandakan kepada RM2.0 juta untuk tahun 2019 agar dapat meningkatkan pendapatan isi rumah di peringkat akar umbi.

Ketiga, meningkatkan Potensi Akuakultur Negeri. Kita berasa bertuah Yang Berhormat Permatang Pasir yang baru-baru ini pada 1 November yang lalu telah dilantik sebagai Pengerusi LKIM. Oleh itu, saya meminta LKIM mendaftar semula semua nelayan di Pulau Pinang agar tiada yang menanggung di air yang keruh. Lanjutan daripada itu, RM1.2 juta yang akan diperuntukkan pada tahun 2019 dapat disalurkan kepada golongan sasaran secara adil dan saksama. Selain itu, saya meminta Kerajaan Negeri memberi peruntukan kepada Jabatan Perikanan untuk memberi sekurang-kurangnya dua (2) lagi bot untuk tujuan pemeriksaan, pemantauan dan operasi bersepadu di perairan laut. Untuk makluman sidang DUN, pada ketika ini Jabatan Nelayan Pulau Pinang hanya memiliki dua (2) buah bot yang telah berusia. Saya pernah tersangkut di Pulau Kendi lebih kurang satu jam ketika menaiki bot Jabatan Perikanan. Pada ketika ini, saya dimaklumkan hanya sebuah saja yang beroperasi dan sebuah lagi sedang dibaiki.

Keempat, Merancakkan Sektor Pelancongan. Saya menyambut baik cadangan Kerajaan Negeri untuk memperuntukan RM3.4 juta untuk mempromosi dan merancakkan sektor pelancongan. Di sini saya memohon agar 20% daripada RM3.4 juta ini disalurkan untuk merancakkan Koridor Pelancongan di Seberang Perai Selatan, iaitu meliputi Pulau Aman, Pulau Pulau Gedong, Bukit Tambun, Nibong Tebal, Sungai Acheh dan juga Taman Negeri, Bukit Panchor. Pada masa yang sama, saya meminta agar LKIM untuk menaiktaraf ke semua 35 jeti di Pulau Pinang untuk kemudahan bukan sahaja perikanan tetapi juga untuk pelancongan dan kemudiannya sebagai jeti untuk *water taxi* seperti jawapan yang diberi oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada pagi tadi yang akan memperkenalkan *water taxi*.

Mengenai sektor pelancongan di Bukit Tambun, Unit Warisan Pelancongan dan Warisan MPSP telah mengenalpasti 49 buah unit bangunan telah dikenalpasti sebagai bangunan warisan. Justeru, Kerajaan Negeri perlu mempercepatkan pelantikan Pesuruhjaya Warisan untuk mewartakan bangunan-bangunan yang berkaitan. Kalau tidak, bangunan-bangunan ini adalah bebas untuk diubah suai sekiranya mereka mengemukakan Pelan Kebenaran Merancang atau Pelan Bangunan untuk mengubah suai bangunan mengikut syarat-syarat sedia ada. Oleh itu, sekali lagi saya ingin menekankan bahawa Pesuruhjaya Warisan adalah amat penting. Bagi mempromosi sektor pelancongan dan Warisan Bukit Tambun, satu Majlis Pelancaran Bajet Penyertaan Rakyat, susulan daripada, lanjutan daripada program "Duit Kita Hak Kita" di Machang Bubuk. Bukit Tambun akan menjadi DUN yang ke-2 untuk melancarkan Program Majlis Program Penyertaan Bajet Penyertaan Rakyat ini. Oleh itu, pada 19 Februari 2019 akan datang majlis ini akan dilancarkan sempena dengan perayaan Chap Goh Mei, di Bukit Tambun. Oleh itu, di sini secara terbuka, saya ingin menjemput sidang Dewan termasuk Timbalan Speaker, barisan EXCO, semua ADUN, semua Ketua Jabatan dan sidang media untuk hadir ke majlis ini untuk memeriahkan program ini.

Teras ketiga, Memperkasakan Rakyat Untuk Meningkatkan Penyertaan Masyarakat. Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dahulunya dikenali sebagai JKKK, saya menyaran agar pimpinan parti dalam Pakatan Rakyat Pakatan Harapan PH masing-masing dapat mencalonkan Pengerusi dan Setiausaha yang berkaliber untuk mendokong wakil rakyat dan juga Kerajaan Negeri. Antara syarat-syarat utama adalah penguasaan Bahasa Malayu, kedua, berupaya berurusan dengan Jabatan-jabatan Kerajaan dan ketiga, bersedia untuk turun ke padang bersama ADUN-ADUN kawasan dan juga Ahli-ahli Majlis. Saya menyokong cadangan Yang Berhormat Padang Lalang untuk menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga di setiap KADUN. Untuk maklumlah semua, Bukit Tambun telah bersedia kerana Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga Bukit Tambun telah ditubuhkan dan pejabat juga telah disediakan. Kini Bukit Tambun hanya menunggu surat watak daripada pihak Kerajaan Negeri untuk memulakan gerak kerja di peringkat akar umbi. Justeru, peruntukan RM800,000 untuk MMK Pembangunan Wanita dan Keluarga wajar ditambah sehingga RM1.0 juta bagi merealisasikan *Penang 2030* sebagai sebuah negeri Pintar Hijau dan berteraskan keluarga.

Ketiga, Membudayakan Sukan dan Riadah. Saya mencadangkan Stadium Negeri Pulau Pinang di Batu Kawan dibangunkan sebagai pusat sukan Negeri Pulau Pinang. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat KOMTAR pada hari kelmarin telah berucap panjang lebar dan memberi cadangan yang bernas tentang pembangunan Stadium Batu Kawan.

Stadium Batu Kawan telah siap dibina pada tahun 2000 sempena SUKMA tahun 2000. Sebenarnya Stadium Batu Kawan ini terletak di atas tanah seluas 150 ekar, tetapi stadium bola sepak sedia ada hanya lebih kurang 40 ekar dan baki 110 ekar ini masih terbiar dengan semak samun dan kawasan tempat letak kereta terbuka. Oleh itu, saya mencadangkan Pusat Sukan Negeri Pulau Pinang ini akan meliputi kolam renang dan terjun air, gelanggang bola keranjang tertutup, akademi badminton, akademi bola sepak, pusat konvensyen dan juga hotel.

Walau bagaimanapun, Stadium Batu Kawan telah melalui pengurusan dari PDC ke MPSP, dan sekarang balik kepada PDC, kita perlu menerima hakikat bahawa Jabatan Kerajaan tidak mampu untuk membangunkan sebuah pusat sukan yang komprehensif dan menguruskan pusat sukan yang serba lengkap ini. Oleh itu, saya mencadangkan agar pembangunan ini wajar dilaksanakan mengikut model SPICE ARENA, iaitu di Bayan Baru iaitu dengan penglibatan sektor swasta.

Tentang sukan, di DUN Bukit Tambun, terdapat Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Impian, yang merupakan satu-satunya sekolah sukan negeri. Sukan yang terlibat termasuk hoki, sepak takraw, bola sepak, bola jaring, olahraga dan memanah. Malangnya, sekolah ini tidak mendapat peruntukan yang mencukupi daripada Bahagian Sukan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk penyelenggaraan pasarana sukan. Oleh itu, saya meminta Kerajaan Negeri memajukan isu ini kepada Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Belia dan Sukan. Pada masa yang sama saya memohon agar Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan di bawah pimpinan YB, Yang Berhormat Bagan Jermal untuk memberi peruntukan yang mencukupi untuk SMK Mutiara Impian. SMK Mutiara Impian sebenarnya dapat bekerjasama dengan Pengurusan Stadium Batu Kawan untuk sama-sama kita majukan sukan Negeri Pulau Pinang.

Berkenaan dengan kawasan riadah, di sini saya meminta Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk menambah lebih banyak lagi kawasan riadah yang betul-betul berfungsi dan menarik seperti Center Island Park di Aspen Vision City yang baru-baru ini dirasmikan EXCO YB. Tanjung Bunga. Kini Center Island Park telah menjadi satu destinasi yang begitu popular bukan sahaja di SPS, di seluruh Negeri Pulau Pinang penuh sesak dengan pelancong dan menyebabkan kesesakan lalu lintas pada hari Jumaat dan hari Ahad di Jalan Bukit Tambun.

Di sini, saya juga ingin memohon peruntukan daripada Y.A.B. Ketua Menteri untuk menaik taraf gelanggang sedia ada di Lorong Gamelan Indah 3, Taman Gamelan Indah naik taraf kepada gelanggang berbumbung bukan tertutup.

Bagi DUN Sungai Bakap, saya ingin mengambil peluang mewakili Timbalan Speaker untuk memohon disebabkan di DUN Sungai Bakap pada ketika ini hanya memiliki sebab DUN Sungai Bakap ini penempatan ia berselerak. Hanya mempunyai dua futsal iaitu di Sungai Kecil dan Sungai Duri, hanya ada dua. Oleh itu saya memohon untuk menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) padang bola yang mengikut spesifikasi sebab ia luas, satu di Bandar Tasek Mutiara dan kawasan di Sungai Kechil. Taman rekreasi di Bandar Tasek Mutiara yang sedang pesat membangun. Di Bandar Tasek Mutiara, kita tidak memiliki taman rekreasi untuk kemudahan penghuni-penghuni setempat.

Teras keempat: Melabur dalam persekitaran infrastruktur dan kemudahan awan untuk meningkatkan daya tahan dalam pelbagai keadaan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang memandang serius kepada insiden tanah runtuh dengan menyediakan peruntukan sejumlah RM10 juta pada tahun 2019 bagi kerja-kerja pembaikan cerun. Namun demikian, mencegah lebih baik daripada mengubati. Saya ingin menasihati kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pulau Pinang supaya lebih sensitif dalam pemeliharaan dan pembaikan cerun. Oleh itu, seperti dalam soalan lisan pada kelmarin, saya mencadangkan projek termasuk projek Pihak Berkuasa Tempatan sendiri perlu diwajibkan untuk mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Pelan Kerja Tanah serta Pelan Jalan dan Parit dan juga Pelan Bangunan untuk sebarang pembangunan termasuk projek di bawah MBPP dan MPSP untuk memastikan semua jabatan teknikal di Pulau Pinang ini meneliti pelan yang akan dikemukakan dan memantau projek sepanjang perjalanan sehingga siap projek itu diserahkan. Oleh itu pada masa yang sama saya mencadangkan satu

perancangan guna tanah yang menyeluruh dan mesra alam perlu dimaktubkan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030. Itu penting kita perlu masukkan, mencadangkan satu pelan guna tanah yang komprehensif dan mesra alam termaktub dalam RSNPP 2030 dan diwartakan. Bila diwartakan tiada pihak yang boleh mencari *loophole...*(dengan izin) untuk mengelak, daripada mematuhi garis panduan.

Di sini, saya juga memohon kedua-dua PBT memastikan pembangunan di kawasan cerun yang melebihi 25 darjah ditegah sama sekali seperti yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Datok Keramat. Untuk menangani tekanan pembangunan ke atas kawasan cerun dan tanah bukit di bahagian Pulau, saya meminta agar kita alihkan pembangunan ke Seberang Perai. Pembangunan di Seberang Perai perlu disokong dengan penambahan nisbah plot dan densiti di koridor keutamaan pembangunan di Seberang Perai perlu dinaikkan sekurang-kurangnya kembali kepada garis panduan asal sebelum 1 Oktober 2013. Pada ketika ini, densiti yang dibenarkan di Alma, Simpang Ampat dan Bukit Tengah, satu ekar tanah hanya dibenarkan cadangan 15 unit dan maksimum ialah 30 unit dengan bayaran caj pemajuan. Ini adalah tidak selaras dengan visi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri iaitu *Future of Penang is in Seberang Perai...*(dengan izin).

Saya juga mengalu-alukan cadangan Kerajaan Persekutuan untuk membina sebuah hospital kerajaan di Batu Kawan. Namun demikian, saya memohon agar Hospital Daerah Sungai Bakap iaitu tempat kelahiran Timbalan Speaker, ADUN Sungai Acheh dan bakal Perdana Menteri yang ke 8. Oleh itu Hospital Sungai Bakap perlu dikekalkan dan dinaik taraf. Mengenai pengurusan lalu lintas dan sistem pengangkutan awam. Pertama, saya memohon agar kekerapan dan kualiti perkhidmatan feri Pulau Pinang dipertingkatkan untuk meningkatkan kadar penggunaan seperti dalam jawapan Y.A.B. Ketua Menteri kepada soalan lisan saya pada pagi ini. Kedua, memperluaskan perkhidmatan bas CAT menghubungkan Nibong Tebal dan Batu Kawan ke Bandar Bayan Baru dan Bayan Lepas. Stesyen Keretapi Nibong Tebal, Pasar Raya C'mart di Bandar Tasik Mutiara dan Design Village di Batu Kawan merupakan lokasi yang amat sesuai untuk tujuan *park and ride...*(dengan izin). Bas-bas CAT ini boleh dapat mengangkut penumpang di ketiga-tiga lokasi ini untuk bekerja di Kawasan Perindustrian Bayan Lepas, Batu Maung dan juga Bandar Bayan Baru.

Ketiga, memulakan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang dengan membina *mode* pengangkutan awam menghubungkan bahagian Pulau dengan Seberang Perai bagi menangani tekanan penggunaan Jambatan Pulau Pinang. Bagi saya Pelan Induk pengangkutan Pulau Pinang ini wajar dimulakan dengan menyediakan sistem pengangkutan awam yang menghubungkan Pulau Pinang dan Seberang Perai. Itu amat penting. Kita wajar mengurangkan penggunaan kenderaan dari Seberang Perai memasuki ke kawasan Pulau.

Keempat, memperkenalkan *water taxi* dan menaik taraf ke semua jeti sedia ada untuk dijadikan sebagai salah satu pengangkutan awam untuk warga Pulau Pinang. Kelima, mengenai penaiktarafan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan cadangan pembinaan lapangan terbang yang baru, saya memohon agar perkara ini dibawa ke meja rundingan Majlis Menteri Besar dan Ketua Menteri dan juga Majlis Perancangan Fizikal Negara untuk mengelakkan ketiga-tiga buah negeri di utara iaitu Kedah, Pulau Pinang dan Perak berlumba-lumba untuk tujuan yang sama. Dari sudut perancangan bandar, Malaysia sebagai sebuah negeri yang kecil. Adalah tidak sesuai untuk pembinaan begitu banyak lapangan terbang. Kedua, dari segi kos ekonomi, memang akan mendatangkan kerugian terutama kos penyelenggaraan yang begitu tinggi. Kini *everybody can fly*, saya takut pada satu hari nanti, *everywhere can landed*.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Minta laluan. Yang Berhormat Bukit Tambun, saya tertarik dengan beberapa komen daripada Yang Berhormat Bukit Tambun khususnya mengenai membawa cadangan pembinaan lapangan terbang ke Majlis Menteri Besar dan juga Ketua Menteri. Tatkala kita telah mendapat bayangan daripada Kerajaan Persekutuan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam membentangkan baru-baru ini, Rancangan Malaysia Ke-11, kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-11 telah menyatakan Kerajaan Persekutuan bersedia untuk mengembalikan kuasa-

kuasa yang telah dirampas daripada negeri-negeri melalui pemusatan kuasa melalui proses disentralisasi yang akan memulihkan kuasa-kuasa negeri. Satu *area* atau sektor yang nampak ada pengagihan kuasa itu adalah pengangkutan awam. Kalau kita negeri sendiri membawa perkara ini ke Majlis tersebut, tidakkah ia macam kita mengembalikan apa yang kita dapat dan kita perlu berunding. Lagi satu Yang Berhormat telah menyatakan Kedah, Perak dan Pulau Pinang berlumba-lumba untuk membina lapangan terbang, tetapi memang kita nampak sekarang ada keperluannya apabila *the new route...*(dengan izin), dimulakan di antara Ipoh dan Melaka dan juga Ipoh ke Johor Bharu mendapat sambutan yang begitu hebat sekali. Dan saya berharap bila ada Lapangan Terbang Kulim ia pun bukannya akan menarik pelancong-pelancong ataupun mereka yang ingin menggunakan perkhidmatan kapal terbang dari Pulau Pinang tetapi akan memberi perkhidmatan kepada mereka daripada Kedah, dari utara dan juga Perlis, *so why not* ketiga-tiga negeri mempunyai lapangan terbang sendiri. Kalau kita lihat kepada beberapa negara seperti di Aceh ada lebih kurang 20 lebih lapangan terbang walaupun skala kecil lah.

Kita lihat di India, setiap *district* itu mempunyai lapangan terbang dan apabila mereka membinanya mendaftarkan sebagai, awal-awal lagi mereka mendaftarkan sebagai lapangan terbang antarabangsa *because they are looking to the future*. Sektor pelancongan sedang berkembang dan dengan adanya lapangan-lapangan terbang baru ini, kemasukan pelancong ke negara Malaysia akan meningkat dan ia sekaligus akan meningkatkan ekonomi kita. Saya berharap pihak Yang Berhormat Bukit Tambun juga mengambil kira faktor di mana pengagihan kuasa itu kita dapat kuasa dalam hal-hal pengangkutan awam, jangan kita pergi serah balik kepada Kerajaan Pusat dan suruh mereka membuat keputusan bagi pihak Kerajaan Negeri. Itu harapan saya, Yang Berhormat Bukit Tambun. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Terima kasih kepada Bagan Dalam. Cadangan ke meja rundingan ini bukan serah balik kuasa Negeri kepada Pusat. Kita perlu selaraskan projek-projek mega ini terutamanya ketika , negara dalam keadaan gawat. Kita perlu selaraskan fungsi lapangan-lapangan terbang yang bakal dibina, itu amat penting. Siapa pun tidak boleh menafikan bahawa Lapangan Terbang Pulau Pinang akan terus menjadi satu lapangan terbang yang penting di Malaysia selepas Lapangan Terbang KLIA. Oleh itu, perkara ini wajar dibawa ke Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) untuk tujuan penyelarasan, MPFN perlu putus status dan kategori setiap Lapangan Terbang.

Yang keenam, saya memohon agar cadangan tambakan laut di persisiran pantai Batu Kawan...(gangguan).

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Yang Berhormat, sekarang Yang Berhormat di topik yang lain? Lapangan terbang sudah habis?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Ya, boleh.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Terima kasih Bukit Tambun. Saya juga tertarik oleh hujah-hujah Bukit Tambun bahawa ketiga-tiga negeri akan berebut-rebut untuk membina lapangan terbang yang baru. Memang jika hendak buat lapangan terbang yang baru, perlu pergi ke Mesyuarat Fizikal Negara, itu sudah tentulah. Tetapi saya ingin tahu pandangan Yang Berhormat, bagi tiga-tiga negeri ini manakah yang lebih sesuai, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat cakap Pulau Pinang akan terus menjadi satu lapangan terbang yang penting, so adakah pandangan itu akan menyokong Kerajaan Negeri untuk meminta Kerajaan Pusat untuk mengkaji Pulau Pinang tetap akan ada satu lapangan terbang yang baru?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Terima kasih kepada Yang Berhormat KOMTAR. Memang dalam salah satu soalan bertulis saya bertanya tentang bilakah Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas akan

dinaik taraf? Sebagai seorang juru rancang bandar, memang Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sememangnya adalah lokasi yang paling strategik untuk dinaiktaraf ke lapangan terbang yang lebih besar dan untuk menampung *direct flight*...(dengan izin) ke luar negara. Cadangan saya membawa ke meja rundingan adalah untuk sebagai kita dapat membentangkan masing-masing untuk Kerajaan Pusat melihat potensi dan halangan masing-masing. Saya yakin, saya yakin Pulau Pinang akan menang dalam perlumbaan ini.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

So kesimpulannya, Yang Berhormat juga *support* dan sokong cadangan inilah?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Memang saya sokong.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Ya. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Kawasan Bukit Tambun, sudah lebih dari 30 minit. Hujah yang berulang-ulang boleh dielakkanlah.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Okey. Minta maaf Dato' Speaker. Dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030, dalam pelan guna tanah saya mendapati terdapat cadangan tambakan laut di persisiran pantai Batu Kawan. Saya amat terkejut dengan cadangan ini. Cadangan ini adalah dari Jambatan Kedua sehingga ke Batu Musang iaitu di luar kawasan paya bakau. Kita sedia maklum, Bukit Tambun merupakan kawasan ternakan ikan dalam sangkar, kawasan penangkapan ikan dan juga kawasan ternakan kerang. Oleh itu, saya berharap cadangan ini dapat dikeluarkan dari Pelan Guna Tanah Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030.

Mengenai pengurusan perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan, memandangkan jangkaan hasil pada tahun 2019 pendapatan negeri akan lebih rendah kerana sumber hasil Kerajaan Negeri yang terhad dan tiada punca hasil yang baru. Oleh itu, amalan berjimat-cermat Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 perlu diteruskan. Bagi tempoh 10 tahun yang lalu, saya memang amat menghargai Buletin Mutiara yang memberi liputan yang meluas tentang penyebaran dasar Kerajaan Negeri dan juga aktiviti ADUN-ADUN. Walau bagaimanapun, dalam menjelang dunia digital pada hari ini dan juga selaras dengan visi kita untuk menjadi sebuah negeri pintar, saya mencadangkan agar Buletin Mutiara hanya dipaparkan secara *online* atau *live* dan pencetakan wajar diberhentikan. Kedua, penstrukturan semula anak-anak syarikat Kerajaan Negeri seperti yang disyorkan oleh ADUN Macang Bubuk pagi tadi. Antaranya agensi berkaitan pelancongan, di Pulau Pinang kita mempunyai MOTAC, *Penang Global Tourism Sdn. Bhd.*, *George Town World Heritage Inc.*, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang. Dulu kita sediakan jabatan yang berasingan kerana terdapat perbezaan pendapat antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Oleh itu, tibalah masanya kita perlu menstruktur semula jabatan-jabatan yang berkaitan. Ketiga, kini juga tibalah masa untuk Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) kembali kepada peranan asalnya iaitu tumpukan kepada pembangunan perindustrian dan perumahan mampu milik. PDC pada ketika ini terdapat terlalu banyak anak syarikat termasuk PDC Premier Holdings Sdn. Bhd., PDC Consultancy Sdn. Bhd., PDC Properties Sdn. Bhd., PDC International Halal Hub Development Sdn. Bhd., PDC Nusabina Sdn. Bhd., PDC Telco, PDC Global Tourism dan juga Penang Golf Club dan sebagainya. Kita perlu menstruktur semula Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang agar lebih memberi tumpuan kepada pembangunan perindustrian di Batu Kawan terutamanya kini kawasan perindustrian Batu Kawan masih lagi terdapat 461 ekar tanah, Penang Science Park terdapat 22 ekar tanah, kawasan selatan Penang Science Park yang baru diambil balik terdapat 173 ekar tanah, di bahagian timur Batu Kawan kita mempunyai 681 ekar tanah.

Oleh itu, saya berharap PDC dapat menyediakan satu kawasan perindustrian *gated and guarded* khas untuk Industri 4.0 yang bernilai tinggi dan memerlukan keselamatan yang ketat. Dalam lawatan bersama Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ke kilang Inari pada bulan yang

lalu, mereka mengadu tentang keselamatan kawasan perindustrian di Batu Kawan sebab di Bayan Lepas tiada masalah ada FTZ2. Kawasan perindustrian Batu Kawan adalah terbuka.

Bagi kejadian tanah runtuh di Bagan Bukit Tambun, lima (5) buah rumah telah dikosongkan. Saya memohon kepada perumahan negeri untuk memberi hak membeli rumah mampu milik di Pangsapuri Suria, Batu Kawan. Bukan percuma, tetapi hak untuk mereka membeli. Pada ketika ini, mereka ada yang menyewa rumah dan ada yang menumpang di rumah saudara-mara.

Akhir sekali, visi Penang 2030 sudah dilancarkan. Perancangan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 juga sudah dirangka. Bajet 2019 sudah disediakan. Tibalah masa untuk kita mengorak langkah untuk merealisasikan Penang 2030 menjadi sebuah Negeri Pintar, Hijau dan Berteraskan Keluarga Yang Menginspirasi Negara. Dengan ini, saya memohon untuk menyokong. Sekian, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Ahli Kawasan Bukit Tambun. Sila Ahli Kawasan Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Salam sejahtera dan salam reformasi saya ucapkan kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertua Dewan kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2019 dan Usul Anggaran Pembangunan 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang. Di kesempatan ini juga, saya rasa tidak terlambat untuk saya mengucapkan selamat Deepavali kepada semua yang menyambutnya.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ucapan tahniah dan juga syabas setinggi-tingginya kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kerana telah membentangkan satu bajet yang terbaik bagi saya untuk rakyat Pulau Pinang dengan berteraskan impian Penang 2030. Ketua Menteri telah menggariskan visi Pulau Pinang iaitu memperkenalkan Penang 2030 yang fokusnya adalah untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pintar dan juga mesra keluarga menjelang tahun 2030 iaitu (dengan izin)...*A Family Focused, Green and Smart that Inspires The Nation*. Impian ini telah mendapat respon yang baik daripada rakyat Pulau Pinang. Oleh yang demikian saya berpendapat, perlu ada satu pelan yang komprehensif dalam mempromosikan kempen Pulau Pinang 2030 seperti kempen *I Love Penang* yang telah diadakan sebelum ini supaya visi 2030 ini dapat dikenali dan juga diterapkan sebagai amalan penduduk Pulau Pinang maka saya minta setiap hierarki ataupun organisasi kerajaan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan, penjawat awam, Badan Berkanun Negeri, GLC, MPKK dan juga pihak swasta perlu diberi pendedahan dan juga pemahaman tentang aspirasi Penang 2030 ini kerana visi Penang 2030 ini perlu menjadi agenda teras semua rakyat Pulau Pinang.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa isu yang telah dibentangkan di dalam Bajet 2019 ini. Saya hanya akan memilih beberapa isu sahaja sebab ramai Yang Berhormat-Yang Berhormat telah membincangkan dengan lebih lanjut tentang intipati Bajet 2019 yang telah dibentangkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang. Maka, saya ingin menyentuh mengenai Kerajaan Negeri yang telah memperkenalkan perkhidmatan bas percuma CAT dengan kos RM15 juta telah disediakan untuk tahun 2019 dan saya mengucapkan syabas dan juga menyokong penuh perkhidmatan bas CAT ini kerana bagi saya ianya dapat membantu golongan warga emas, pelajar sekolah, pelajar universiti, kolej dan juga golongan yang bekerja untuk menggunakan perkhidmatan awam sebagai mod pengangkutan mereka untuk sampai ke destinasi masing-masing.

Dato' Yang di-Pertua, Batu Uban juga tidak ketinggalan dalam perkhidmatan bas CAT ini. Pada bulan Julai yang lalu, lima (5) buah bas telah dilancarkan di Batu Uban dengan itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang amat prihatin kerana lima (5) buah bas tersebut telah membelanjakan lebih kurang RM120,000 untuk setahun yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri, sebulan, minta maaf. Maka, ia adalah satu amaun yang banyak dan warga Batu Uban amat syukur dengan bas yang terdapat di mana bas akan melalui

lalu daripada USM, Sungai Dua, Queensbay, Bukit Jambul dan Taman Pekaka. Maka saya berpendapat, walaupun kebaikan bas CAT ini amat digalakkan, namun saya rasa ada sedikit penambahbaikan yang perlu dilakukan kerana seperti yang disebut oleh rakan-rakan saya daripada Permatang Pasir dan juga Penanti yang mengatakan kebanyakan bas CAT ini hanya dinaiki oleh pendatang asing dan kurang mendapat sokongan ataupun penumpang daripada warga tempatan. Maka di sini saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan Negeri dapat memperkenalkan satu kad khas di mana kad ini hanya diberi kepada penumpang ataupun warga tempatan Pulau Pinang kerana bagi saya setiap kemudahan ataupun perkhidmatan bas percuma yang disediakan oleh Kerajaan Negeri ini haruslah dinikmati sepenuhnya oleh warga tempatan ataupun pembayar cukai negeri ini. Selain itu, kemudahan-kemudahan pondok bas perlu dinaik taraf dan juga perlu ada pondok bas baru di kawasan di KADUN Batu Uban.

Dato' Yang di-Pertua, dalam Bajet 2019 Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sejumlah RM7.4 juta untuk memasang 150 unit kamera litar tertutup iaitu CCTV yang baru. Saya mohon bahawa KADUN Batu Uban juga dipertimbangkan dan diberi keutamaan. Batu Uban juga memuji usaha Kerajaan Negeri memperkenalkan Program Mutiara *Food Bank* di mana Kerajaan Negeri komited untuk mengelakkan pembaziran makanan. Untuk makluman di Dewan Yang Mulia ini, Batu Uban juga telah memperkenalkan Program *Food Bank* di Pusat Khidmat sejak saya dipilih menjadi wakil rakyat. Saya telah bekerjasama dengan pihak Tesco Extra Sungai Dua dan juga untuk menjayakan *Food Bank* di KADUN Batu Uban dan saya mendapati bahawa Program *Food Bank* ini amat berguna terutamanya membantu yang kurang berkemampuan iaitu golongan B40 dan sebagainya. Maka, saya rasa ini adalah inisiatif yang baik daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan kita lihat bagaimana Kerajaan Pusat pun telah berminat untuk memperluaskan bantuan *Food Bank* ini kepada semua rakyat dan juga diperluaskan di semua negeri-negeri yang terdapat di Malaysia ini. Maka saya merasakan perlu ada juga penambahbaikan dari segi penghantaran dan juga kualiti pemakanan tersebut.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Yang Berhormat Batu Uban, saya memang sokong dengan Projek Mutiara *Food Bank* yang Kerajaan Negeri memang telah menjalankan. Akan tetapi, memandangkan apa yang dimaklumkan oleh Batu Uban bahawa projek ini memang menjadi satu kejayaan sejak Yang Berhormat menjadi Ahli Dewan Undangan kawasan tersebut. Tapi adakah dengan hanya memberikan *Food Bank* ini sahaja, adakah Yang Berhormat mempunyai sebarang cadangan atau rangka untuk memastikan kecuali memberikan *Food Bank* ini dan golongan B40 ini bukan hanya bergantung kepada apa yang selalu diberi sahaja. Adakah kita akan mengadakan program-program untuk menggalakkan golongan ini agar mereka berdikari dan bukan bergantung kepada *Food Bank* yang akan diberikan tiap-tiap minggu atau tiap-tiap bulan? Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Terima kasih rakan saya, Yang Berhormat daripada Air Itam. Satu (1) soalan yang baik dan ya, saya pasti yang bahawa kita sebagai wakil rakyat perlu memberi tunjuk baik yang baik kepada masyarakat dan sebenarnya pusat khidmat saya sering dikunjungi oleh masyarakat pelbagai bangsa yang datang untuk meminta bantuan kewangan. Dan apabila saya bertanya mereka, mengatakan yang mereka kurang berkemampuan, tidak dapat membeli barang-barang makanan dan sebagainya. Maka dengan itulah saya memulakan idea ini, saya pergi bercakap ataupun berbincang dengan pihak Tesco dan sebagainya untuk saya memulakan suatu projek di mana saya tidak dapat memberi bantuan kewangan yang berterusan. Tetapi ini adalah salah satu kaedah di mana kita dapat membantu mereka ni yang memerlukan bantuan ini dari segi *Food Bank*.

Tetapi dari jangka masa yang panjang saya rasa ya, sebab itu saya rasa pihak Kerajaan Negeri juga melalui PSDC dan sebagainya telah menyediakan banyak kursus teknikal dan *CAT Center* sendiri telah menyediakan tempat untuk mereka ini mencari satu pekerjaan yang lebih baik dengan gaji yang lebih tinggi. Kita faham dengan Revolusi 4.0 ini, maka akan ada cabaran yang lebih sengit di era pekerjaan ini adalah salah suatu bantuan yang boleh kita

bagikan tetapi dalam jangka masa yang panjang mungkin kita boleh juga memperlihatkan dari sudut-sudut yang lain. Tetapi apa yang saya faham bantuan *Food Bank* ini dapat mengelakkan pembaziran sebenarnya daripada kalau kita lihat pihak-pihak yang besar seperti *supermarket*, *hypermarket* dan juga pihak hotel yang selalunya membuang makanan-makanan yang lebihan ini. Maka melalui *Food Bank* ini saya rasa kita dapat mengelakkan pembaziran tersebut di mana kita dapat *channelkan*...(dengan izin) kepada mereka yang memerlukannya.

Yang di-Pertua, Batu Uban ingin membawa beberapa isu kawasan di Dewan yang mulia ini. Antaranya adalah berkenaan dengan isu denggi. Kita faham Pulau Pinang kini menduduki dalam *top five (5)* di negara Malaysia berkaitan isu denggi. Dalam sidang yang lepas juga saya telah membawa tentang peningkatan kes-kes denggi di kawasan Batu Uban dan juga Pulau Pinang. Untuk makluman, Batu Uban setakat ini setakat 31 Oktober 2018 telah mencatatkan sebanyak 446 kes dan juga satu (1) kematian. Setakat ini, Batu Uban juga telah berjaya mengadakan 18 siri gotong royong di kawasan-kawasan yang dikenalpasti sebagai “hot spot” denggi ini. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak MPKK, Kesihatan Daerah Timur Laut, Pejabat Daerah dan juga MBPP yang dan juga orang awam yang telah memberi komitmen dan juga mengambil bahagian dalam siri gotong royong yang telah diadakan. Dan saya mengucapkan terima kasih juga atas inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan juga EXCO Kesihatan iaitu Seberang Jaya di mana setiap minggu kita mempunyai mesyuarat dan juga maklumat tentang statistik peningkatan kes-kes denggi di kawasan ini.

Namun apa yang saya berpendapat mesyuarat-mesyuarat yang diadakan tidak memberi apa-apa impak ataupun dikatakan penurunan yang begitu ketara yang kita nanti-nantikan. Saya rasa kita perlu ada suatu kaedah yang lain untuk kita mempertimbangkan. Sebab itu saya juga memohon Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan cadangan daripada Institut Penyelidikan Perubatan untuk menggunakan teknologi *Wolbachia in Dengue Control*...(dengan izin) iaitu mengawal populasi aedes liar dan seterusnya mengekang penularan wabak denggi ini.

Yang di-Pertua Dewan, *Wolbachia* ini adalah suatu teknologi di mana nyamuk yang dijangkiti bakteria yang dikenali sebagai *Wolbachia* dilepaskan di kawasan wabak. Dan *Wolbachia* ini bukan suatu benda yang baru, telah dipergunakan di negara-negara seperti di Thailand, Indonesia, Australia dan juga di Brazil. Di mana ini adalah suatu kaedah, di mana melalui suntikan *Wolbachia* ke dalam telur nyamuk aedes untuk menghalang penularan virus denggi di kalangan manusia. Kajian juga menunjukkan selepas *Wolbachia* ini disuntik ke dalam nyamuk aedes, ia mampu menghentikan virus denggi, chikungunya dan juga zika daripada membiak dalam nyamuk tersebut. Ianya seperti di mana kalau dalam erti kata lain, kita mengambil nyamuk baik untuk membunuh nyamuk jahat iaitu aedes. Buat masa ini teknologi ini telah digunakan di Selangor dan telah menunjukkan suatu *trend* penurunan kes denggi yang baik di Selangor, mereka telah menggunakan *Wolbachia* ini, kalau tak silap saya di Shah Alam dan juga di kawasan Ampang. Oleh itu, saya berharap Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk kita melaksanakan program ini di Pulau Pinang.

Dato' Yang di-Pertua, di Batu Uban juga terdapat sebuah sekolah Tamil yang merupakan sekolah Tamil bantuan modal iaitu sekolah SJK Tamil Subramaniya Barathee. Baru-baru ini saya telah membuat lawatan ke sekolah tersebut dan mendapati pihak Lembaga Pengarah Sekolah dan juga PIBG sekolah sedang dalam perancangan untuk membuat pembinaan bangunan tambahan untuk sekolah tersebut dengan anggaran kos RM1.2 juta.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pembinaan bangunan tambahan ini adalah untuk menampung permintaan daripada kemasukan jumlah pelajar yang ramai bagi sesi persekolahan 2019 yang akan dimulakan tidak lama lagi kerana sekolah ini adalah satu-satunya sekolah Tamil yang terletak di Batu Uban dan juga jumlah pelajar terkini adalah seramai 256 orang murid. Sekolah Tamil lain yang ada berdekatan Batu Uban adalah dalam jarak 20 hingga 25km. Maka sekolah ini mempunyai *demand*, *demand* yang tinggi daripada penduduk di sekitar dan juga ramai ibu bapa yang ingin menghantar anak-anak mereka ke sekolah Tamil. Apa yang sedih apabila saya pergi melihat keadaan sekolah tersebut, sekolah tersebut menggunakan bilik *lab* ataupun makmal dan juga kantin sebagai tempat pembelajaran mereka kerana mereka

tidak dapat menampung jumlah pelajar yang ramai. Dan sebab itu sekolah telah bercadang untuk membina bangunan tambahan empat (4) tingkat yang akan mempunyai dua (2) bilik Pra Sekolah dan juga 9 bilik khas di tingkat pertama hingga ke empat dan saya berharap ianya akan dapat menampung kapasiti kemasukan murid baru. Justeru itu, saya memohon keprihatinan Kerajaan Negeri untuk memperuntukkan sejumlah bantuan kewangan kepada sekolah tersebut supaya kerja-kerja pembinaan bangunan tambahan ini dapatlah dijalankan tanpa sebarang kelewatan.

Namun demikian, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah memperuntukkan RM12 juta dalam bajet 2019 untuk sekolah-sekolah Mubaligh, Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan juga Agama. Setiap tahun juga Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah wang untuk membantu sekolah-sekolah Tamil, bukan saja sekolah Tamil tetapi juga tadika-tadika Tamil. Saya rasa ini adalah usaha daripada YB. Perai, jadi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Perai selaku EXCO yang berkaitan yang telah banyak memperjuangkan isu-isu tentang sekolah Tamil dan sebagainya. Saya juga telah mendapat maklum balas daripada Yang Berhormat Perai, saya telah bertanya mengenai status pembinaan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil yang pertama di Malaysia dan beliau telah mengatakan bahawa Kerajaan Negeri telah menulis surat kepada Kerajaan Pusat ketika itu tetapi Kerajaan Pusat telah memperkatakan bahawa tiada peruntukan khas untuk pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Namun seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Perai semalam, bahawa masih ada peluang lagi untuk kita mengadakan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil ini dan kita mungkin akan melihat bahawa Pulau Pinang menjadi negeri pertama yang akan mengadakan Sekolah Menengah Tamil pertama di Pulau Pinang. Dan banyak juga usaha-usaha yang sedang, sedang dijalankan dan begitu juga rakan saya daripada Bagan Jermal iaitu akan menganjurkan suatu persidangan Kebangsaan Pendidikan Tamil di Malaysia pada 26 dan juga 27 November di Hotel Light, Seberang Jaya. Dalam persidangan ini akan membincangkan penambahbaikan serta kemudahan pembelajaran dan juga pengajaran dalam Bahasa Tamil di SJK Tamil dan juga akan membincangkan berkenaan dengan pembinaan sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang pertama di Pulau Pinang ini. Maka saya mengucapkan ribuan terima kasih dan juga syabas atas usaha-usaha yang telah dibuat.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tanjung Bunga selaku EXCO Kerja Raya kerana baru-baru ini kita ada melihat satu video yang viral di mana seorang pelajar apabila sedang melintas jalan *zebra crossing* telah dilanggar oleh kenderaan iaitu di hadapan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kwang Hwa, Sungai Nibong. Sebenarnya ini adalah insiden yang kedua. Insiden pertama berlaku setahun yang lalu ketika itu saya menjadi Ahli Majlis di kawasan tersebut. Di mana insiden yang sama tetapi melanggar seorang ibu kepada pelajar yang telah dilanggar oleh kenderaan apabila dia melintas jalan. Walaupun *traffic light* itu berwarna merah, tetapi kereta telah melanggar.

Ketika itu saya telah memohon kepada JKR untuk memohon mengadakan *speed breaker* ini iaitu pelantar kelajuan supaya kenderaan-kenderaan ini dapat memperlambatkan kenderaan mereka ketika sampai ke kawasan sekolah ini kerana jalan Sultan Azlan Shah tersebut adalah jalan yang amat sibuk dan juga kapasiti kenderaan yang banyak. Namun ketika itu pihak JKR telah memberitahu saya bahawa jalan itu adalah di bawah seliaan JKR Pusat. Maka mereka tidak dapat menyediakan peruntukan. Itu adalah isu satu (1) tahun yang lepas. Baru-baru ini apabila insiden yang sama telah berlaku, maka sekali lagi, kali ini saya telah berhubung dengan YB. EXCO Tanjung Bunga dan meminta beliau untuk segerakan *speed breaker* ini.

Saya mengucapkan syabas dan juga terima kasih kerana YB. EXCO kerana beliau telah memohon kepada MOF dan juga sebanyak RM50,000 peruntukan telah diluluskan untuk kita membina *speed breaker*. Walau bagaimanapun, pelbagai kritikan dan juga tomahan yang telah saya terima banyak pihak yang mengkritik saya terutamanya pengguna yang menggunakan jalan tersebut, mereka kata kenapa tiba-tiba kita perlu membina *speed breaker* di atas jalan hanya kerana seorang murid bangsa Cina yang telah dilanggar. Isu ini telah menjadi isu

perkauman. Tetapi bagi saya, kita tidak patut berkompromi sekiranya isu tersebut melibatkan pelajar sekolah kerana inin adalah isu keselamatan, maka tidak kira sekiranya ianya melibatkan pelajar sekolah Cina, sekolah Tamil ataupun sekolah kebangsaan. Sebab itu saya sebagai wakil rakyat kawasan tersebut telah berupaya supaya *speed breaker* ini dapat diadakan. Saya juga ingin memohon permohonan daripada Sekolah Kebangsaan Bukit Gambir untuk mengadakan *pedestrian crossing* dengan lampu isyarat. Saya dimaklumkan JKR pada tahun ini tidak mempunyai peruntukan. Maka saya berharap pada tahun depan, kita dapatlah dapatlah membuat "*pedestrian crossing*" di Sekolah Kebangsaan Bukit Gambir ini. Terima kasih juga kepada EXCO kerana soalan bertulis saya berkenaan dengan cadangan projek-projek Infra yang bakal diadakan di kawasan Batu Uban ini maka beliau telah memberitahu bahawa ada lebih kurang lima (5) projek-projek yang akan dibuat, dinaik taraf jalan-jalan di sekitar kawasan Batu Uban ini.

Saya ingin mengucapkan terima kasih tetapi, saya juga sering mendapat aduan berkenaan dengan projek yang dijalankan oleh JPP iaitu Jabatan Perkhidmatan Perbentungan, yang sedang dijalankan dan saya difahamkan projek tersebut terdapat *delay*, sepatutnya projek tersebut tamat pada bulan Oktober tetapi, telah *drag*...*(dengan izin)* sehingga bulan Februari 2019. Dan saya mendapati terdapat pelbagai isu tentang projek tersebut terutamanya tentang isu keselamatan pengguna jalan raya, kerana mereka telah mengorek lubang-lubang yang besar, maka aspek-aspek keselamatan tidak dipatuhi. Baru-baru ini terdapat pembiakan nyamuk aedes dalam kolam tersebut. Maka saya berharap kita dapatlah mengambil satu tindakan terhadap pihak kontraktor ini.

Dato' Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membawa masalah banjir di Sunway Bukit Gambir Halaman Bukit Gambir 1, iaitu di Bukit Gambir. Saya memohon supaya peruntukan Tebatan Banjir untuk penambahbaikan longkang di kawasan tersebut dapat diperuntukan. Isu ini telah berlanjutan selama tiga (3) tahun, dan penduduk di situ berasa amat risau apabila hujan turun dengan lebat. Apabila hujan turun dengan lebat maka, rumah-rumah mereka akan dinaiki dengan air. Maka saya memohon supaya EXCO Tanjung Bunga dapat melihat perkara ini, dan pada tahun 2009, 2019 mungkin kita dapat peruntukan untuk menambahbaik longkang-longkang tersebut.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga mengutarakan cadangan penyediaan tempat khas untuk upacara *ritual* jenazah Bukan Islam iaitu perlu diwajibkan di semua Projek Skim Perumahan Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan juga Mampu Milik untuk memudahkan upacara keagamaan sebelum pengebumian dapat dijalankan dengan tenang tanpa membawa gangguan kepada penghuni lain juga. Kita faham bahawa kita tidak mempunyai satu garis panduan ataupun tempat khas terutamanya kepada Bukan Islam, di mana bila ada kematian mereka akan melakukan upacara pengebumian dan sebagainya sebelum proses pengembumian.

Tetapi ini menjadi satu isu juga, apabila ada pihak ataupun pihak pengurusan flat-flat tersebut tidak membenarkan mereka ini menggunakan tempat-tempat tersebut, mereka tidak mempunyai tempat khusus, maka mereka akan memasang sebuah khemah di tempat letak kereta ataupun di koridor, di mana ia akan memberi gangguan kepada pihak lain. Maka saya mohon satu garis panduan dapat dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk projek-projek baru dan dan juga yang bakal dilaksanakan pada masa hadapan. ...*(gangguan)*.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Minta penjelasan sikit. Terima kasih rakan saya daripada Yang Berhormat Batu Uban. Sememangnya saya pun bersetujulah tentang isu ini. Sebenarnya ia agak membelenggu kepada rakan-rakan kita di mana kawasannya mempunyai bangunan flat yang banyak, misalnya di kawasan Pengkalan Kota, di Gat Lebu Macallum ia juga mendatangkan kadang kala kacau ganggu apabila dia menjalankan. Tetapi kita perlulah menghormati yang kebudayaan ini juga. Tetapi sekiranya kita mencadangkan untuk membenarkan aktiviti-aktiviti sebegini diadakan berdekatan dengan flat, sememangnya kita akan menghadapi rintangan yang tinggi.

Mungkinkah Yang Berhormat Batu Uban boleh setuju, bahawa mungkinkah kita boleh buat satu kajian sama ada Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengenal pasti tempat-tempat yang sesuai untuk mendirikan satu pusat bagi mengadakan aktiviti seperti ini, seperti mana yang saya difahamkan dilaksanakan di Negeri Selangor. Sememangnya di bawah PBT, mereka menyediakan tempat yang tertentu untuk aktiviti sebegini. Jadi mungkin saya mohon pandangan sedikit daripada rakan saya daripada Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Terima kasih rakan saya daripada Pengkalan Kota. Saya rasa ini salah satu cadangan yang baik juga yang boleh diperhalusi kerana mungkin tempat-tempat terhad di dalam kawasan flat maka, bolehlah disediakan tempat-tempat khas untuk upacara-upacara ini dilakukan dan ada satu juga tempat khas yang telah dibuat di kawasan Batu Maung untuk mereka yang memerlukan. Ini juga adalah satu cadangan yang perlu diperhalusi dan saya minta kalau boleh EXCO Datok Keramat, mungkin boleh meneliti cadangan tersebut supaya kita boleh hidup dalam keadaan yang harmoni, tidak membawa kacau ganggu kepada semua pihak.

Yang di-Pertua Dewan, isu seterusnya adalah saya ingin membawa berkaitan dengan isu bola golf yang tersasar masuk ke kawasan *The Address Condominium*. Isu ini juga telah berlarutan sejak lama lagi, di mana bola golf daripada Penang Golf Club telah tersasarkan dan juga masuk ke kawasan tempat tinggal *The Address Condominium*. Tetapi isu ini melibatkan pihak swasta iaitu pihak IJM, di mana pihak IJM adalah pihak yang bertanggungjawab yang sepatutnya membina jaring ataupun pagar untuk *The Address Condominium*, tetapi saya difahamkan, pagar yang mereka bina itu dalam ribut yang berlaku pada tahun lalu telah mengakitkannya ia runtuh. Mereka tidak mahu membaiki pagar tersebut, maka semua pihak menunding jari antara satu sama lain dan tiada penyelesaian terhadap isu ini. Maka saya memohon supaya Kerajaan Negeri dapat masuk campur kita duduk berbincang memanggil PDC dan juga pihak-pihak IJM dan juga penduduk yang terlibat untuk kita berbincang dan juga mencari satu jalan penyelesaian yang berlarutan sekian lama....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :

Batu Uban, sudah lebih 30 minit.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

5 minit lagi. Yang di-Pertua Dewan, saya juga ingin membawa cadangan berkenaan mengazetkan kawasan Masjid Batu Uban sebagai Tapak Warisan UNESCO. Sebenarnya di kawasan Batu Uban juga terdapat bangunan warisan iaitu Masjid Batu Uban adalah antara Masjid terawal yang terdapat di Pulau Pinang, maka saya juga telah bertanya kepada EXCO Pinang Tunggal berkenaan dengan hal ini. Saya dimaklumkan bahawa pihak EXCO telah mengadakan tindakan-tindakan sepatutnya untuk menjadikan Masjid Batu Uban ini sebagai Tapak Warisan UNESCO, dan saya ingin mengucapkan terima kasih dan juga amat berbangga, kerana selalunya bila kita sebut tentang Tapak Warisan ni selalunya kita akan mengatakan di George Town. Tetapi di kawasan-kawasan seperti Batu Uban juga, terdapat bangunan-bangunan lama yang boleh dijadikan sebagai warisan.

Yang seterusnya Yang di-Pertua Dewan, saya ingin menyebut sedikit tentang Penang Global Indian Festival 2018 yang sering setiap tahun telah diadakan di Pulau Pinang iaitu di SPICE Arena. Tetapi pada tahun ini, malangnya aktiviti tersebut telah dibatalkan pada saat-saat yang terakhir. Penang Indian Shopping Festival ini adalah satu festival di mana ianya akan diadakan dengan penglibatan ramai usahawan dan juga penjual pakaian dan sebagainya daripada India dan juga ini adalah satu *trade international* di mana penglibatan daripada usahawan-usahawan daripada luar yang akan datang untuk menjual barang-barangan mereka seperti baju dan sebagainya.

Penganjuran ini mendapat sambutan yang baik, di mana mereka telah mengadakan aktiviti ini selama 10 tahun di Pulau Pinang. Tetapi pada tahun ini, saya difahamkan terdapat sedikit rungutan daripada peniaga-peniaga tempatan di Pulau Pinang, maka pada saat-saat akhir aktiviti ini telah dibatalkan. Namun Yang Berhormat Prai juga telah memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan mengkaji semula penganjuran *Penang International Trade* ini

pada tahun hadapan supaya satu kaedah penyelesaian yang menguntungkan kepada kedua-dua pihak dapat dicapai. Namun saya berpendapat, sepatutnya kita menggalakkan konsep pasaran terbuka kepada mana-mana organisasi ataupun syarikat yang ingin menceburi perniagaan di Pulau Pinang, kerana ianya akan menyumbang kepada industri pelancongan dan juga meningkatkan pendapatan negeri. Saya mohon Kerajaan Negeri mengadakan Garis Panduan tentang penganjuran program-program seperti ini pada masa yang akan datang.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO Bagan Jermal berkaitan dengan permintaan Batu Uban pada sesi DUN yang lepas, iaitu pembinaan Gelanggang Futsal dan juga Gelanggang Bola Keranjang di kawasan Batu Uban. Dan selepas itu, saya telah mendapat satu *feedback* yang baik daripada pihak EXCO sendiri, beliau telah turun sendiri untuk meneliti tempat-tempat yang dicadangkan, dan telah memberi jaminan bahawa satu *Futsal Court* dan juga Gelanggang Bola Keranjang akan diadakan pada masa terdekat ini, setelah semua *procedure* yang sepatutnya telah diperhalusi. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan saya berharap pada tahun 2019, Batu Uban akan mempunyai satu Gelanggang *Futsal* dan juga Gelanggang Bola Keranjang ini.

Selain itu saya juga ingin bertanya tentang *e-Sport* walaupun pada hari itu, saya telah mengatakan tentang penganjuran sukan *e-Sport* ini ini adalah satu aktiviti yang kita lihat kebanyakan belia kini, kian giat dalam aktiviti ini. *E-Sport* ini didapati boleh juga menyumbang kepada ekonomi dan juga kepada individu tersebut. Dalam permainan *e-Sport* baru-baru ini, seorang pemain negara kita telah mendapat hadiah sebanyak RM16.8 juta di Kejohanan *International 8 Dota 2*. Maka saya lihat Pulau Pinang sekali lagi kita perlulah *lead* dalam acara *e-Sport* ini kerana, di Selangor telahpun di mulakan dan Majlis Sukan Negeri di Selangor merupakan badan induk yang utama dalam penganjuran *e-Sport* ini.

Maka di Pulau Pinang ini, saya rasa bolehlah kita bekerjasama dengan pihak-pihak swasta yang mahu mengadakan satu kerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk kita memperkembangkan aktiviti *e-Sport*. Di Melaka juga akan dibina e-stadium dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka dan juga pihak swasta. Maka di sini juga, kita menanti-nantikanlah pada satu hari nanti, Pulau Pinang akan mempunyai e-stadium tersendiri.

Dato' Yang di-Pertua, yang terakhir ialah isu berkenaan dengan yuran penyelenggaraan iaitu *maintenance fees* yang melibatkan bangunan kos rendah, kos sederhana rendah. Walaupun Pihak Berkuasa Tempatan melalui COB, kita mempunyai Akta-Akta tertentu ataupun tindakan-tindakan yang boleh diambil kepada mereka yang gagal untuk membayar duit *maintenance* ini. Tetapi kita lihat kebanyakan masalah adalah di flat-flat kos rendah dan juga kos sederhana rendah ini dan masalah...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Minta celah. Terima kasih Yang Berhormat dari Batu Uban. Saya amat tertarik dengan tajuk yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Uban mengenai isu COB ini, dan isu *maintenance fees*...(dengan izin) yang tidak dibiayai. Saya, kita pernah jadi Ahli Majlis dulu dalam Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Saya rasa jadi saya rasa kalau adakah undang-undang yang sedia ada dalam *you know* isu Strata ini secukupnya, terutamanya kepada mereka yang tidak *you know* bertanggungjawablah ke atas isu *maintenance fees* ini...(dengan izin) terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Terima kasih daripada Pulau Tikus. Soalan yang baik. Ya, walaupun seperti yang saya sebut tadi, walaupun kita mempunyai akta-akta tertentu, COB boleh ambil tindakan dan sebagainya. Tetapi bagi saya ia tidak memberi apa-apa impak yang ketara terhadap penghuni-penghuni tersebut dan juga mereka tidak takut kerana mereka rasa mereka tidak bayar apa tindakan maksimum yang boleh diambil oleh pihak-pihak tertentu. Mungkin perkara ini pernah dicadangkan dan saya minta supaya kajian semula tentang cadangan untuk kita memastikan kos *maintenance* ini dimasukkan juga dengan kos PBA ataupun bil-bil TNB sekali supaya mereka-mereka yang gagal membayar *maintenance fees* ini, maka kerja-kerja pemotongan air dan elektrik dapat dilakukan. Maka, dengan ini dapatlah kita membantu juga kutipan *maintenance fees* ini kerana buat masa ini banyak masalah yang timbul dan masalah tersebut

datang kepada Kerajaan Negeri juga. Kerana kita lihat kebanyakan flat-flat ini ada masalah tangki bocor, bumbung dan sebagainya.

Maka, mereka datang memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri walaupun Kerajaan Negeri telah memberi peruntukan kepada mereka tetapi kos selebihnya tidak dapat ditanggung oleh mereka kerana mereka tiada kutipan yang mencukupi. Maka saya rasa perkara-perkara ini perlu dilihat semula dan juga satu kajian juga perlu dilakukan semula untuk kita mencari satu titik persamaan, satu kaedah untuk kita dapat dilakukan contohnya antaranya kita masukkan sekali duit *maintenance fees* ini dengan bil air ataupun bil elektrik. Sebab dulu kita mempunyai kekangan dari segi undang-undang dan sebagainya. Tapi buat masa ini kita mempunyai satu kerajaan yang sama di peringkat Pusat dan juga di peringkat Kerajaan Negeri.

Maka, saya berpendapat bahawa kita dapatlah melakukan perubahan-perubahan ini supaya kita dapat juga membantu pihak-pihak pengurusan flat-flat yang terdapat ini. Maka, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam sesi perbincangan ini dan saya mohon menyokong bajet yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Batu Uban. Seterusnya, Sila Yang Berhormat Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad):

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT. Selamat petang, Salam Sejahtera dan Salam Harapan. Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana telah memberi ruang dan peluang kepada Telok Ayer Tawar untuk mengambil bahagian dalam ucapan Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2019 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada 09 November 2018 yang lalu.

Dato' Yang di-Pertua, dalam Pembentangan Rang Undang-Undang Pembekalan di mana Kerajaan Negeri telah menetapkan 4 Teras Utama dalam usaha mensejahterakan rakyat dan memajukan negeri menjadi bandar utama di Asia dan negeri terpilih di Malaysia. Teras utama dalam perbentangan belanjawan ialah meningkatkan daya huni untuk meningkatkan kualiti kehidupan. Di mana kerajaan telah memperuntukkan RM39.3 juta untuk projek-projek menaik taraf dan pembinaan jalan raya baru di negeri ini. Sebanyak RM2.0 juta bagi meningkatkan akses dan menaik taraf jalan-jalan kampung. Kerajaan Negeri juga telah memperluaskan liputan jalur lebar, talian tetap dengan kelajuan internet melebihi 100 mps. Dalam usaha meningkatkan daya huni, sehingga tahun 2018 sebanyak 97,242 unit rumah mampu milik telah siap dibina. Manakala menjelang tahun 2025, Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran 27,080 unit rumah mampu milik yang akan dibina. Sebanyak RM4 juta diperuntukkan untuk menyelenggarakan perumahan awam. Jadi, tahniah Telok Ayer Tawar ucapkan kepada Ketua Menteri kita.

Teras kedua, kerajaan akan menaikkan taraf ekonomi dengan meningkatkan pendapatan isi rumah. Keperihatinan terhadap kerajaan dan penjagaan rakyat terus diberi perhatian oleh kerajaan. Melalui penerusan program i-Sejahtera. Rakyat telah dinikmati oleh program i-Sejahtera ini telah dinikmati oleh 1.6 juta rakyat negeri ini dengan jumlah kewangan RM412.6 juta sejak tahun 2008 yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri dalam program i-Sejahtera. Di samping itu, program *Mutiara Food Bank* yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri sejak Mei 2017 dan pelancaran rasminya akan disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 22 Disember 2018. Ini membuktikan Kerajaan Negeri akan menjadi perintis kepada pelaksanaan *food bank* di seluruh negeri-negeri di Malaysia. Telok Ayer Tawar mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Kerajaan Negeri kerana tidak terlepas dalam usaha melaksanakan program *Mutiara Food Bank* ini. Telok Ayer Tawar tidak terlepas dalam usaha kita untuk melaksanakan program *Mutiara Food Bank* ini di mana kita bermula pada tahun 2017 lagi iaitu pada tahun lepas dan kita telah berjaya membantu lebih daripada 200 keluarga yang menerima program *food bank* ini. Manakala seramai 23.576 penerima seluruh negeri menerima manfaat sejak *food bank* diperkenalkan, sejak tahun 2017. Melalui Invest Penang, kerajaan telah menawarkan Skim

Insentif Penang 4.0 dengan dana RM4 juta. Dana ini adalah diharapkan dapat membantu usahawan dan mengekalkan potensi Pulau Pinang sebagai *silicon valley of Asia...* (dengan izin). Kerajaan Negeri telah meluluskan RM1.67 juta kepada 16 usahawan di dalam Negeri Pulau Pinang setakat ini.

Dato' Yang di-Pertua, teras ketiga. Kerajaan akan terus memperkasakan rakyat untuk meningkatkan penyertaan masyarakat. Telok Ayer Tawar mengucapkan tahniah dan syabas kepada YB. Padang Lalang dalam usaha memantapkan wanita dan usaha pembangunan ekonomi dan memperkasakan wanita melalui program brigid wanita. Iaitu melalui gender. Sejumlah RM200,000 diperuntukkan bagi portfolio Keterangkuman Gender untuk melaksanakan pelbagai program pada tahun 2019 nanti. Telok Ayer Tawar tidak terlepas dalam usaha portfolio Kerangkuman Gender ini di mana Telok Ayer Tawar telah merancang dan telah mengenal pasti kawasan parkir Bagan Ajam untuk dijadikan *Gender Business Park Centre* ataupun dikenali sebagai gerbang malam. Di mana kita akan menempatkan keseluruhan usahawan wanita untuk menjadikan satu *trademark* di mana kita akan menempatkan usahawan wanita seperti ibu tunggal, ibu tunggal dan sebagainya untuk menyertai program ini. Keahlian Brigid Wanita di Telok Ayer Tawar setakat ini adalah seramai 89 orang dan kebanyakan ahli brigid ini telah banyak menyertai program yang dianjurkan oleh Keterangkuman Gender ini. Telok Ayer Tawar masih menunggu kelulusan lesen daripada MPSP yang mana permohonan ini telah lama kita pohon sejak tahun lalu dan ditangguhkan dan kita harap dengan program yang kita lancarkan ini, kita akan mendapat jawapan yang positif daripada MPSP untuk memberi lesen secepat mungkin pada kita untuk melaksanakan program ini.

Di samping itu juga, kita juga merancang untuk memajukan kawasan persisiran pantai Taman Robina dan juga Telok Molek sebagai medan selera berkonsepkan *food truck*. Dan ini juga kita akan menempatkan usahawan wanita. Di samping itu juga, di samping kita memperkenalkan *food truck* kita juga akan memperkenalkan pusat rekreasi air seperti permainan keno, jet ski dan sebagainya dan di samping itu juga kita telah memperkenalkan Taman Robina ini sebagai pusat memancing utama di seluruh Malaysia Utara dan pada tahun 2018, sebanyak tiga (3) kali pertandingan memancing peringkat kebangsaan telah kita adakan dan menjelang tahun 2019 kita akan memperkenalkan empat (4) kali pertandingan memancing yang mana pertandingan memancing ini yang mana pertandingan memancing ini kita anjurkan di peringkat Kebangsaan dan setakat ini penyertaan yang paling tertinggi iaitu pada tahun lepas ialah seramai 792 kaki pemancing di seluruh Malaysia termasuk Sabah, Sarawak, Thailand dan juga Brunei. Dan kita akan jadikan ia sebagai satu acara tahunan untuk menarik peminat-peminat pemancing dan menjadikan Pantai Robina sebagai destinasi pelancongan yang utama di peringkat Utara.

Telok Ayer Tawar juga akan mengalukan tindakan Kerajaan Negeri untuk membina perpustakaan digital di Seberang Perai dengan peruntukan RM4.6 juta dan usaha Kerajaan Negeri membudayakan sukan dan riadah, kita telah memberi perhatian yang khusus di mana kompleks sukan bertaraf antarabangsa dan pembinaan gelanggang badminton di Daerah Timur Laut dengan kos RM30 juta telah pun dirancang oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui bajet yang dibentangkan pada 9hb yang lepas.

Telok Ayer Tawar juga ingin menyentuh mengenai tempat sukan dan riadah di Taman Robina. Di mana lawatan tapak diadakan pada 20 Ogos 2018 ke gelanggang gimnasium di Taman Robina bersama dengan EXCO Belia Dan Sukan dan Pejabat Daerah, Majlis Sukan Negeri, Jabatan Belia Dan Sukan Negeri dan MPSP yang telah kita mengadakan lawatan dan kita mohon supaya pusat ini, gimnasium dan juga kawasan di sekitarnya diserahkan kepada ADUN tetapi setakat ini kita belum dapat maklumat ataupun maklum balas daripada pihak yang tertentu di mana pusat gimnasium ini pada masa ini dijadikan tempat penginapan oleh penjaga iaitu yang ditugaskan untuk menjaga pusat gimnasium tersebut. Jadi ini kita amat mengecewakan dan surat susulan telah pun kita hantar ke Pejabat Daerah dan setakat ini tiada tindakan yang diambil dan termasuk juga daripada Bagan Jermal. Telah menghantar surat kepada Pejabat Daerah untuk mendapatkan kunci gimnasium ini untuk kita uruskan dengan sempurna tapi setakat hari ini kita tidak dapat maklum balas. Dan kita takut bila kita diberi oleh kepada Pejabat Kementerian Belia yang tidak urus dengan sempurna. Kita takut bangunan ini akan

menjadi usang dan ditinggalkan begitu saja dan hari ini kita dapati bahawa semak samun dan juga rumput tumbuh begitu tanpa diberi perhatian sewajarnya oleh pihak yang kita tugaskan untuk melaksanakan pengurusan kepada bangunan tersebut. Dan kita mengharapkan agar pusat gimnasium dan kawasan disekitarnya dapat diserahkan dengan secepat mungkin kepada kita sebagai rakyat akan menguruskan...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Kepada Telok Ayer Tawar, untuk kawasan tersebut memang pada masa lawatan kita sudah minta Pejabat Daerah, Pegawai Pejabat Daerah dan juga Jabatan Belia Dan Sukan Daerah SPU untuk minta balik kunci dalam masa 14 hari. Kalau dalam masa 14 hari, mereka yang menyewa tempat itu tidak mahu memulangkan kunci tersebut maka saya rasa Pejabat Daerah, Jabatan Belia dan Sukan berhak untuk tukar kunci supaya boleh untuk uruskan tempat ini untuk diselenggara oleh MSN ataupun Jabatan Belia dan Sukan, Pejabat Daerah ataupun Pejabat Pusat Khidmat KADUN Telok Ayer Tawar.

Saya berasa juga amat kesal kerana terpaksa tunggu saya untuk tetap satu tarikh untuk bermesyuarat dan berbincang. Memang saya akan aturkan satu mesyuarat ini dan surat yang bertarikh 23 Oktober telah hantar kepada saya untuk minta saya tetapkan satu tarikh, tapi saya rasa kes-kes yang sebegini pegawai-pegawai yang bertugas tidak seharusnya melambatkan proses penyerahan. Ini juga salah satu (1) teguran kepada semua jabatan-jabatan ataupun pegawai-pegawai kerajaan di mana kalau ada kes-kes sebegini mintalah mempercepatkan supaya jangan tangguhkan kes ini menyebabkan rakyat tidak dapat memanfaatkan untuk bilik gimnasium ini. Saya akan tetapkan satu tarikh pada masa akan datang hujung bulan ini dan kita akan bermesyuarat. Saya minta pegawai-pegawai bersiap sedia semua maklumat tersebut dan selepas mesyuarat itu kita akan melaksanakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad):

Terima kasih kepada Bagan Jermal di atas jawapan tadi. Manakala teras ke empat (4) yang digariskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ialah Kerajaan telah menetapkan fokus dalam usaha pembangunan lestari dan seimbang jadi Telok Ayer Tawar mohon kepada Kerajaan Negeri agar menyegerakan pembinaan sebuah klinik kesihatan yang moden atau menaikkan taraf klinik kesihatan yang ada pada masa ini. Sebab di Telok Ayer Tawar sehingga kini ada Klinik Satu Malaysia sahaja dan dengan kepesatan penduduk 30,000 orang lebih maknanya Klinik Satu Malaysia sudah tidak sesuai dalam keadaan pembangunan pada hari ini. Jadi kita amat mengharapkan bahawa perkhidmatan klinik kesihatan ini akan dibangunkan dengan segera di kawasan ini.

Dato' Yang di-Pertua, selain menaikkan taraf klinik kesihatan yang sedia ada. Telok Ayer Tawar juga amat mengharapkan sebuah pejabat pos dibina di kawasan ini. Jadi keperluan penduduk dengan adanya pejabat pos, setakat hari ini penduduk di Telok Ayer Tawar terpaksa menggunakan pejabat pos di Kepala Batas, Penaga dan juga di Butterworth. Jadi sepertimana saya katakan tadi dengan penduduk hampir 30,000 orang makna keperluan pejabat pos itu amat diperlukan bagi penduduk mendapatkan perkhidmatan di kawasan ini.

Jadi kita tahu bahawa selama 60 tahun pemerintahan rejim yang lepas. Mereka tidak dapat melaksanakan perkhidmatan pejabat pos dan juga klinik kesihatan yang sempurna dan jadi kita mengharapkan YB. baru ini. ...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya minta mencelah sikit. Saya bila sebut 60 tahun tak ada pembangunan ini. Saya pelik, Telok Ayer Tawar ini. Telok Ayer Tawar ini kawasan yang cukup membangun dari segi perumahan, dari segi pendidikan dan sebagainya. Cuma pejabat pos ini saya rasa kita dah usahakan lama. Cuma bila pejabat pos ini kita nak buat depan sekolah bangunan terbengkalai. Bangunan yang depan sekolah kebangsaan, tapi tak jadi sebab bangunan tu tak dapat OC.

Diusahakan oleh mantan YB. yang dulu la. Cuma pejabat pos dia ada kriteria dia mungkin ada di kawasan berdekatan tidak berapa jauh. Penaga paling dekat dengan Butterworth dan Bagan Ajam. Jadi mungkin dekat, mungkin tak dapat dibuat. Tapi kalau

kapasiti dah bertambah rasa mungkin boleh dipertimbangkan atau boleh di kaji semula. Cuma pembangunan dah ada di Telok Ayer Tawar bukan tak ada langsung.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad):

Terima kasih kepada Sungai Dua. Sebenarnya bukan kita nak katakan pembangunan. Kita mengatakan bahawa apa dia perkhidmatan infra ini seperti pejabat pos dan juga klinik kesihatan. Seperti pada tempat-tempat lain. Jadi kita sekarang ini. ...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Klinik kesihatan ini dikenal pastikan tempat di kawasan Titi Mukim. Saya rasa boleh diteruskan dan kenal pasti tempat cuma kesihatan tolong teruskan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Dua terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad):

Sekarang ini kita dah perubahan kerajaan... jadi...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak apa biar EXCO yang jawab.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad):

Perubahan kerajaan, jadi bila berlakunya perubahan kerajaan itu maknanya zaman kita kan. Untuk nak menyakinkan kepercayaan rakyat bahawa kita dapat melakukan sesuatu setelah kita ambil pentadbiran ini. Jadi kalau harap pada kerajaan yang dulu memang tak boleh buat apa dah lah. Sebab peruntukan ini peruntukan daripada Kerajaan Pusat dan sebagainya. Jadi kita minta kepada Kerajaan Negeri membantu kita dalam urusan mempercepatkan proses pembinaan pejabat pos dan juga menaiktaraf klinik kesihatan yang sedia ada.

Baik, seterusnya Dato' Yang di-Pertua. Selain Bertam yang ada tokoh kemerdekaan iaitu Tuan Haji Abdullah Fahim. Yang kita tahu Tuan Haji Abdullah Fahim yang telah menentukan tarikh kemerdekaan negara. Jadi Telok Ayer Tawar juga mempunyai sejarahnya yang tersendiri di mana rumah warisan yang dibina lebih pada 100 tahun di Bagan Belat. Mempunyai sejarah tersendiri di mana rumah itu adalah rumah tinggalan Sheikh Nasaruddin seorang berbangsa Arab daripada Baghdad dan rumah itu merupakan tempat Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj iaitu Perdana Menteri kita yang pertama berbincang bersama dengan rakan-rakan untuk menentukan tarikh ataupun mendapatkan kemerdekaan daripada British dan di rumah itulah berlakunya perbincangan dalam usaha menuntut kemerdekaan negara. Pada masa itu di tangan British.

Jadi selain itu juga Bagan Belat dalam DUN Telok Ayer Tawar telah dijadikan tempat penempatan tentera British. Kewujudan Pengkalan Tentera Utara di sini membuktikan Telok Ayer Tawar telah menjadi kawasan pertahanan negara satu ketika dulu. Bukti terbaharu adanya hubungan akrab pihak penduduk dengan pihak Inggeris apabila terjumpanya lima (5) pucuk surat yang masih kekal elok dan tertera tahun 1815 dan ini terbukti hubungan antara Bagan Belat, Telok Ayer Tawar dengan British sudah terjalin pada masa itu.

Di kawasan Bagan Belat juga satu (1) ketika dulu menjadi kawasan pendaratan pada pedagang Inggeris dan juga Arab dan pembukaan Taman Robina yang diambil daripada nama Ketua Turus angkatan tentera Australia pada ketika itu bersama pasangannya ketua angkatan tentera ketika itu bernama Robinson dan bersama pasangannya Anderson yang senantiasa berehat-rehat dan bersiar-siar di kawasan tersebut. Dan hasilnya gabungan daripada nama Robinson Anderson itulah tercetusnya nama Robina dan ianya membawakan satu kesan sejarah yang kita tahu amat penting untuk kita lihat semula. Dan apa yang kita nak fikirkan dan yang kita nak mengharapkan supaya Kerajaan Negeri dapat menjaga nilai-nilai sejarah dan

mempopularkan kembali kawasan di persekitaran Telok Ayer Tawar iaitu di kawasan Bagan Belat yang ada rumah warisan dan juga di kawasan Pantai Robina dan menjadi tempat penempatan tentera British pada ketika itu dan sejarahnya perlu kita kaji semula untuk kita jadikan tatapan untuk generasi yang akan datang.

Dato' Yang di-Pertua, Telok Ayer Tawar ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang telah menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai model terbaik yang kini menjadi idola kepada rakyat di negeri lain. Melalui pembentangan rang undang-undang pembekalan 2019 adalah diharapkan semua EXCO, ADUN dan Penjawat Awam akan memainkan peranan bagi menjayakan pembangunan negeri melalui 4 Teras Utama yang digariskan melalui pembentangan Rang Undang-Undang Pembekalan pada 9 haribulan November yang lepas.

Jadi kita akan terus taat dan setia memberi kepercayaan kepada pentadbiran dan kita tidak akan berada dalam mimpi lagi untuk menjadikan Pulau Pinang, menjadi sebuah bandar antara negeri utama pilihan di Asia dan bandar dan negeri yang terpilih di Malaysia. Dengan ini Telok Ayer Tawar menyokong pembentangan belanjawan pada kali ini. Sekian, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Telok Ayer Tawar. Saya rasa semua, saya nak minta satu lagi Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail):

Assalamualaikum W.B.T dan Selamat Sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker dan pada semua Ahli Dewan, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Keempat Belas.

Pertamanya saya ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Padang Kota di atas hari ini ulang tahun dan juga hari ini telah di terima sebagai senarai dalam skim penghargaan warga emas Pulau Pinang. Tahniah!

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tidak perlu disebut-sebutkan, sakit hati.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail):

Okey, saya akan terus kepada isu yang akan dibangkitkan kerana saya adalah pembahas mungkin yang *last*. Pembangunan infrastruktur Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus komited untuk meningkatkan infrastruktur bagi keselesaan dan kemudahan rakyat. Jaringan jalan raya sentiasa dinaiktaraf dan seluruh negeri sama ada bandar atau pun luar bandar. Bagi tujuan tersebut Kerajaan Negeri telah menyediakan RM39.3 juta untuk projek menaik taraf dalam pembinaan jalan raya yang baharu di negeri ini. Isu yang saya nak bangkitkan yang pertama tahniah kepada Kerajaan Negeri di atas menyediakan peruntukan untuk projek naik taraf yang pertamanya seperti yang dibangkitkan oleh ADUN Bayan Lepas iaitu berhubung dengan jalan daripada Simpang Empat menghala ke Teluk Kumbar. Iaitu yang mana dua cerun yang telah runtuh dan bila saya menghubungi pejabat JKR dikatakan tempoh mula kerja 29 November hingga siap 28 April 2019.

Bermakna mengambil masa lima (5) bulan seperti yang ditetapkan oleh Cawangan Kejuruteraan Cerun Ibu Pejabat JKR Kuala Lumpur. Apa yang saya nak bangkitkan ialah aduan daripada masyarakat berhubung jalan tersebut sepertimana kita maklum bahawa Balik Pulau ada tiga (3) pintu masuk ke Balik Pulau yang pertama Jalan Simpang Empat melalui Teluk Kumbar itu yang kedua jalan Taman Tun Sardon ataupun jalan Bukit Baru dan yang ketiga jalan Teluk Bahang.

Berhubung dengan banjir yang baru-baru ini dan juga cerun yang runtuh itu. Di antaranya ialah kesan pengusaha stesyen minyak terpaksa mengisi minyak setiap hari dengan bekalan minyak terputus sebab kenderaan berat tidak dapat lalu pada jalan khususnya Teluk Kumbar kerana melebihi daripada tiga (3) tan. Ini menyebabkan bekalan minyak khususnya di Balik Pulau ini adalah terputus. Jadi harapan penduduk Balik Pulau supaya apa yang di sebut

oleh YB. Bayan Lepas kita mengharapkan supaya Jalan Teluk Kumbang itu dilebarkan supaya diberi perhatian.

Inilah isu yang pertama yang saya hendak bangkitkan berhubung dengan jalan yang mana kalau kita tengok dua (2) cerun yang telah runtuh ini. Saya mengharapkan supaya Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat bagi Pakatan Harapan untuk melihat ini perkara penting khususnya bagi penduduk di kawasan saya iaitu Pulau Betong dan juga di Balik Pulau. ... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim):

Minta laluan, Yang Berhormat Pulau Betong, saya bersetuju oleh kerana cerun-cerun ke jalan Balik Pulau ni sering berlaku keruntuhan jadi apakah perlu ada satu mekanisme baru dalam menyejajarkan pembaikan ataupun mendapat ehsan daripada pihak tentera sepertimana yang pernah berlaku di Kelantan apabila banjir besar terputusnya jambatan, pihak tentera telah membantu untuk menyediakan jambatan segera sebelum kita siapkan pembaikan tu. Kalau setuju kita minta supaya benda tu boleh dikaji semula.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail):

Terima kasih pada Telok Bahang, kita mengharapkan supaya Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat yang ada untuk melihat maknanya isu dua cerun ini diberi keutamaan untuk penyelesaian ataupun disebut sebagai dalam belanjawan kita iaitu pembangunan infrastruktur ini diberi perhatian.

Seterusnya tentang pengurusan banjir di mana di dalam bajet belanjawan diumumkan sebelum ini Kerajaan Negeri. Peruntukan sejumlah RM150 juta untuk melaksanakan lapan (8) buah projek tebatan banjir berimpak tinggi bagi mengurangkan risiko banjir terutamanya di beberapa kawasan titik panas (*hotspot*). Apa yang nak saya utarakan berhubung dengan pengurusan banjir ini, yang baru-baru ini dalam penghujung bulan Oktober, di sekitar kawasan di KADUN Pulau Betong di kediaman hadapan dengan kediaman Pejabat Daerah, limpahan air di saluran tersebut telah dinaiki dengan keadaan paras melimpahi jalan, jadi kawasan yang banjir teruk. Jadi saya nak melihat bahawa pihak Kerajaan Negeri khususnya Yang Berhormat Tanjung Bunga supaya saluran ataupun sistem perparitan yang sedia ada ini kita juga beri perhatian di samping kita tengok ada projek-projek tebatan banjir yang berimpak tinggi kita ambil kira juga dengan saluran yang sedia ada dan selepas kejadian itu saya bersama dengan pihak JKR, JPS dan juga Majlis Bandaraya bersepadu untuk melihat kawasan yang dinaiki air di hadapan dengan Sekolah Kebangsaan Titi Teras di kediaman Pejabat Daerah. Melihat supaya apa yang saya dapat, pandangan daripada pihak JKR ialah sistem saluran yang sedia ada itu perlu kita bersihkan kerana kita tengok banyak sistem ataupun parit, longkang dan sebagainya tersumbat. Inilah diantaranya yang menyumbang kepada berlakunya banjir. Jadi saya mengharapkan supaya sistem saluran di sekitar KADUN Pulau Betong khususnya dan juga di Balik Pulau untuk kita beri perhatian untuk dibersihkan semua pihak supaya tidak berlaku banjir kilat yang menyumbang kepada banjir. Yang baru-baru ini ada kawasan terpaksa dipindahkan ke penempatan di sekitar kawasan Sekolah Kebangsaan Titi Teras. Jadi harapan supaya sistem saluran di semua kawasan kita bersihkan dan kita perbaiki supaya aliran air dapat mengalir dengan baik dan tidak menyumbang kepada berlakunya banjir.

Seterusnya berhubung dengan isu banjir ialah pihak bomba dan penyelamat juga adalah di antara agensi yang membantu untuk mangsa ataupun mereka yang diuji dengan banjir ini. Baru-baru ini kita dapat aduan khususnya daripada pihak bomba dan penyelamat berhubung dengan peralatan iaitu bot. Ada rungutan daripada pihak bomba dan penyelamat kalau dapatlah pihak Kerajaan Negeri ataupun Pusat menyediakan bot yang kecil supaya dapat bot ni masuk ke dalam lorong-lorong, jalan kecil di kawasan kampung dan sebagainya. Apa yang berlaku ialah bot yang dibawa ataupun dibekalkan oleh pihak Bomba dan Penyelamat. Bot yang besar jadi tak masuk kalau kita kata ayat yang saya nak guna beretuh habis panchor rumah orang. Jadi kalau dapat bot yang kecil ini dibekalkan memudahkan pihak Bomba dan Penyelamat ataupun badan sukarelawan untuk bantu mengeluarkan mereka yang terperangkap dengan banjir ini dengan mudah. Jadi apa yang saya nak bangkitkan supaya pihak Kerajaan Negeri mahupun bersama dengan Pusat membekalkan bot yang mudah kita urus untuk masuk

lorong-lorong atau pun kampung memudahkan kita membawa atau pun pindahkan mereka yang diuji dengan banjir ini keluar ke tempat penempatan.

Begitu juga permohonan daripada pihak agensi penyelamat iaitu berhubung dengan satu *platform* ataupun disebut sebagai *ramp* tempat kita nak turun bot, gelongsor bot ke jeti pengkalan. Contohnya, yang ada di kawasan Balik Pulau ini, hanya satu (1) di Jeti Kuala Sungai Pinang. Jadi bila bot besar yang ditunda oleh pihak Bomba dan Penyelamat kalau berlaku contohnya yang baru-baru ini ada masalah mangsa yang tenggelam dan sebagainya dalam operasi nak mencari terpaksa ke Jeti Kuala Sungai Pinang sebab Jeti Kuala Sungai Pinang ada *ramp* ataupun *platform* untuk kita turunkan bot tu. Jadi kalau saya nak cadangkan supaya di Jeti Kuala Pulau Betong juga ada *ramp* ataupun gelongsor untuk kita memudahkan untuk kita nak turunkan bot daripada ditunda oleh pihak bomba dan penyelamat ke kawasan Jeti Kuala Pulau Betong.

Seterusnya ialah membudayakan sukan dan riadah. Di dalam ucapan bajet Ketua Menteri menyebut Kerajaan Negeri diantaranya telah memperuntukkan iaitu RM300,000.00 untuk atlet-atlet di dalam sebagai satu sumbangan mereka di dalam SUKMA had yang baru-baru ini merangkul 32 pingat emas. Ini diantaranya perihatin Kerajaan Negeri kepada atlet untuk pembangunan sukan. Jadi saya ucapkan tahniah di atas perkembangan ini dan juga saya juga untuk bangkitkan di dalam isu ialah diantaranya di Pulau Betong iaitu sukan paragliding iaitu payung terjun yang kita nak manfaat di Bukit Genting, Balik Pulau. Kerajaan Negeri telah melaksanakan program pelapis seramai 451 orang atlet pelapis yang juga melibatkan 17 jenis sukan. Kita mengharapkan supaya sukan paragliding ini juga di antara yang boleh membantu untuk yang pertamanya mendapat perhatian dikalangan khususnya untuk menarik pelancong. Paragliding di Malaysia ini sukan yang telah sudah mula bertapak sejak tahun 2002 dan telah dipelopori oleh beberapa orang juga yang telah terlibat dalam juruterbang komersial pesawat. Sejak itu sukan ini berkembang di sudut komuniti dan pengurusan sehingga tertubuhnya Persekutuan Sukan Udara Malaysia (MSAF) yang mengawal selia setiap aspek sukan udara di Malaysia. Jadi yang popular sukan paragliding ini ialah diantaranya:

1. Bukit Jugra iaitu di Banting, Selangor;
2. Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor;
3. Ranau dan Bukit Kokol, Sabah; dan
4. Bukit Bubus, Kuala Besut, Terengganu.

Jadi apa yang saya nak sebut ialah Bukit Genting di Balik Pulau. Adalah ketinggian 290 meter dari aras laut. Terletak kira-kira 1.5 km dari jalan masuk Teluk Kumbar ke Bukit Genting adalah salah satu tapak yang kita kenal pasti sebagai untuk aktiviti paragliding yang tidak aktif dan terbengkalai. Aktiviti paragliding hanya berlaku bermula pada tahun 2013 hingga tahun 2014, dan kemudiannya telah mula terbiar.

Tapak aktiviti paragliding memerlukan tapak berbukit untuk berlepas sebelum terbang. Kalau berlepas sebelum terbang tu dipanggil sebagai '*take off*' tiupan angin dan permukaan bukit membantu juruterbang paragliding untuk berlepas. Selain tu memberi peluang kepada juruterbang lebih lama di udara. Selepas tapak berlepas tapak mendarat '*landing zone*' juga diperlukan untuk pendaratan yang selamat. Tapak yang luas dan lapang adalah sesuai lebih-lebih lagi untuk juruterbang yang masih kurang berpengalaman atau juruterbang yang akan membuat penerbangan yang pertama. Tapak penerbangan juga ini sebaiknya bebas daripada pokok-pokok tinggi sekeliling kerana ianya merbahayakan proses pendaratan. Jadi faedah paragliding ini di Bukit Genting, pelbagai faedah yang dapat dikecapi oleh masyarakat Balik Pulau. Sekiranya Bukit Genting ini dijadikan pusat paragliding komersial, dan saya mengharapkan supaya diantaranya kebaikan aktiviti paragliding ini ialah aktiviti belia yang akan membuka ruang kepada aktiviti baru di kalangan belia setempat. Saya mengharapkan supaya YB. kepada Bagan Jermal untuk bersama di dalam aktiviti ini untuk kita mengharapkan dia sebagai satu riadah untuk kesihatan. Boleh juga bergiat secara professional dengan memasuki pertandingan-pertandingan di peringkat nasional mahu pun antarabangsa.

Peluang juga terbuka untuk menjadikan aktiviti paragliding ini sebagai sumber pendapatan. Terutamanya pelancongan, tapak paragliding sememangnya boleh menjadikan tarikan pelancong, sama ada sebagai penonton, jurufoto, atau ingin cuba penerbangan *tandem*. Contoh tapak paragliding di negara jiran yang menjadi tarikan pelancong seperti Maninjau, Indonesia dan juga Khao Sadao, Thailand.

Sumber ekonomi mengenai paragliding ini sumber ekonomi yang boleh dijana terbahagi kepada dua (2) kategori :

Secara Langsung :

Tandem : Bagi mereka yang ingin merasai terbang di udara, tetapi mereka sendiri bukan seorang yang juruterbang paragliding. Bayaran akan dikenakan menjadi sumber kewangan kepada kelab, juruterbang, pembantu-pembantu dan juga tuan tanah. Ini diantaranya yang kita mengharapkan supaya aktiviti ini mendapat menarik golongan para belia untuk bersama meluangkan aktiviti yang baik ini secara tidak langsung. Barangan jualan barangan berkaitan seperti *t-shirt*, topi dan sebagainya alat permainan dan juga peralatan berhubung dengan paragliding ini diantaranya dapat membantu untuk meningkatkan pendapatan di antara kelab paragliding ini.

Seterusnya berhubung dengan sukan di negeri kita ialah berhubung dengan gelanggang futsal. Saya juga menarik perhatian kepada YB. Bukit Tambun, kita bukan nak gelanggang futsal yang tertutup tapi ialah gelanggang futsal yang berbumbung. Yang pertamanya, saya semasa dulu dianugerahkan sebagai JK terbaik, kita dapat sumbangan daripada Kerajaan Negeri. Fokus yang pertama ialah kita membina dengan duit sumbangan itu ialah gelanggang futsal. Tetapi terpaksa kita membuat perbaiki di segi tapak itu kerana kita tidak tahan dengan cuaca sebab gelanggang futsal yang kita dapat itu, ia tidak berbumbung maknanya kawasan lapang itu terpaksa kita perbaiki. Jadi saya mengharapkan supaya EXCO bahagian sukan untuk melihat bahawa gelanggang futsal ini kita bina dalam keadaan berbumbung supaya lantainya juga tahan dengan cuaca yang terbuka. Jadi kita mengharapkan supaya kawasan ataupun gelanggang futsal ini dibina dengan keadaan berbumbung.

Seterusnya ialah keberkesanan sistem pengangkutan awam. Diucapkan terima kasih kepihak Kerajaan Negeri di atas melaksanakan program bas CAT percuma dengan kos RM15 juta pada tahun 2019. Jadi ini diantara yang memberi kebajikan kepada rakyat. Cuma di sekitar ADUN Pulau Betong, kita mengharapkan supaya bas ini sampai di Pulau Betong dan dari Pulau Betong masyarakat khususnya golongan warga emas minta supaya perkhidmatan bas ini dapat daripada Pulau Betong melintasi Pekan Simpang Empat kerana setakat ini daripada Pulau Betong ke Simpang Empat, perkhidmatan belum ada lagi. Cuma Pulau Betong dia *by pass* terus ke kawasan Air Putih dan masuk ke Pekan Balik Pulau. Jadi kita minta supaya pihak berhubung dengan pengangkutan Rapid ini sama ada CAT ataupun pengangkutan Rapid ini menyediakan perkhidmatan khususnya bagi Pulau Betong melintasi Pekan Simpang Empat kerana Pekan Simpang Empat ini di antara pekan penduduk di sekitar Pulau Betong khususnya warga emas dan sebagainya dapat datang ke Pekan Simpang Empat sekiranya kalau perkhidmatan ini tidak melalui Pekan Simpang Empat terpaksa penduduk Pulau Betong ke Pekan Balik Pulau. Jadi inilah diantara kita mengharap supaya pihak pengangkutan ini dikaji semula supaya memberi keselesaan khususnya permintaan kepada golongan warga emas berhubung dengan sistem pengangkutan ini.

Seterusnya ialah kesejahteraan dan kesihatan rakyat. Inisiatif Pulau Pinang bebas denggi juga akan diteruskan pada tahun 2019. Saya ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana melaksanakan program yang dikenali sebagai *Crush Aedes Totally* (CAT) yang menggunakan kaedah mekanisme untuk meramal lokasi wabak yang akan berlaku di suatu kawasan. Sahabat saya daripada Batu Uban tadi menyebut diantaranya penurunan kes di Negeri Selangor. Jadi, apa yang saya nak tekankan bahawa tahun depan JKKK akan ditukar nama kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung. Jadi, harapan kita adalah supaya Kerajaan Negeri menekankan pentadbiran Majlis Pengurusan Komuniti Kampung ini mengadakan program untuk gotong-royong yang kekerapannya dalam mingguan, kalau hari ini memang kita buat mega gotong-royong dan sebagainya tidak cukup dengan hanya tiga (3), empat (4) bulan. Jadi, adalah

harapan supaya pihak agensi ini, JKKK ataupun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung ni setiap minggu untuk menggerakkan ahli dia dan juga masyarakat kampung untuk memastikan bahawa apa yang disebut oleh tinjauan daripada Pejabat Kesihatan Daerah Barat Daya mendapati punca utama, kisah ertinya berlaku di Taman Seri Indah, Balik Pulau diantaranya tempat pembiakan yang kita dapat isu sampah dan juga barangan lusuh di kawasan persekitaran. Dengan ini, mengakibatkan, baru-baru ini, dikejutkan dengan dua (2) kematian denggi yang berlaku dalam tempoh masa yang singkat. Ini menjadikan jumlah kematian secara kumulatif sehingga kini menjadi sebanyak tujuh (7) berbanding dengan 13 kematian demam denggi bagi tempoh yang sama pada tahun 2017 iaitu penurunan sebanyak enam (6) yakni 46% kematian. Walaupun dari segi mata kasar kelihatan penurunan, tapi kita harus terus berwaspada dengan memastikan bahawa nyawa yang terkorban akibat daripada denggi. Jadi, diantaranya apa yang kita tengok pendekatan Kerajaan Selangor tapi apa yang lebih untuk kesan daripada pihak pengurusan kita ialah pihak agensi setempat komuniti dan sebagainya JKKK untuk kita pastikan bahawa perubahan sikap khususnya nak tekankan kita bagi penekanan kepada pihak JKKK bersama masyarakat memastikan kampung kita, taman kita supaya bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes. Ini menjadi penekanan kepada pihak iaitu nanti pihak pengurusan komuniti kampung supaya memberi perhatian kepada program untuk kita mencegah pembiakan nyamuk Aedes ini.

Seterusnya ialah tentang teras yang telah digariskan iaitu menaikkan taraf ekonomi dengan meningkat pendapatan isi rumah begitu juga teras yang ketiga memperkasakan rakyat untuk meningkatkan penyertaan masyarakat wanita sebagai tunggak negeri. Jadi sebanyak RM200,000 yang diperuntukkan untuk pembangunan wanita dan di Pulau Betong kita ada Briged Wanita. Terima kasih kepada YB. Padang Lalang kerana itu sentiasa memberi perhatian kepada wanita yang di antara wanita ini golongan yang banyak membantu masyarakat ini dan kita memastikan bahawa di dalam Jawatankuasa Pengurusan atau JKKK, wanita adalah di antara ahli yang akan bersama dalam urus tadbir kampung.

Dan begitu juga saya dimaklumkan bahawa di Pulau Betong kita wujud, wanita wujud satu koperasi yang dipanggil Koperasi Briged Wanita Berhad. Dan harapan juga daripada Briged Wanita supaya permohonan kelulusan Kerajaan Negeri menggunakan nama Briged Wanita Balik Pulau Berhad ini supaya dapat diluluskan dan Briged Wanita dapat melonjakkan aktiviti mereka dalam masyarakat. Hari ini masyarakat telah melihat satu nama Briged Wanita ni adalah membawa satu kebajikan kepada masyarakat. Kalau kita dengar ada bencana banjir, hari ini wanita pun bersama menyertai pun membantu. Bermakna wanita bukan asing lagi dalam masyarakat hari ini. Jadi, dengan kewujudan Briged Wanita ini membantu khususnya dalam komuniti kampung ini suatu yang membawa wanita ke hadapan di dalam apa bentuk kebajikan masyarakat. Jadi saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada YB. Padang Lalang kerana bersama memberi perhatian kepada golongan wanita ini dan saya juga diperingkat ADUN Kawasan untuk kita melihat dan membantu supaya wanita berjaya dan seterusnya ke depan di dalam apa kebajikan dalam masyarakat.

Seterusnya ialah tentang peniaga-peniaga kecil saya bangkitkan persoalan kepada YB. Datok Keramat berhubung dengan gerai-gerai kepada peniaga kecil. Kebelakangan ini kita dengar tentang runtuhannya gerai dan sebagainya. Lambakan gerai di kawasan yang tepi jalan dan sebagainya yang tak tersusun yang mengakibatkan runtuhnya gerai. Kesannya ialah kepada ADUN Kawasan dan juga Kerajaan Negeri seolah-olah kita tidak memberi perhatian kepada golongan peniaga kecil. Jawapan daripada Yang Berhormat Datok Keramat ialah saya membangkitkan tentang isu gerai contoh di berhadapan dengan Hospital Besar Pulau Pinang, satu lagi contoh gerai di bahu jalan di Jalan Tun Sardon berhampiran dengan Masjid Taman Brown, di atas bahu jalan yang tersusun. Jadi, saya mengharapkan supaya pihak PBT supaya mengkaji balik di kawasan Balik Pulau supaya tersusun gerai-gerai yang contoh yang kita lihat di hadapan Hospital Pulau Pinang dan juga di Jalan Tun Sardon yang tersusun dan boleh memanfaatkan kepada peniaga kecil untuk berniaga yang kita lihat hari ini kalau peniaga kecil dia pasang payung dan kita tengok kawasan akan menjadi tidak bersih. Jadi, contoh yang disebut oleh Yang Berhormat Datok Keramat bahawa contoh di Hospital Pulau Pinang dan juga Jalan Taman Tun Sardon adalah kajian daripada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang mengambil faktor yang utama kesesakan lalu lintas dan kebersihan dan keselamatan makanan

begitu juga tentang keselamatan jalan raya, pembangunan masa depan, pelebaran jalan dan sebagainya. Jika saya melihat supaya pihak PBT dan juga pihak Yang Berhormat Datok Keramat untuk melihat juga Kawasan Balik Pulau di antara kawasan yang diberi perhatian untuk peniaga kecil supaya diberi tempat untuk peniaga ini dapat berniaga dalam keadaan yang tersusun dan kita nak elakkan daripada tertumbuhnya gerai-gerai yang tidak diizinkan. Jadi, ini akan mendatangkan sesuatu yang tidak baik bila berlakunya perubahan dan sebagainya.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri dalam pembaikan pengurusan sidang DUN. Masa soalan lisan dipanjangkan daripada tiga jam kepada satu setengah jam sehari setiap hari Dewan Persidangan. Kemudian, yang keduanya, Ketua PAC adalah Ketua Pembangkang. Dan juga penggal Ketua Menteri dihadkan kepada dua (2) penggal. Mohon juga dipertimbangkan masa pembentangan bajet nanti untuk masa-masa akan datang, kali ini pembentangan bajet dibuat sesi soal lisan pada hari Jumaat, 9 November jam 11.00 pagi hingga 1.00 tengahari. Semua kita maklum bahawa pada hari Jumaat, sembahyang Jumaat kali ini masuk waktu yang awal jadi mohon diadakan untuk masa-masa akan datang selepas waktu Jumaat iaitu pada sesi petang sebagaimana dibuat oleh Parlimen. Kami ADUN yang beragama Islam dapat mendengar ucapan bajet terus daripada Yang Amat berhormat Ketua Menteri.

Jadi, akhir kata, saya mendoakan kepada Allah SWT sentiasa melimpahkan rahmatNya kepada semua serta melindungi Negeri Pulau Pinang yang tercinta ini daripada sebarang unsur negatif supaya kita terus maju, makmur dan mendapat perlindungan daripada Tuhan Yang Maha Esa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini, saya mengakhiri perbahasan saya dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Pulau Betong. Ahli-Ahli Yang Berhormat, semua Ahli-Ahli Yang Berhormat selain daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat EXCO, telahpun diberi peluang untuk bahas Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2019 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2019. Maka nanti, kita akan sambung dengan sesi penggulangan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya nak tangguhkan Dewan untuk henti rehat dan kita bersidang semula pada jam 8.00 malam.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.45 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 8.00 malam.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat kita berada dalam sesi pergulungan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2019 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2019. Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, YB. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Selamat petang, salam sejahtera.

Di kesempatan ini saya mengambil peluang menzahirkan rasa syukur dan terima kasih kerana diberi peluang untuk saya menyampaikan ucapan penggulungan bagi isu-isu yang telah dibahaskan oleh YB. Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri berkaitan dengan isu belia dan sukan.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan komited dalam perbahasan melibatkan portfolio saya iaitu belia dan sukan.

Pembangunan Sukan, dalam usaha untuk melestarikan budaya dan pembangunan sukan di Negeri Pulau Pinang, sasaran Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan mulai tahun ini dan sepanjang tahun 2019 adalah untuk menjalankan usaha-usaha peransangan bagi mengembangkan kegiatan kesukanan di Negeri Pulau Pinang secara holistik dan menyeluruh, bercirikan manfaat ke arah pemupukan kecergasan, kesedaran dan mempromosikan kehidupan yang sihat dan aktif di kalangan penduduk Pulau Pinang. Perancangan ini akan melibatkan program-program sukan berbentuk penyertaan komuniti selari dengan penekanan *positive outcome...*(dengan izin), Tuan Speaker dan *optimal value for money*, dengan izin Tuan Speaker dan didokong oleh program-program kesukanan yang disesuaikan kepada penyertaan seluruh rakyat Pulau Pinang sepanjang tahun 2019 nanti.

Program *Sport For All*, "Sukan Untuk Semua" yang bertujuan untuk memperkenalkan dan mengusahakan penganjuran sukan secara bertema pada setiap bulan sepanjang tahun 2019 akan dilaksanakan sebagai satu bentuk gelombang dan *platform* bagi memupuk budaya sukan melalui penyediaan pelbagai program kesukanan yang boleh untuk disertai oleh semua lapisan masyarakat. Sukan-sukan yang diketengahkan melibatkan sukan-sukan yang digemari umum seperti *chess* dan catur Cina, bola keranjang, bola jaring, bola tampar, *floorball*, *petanque*, *handball* dan sepak takraw. Untuk sukan-sukan tempur seperti karate, judo, wushu dan juga sukan elektronik, *e-Sport* yang semakin berkembang luas. Selaras dengan keberlangsungan Sukan Olimpik Tokyo yang pada tahun 2020, Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan sedang dalam peringkat perbincangan dengan Majlis Olimpik Malaysia untuk membolehkan Negeri Pulau Pinang menjadi tuan rumah untuk menganjurkan Karnival Mini Olimpik pada bulan Jun 2019. Karnival Mini Olimpik ini adalah salah satu usaha agensi sukan terbabit untuk menyemarakkan fenomena Olimpik Tokyo tahun 2020.

Komitmen sektor swasta, selain komitmen dari Kerajaan Negeri, Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan turut berusaha untuk bekerjasama dengan pihak swasta dalam memangkin perkembangan industrial sukan dan juga menambahbaikkan kebajikan atlet-atlet di Negeri Pulau Pinang. Masalah dihadapi oleh atlet-atlet adalah di mana mereka yang tengah habis peperiksaan SPM dan pada masa yang sama mereka masih ingin berlatih dan dipilih untuk menjadi atlet yang mewakili Negeri Pulau Pinang dalam SUKMA yang akan datang. Kumpulan ini akan hilang hala tuju apabila mereka masih menjadi atlet dan pada masa yang sama mereka tidak dapat mencari pekerjaan yang boleh memberikan jaminan kepada mereka untuk menyara hidup mereka. Untuk itu Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan telah merancang program *Junior Executive Programme (JEP)* dengan kerjasama syarikat MNC, elektronik tempatan iaitu satu syarikat Natingate Solution Malaysia Sdn. Bhd. yang akan mengetengahkan peluang pekerjaan di bawah program JEP yang dibuka khusus kepada atlet-atlet Negeri Pulau Pinang yang layak. Latihan kerja selama lapan (8) bulan dengan gaji minimum sebanyak RM1,500.00 pada lapan (8) bulan yang awal sehingga selepas beliau layak dan terus dilantik dan juga dapat *confirmation* maka gaji akan naik kepada RM1,800 akan ditawarkan kepada atlet-atlet yang dipilih.

Untuk makluman semua, setelah pengumuman tersebut dibuat terdapat beberapa buah lagi syarikat yang lain berminat dalam projek JEP dan perbincangan sedang diadakan di antara Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan juga syarikat-syarikat tersebut. Saya memohon syarikat-syarikat yang berminat dan projek tersebut boleh menghubungi pejabat saya di talian 04-6505136 atau melalui emel kepada soonlipchee@penang.gov.my supaya kita dapat bekerjasama untuk menjalankan projek JEP membantu atlet-atlet Negeri Pulau Pinang. Maklumat yang diutarakan oleh YB. Penanti, mungkin hendak tambah sedikit untuk JEP ini, memang kita dapat tahu mengapa setiap persatuan ataupun atlet-atlet semakin berkurang ataupun semakin berkurang kerana ibu bapa

mereka kurang menggalakkan anak-anak mereka mengikuti dalam sukan. Kalau mereka mengikuti dalam sukan maka kalau mereka tidak dipilih sebagai atlet untuk nasional atau atlet negara maka mereka akan kehilangan kerja. Inilah salah satu kerisauan ibu bapa yang sentiasa tidak menggalakkan anak mereka untuk melibatkan diri dalam sukan. Saya merancang program JEP ini supaya satu jaminan yang boleh diberi kepada anak-anak mereka selepas tamatnya SPM, mereka juga boleh melibatkan diri dalam acara sukan sehingga habis SUKMA. Kalau selepas habis SUKMA, mereka boleh teruskan kerja. Silakan Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih kepada Bagan Jermal, cuma saya melihat pelajar di sekolah sukan di Mutiara Impian dan juga sekolah-sekolah sukan yang lain di Guar Perahu, di sekolah-sekolah yang lain yang ada akademik bola sepak dan sebagainya. Kadang-kadang pelajar ini dia agak kurang sedikit dari segi akademik, dia belajar kurang, dia banyak bersukan dan mereka ini kadang-kadang tidak dapat hendak melanjutkan pelajaran ke tempat yang lebih tinggi. Jadi kalau boleh pelajar-pelajar di situ, pihak Kerajaan Negeri beri perhatian untuk diserapkan ke dalam JEP, *Junior Executive Programme*, pilih yang mana yang layak untuk di *train* kerana mereka ini boleh ada pekerjaan, depa boleh bersukan tetapi mungkin tidak terpilih ke peringkat yang lebih tinggi dan bidangnya habis takat situ, jadi kalau boleh kita tengok di sekolah-sekolah ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Sungai Dua. Memang saya setuju, *that's why* tadi saya cadangkan mohon syarikat-syarikat yang berminat sila hubungi pejabat saya atau emel kepada saya. Inilah tujuannya kita hendak memperbanyakkan lagi syarikat-syarikat supaya kita sama-sama membantu nasib ataupun masa depan atlet-atlet yang mewakili Negeri Pulau Pinang.

Maklumat yang diutarakan oleh YB. Penanti. Beliau tidak hadir hari ini, mengenai peluang mengikuti latihan perindustrian yang ditawarkan kepada beliawan dan beliawani oleh syarikat multinasional dari Plexus Manufacturing akan dipelopori selanjutnya di peringkat negeri. Selain itu, Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Syarikat Sunlight Galaxy Sdn. Bhd. dan ingin bersama dengan sokongan daripada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang, JPS akan menganjurkan pameran Fiesta Sukan Pulau Pinang Tahun 2018 pada 23 November sehingga 2 Disember tahun 2018 yang bertempat di ruang terbuka Gurney Paragon Mall dari jam 12.00 tengahari hingga 9.00 malam setiap hari. Fiesta ini akan mempromosikan peralatan dan pakaian sukan dari jenama-jenama seperti Nike, Li Ning, Puma, McDavid dan lain-lain yang mesti akan menjadi tarikan serta minat kepada masyarakat dan warga sukan Pulau Pinang. Fiesta sukan ini adalah kali pertama yang dianjurkan oleh MMK Belia dan Sukan di mana kita banyak dengar ataupun lihat seperti *MATTA Fair*, *Furniture Fair*, dengan izin *Dato' Speaker* dan *Baby Fair*, *Fashion Fair*, dan lain-lain tetapi jarang kita dengar ada *Sports Fair*. Kali ini kita harap semua dapat mewartakan supaya kita dapat memanfaatkan kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang untuk membeli barang yang bermutu tinggi dengan harga yang rendah.

YB. Sungai Dua, keseimbangan dalam pembangunan sukan. Cadangan dan pandangan YB. Sungai Dua untuk memberi penekanan kepada keseimbangan dalam pembangunan sukan berprestasi tinggi Negeri amat dihargai sepenuhnya. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha sedaya upaya dalam memastikan setiap sukan yang dibangunkan di Negeri Pulau Pinang adalah seimbang. Cumanya, kejayaan yang dicapai oleh atlet-atlet tersebut kadang-kadang naik, kadang-kadang turun. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri tidak akan berputus asa dalam memastikan sukan-sukan tersebut tidak terus merundum prestasinya. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang akan melaksanakan tindakan drastik bagi mereformasi sukan-sukan yang tidak meningkat prestasinya melalui beberapa pendekatan utama yang telah dikenal pasti melalui kajian post mortem yang telah dilaksanakan baru-baru ini selepas berakhirnya SUKMA Perak tahun 2018. Antaranya seperti berikut:-

- i. Melantik jurulatih yang lebih berkualiti dan berkemampuan dalam melatih dan melahirkan atlet ke tahap yang lebih baik;

- ii. Terus menyediakan, mengenal pasti dan menaik taraf kemudahan serta fasiliti serta peralatan sukan sedia ada bagi meningkatkan prestasi sukan-sukan ini;
- iii. Mengigihkan program kelahiran atlet-atlet peringkat akar umbi dengan membesarkan lagi tapak atlet-atlet pembangunan di sekolah di peringkat Negeri dengan mendapatkan data senarai pemenang-pemenang kejohanan sukan diperingkat zon MSSPP dan MSSM daripada Jabatan Pendidikan Negeri dan seterusnya akan turun ke peringkat sekolah untuk memilih atlet-atlet baru.

Terima kasih saya ingin ucapkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri kerana mereka sudi memberikan senarai nama tahun 2016, tahun 2017 dan tahun 2018 kesemua pemenang atlet-atlet dalam acara MSSPP dan juga MSSM. Ini kerana kita mahu mengunjungi ke sekolah-sekolah berkenaan dan juga terus menawar kepada pelajar-pelajar mereka supaya mereka dapat dipilih ataupun mereka dapat bersama dengan kita untuk menjadi pelapis atlet-atlet sukan dalam masa yang akan datang.

- iv. Melipatgandakan program kerjasama di antara Kerajaan Negeri bersama Persatuan Sukan Negeri dan juga agensi-agensi sukan yang berkaitan untuk terus mengeratkan sukan-sukan supaya lebih berdaya saing. Saya harap persatuan-persatuan sukan harap mereka janganlah mengambil politik supaya membuatkan pilihan terbuka untuk semua golongan supaya semua anak-anak muda ini dapat dijadikan atau dipilih dalam keadaan yang adil.
- v. Memberi penekanan terhadap pelaksanaan strategi pembangunan yang lebih kondusif dan efektif bagi memartabatkan sukan-sukan ini. Mengenai saranan untuk menyegerakan pembinaan kemudahan-kemudahan sukan sebagai mana yang dibentangkan dalam ucapan bajet dan juga cadangan untuk turut sama membina kemudahan sukan di kawasan Seberang Perai. Saya selaku EXCO bertanggungjawab dalam bidang sukan ini telah pun mula turun padang dan memantau kemajuan pembinaan kompleks-kompleks sukan tersebut, penekanan turut diberikan untuk membaikpulih dan menambahbaik fasiliti serta kemudahan sukan sedia ada di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk di kawasan Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan bagi memastikan masyarakat Pulau Pinang mempunyai prasarana sukan yang tersedia untuk mereka.

Untuk menjawab YB. Penanti, dia tak hadir tak apa, saya jawab juga. Menaik taraf padang bola sepak Penanti. Mengenai permohonan YB. Penanti untuk menaik taraf padang bola sepak di Taman Guar Perahu beserta pertimbangan untuk memasang pagar di sekeliling padang tersebut satu perbincangan bersama agensi teknikal akan diadakan dalam masa yang terdekat bagi memperhalusi permohonan ini supaya ianya dapat juga kabulkan untuk kelesaan masyarakat sekitar. Usaha yang dijalankan oleh YB. Penanti amatlah dihargai dan disanjung tinggi dalam membangunkan sukan bola sepak khususnya di peringkat komuniti. Daya usaha sebegini amat membantu pembangunan sukan peringkat akar umbi. Ini juga salah satu projek yang telah dirancang untuk diadakan oleh *Football Association* Pulau Pinang kerana ada presiden yang baru yang telah dilantik dan saya berharap amat bersyukur dengan adanya FAP presiden yang baru selaku Timbalan Speaker Negeri Pulau Pinang juga akan bekerjasama lebih kerap dengan Penanti.

YB. Bertam. Saya jawab untuk YB. Bertam. Kawasan *jogging* di Sungai Abdul. Saya menyambut baik cadangan YB. Bertam untuk mewujudkan trek *jogging* di kawasan bersebelahan Sungai Abdul. Di negara *Singapore* umpamanya negara berkenaan memastikan setiap kawasan perumahan mempunyai kawasan rekreasi umum atau *green area*... (dengan izin) Dato' Speaker, yang dapat digunakan oleh masyarakat setempat untuk menjalankan aktiviti riadah sihat setiap hari, oleh itu saya akan melawat ke kawasan berkenaan bersama dengan wakil dari Jabatan Pengairan dan Saliran, Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi mengilhamkan pelbagai program kesukanan peringkat komuniti dan negeri untuk mengharmonikan stadium berkenaan dan mengubah stigma persepsinya jauh dari imej gajah putih. Walau bagaimana pun bagi memastikan padang rumput termasuklah cadangan untuk membina kawasan permainan papan selaju di belakang Kiosk Bertam sebelum penghujung

tahun ini, saya akan tetapkan tarikh bersama dengan pegawai sebelum tahun 2019 kita akan melawat ke tapak tersebut dan saya juga telah berjanji dengan Bertam di mana padang hoki di kompleks sukan setelah kontraktor telah siap dilantik kita akan membuat satu pengumuman sidang media dan harap kerja-kerja ini dapat dipantau dan dijalankan dengan lancarnya.

Rancangan pembangunan dan fasiliti di tanah Batu Kawan, Stadium Batu Kawan untuk mensejahterakan dan mempelbagaikan penganjuran program-program kesukanan di Stadium Negeri Batu Kawan termasuklah mengoptimalkan penggunaan kawasan parkirnya. Saya akan mengadakan satu sesi *brain storming* bersama pihak pengurusan stadium iaitu PDC dan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Negeri Pulau Pinang kepada pihak Pembangunan Sukan Negeri, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Perbadanan Belia Negeri Pulau Pinang dan persatuan-persatuan sukan negeri bagi mengilhamkan pelbagai program kesukanan di peringkat komuniti dan negeri untuk mengharmonikan stadium berkenaan dan mengubah stigma prestasinya dari imej gajah putih. Walau bagaimanapun bagi memastikan padang rumput stadium adalah piawaian yang ditetapkan oleh *Football Malaysian Limited Liability Partnership (FMLLP)*, penggunaan padang bola perlu dihadkan bagi menjaga kualiti padang agar ia boleh digunakan untuk perlawanan bola sepak Liga Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa.

Merujuk kepada cadangan untuk menjadikan stadium berkenaan sebagai pusat pentadbiran dan pembangunan sukan berprestasi tinggi di bawah MSN Pulau Pinang, cadangan ini akan dikaji dan diperincikan sebelum satu ketetapan dapat dilaksanakan. Ini berikutan daripada faktor pembangunan sukannya yang berlainan sama sekali dengan kemudahan infrastruktur yang terdapat di stadium yang hanya sesuai untuk pembangunan sukan bola sepak dan olahraga setakat ini. Di bawah pentadbiran Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sebanyak 44 jenis sukan dipantau dan dilaksanakan pembangunan secara berterusan dipelbagai kawasan yang melibatkan kelima-lima daerah dan *venue* latihan di seluruh Pulau Pinang.

Untuk maklumat tambahan, Perbadanan Stadium akan tubuh 1 haribulan Januari tahun 2019 dan hujung bulan November ini, kita akan iklankan untuk calon CEO yang akan dipilih untuk menjaga Perbadanan Stadium. Selain itu YB. KOMTAR juga mencadangkan untuk mewujudkan sebuah sekolah sukan bagi meningkatkan mutu sukan di Negeri Pulau Pinang. Untuk makluman Yang Berhormat, Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Impian yang tadi sebut oleh Yang Berhormat Sungai Dua dan ini jatuh di kawasan Bukit Tambun, merupakan sekolah sukan yang terletak di Seberang Perai Selatan. Salah satu sekolah sukan yang ada di Pulau Pinang. Sebagai satu-satunya sekolah sukan yang telah melahirkan ramai jaguh sukan yang mengharumkan nama negeri dan nama negara. Sebagai contoh pemain-pemain sepak takraw yang dapat pingat baru-baru ini dalam SUKMA ini juga adalah pelajar-pelajar daripada Sekolah Mutiara Impian ini. Antara sukan yang ditawarkan oleh sekolah tersebut yang dikategorikan sebagai sukan berprestasi tinggi ialah bola sepak, sepak takraw, bola jaring, hoki, olahraga dan memanah. Saya juga percaya banyak pemain-pemain bola sepak yang lahir dari Sekolah Mutiara Impian ni. Baru-baru ini mereka ada memohon peruntukan dari pejabat saya tapi kerana hujung tahun peruntukan saya dekat habis. Saya juga dah bantu mereka untuk membaiki keadaan di Sekolah Mutiara Impian ni. Silakan Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam. (YB. Satees A/L Muniandy):

Komen daripada Bagan Jermal mengatakan banyak juga pemain bola sepak lahir daripada Sekolah Mutiara Impian, apa gunanya kalau mereka semua main untuk negeri-negeri lain. FAP suka *import player* dari luar berbelanja berjuta-juta ada bayar beratus-ratus ribu tapi pemain tidak bermain, dalam Liga, itu dululah. Bukan presiden baru. Kalau presiden baru buat salah kita akan tegur. Itu presiden bukan presiden lama ni. Lagi satu, adakah Kerajaan Negeri akan memberikan apa-apa syarat kepada FAP bahawa mereka perlu mengambil pemain-pemain berapa peratus, beberapa peratus pemain daripada Sekolah Mutiara Impian ini? Ada tetapkan apa-apa syarat tak? Itu pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada Bagan Dalam. Saya mewakili Presiden FAP untuk menjawab soalan ini. Memang kita tidak memberikan syarat kepada FAP untuk memilih pemain-pemain, mungkin

20% daripada Sekolah Mutiara Impian atau 30% dari daerah SPU dan lain-lain. Kita memberikan sepenuhnya kuasa dan peluang kepada FAP terutama presiden baru supaya mereka betul-betul mencari bakat-bakat kita atau pun pemain-pemain yang handal dengan gaji yang berpatutan tidak serupa dengan gaji sebelum ini dan kita Kerajaan Negeri telah menghadkan supaya syarat-syarat nyata kita tidak lagi akan menanggung jikalau ada tunggakan-tunggakan gaji mulai tahun 2019 Kerajaan Negeri dengan syarat yang jelas. Kita tidak lagi tolong membayar tunggakan-tunggakan dan juga Kerajaan Negeri tengah memberikan syarat ini kepada Presiden FAP yang baru dan saya percaya presiden baru ini dan ada pengalaman. Saya harap beliau dalam masa yang terdekat mungkin sidang Dewan yang akan datang tahun depan kita dapat mengumumkan sedikit sebanyak berita baik daripada FAP Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Bagan Jermal, lagi sekali. Bagi kesempatan ini saya mewakili semua Ahli-ahli Dewan yang telah bersuara untuk FAP pada sidang yang lalu mengucapkan terima kasih kepada Bagan Jermal dan juga Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kerana sokongan terhadap FAP tersebut kita ada presiden baru dan kita harap presiden baru akan menjalankan tugas sebaiknya. Kalau tak kita akan teruskan kritikan kita di sini.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Minta pencerahan Yang Berhormat Bagan Jermal sebab Sekolah Mutiara Impian ini memang sebelah rumah saya. Jiran...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. tak main bola...(gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Ada. Untuk makluman, Sekolah Mutiara Impian telah melahirkan banyak pemain sehingga ke Liga Super tetapi memang pasukan Negeri Pulau Pinang tidak berupaya untuk mendapatkan pemain-pemain ini disebabkan mereka dibayar gaji yang teramat tinggi terutamanya dari JDT sebab terdapat pemain dari Sekolah Mutiara Impian bermain untuk JDT dan kini kita memang di Liga yang kedua, nombor 4 dalam Liga Division 2.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

JDT. Empat *player*.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Empat. Empat *player* bermain di JDT. Oleh itu, kita sebenarnya perlukan masa. Dalam ucapan tadi, saya mencadangkan adakan akademik bola sepak di Stadium Batu Kawan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada Batu Kawan dan Bagan Dalam dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Bagan Dalam, Jawi dan juga Permatang Pasir, Batu Uban dan lain-lain pada sidang yang lepas pada bulan Ogos memang ada cadangan-cadangan ataupun pandangan daripada ADUN-ADUN berkenaan untuk mencalonkan Timbalan Speaker sebagai Presiden FAP dan saya juga turut ambil cadangan dan pandangan ini dan kita bincang dan setelah kita bincang dan kita ada keputusan maka ini hakikatnya dan saya harap Presiden FAP baru ini dapatlah bekerja lebih keras kalau dibandingkan dengan Presiden FAP yang lama supaya dapat mencapai satu pencapaian yang bagus. Saya rasa ada pencapaian yang bagus, bukan sahaja ADUN-ADUN di Dewan ini gembira, seluruh rakyat di Negeri Pulau Pinang juga akan bergembira dengan adanya pencapaian yang bagus. Presiden lama pun ada bergembira.

Yang Berhormat Bukit Tambun membangkitkan bahawa Sekolah Mutiara Impian tidak menerima peruntukan dari KPM dan KBS. Saya memberikan maklumat sikit, untuk makluman Yang Berhormat Bukit Tambun, sekolah ini mendapat peruntukan untuk penyelenggaraan prasarana sukan daripada Bahagian Sukan Kementerian Pendidikan Malaysia dan peruntukan daripada Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Selatan untuk penyelenggaraan

kemudahan sekolah. Pada tahun 2017, peruntukan berjumlah RM14,000 telah disalurkan kepada SMK Mutiara Impian untuk menyelenggara tiga (3) buah prasarana sukan yang melibatkan tiga (3) jenis sukan manakala pada tahun ini, peruntukan penyelenggaraan yang diperuntukkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Selatan berjumlah RM18,000 adalah untuk kerja-kerja penyelenggaraan kecil melibatkan pembaikan pagar sekolah, asrama serta baik pulih dan juga kerja-kerja penyelenggaraan padang. Selain itu, peruntukan sebanyak RM6,500 dari Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) juga diterima bagi menyelenggara dan membaik pulih bumbung gelanggang.

Kerajaan Negeri akan sentiasa memantau serta memberi perhatian terhadap keadaan semasa prasarana sukan yang terdapat di SMK Mutiara Impian. Antara langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kemudahan sukan di sekolah ini dipertingkatkan adalah seperti berikut:-

1. Memberi bantuan kewangan untuk membeli peralatan sukan untuk digunakan oleh atlet-atlet sekolah berkenaan. Kerajaan Negeri melalui peruntukan Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sebanyak RM7,297.00 untuk pembekalan peralatan sukan olahraga dan juga peralatan sukan sepak takraw pada awal bulan Oktober tahun ini. Ini kerana peruntukan untuk MMK saya terhad dan habis, maka saya cuma boleh bantu sedikit sebanyak untuk mereka.
2. Mencari rakan strategi dari pihak swasta untuk memberi sumbangan menaiktaraf dan menaja pasukan SMK Mutiara Impian dan saya juga ada satu cadangan, memang sekolah ini ada di tepi rumah ADUN Yang Berhormat Bukit Tambun, mungkin dan juga di kawasan Bukit Tambun, mungkin Yang Berhormat Bukit Tambun boleh juga membantu sedikit sebanyak dari segi peruntukan kawasan dan inilah kerana kita sama-sama untuk membantu sukan, saya rasa kita, Yang Berhormat Bukit Tambun peruntukan ada lebihan, mungkin boleh bantu lebih banyak sikit. Walau bagaimanapun, saya juga akan memanjangkan ke perhatian menteri-menteri berkaitan agar sekolah sukan ini dapat melaksanakan program pembangunan sukan mereka dengan lebih berkesan.

Manakala berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Bukit Tambun untuk menyediakan dua buah padang bola sepak di kawasan Seberang Perai Selatan, kerjasama Yang Berhormat adalah dipohon untuk mengenalpasti tapak yang bersesuaian dan mengemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk diperhalusi dengan teliti. Selain itu, permohonan untuk pembinaan bumbung di atas gelanggang futsal sedia ada juga akan diteliti kesesuaiannya. Walau bagaimanapun, selepas kenal pasti lokasi dan keperluan yang lain, saya akan turun padang dengan agensi berkaitan untuk meneliti permohonan Yang Berhormat Bukit Tambun.

Berkenaan dengan tanah lapang di Taman Mutiara, penduduk setempat telah menjadikan ia sebagai padang bola sepak. Pemetongan rumput dan kerja penyelenggaraan alat permainan di atas tanah lapang ini diselenggara oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Yang Berhormat Permatang Berangan telah menyatakan hasrat penggiat sukan basikal agar Kerajaan Negeri dapat mengusahakan penyediaan perkhidmatan membawa basikal dalam keretapi. Untuk makluman Yang Berhormat, KTM adalah agensi di bawah seliaan Kementerian Pengangkutan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri untuk pejabat saya akan mengambil maklum perkara ini dan saya akan berbincang dengan Pengerusi Jawatankuasa MMK Infrastruktur, Kerja Raya dan Utiliti iaitu Yang Berhormat Tanjung Bunga serta KTM Berhad mengenai perkara tersebut dan kita akan bincang dan kita akan maklum supaya kita dapat satu berita baik dan selesaikan masalah-masalah ini. Untuk makluman Yang Berhormat juga, setakat ini Kerajaan Negeri belum mempunyai cadangan untuk mewujudkan stadium mini di Desa Puri, gelanggang futsal Pokok Tampang dan fasiliti-fasiliti sukan di Sungai Cempedak / Tok Keramat di DUN Permatang Berangan. Ianya akan dikaji terlebih dahulu sebelum satu ketetapan dapat diutarakan. Selain itu, terdapat juga cadangan untuk pembinaan gelanggang futsal baru di Pokok Sena, Seberang Perai Utara sebaliknya di Pokok Tampang. Saya rasa pembinaan untuk gelanggang futsal baru di Pokok Sena, ia dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2019. Sepatutnya dilaksanakan pada tahun 2018, tetapi selepas keputusan dibuat pada

hujung bulan September tahun ini, dapat tapi JKR menjawab supaya kepada saya tidak dapat ditenderkan kerana tak sempat, maka projek ini akan dibuat pada tahun depan 2019.

Senaman 15 minit setiap hari. Saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mencadangkan agar kakitangan pejabat kerajaan mahupun swasta untuk memperuntukkan 15 minit setiap hari pada jam 11.00 pagi bagi melakukan aktiviti senaman sebagai sebahagian daripada budaya mengamalkan gaya hidup sihat amat disambut baik oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu, Kerajaan Negeri menyahut seruan ini akan dan menyokong sepenuhnya agar pelaksanaan aktiviti senam ringkas ini diperluaskan sepenuhnya dan dibudayakan oleh seluruh masyarakat Pulau Pinang pada setiap hari. Aktiviti yang dijalankan boleh dipelbagaikan bermula dari senaman *aerobic* pada intensiti rendah sehinggalah ke peringkat sederhana selama 15 minit sehari. Sibuk macam mana pun, jangan tinggalkan senaman. Sibuk dengan komitmen kerja di pejabat bukan alasan untuk terus melupakan rutin kecergasan. Ianya tidak akan mendatangkan kesan yang buruk terhadap tugas di pejabat atau mengakibatkan kerugian wang ringgit. Tidak perlulah mencuri masa yang lama untuk ke *gym*, bersesak dalam trafik untuk ke taman rekreasi atau menghabiskan wang menempah gelanggang sukan selepas tamat waktu kerja. Memadai hanya dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 15 minit untuk melakukan senaman ringan di pejabat. Biar pun sekejap masa yang diluahkan, ini pastinya berbaloi kerana berupaya meredakan tekanan mental dan fizikal berkaitan kerja dan seterusnya meningkatkan produktiviti tugas. Saya sentiasa menggalakkan setiap rakyat perlu menjaga kesihatan kerana dengan adanya kesihatan badan yang sihat, maka kita dapat hidup dengan lebih sihat dan selesa dan cergas. Untuk mencapai matlamat tersebut, kaedah yang paling mudah dan bagus adalah bersenam selama 30 minit setiap hari mahu pun sebelum pergi ke kerja ataupun selepas waktu kerja dan menjadikan ia sebagai satu tabiat dan budaya. Dan inilah, dengan alasan ini juga kita sampaikan mesej kepada PBT, MPSP dan juga MBPP di setiap kawasan perumahan memang ada kawasan lapang, minta kedua-dua PBT ini menjaga atau pun memperbaiki kalau ada alatan-alatan sukan ini kesemua ini supaya dapat memberikan manfaat kepada semua rakyat Negeri Pulau Pinang kerana kalau lepas waktu kerja mereka boleh pergi ke kawasan yang berdekatan iaitu padang atau kawasan lapang yang ada di setiap kawasan perumahan ini untuk bersenam, *jogging* dan *exercise*.

Ahli Kawasan Sungai Duan (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan tambahan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Silakan Ahli Kawasan Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Ahli Kawasan Bagan Jermal. Cuma saya nak tanya sikit tentang soalan bertulis yang saya dapat jawapan. Saya tanyakan berkaitan dengan peruntukan 2018, RM275 juta bagi pembinaan 82 gelanggang badminton baru dan 4 kolam renang. Jadi, saya dapat jawapan ini tak begitu jelas. Disebutkan bahawa setakat ini kompleks baru di Relau yang dah disiapkan. Jadi yang lain-lain tu masih belum disiapkan. Sebenarnya telah dimaklumkan dalam Bajet 2018. Jadi saya kalau boleh nak sedikit-sebanyak perkembangan tentang pembinaan 82 gelanggang badminton dan 4 kolam renang. Mungkin ditukar kepada kompleks-kompleks gelanggang yang lain. Mungkin la. terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Ahli Kawasan Sungai Dua. Mungkin jawapan yang telah diberi tidak berapa jelas, tak apa saya jelaskan sedikit-sebanyak yang boleh. Memang kita memperuntukkan bajet sebanyak RM275 ini dalam bajet tahun lepas yang diumumkan oleh mantan Ketua Menteri dan memang ada projek-projek seperti pembinaan kolam renang yang bertaraf antarabangsa, FINA dan juga satu gelanggang badminton, ARENA badminton yang akan dibina di Ampang Jajar juga memang ini masih dalam rancangan kerana kita, dewan *banquet* telah dibina dan memang PDC telah membuat rancangan dan ada sedikit pertukaran mungkin kerana itu akan dikurangkan dan kita nak tambahkan fasiliti-fasiliti yang lain. Ini masih tunggu PDC untuk bentangkan pelan yang *latest* dan ini juga termasuk satu ARENA Nibong Tebal yang membina 9 gelanggang

badminton yang merangkumi RM7 juta ini di kawasan Bukit Panchor dan juga lain-lain tempat, akademi badminton yang akan dibina di kawasan Sungai Pinang dan enam (6) gelanggang badminton yang telah siap dibina di Bukit Gelugor. Memang ini semua masih dalam rancangan dan masih belum melaksanakan kerja dan menjalankan kerja. So mungkin Ahli Kawasan Sungai Dua selepas baca jawapan ini, masih tidak dapat faham, mungkin tahun depan akan dapat jawapan yang lebih jelas setelah projek ini kita tetapkan dan dijalankan dan ditawarkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Cuma saya nak minta penjelasan sikit tentang peruntukan untuk kompleks sukan yang dipertanggungjawabkan kepada PDC. Kompleks sukan di Butterworth, Ampang Jajar. Maknanya, kompleks ini akan lengkap semua prasarana, termasuk semua sukan. Kompleks sukan mungkin padang bola, mini stadium dan sebagainya saya ingat. Tapi masih dalam peringkat perancangan ataupun peringkat belum dilaksanakanlah di Ampang Jajar?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Untuk maklumat tambahan, kompleks sukan dengan RM60 juta di Butterworth Ampang Jajar ini bukan mini stadium, cuma merangkumi badminton dan kolam renang kerana saya minta PDC untuk tambah supaya kalau kita nak menjalankan pertandingan contohnya bola tampar, sepak takraw ataupun bola keranjang dan dewan itu dapat diguna juga. Memang dalam rancangan untuk merangkumi ini. Tapi ini tidak termasuk padang bola sepak dan lain-lain. *The main focus* cuma badminton dan juga kolam renang yang bertaraf antarabangsa tapi saya ada permintaan untuk bertambahlah supaya kita boleh guna kalau kita nak buat pertandingan bertaraf antarabangsa, mungkin kita akan jalankan di kawasan tempat tu.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Bagan Jermal, tentang kompleks sukan yang akan dibina di Ampang Jajar itu. Dinyatakan PDC akan membina; saya nak bertanyakan tentang siapa yang akan uruskan. Adakah PDC akan uruskan atau pun akan diserahkan kepada jabatan MSN atau pun JBS. Itu soalan saya. Sebab apa, kita memang tahu pembinaan kompleks sukan ini melibatkan kos yang tinggi. PDC mengeluarkan kewangan. Selalunya apa akan terjadi adalah selepas pembinaan siap, PDC akan minta untuk uruskan dan akan dilantik pula satu syarikat sebagai *outsourc*e untuk uruskan. Apabila kemudahan awam ini yang dibina untuk kegunaan awam dan juga untuk orang awam dalam kadar yang ataupun percuma ataupun kadar yang berpatutan apabila di *outsourc*e kepada satu syarikat swasta, syarikat swasta berkenaan tidak akan datang *they won't come in without a profit* ... (dengan izin). So mereka akan meletakkan kadar sewa yang tinggi. Berlaku kepada beberapa kes di mana projek yang dibuat untuk kegunaan awam, menjadi amat tinggi sewa yang tidak boleh dibayar yang tidak boleh ditanggung oleh orang-orang biasa. So apakah cadangan Yang Berhormat Bagan Jermal dalam hal ini? Adakah Bagan Jermal akan cadangkan supaya ianya diuruskan oleh PDC sendiri melalui syarikat yang *outsourc*e ataupun JBS, MSN, PYDC. Itu pertanyaan saya, Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Bagan Dalam. Masih dalam peringkat perancangan kerana kemungkinan besar projek ini akan *call R&P tender outsourc*e kepada syarikat-syarikat yang mana mereka mampu untuk datang membina dan selepas itu diselenggara oleh mereka. Ini masih dalam perbincangan memang tidak ada jawapan lagi ada beberapa aspek ataupun ada beberapa *proposal* dan kita masih dalam rancangan sama ada nak pilih mana yang boleh mendatangkan kebaikan kepada Kerajaan Negeri dan kita tahu bahawa memang banyak dewan-dewan ataupun kompleks sukan selepas dibina dan diserahkan kepada pihak dan tidak dapat diselenggara kerana *maintanance* kos tinggi dan memang kita awal tahun 2019 akan menubuhkan perbadanan stadium dan kemungkinan besar perbadanan stadium akan menguruskan itu mungkin masih dalam awal perbincangan. Ya, silakan Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Ya, saya nampak terlalu banyak gelanggang badminton dan juga kolam renang yang dicadangkan untuk pembinaan. Sedangkan di kawasan-kawasan di kawasan DUN macam kawasan Bagan Dalam padang bandaran pun dah saya nak tahu juga status padang bandaran lama yang jadi nostalgia bagi saya, saya besa main di padang tu *division* Butterworth, *division* padang tepi jalan kat MPSP padang tu pun dah ditinggalkan sekarang nak main kena main di padang belakang St. Mark belakang, padang tu agak lembik sikit padang lembut. Padang bandaran tu cantik tapi nak tahu status padang bandaran dan mengapa kita banyak tumpukan kepada pembinaan gelanggang badminton dan juga kolam renang padahal kalau boleh kita bagi kepada DUN-DUN ini, Sungai Dua tak dapat tak apa DUN-DUN lain bagi kat depa satu dua (2) gelanggang futsal contoh Bayan Lepas, Permatang Pasir untuk dibuat di kawasan DUN masing-masing pembinaan futsal tentu perlu pasai ini permainan yang orang kampung budak kampung nak main futsal ataupun dewan-dewan terbiar *upgrade* buat gelanggang dewan badminton di kampung ini mungkin lebih sesuai untuk semua orang. Buat setempat macam tu tak ramai orang boleh pi. Mungkin untuk *commercialized* untuk komersil. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada Sungai Dua. Saya akan terangkan kepada Sungai Dua. Bukan kita ada banyak gelanggang badminton dan juga kolam renang. Kolam renang yang sedia ada di Seberang Jaya, Jalan Betek dan satu lagi di kawasan Pangsapuri Ria dan di sebelah pulau, Relau Pool yang baru-baru yang dibina oleh MBPP dan kita kalau nak menganjurkan pertandingan, contoh, kita anjurkan Malaysia Open kita tak ada satu *pool* yang boleh betul-betul menganjurkan *tournament*.

Seperti contoh juga sama juga dengan gelanggang badminton kalau kita nak menganjurkan Malaysia Open baru-baru ni tahun ni semasa saya turun ke Kuala Lumpur untuk menyaksi Malaysian Open dan saya ada berbincang dengan BAM pengerusi, di mana beliau mengatakan bahawa kalau Negeri Pulau Pinang menganjurkan Malaysia Open bolehkah? Dia tanya sama ada anda ada satu gelanggang yang betul-betul boleh membuat *competition* dan kita memang tahu di Negeri Pulau Pinang buat masa sekarang masih tidak ada. Baru-baru ini saya pergi ke Singapore yang melawat Singapore Active SG, Sport SG adalah satu badan yang menguruskan sukan di bawah kerajaan. Mereka memang tahu Pulau Pinang adalah terkenal dengan badminton. Kita ada Dato' Lee Chong Wei, Goh Jin Wei dan juga Tan Jia Wei yang baru dapat pingat emas dalam SUKMA. Kita tahu kita nak mencari lagi banyak bakat dan memang kalau ingin buat *International Standart Competition* kita tak ada satu tempat untuk buat. Dan saya harap dan ini adalah tempat-tempat strategic. Kalau ada *competition* kita boleh buat.

Kita ada kolam renang tetapi kita masih dapat dengar seperti ADUN Sungai Acheh, Jawi dan Bukit Tambun mereka masih minta, SPS masih tidak ada kolam renang. Dan ini seperti contoh, dulu saya sebagai ADUN Jawi saya pun minta saya sudah minta lima (5) tahun tapi tak dapat lagi. Kita akan rancang, kita rancang kita akan bina satu di Seberang Perai Selatan kerana kita percaya di Seberang Perai Selatan juga ada banyak peminat, cuma dan juga banyak orang nak berenang mereka kena turun ke Jalan Betek paling dekat ataupun *Seberang Jaya Pool* dan *Seberang Jaya Pool* sekarang pun dalam keadaan yang tengah dalam rancangan MPSP untuk uruskan pembaikan di *Seberang Jaya Pool* ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Kerana Bagan Jermal telah bercakap tentang kolam renang Seberang Jaya. Saya ada komen tentang kolam renang Seberang Jaya lah. Memang Seberang Jaya tak ada. Memang teruk keadaan dia, bila-bila masa kita pergi penuh dengan warga asing saja. Bukan saya kata kita perlu menafikan hak warga asing untuk menggunakan kemudahan-kemudahan. Tetapi kadang kala *you know* orang Malaysia takut pergi sana, mereka datang *you know* sebab tidak ada kalau kita pergi ke Bukit Bendera tempat-tempat pelancongan kalau warga asing dia kena bayar tiket yang tinggi nampaknya di kolam renang Seberang Jaya harganya sama kepada warga asing dan juga orang Malaysia. Walaupun kolam renang Seberang Jaya itu satu yang melahirkan banyak orang atlet renang tetapi kini nampaknya atlet renang semuanya akan mewaliki Bangladesh, Myanmar ataupun negara-negara lainlah. So, saya minta satu tindakan diambil

supaya kolam renang ini digunapakai dikembalikan kepada warga Malaysialah. Sudah dijajah oleh warga asing dan lagi satu soalan seperti yang Bagan Jermal nyatakan tadi. Memang badminton orang kenal Pulau Pinang dengan badminton sebab badminton, kita ada Dato' Lee Chong Wei dan sebagainya. Kenapa pula kita tidak ada gelanggang-gelanggang squash dibina di seluruh Negeri Pulau Pinang. Itu satu cadangan. Kerana kita mempunyai *The World Champion*....(dengan izin) daripada Pulau Pinang Nicol David. Dan baru-baru ini kedua-dua atlet yang merebut untuk pingat emas di Sukan Asia juga daripada Pulau Pinang, Nicol David dan lagi seorang, *I don't remember the name*. Saya minta gelanggang-gelanggang squash juga diberi perhatian dalam masa-masa yang akan datang. Kalau boleh setiap daerah kena ada satu gelanggang squaslah itu harapan kita. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Bagan Dalam. Kalau dengan keizinan keadaan kewangan ataupun kerajaan 10 tahun sebelum itu dipimpin oleh Pakatan Harapan kita tak ada skandal 1MDB maka saya rasa banyak gelanggang-gelanggang akan telah dibina bukan sahaja di Negeri Pulau Pinang dan juga di negeri-negeri lain. Memang dan banyak lagi sukan yang tidak ataupun kadang-kadang ada yang tak ada gelanggang-gelanggang seperti bola tampar mereka kena berlatih di dewan Kampung Buah Pala dan tak ada gelanggang-gelanggang yang betul-betul boleh bagi mereka untuk bermain ataupun berlatih dan lain-lain dan kita akan cuba untuk memperbaiki keadaan untuk semua sukan di Negeri Pulau Pinang kerana kita ada 44 sukan.

Sehubungan itu saya menyeru agar semua Yang Berhormat di Dewan yang mulia ni untuk turut memperluaskan amalan untuk senam, bersenam selama 30 minit setiap hari di peringkat KADUN masing-masing. Projek pembinaan atau kerja-kerja menaik taraf kemudahan sukan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program 1 KADUN 1 Gelanggang Futsal mulai tahun 2013. Pada tahun 2018 pula, sebanyak tiga (3) projek menaiktaraf gelanggang futsal sedia ada telah dilaksanakan iaitu di Teluk Bahang dan Titi Teras, Daerah Barat Daya serta di Sungai Pinang Daerah Timur Laut. Manakala pembinaan gelanggang futsal baru di Pokok Sena, di kawasan KADUN Permatang Berangan seperti yang disebut oleh saya SPU dan Sungai Acheh, Seberang Perai Selatan akan dilaksanakan pada tahun depan termasuk juga dengan gelanggang futsal sedia ada di Permatang Pasir, Sungai Ara, Permatang Ara Seberang Perai Tengah. Permatang Pasir sudah masuk, juga akan dilaksanakan.

FAP Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang, seterusnya perkara ini saya bangkitkan atau untuk makluman kepada semua ADUN-ADUN yang ada mengenai pembangunan bola sepak negeri di bawah pengurusan FAP Presiden yang baru. Pada September yang lalu, penstrukturan semula persatuan tersebut telah dilaksanakan dan Presiden FAP baru telah dilantik untuk meningkat... meningkatkan prestasi pasukan bola sepak negeri ini di samping menyelesaikan masalah tunggakan hutang yang melampau. Kerajaan Negeri juga akan memperuntukan RM5 juta kepada FAP bagi musim tahun 2019.

Di bawah pentadbiran Presiden FAP baru, FAP telah menetapkan sasaran untuk membawa pasukan bola sepak Pulau Pinang berada di Top 5 Liga Premier dan kemudian melayakkan ke Piala Liga Malaysia. Di samping itu, pembangunan bola sepak di setiap daerah telah dirancang dan akan bermula pada tahun 2019. Pembangunan bola sepak di setiap daerah yang akan dilaksanakan adalah pengambilan jurulatih tempatan untuk setiap daerah, setiap daerah akan mengadakan akademi sendiri, setiap daerah harus mengadakan liga daerah masing-masing dan mengadakan pertandingan peringkat daerah. Diharapkan dengan projek pembangunan ini, ia mampu mencungkil bakat-bakat baru di kalangan anak-anak Negeri Pulau Pinang dan meningkatkan prestasi pasukan bola sepak Negeri Pulau Pinang. Harap-harap anak-anak negeri ini yang dapat menjadi bakat dan pelapis tidak ditawarkan oleh JDT Johor pada akan datang. Saya harap negeri-negeri lain kita mengamalkan sikap jangan tawar-menawar *player-player* atau pemain-pemain dari negeri-negeri yang lain. Setiap negeri bertanggungjawab, persatuan bola sepak setiap negeri bertanggungjawab untuk melatih anak-anak muda untuk negeri-negeri mereka masing-masing. Dan juga masa pertandingan inilah anak-anak muda itu yang mewakili negeri-negeri masing dan bukan tengok ada pemain yang handal kita menawarkan dengan harga yang tinggi keadaan ini tidak akan habis. Keadaan ini tidak akan

habis kalau kita sambung ataupun *continue*...(dengan izin) Speaker Dato' Speaker untuk melakukan keadaan sebegini.

Pembangunan *e-Sport*, untuk maklumat Yang Berhormat sekalian, definisi sukan merujuk kepada satu aktiviti yang melibatkan usaha dan kemahiran fizikal di mana *individual* atau pasukan bersaing dengan yang lain untuk tujuan seperti pertandingan, keseronokan, pembangunan, kemahiran, kecemerlangan dan sebagainya. Jika kita melihat kepada sejarah sukan, unsur kemahiran *skill*...(dengan izin), Tuan Speaker dan persaingan adalah penting dalam bidang sukan bahawa kegunaan kekuatan, stamina, kelajuan, pemikiran strategik dan berpasukan merupakan sifat-sifat utama kepada sukan. Menurut kepada Pertubuhan Persatuan Antarabangsa Antara Sukan (dengan izin) Dato' Speaker, *Global Association of International Sports Federations* definisi sukan adalah seperti berikut, penglibatan elemen pertandingan tidak berhubung dengan unsur nasib, tidak menimbulkan risiko yang tidak wajar kepada kesihatan dan keselamatan para atlet atau peserta, tidak boleh membahayakan makluk hidup, tidak harus bergantung kepada peralatan yang disediakan oleh pembekal tunggal, oleh sebab itu Sukan Bandar Antarabangsa *World Urban Games* yang akan diadakan di Los Angeles Amerika Syarikat tahun 2019 akan mengisytiharkan Sukan Elektronik sebagai salah satu acara sukan tersebut.

Kita juga mendapati bahawa forum Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa dan *Global Association of International Sports Federations* telah mengadakan perbincangan dengan golongan berkepentingan dari bidang Sukan Elektronik mengambil langkah lanjutan untuk menjadikan Sukan Elektronik sebagai sukan dalam acara Olimpik pada Julai tahun ini, ini terbukti apabila Sukan Elektronik telah dipertandingan sebagai sukan demonstrasi di acara Sukan Asia tahun 2018 di Jakarta, Palembang. Dan kemungkinan besar ia akan menjadi acara rasmi Sukan Asia pada tahun 2022 di Hangzhou, China.

Saya faham, khuatir dan kebimbangan daripada YB-YB Batu Lancang, Sungai Dua, Berapit, Bayan Lepas dan lain-lain tentang Sukan Elektronik bahawa acara tersebut bukan sukan tetapi izinkan saya memetik pandangan dari Professor Ingo Froböse daripada Universiti Sukan Jerman bahawa atlet Sukan Elektronik mengadakan 400 pergerakan pada papan kekunci *keyboard* dan tetikus, *mouse* dalam seminit, ini merupakan bilangan pergerakan empat kali ganda berbanding dengan orang biasa. Juga penggunaan kedua-dua belah tangan secara berasingan pada masa yang sama, ini menunjukkan operasi pemikiran bahagian kiri dan kanan otak pada masa yang sama. Ini telah menunjukkan bahawa sukan elektronik telah memenuhi tujuan dan definisi sukan apabila catur, memancing pun telah menjadi salah satu acara sukan. Sukan elektronik merupakan acara sukan terkini untuk generasi muda dan zaman berteknologi moden ini walaupun sukan elektronik didefinisikan sebagai sukan tetapi adalah dinasihatkan orang ramai terutama anak-anak muda agar tidak terlalu *obsess* atau fanatik dalam permainan sukan elektronik sehingga mengabaikan pelajaran dan menjejaskan kesihatan seperti lupa untuk mandi, lupa untuk makan seperti yang dibangkitkan oleh Sungai Dua, makan sambil main dengan permainan elektronik ini.

Saya memang setuju memang kita kena jaga semua sukan bukan sahaja kita bagi tumpuan kepada *e-sport* kerana kita ada 44 sukan banyak lagi sukan yang ada, kalau kita cuma fokus kepada *e-sport* maka lain-lain sukan akan ketinggalan. Selepas 5 tahun kemudian atau 3 tahun kemudian kemungkinan besar *e-sport* sudah tak *famous* dah, maka kita patah balik untuk memajukan sukan-sukan lain masa itu kita sudah lewat atau ketinggalan kita kena seimbang supaya kita menjalankan kesemua sukan seperti yang saya salurkan kepada *sport for all* untuk program tahun 2019 kita ada 12 sukan salah satu *e-sport* yang kita akan buat juga tapi kita ada lagi *sport-sport* lain sukan-sukan lain yang kita kena majukan. Silakan Batu Lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

YB. Bagan Jermal apakah peranan yang akan dimainkan oleh YB. EXCO tentang *e-Sport* ini? Pandangan sayalah memang ada kebaikan dan keburukan dalam setiap sukan, dan *e-Sport* itu adanya keburukan, saya dok cari dalam wikipedia memang banyak keburukan yang dikatakan bermain terlalu lama juga akan menyebabkan seseorang itu mendapat sakit *carpal tunnel* iaitu

yang akan dikenakan oleh orang biasa dalam umur 50 - 70 tahun tetapi untuk *e-Sport gamer* atau pemain itu mereka mungkin akan kena penyakit ini dalam usia 30 tahun. Ada juga dikatakan keburukan adanya *commit suicide* banyak kes yang berlaku juga tentang tekanan kepada *gamer* ini.

Untuk pengetahuan semua Olimpik Tokyo mereka tak terima *e-Sport* pada masa sekarang ini kerana Japan mengapa *e-Sport* adalah berunsur perjudian. Tokyo tak akan terima untuk Olimpik 2020. Buat masa sekarang, penganjur *e-Sport* sedang memujuk Paris 2024 Olimpik untuk terima *e-Sport* sebagai satu sukan rasmi tetapi Olimpik Tokyo 2020 telah menolak permohonan mereka. Itu kebaikan dan keburukan terjadi, saya dah kata daripada perbincangan saya awal-awal lagi saya tidak ada bantahan terhadap *e-Sport* ini, saya ingin mengetahui apakah peranan yang akan dimainkan oleh YB. EXCO tentang *e-Sport* ini dan apakah peranan yang akan dimainkan oleh Kerajaan Negeri. Adakah kita akan buat satu pertandingan *e-Sport* untuk mereka ataupun peranan kita hanya menyediakan tempat pertandingan sahaja? Itu sahaja pertanyaan saya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Batu Lancang, kita tidak akan sediakan tempat ataupun arena untuk *e-Sport* kerana buat sedia ada di seluruh negara Malaysia memang tiada sebuah negeri yang menubuhkan sendiri punya pusat untuk *e-Sport*, *e-Sport centre* untuk di bawah Kerajaan Negeri dan kita akan berkerjasama dengan syarikat swasta untuk menganjurkan pertandingan setakat ini dalam perancangan saya dan memang kita ada banyak lagi gelanggang-gelanggang ataupun kompleks sukan yang perlu kita untuk dibina atau perlu diselenggara dengan secepat mungkin dan memang peruntukan kita tak begitu banyak dan kita cuma akan anjurkan pertandingan *e-Sport* dan bekerjasama dengan syarikat swasta ini peranan yang buat setakat ini kerana kita tahu memang akan mendatangkan banyak keburukan dan juga kebaikan, keburukannya seperti dikatakan oleh Batu Lancang yang akan menyebabkan sakit ataupun mungkin akan kehilangan untuk berminat lagi untuk bersukan, contohnya mungkin anak ini atau budak ini mereka ada salah satu pemain sepak takraw tapi selepas menceburi dalam *e-Sport* beliau tidak akan turun untuk pergi berlatih Sepak Takraw ataupun terus atau mencebur diri dalam *e-Sport* sahaja. Oleh itu kita akan kehilangan satu atlet atau pemain yang bagus kita juga risau keadaan itu akan berpanjangan dan datangkan keburukan dan kita di sini sama-sama untuk membantu supaya *e-Sport* itu akan dianjurkan tapi untuk pertandingan dan kita masih mengalakkan semua rakyat jelata ini boleh pilih acara-acara sukan yang mereka berminat dan juga turut melaburkan diri dalam bidang tersebut. Ya silakan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Terima kasih Yang Berhormat Bagan Jermal, sebagai ahli belia dalam Dewan yang mulia ini, mungkin saya boleh berkongsi sedikit pandangan khususnya pandangan daripada belia berhubungan *e-Sport* ini, kemungkinan besar banyak yang memberikan tanggapan bahawa *e-Sport* ini hanya belia yang duduk di depan komputer, sebenarnya kalau kita sebut pasal *e-sport* sebenarnya kalau mengikut institusi *e-Sport* ini kita boleh mengambil contoh seperti kelab-kelab sukan di Eropah seperti kelab bola sepak yang terkenal itu semua kelab memiliki pasukan *e-Sport* tersendiri bukan sahaja komputer *games* itu tertakluk kepada DOTA tetapi seperti mana permainan FIFA yang berasaskan bola sepak itu juga sebahagian daripada *e-Sport* dan mengenai kawasan ataupun lokasi arena untuk memainkan *e-Sport* ini, sebenarnya sebarang dewan kita boleh diambil untuk mengadakan atau menganjur *e-Sport* sebab dia satu sukan yang kita tak perlu menyediakan kemudahannya semata-mata untuk sukan ini tetapi ia boleh dijalankan di mana-mana sahaja selagi ada komputer selagi ada *monitor* sukan *e-Sport* itu boleh dijalankan.

Tapi saya sangat setuju dengan pandangan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Bagan Jermal sebarang sukan pun sekiranya kita ketagihan main sukan, main bola sepak, main sampai lupa makan, lupa mandi, lupa balik rumah itu ketagihan itu semua jenis sukan pun sama tetapi haraplah kalau kita boleh nampak *e-Sport* ini secara terbuka walaupun dia ada kelemahan ataupun keburukannya saya percaya semua sukan pun sekiranya ketagihan ataupun diambil dengan sikap negatif itu dia memang ada keburukannya. Jadi sememangnya saya menyokong

usaha Kerajaan Negeri untuk membangunkan *e-Sport* tapi sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Bagan Jermal itu janganlah ketagih, ambil ini sebagai satu sukan secara profesional dan bukannya untuk sesuatu benda yang diketagih-tagihkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada Batu Lancang, memang kita tak boleh ketagihan contoh mungkin FAP presiden yang baru ini mungkin masa muda beliau juga sebagai pemain ketagihan untuk bola sepak mungkin lupa makan, lupa mandi dan juga hari ini dapat duduk tempat sebagai presiden untuk FAP contoh-contoh.

Pembangunan belia Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Silakan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan sebelum YB. Bagan Jermal masuk ke Bagan Jermal sebab tadi ada sebut masuk kepada bahagian belia sebab saya ada isu yang tadi YB. Bagan Jermal ada sebut tentang Perbadanan Stadium, Kerajaan Negeri kata nak lantik CEO, CEO akan dilantik sebab tadi saya kita tau Enakmen Perbadanan Stadium dan Tanah Lapang itu baru diluluskan dalam sidang DUN yang lepas tahun lepas dan perkara ini juga dibahaskan dan pagi tadi kita dalam perbahasan kita juga ada sebut bahawa melihat kepada kekangan kewangan yang ada pada Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan dan stadium-stadium seperti tempat-tempat awam, tanah-tanah lapang ini dia sebenarnya boleh diuruskan atau ditadbir oleh PBT atau Jabatan Pengurusan Hartanah yang sepatutnya mempunyai kepakaran untuk menjaga atau mengurus tempat awam tersebut.

Saya nak tau apakah implikasi kewangan untuk kita menubuhkan satu perbadanan yang baru, implikasi kewangan itu terhadap Kerajaan Negeri dan CEO itu gaji berapa dan pegawai-pegawai yang akan dilantik itu semua akan merupakan satu implikasi kewangan dan memandangkan kita juga sudah ada Kerajaan Pusat yang memiliki ramai kakitangan awam yang boleh kita perkasakan mereka sekiranya kepakaran yang di antara kakitangan awam ini tidak mencukupi atau tidak dapat mencapai prestasi yang diperlukan maka adakah kita cuba cari jalan untuk melatih mereka supaya mereka boleh mengambil peranan Pengurus Besar atau CEO tersebut. Selain daripada kita menubuhkan satu perbadanan yang baru, dan kerana ini adalah satu perkara yang saya lihat cara kita bagaimana untuk kita menanganai masalah ini kan, saya faham macam Stadium Batu Kawan kita ada PBT MPSP pun tak mahu menerima stadium tersebut. Tadi itu bukan cara dia, jika MPSP tidak mahu menerima kerana adalah tiada peruntukan yang mencukupi maka kita, bukan, tubuhlah satu lagi perbadanan yang baru untuk menjaga stadium tersebut. Ini akan menambahkan kos lagi. So saya rasa kenapa pagi tadi saya pun sebut ada banyak pertindihan yang berlaku dan ini adalah implikasi kewangan yang amat berat kepada Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Itulah yang saya nak tau itu kepastian itu implikasi kewangan sekiranya kita menubuhkan perbadanan tersebut. Berapa bajet yang akan dihulurkan oleh Kerajaan Negeri kepada perbadanan tersebut?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Ahli Kawasan Machang Bubuk ini masih dalam rancangan. Berkenaan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Berkenaan stadium atau *e-Sport*?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Sedikit sahaja saya mencelah, Timbalan Yang di-Pertua, berkaitan dengan *e-Sport* ini, saya cuma nak tahu sebab saya tidak ada maklumat. Cuma nak tahu daripada EXCO, adakah *e-Sport* ini Pesuruhjaya Sukan Malaysia sudah memberi pengiktirafan kepada *e-Sport* ini?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Apa? Tak jelas.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Maksudnya sukan ini telah memberi pengiktirafan atau belum?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Ini saya kena semak dengan Pesuruhjaya Persatuan Sukan. Terima kasih. Pembangunan Belia, Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua, Golongan belia merupakan sumber dalam negara dan mereka berpotensi...(gangguan).

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Ahli Kawasan Bagan Jermal saya punya soalan belum dijawab.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Saya masih dalam rancangan kerana masih belum tubuh dan memang ini kita akan bincang dalam EXCO, saya akan jawab lepas ada jawapan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih, ini perbadanan sukan. Dia ditubuhkan dengan tujuan supaya semua bukan kalau bukan semua kalau semua stadium dan juga kalau lapangan padang ya, *open space* yang mempunyai fasiliti sukan, dia kan semuanya di bawah perbadanan ini. Supaya dia ada suatu *scale of economic* kerana sekarang dia ada stadium di bawah MBPP, stadium di bawah MPSP, dia juga ada stadium di bawah PDC dan ada kemudahan-kemudahan sukan yang kurang dana untuk di *maintain*. Jadi, kita harapkan dengan adanya pakar untuk membuat *maintenance* untuk sukan, kemudahan sukan ini, jadi dia ada lebih ekonomi. Kita ada pakar kerana dalam MSN kita pun tak ada pakar untuk menyelenggarakan *maintain all this sport facilities* dan dia bukan untuk *maintenance* saja tapi juga untuk promosi, untuk memperbanyakkan kegunaan seperti kita punya Stadium Batu Kawan, supaya dia boleh digunakan untuk tujuan yang lain. Umpamanya untuk tujuan mengadakan konsert supaya ia maksimum *usage* dengan cara ini supaya semua *facilities* ini dapat di *maintanance* dengan baik dan *maximize* kegunaannya. Ini tujuan kerajaan. Bila berapa wang dia akan pakai, belum, kita belum *estimate* lagi lah. Jadi ini tujuannya ialah supaya dia di *maintain* dengan baik dan bukan untuk dia *what* tadi yang kata mungkin ada *redundance* kita nak *reduce* itu, kita nak *maintain* dengan efektif, digunakan dengan maksimumnya. Setakat ini itu adalah tujuan kita. *Thank you*.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Saya ada sedikit saya rasa YB. Padang Lalang mungkin tak dapat jawab. Saya tidak bantah untuk tujuan perbadanan ini tapi tentang stadium, tentang padang-padang atau tempat-tempat awam yang boleh digunakan kita perlu kos penyelenggaraan, itu-itu memang biasa, tapi apa yang kita hadapi sekarang adalah kita kekurangan peruntukan untuk membaiki penyelenggara ini adalah isu yang utama. Isu utama ini bukan kita tubuh satu perbadanan ia ada sudah dapat wang. Jika kita tubuh satu perbadanan yang pergi cari macam invest Penang, kita pergi cari untuk ada badan untuk datang melabur untuk menyelenggara itu okey, itu boleh.

So itu *business plan* dia itu pun kita perlu tahu jika tidak kita akan tubuh banyak perbadanan tetapi masalah itu tetap sama juga. Stadium nanti dia nak minta okey kerajaan kena bagi satu tahun RM15 juta atau macam mana kita nak *maintain*, jika tak *maintain* orang nak sewa pun tak boleh sewa, orang tak mahu. So masalah itu kita kena faham dulu, masalah pokok kebanyakan tempat-tempat awam yang kita hadapi Stadium Batu Kawan atau Stadium di Bandaraya adalah sama, *maintenance* isu. Peruntukan itu daripada mana *that's why* saya rasa itu yang penting jika tidak kita akan mendirikan satu perbadanan lagi yang kita perlu menanggung. Saya rasa kita kena cari jalan untuk penyelesaian di mana kakitangan awam suruhanjaya, ini jabatan kerajaan ini yang mempunyai peranan dan juga tanggungjawab untuk menjaga ni. Kita kena minta supaya mereka diperkasakan supaya boleh menjalankan kerja-kerja itu. Saya rasa itu pentinglah untuk kita menangani kekurangan dana dan juga macam mana kita dapat menyelenggara tempat awam itu dengan lebih baik. Itu pandangan saya. Saya harap Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan sebab perkara ini sebab saya tengok memang amat kita *go to the wrong direction* kita tubuh perbadanan kita rasa boleh menyelesaikan

masalah, padahal bukan nanti tiap-tiap tahun nak minta peruntukan dari Kerajaan Negeri lagi. Itu yang saya difaham, mereka tak boleh *break event*.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya, saya, saya rasa YB. Machang Bubuk *you have a point* tetapi kemudahan-kemudahan ini bukan untuk membuat keuntungan. Kemudahan-kemudahan ini adalah untuk rakyat. Ramainya ada rakyat, jadi dia mesti di *maintain* walaupun ada duit tak ada duit. Sekarang kita kekurangan pakar untuk *maintain* kemudahan seperti ini ya. Itu yang satu masalah.

Yang keduanya yang sekiranya kita ada satu perbadanan dan kita ada orang kita, ada orang yang pakar untuk membuat pengurusan, supaya kita juga memperbanyakkan aktiviti, dia mesti buat *promotion* supaya ia, ia membanyakkan kegunaan aktiviti dan kegunaan harapnya ada pendapatan untuk membantu, *maintain* kemudahan-kemudahan ini. Ini adalah cara, bukan cara adalah kita punya pandangan kerana *now you have to use the* MPSP, MBPP. Mereka tak adakan satu, tak ada satu bahagian untuk buat *maintenance* stadium atau kemudahan-kemudahan sukan. Sekiranya mereka mahu adakan masing-masing awak ada banyak badan. Jadi lebih baik ada satu badan dalam negeri. Di banyak negeri dia sudah adakan perbadanan seperti ini. Dan saya rasa ia adalah lebih baik kalau kita adakan bahagian pengurusan kemudahan sukan masing-masing. Dia kata kita rasa ini lebih baik kerana dia ada *economic of scale*, ia ada badan oleh semua uruskan. Kita akan cubalah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Cuma saya nak terangkan saya bukan kata kemudahan ini kita nak ada keuntungan. Saya rasa cuma nak perbetulkan perkara ini sahaja dan ini bukan saya kata semua stadium semua mesti dapatkan keuntungan, *no is* tanggungjawab sosial dan macam mana boleh kita pastikan bahawa implikasi kewangan itu tidak balik kepada pihak Kerajaan Negeri ya, kerana saya nampak ya, kita tidak memperkasakan kakitangan-kakitangan awam yang sudah ramai, yang saya tengok tadi di dalam jawapan macam Jabatan Belia dan Sukan ada yang mempunyai mungkin mereka tiada kepakaran dalam pengurusan harta awam ini. Tapi di MPSP dan juga di MBPP saya rasa mereka ada bahagian yang pengurusan harta yang sepatutnya mereka mempunyai kepakaran dan kemahiran untuk mengurus tempat-tempat awam seperti ini dan inilah yang saya rasa tak perlu bahas terlalu panjang. Cuma ini keperihatianan saya terhadap cara kita menyelesaikan masalah yang kita hadapi ini. Itu pandangan saya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada Ahli Kawasan Machang Bubuk. Saya faham apa kerisauan tentang Machang Bubuk mungkin kerajaan tak ada duit, kerajaan melaburkan peruntukan yang begitu banyak dan kita nak ambil kakitangan-kakitangan, adakah dia akan bercanggah atau bertindih. Sama ada peruntukan itu disalurkan kepada perbadanan itu untuk penyelenggaraan. Sama juga sekarang, contohnya kita nak salurkan dua juta untuk *maintenance* Stadium Batu Kawan kita akan serah kepada PDC tapi PDC mereka tiada kepakaran untuk bidang sukan dan salah satu syarat yang kita nak cari, Pengurus Besar untuk uruskan perbadanan stadium kena ada *knowlwdge* ataupun *basic* untuk sukan...(dengan izin), supaya beliau memahami macam mana menguruskan satu kompleks sukan, stadium, gelanggang dan lain-lain.

Contoh satu lagi, saya bagi contoh Trek Jalan Betik. Stadium Jalan Betik memang sudah rosak, tapi MPSP tiada kepakaran. MPSP cuma panggil syarikat memberi satu *quotation* ataupun tawaran harga. Tapi kalau kita ada satu perbadanan stadium memang kepakaran itu mereka kena bertanggungjawab turun ke padang untuk semak sama ada tawaran harga itu berpatutan ataupun sama ada kita perlu tukar keseluruhan trek stadium tersebut. Memang inilah yang kita fahami di mana matlamat kita melantik, menubuhkan perbadanan stadium kena iklankan calon-calon untuk yang bagus kita pilih untuk uruskan perbadanan stadium. Kalau calon yang salah kita pilih maka mereka tiada pengetahuan untuk mengurus kos khasnya kompleks sukan gelanggang, stadium dan lain-lain. Memang peruntukan tidak cukup mungkin pada permulaan kita tak ambil semua, kita cuma ambil beberpa stadium lepas tu kita *one by one*....(dengan izin) akan urus ini matlamat yang kita nak tubuhkan...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat dah satu jam setengah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Saya masuk topik kedua Pembangunan Belia, terima kasih. Golongan belia merupakan sumber terbesar dalam negara dan mereka berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara secara amnya dan dalam Negeri Pulau Pinang secara khususnya bagi mewujudkan belia mempunyai peribadi yang bersepadu dari segi rohaniah, jasmani bertanggungjawab berdikari, bersemangat, sukarela dan patriotik serta menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa agama dan negara. Pelbagai aktiviti dilaksanakan berdasarkan tiga (3) sektor utama iaitu pendidikan dan kerjaya kepimpinan dan bakat kesedaran sivik dan demokrasi.

Sebagai agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bertanggungjawab dalam pembangunan belia. Pihak Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang PYDC oleh Machang Bubuk telah membangkitkan berkenaan pertindihan tugas di antara Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan PYDC. Ingin saya jelaskan bahawa selepas kita memimpin Kerajaan Persekutuan. Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan PYDC telah mengadakan pembincangan sebanyak tiga (3) kali berkenaan dengan peranan dan program masing-masing. Kedua-dua agensi ini akan saling berkerjasama untuk pembangunan belia di Negeri Pulau Pinang supaya program-program yang mereka anjurkan tidak ada pertindihan. Selaras dengan visi *Penang 2030*, dua puluh tiga puluh yang diperkenalkan di bawah bimbingan Y.A.B. Ketua Menteri satu pelan perancangan *Penang Youth Blueprint* telah dihasilkan bagi pembangunan belia secara menyeluruh.

Secara khususnya antara peranan golongan belia untuk mencapai *Penang 2030* adalah seperti yang dipetik dari *Penang Youth Blueprint* seperti kategori di bawah:

Yang pertama, Sosial. Golongan belia perlu melibatkan diri secara aktif dan aktiviti-aktiviti pembinaan dan pembangunan masyarakat dan negeri, meningkatkan daya huni. Golongan belia yang berprestasi tinggi atau yang telah bermanfaat dari program-program *mentorship* harus memainkan peranan sebagai mentor kepada golongan belia yang lain. Terutamanya golongan belia kumpulan B40 dengan taraf sosial ekonomi yang lebih rendah, meningkatkan daya huni, menaiktaraf ekonomi dan memperkasakan rakyat.

Golongan belia perlu mengiktirafkan kepentingan kesaksamaan dan pembudayaan *gender, gender equality dan empowerment* dalam memperkasakan rakyat.

Kedua, Ekonomi. golongan belia perlu memberi tumpuan kepada peningkatan diri dan pembangunan sendiri dari segi kemahiran dan pengetahuan praktikal, untuk meningkatkan kebolehdayaan belia dalam peluang pekerjaan. Ini akan membolehkan mereka menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri secara positif. Golongan belia harus melibatkan diri secara aktif dalam bidang keusahawanan dan industri kreatif untuk menyumbang kepada penciptaan pasaran baru dalam ekonomi.

Ketiga, Politik dan Kepimpinan. Golongan belia perlu mengambil inisiatif dan diberikan peluang untuk memainkan peranan sebagai pemimpin dalam masyarakat secara aktif dan melibatkan diri dalam proses membuat keputusan .

Untuk maklumat Yang Berhormat, peningkatan daya saingan antara golongan belia merupakan salah satu tujuan Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang. Salah satu program yang dianjurkan oleh PYDC dengan kerja sama *Tech Dome Penang* adalah pertukaran pelajar Sains *Stream x* di mana sasaran penyertaan adalah pelajar berumur 13 hingga 18 tahun. Program ini bertujuan menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman pelajar supaya mereka mengetahui lebih lanjut tentang kamahiran dalam bidang sains dan teknologi negara-negara masing-masing. Sehingga ini, PYDC bersama-sama *Tech Dome Penang* menjalinkan hubungan dengan King Mongkut Institute Of Technology Ladkrabang, Bangkok. Pusat Sains dan Teknologi Kebangsaan. Kaohsiung dan Pusat Sains dan Pendidikan Kebangsaan, Taipei untuk mengadakan program pertukaran pelajar sains yang amat bermanfaat kepada golongan muda. Sebanyak lapan (8) kumpulan golongan muda daripada Pulau Pinang, Bangkok, Taipei dan

Kaoshiung telah dijalankan pada tahun 2018. Dan kita akan memperbesarkan ke bidang lain dengan konsep ataupun cara yang lain melalui program pertukaran pelajar.

Program Intervensi Transformasi Sahsiah Remaja. Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan pihak PDRM, Jabatan Penjara Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pendidikan Pulau Pinang dan PYDC untuk mewujudkan satu program kesedaran bagi golongan belia. Objektif program adalah untuk mewujudkan minda yang positif dan memberi kesedaran kepada pelajar sekolah menengah untuk mengelakkan dan mencegah mereka daripada penglibatan dalam jenayah. Ini seperti yang saya telah jawab kepada ADUN Air Itam pagi tadi. Sepertimana yang telah dibangkitkan oleh YB. Sungai Dua, selain pelajar sekolah memang golongan remaja lepasan sekolah juga merupakan golongan belia yang perlu diberi perhatian dan kesedaran perlu disemai. Oleh itu, saya juga mengalu-alukan pihak Universiti, Kolej atau Persatuan Belia yang berminat juga boleh turut bersama dengan bekerjasama dengan MMK Belia dan Sukan untuk melaksanakan program sebegini.

Tanggungjawab ibubapa adalah penting kerana mereka haruslah meluangkan masa untuk teman bersempang dengan anak-anak mereka supaya tidak kira umur anak-anak mereka. Ibu bapa juga perlu cuba memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh anak-anak mereka ataupun tekanan dari segi kerja ataupun mata pelajaran dan sentiasa memberi peluang kepada anak-anak mereka untuk berkongsi pandangan dan pendapat mereka kerana saya percaya komunikasi antara ibu dan bapa dan anak-anak adalah amat penting. Saya berpendapat bahawa anak muda yang berfikiran negatif dan melibatkan diri dalam jenayah, gejala sosial atau mengambil tindakan untuk bunuh diri adalah anak-anak muda ini merasakan diri mereka dipinggirkan, diketepikan tidak mendapat kasih sayang dari ibubapa mereka, tekanan daripada kerja atau pun masyarakat dan lain-lain sebab. Oleh itu, peranan ibubapa adalah amat penting dan kita bersama-sama memantau tingkah laku anak-anak kita untuk mengelakkan mereka terlibat dalam aktiviti negatif.

YB. Bagan Dalam memohon supaya bangunan lama MPSP yang terbiar...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Yang Berhormat Bagan Jermal sebelum ke sana.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Ya.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Tadi YB. Bagan Jermal ada menyatakan tentang memperkasakan golongan belia dalam kefahaman politik dan sebagainya. Tetapi apa yang disenaraikan oleh YB. Bagan Jermal saya tidak nampak di mana ada satu kaedah ataupun program yang boleh memperkasakan ataupun pemahaman politik di kalangan belia. Cukup sedih, walaupun PYDC adalah satu organisasi yang diberi kuasa ataupun diberi mandat untuk mengembangkan kebolehan para belia di Pulau Pinang ini.

Saya, bagi pendapat sayalah, saya tidak rasa mereka telah mencapai sasaran tersebutlah. Mungkin mereka ada kekangan mereka tersendiri sebagai contohnya. Saya tidak nampak, sekarang kita sedang bincang tentang mengurangkan had umur mengundi daripada 21 tahun ke 18 tahun, di mana hakikatnya kalau kita pergi tanya seorang pemuda yang berusia 22 tahun, 23 tahun rata-rata mereka tidak akan tahu siapa Menteri Pendidikan, siapa Menteri Dalam Negeri. Malah ada juga mereka yang tidak tahu siapa Menteri Belia dan Sukan. Sebab dalam 60 tahun negara ini diperintah oleh satu rejim, kita tidak pernah ada satu dasar yang pro belia, yang mendengar kepada belia. Sebelum ini yang jadi Menteri pun dia bukan belia. Walau pun dia Ketua Pemuda, umurnya sudah melangkau melepasi 40 tahun lebih Timbalannya lagi teruk 50 lebih. So, mereka tidak pernah mendengar pandangan golongan belia ini. Saya cadangkan sebagai contohnya saya, Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Tikus dan juga daripada Pengkalan Kota, kami semua pernah menyertai *Penang Youth Parliament* iya, *Youth Parliament*, *right* ya...(dengan izin) yang pertama kalinya diadakan semasa pertama kali *I think in 2010 or 2009...*(dengan izin).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

10.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

10, 10 diadakan kami tiga adalah produk *Penang Youth Parliament*. Tetapi selepas itu kita tidak tahu apa yang berlaku, yang berlaku kepada program-program sedemikian. Walau pun ada NGO lain seperti SUARAM dan NGO-NGO yang tidak ada berkepentingan terus berusaha pemerkasaan belia yang membuat program-program tersebut. Kenapakah PYDC tidak pernah berusaha untuk menganjurkan program menjadikan *Penang Youth Parliament* ataupun *Penang Youth Assembly* sebagai acara tahunan ataupun dua kali setahun. Jalankan pilihan raya di kalangan belia dan mendengar pandangan mereka. Baru-baru ini, saya mengadakan satu program *Butterworth Youth Assembly* di mana saya panggil golongan belia. Saya tak nak mereka yang lebih daripada 25 tahun, daripada 15 tahun sehingga 23 tahun. Saya memanggil mereka malah ada juga pelajar-pelajar yang datang dari sekolah menengah. Saya pun cukup terkejut daripada beberapa pandangan yang mereka lontarkan kepada saya. Begitu cerdik mereka. Tetapi kita tidak pernah mendengar pandangan mereka golongan belia ini, remaja ini telah terpinggir sekian lamanya.

So saya cadangkan Yang Berhormat Bagan Jermal tolonglah buat satu program seperti ataupun kita boleh wujudkan satu program seperti *Penang Youth Assembly* setiap tahun mereka bersidang. Ada sekali tu mereka bersidang di Dewan ini sendiri, di mana Dato' Speaker yang mempengerusikan *Penang Youth Parliament* tersebut. So program ini perlu jadi acara tahunan dan setiap DUN perlu menghantar dua (2) orang wakil belia. Itu adalah pandangan saya, dan ini perlu diusahakan oleh *Penang Youth Development Corporations* dengan dana yang diberikan kepada mereka. Itu pandangan saya Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Okey, terima kasih Bagan Dalam. Memang kita ada rancangan seperti yang minggu lepas kita ada buat satu forum untuk kepada remaja-remaja di Ixora Hotel Perai dan saya ada tanya kepada pemuda-pemuda yang hadir pada hari itu. Memang mereka tak ada minat ataupun tak ambi berat terhadap isu-isu yang berlaku di negara kita, seperti isu-isu yang kebelakangan ini. Ini adalah salah satu cara kita nak memperkasakan lagi banyak program-program sebegitu supaya anak-anak muda kita dapat peluang untuk melibatkan diri untuk memahami lebih banyak isu-isu semasa dan memberikan pandangan komen sama ada komen yang negatif ataupun positif, ini adalah salah satu cara yang demokratik yang kita terima dan memang kita akan ada rancangan untuk mengadakan seperti tadi yang disebutkan oleh Bagan Dalam untuk memperbanyakkan program-program untuk membantu *youth* untuk di Negeri Pulau Pinang dan juga di Negara Malaysia ini. Dan untuk...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Saya minta Bagan Jermal *Penang Youth Assembly* ataupun Dewan Belia Pulau Pinang dijadikan sebagai program tetap Kerajaan Negeri. Walau pun kerajaan bertukar di mungkin 40 tahun kemudian kita masih mahu Dewan ini kekal di mana mereka sentiasa mendengar kepada golongan belia juga.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima Kasih YB. Bagan Dalam memohon...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Penjelasan ya, memang Parlimen Belia atau Dewan Belia ia menjadi aktiviti tahunan PYDC. Memang ada ya, memang ada.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan :

YB. akan diadakan pada hari Ahad ni 17. *This Sunday we are having that* Dewan Muda.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Sidang Muda untuk makluman. Sidang Muda adalah aktiviti tahunan untuk program yang dianjurkan oleh PYDC dan memang minggu Ahad ni Speaker adalah Speaker untuk Sidang Muda untuk minggu ini. Yang Berhormat Bagan Dalam memohon supaya bangunan lama MPSP yang terbiar dijadikan sebagai Butterworth Youth Centre yang akan menjadikan satu fasiliti untuk para belia beriadah. Perkara ini akan dibawa bincang bersama MPSP dan agensi yang berkaitan. Seperti yang mana diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada sidang akhbar pagi tadi. Kerajaan Negeri akan mencadangkan kepada Kementerian kewangan supaya mempertimbangkan bangunan lama MPSP di Butterworth dijadikan sebagai Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pulau Pinang.

Terima kasih kepada cadangan YB. Pengkalan Kota yang memberikan perhatian tentang pembangunan belia di Negeri ini untuk memperbanyakkan program-program belia.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Saya kacau buat kali terakhir. Selepas ni tak mencelah lagi masa tak cukup. Tentang bangunan lama MPSP, cadangan saya untuk dijadikannya sebagai Belia Butterworth, Pusat Belia Butterworth atau Butterworth Youth Centre. Saya telah mencadangkan kepada Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun pagi tadi dinyatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri bahawa, Kerajaan Negeri pernah buat permohonan sebelum Pilihanraya Ke-14 hari itu, untuk dijadikan UTC. Baru-baru ini saya terdengar daripada pihak yang berkepentingan, bahawa UTC tidak berminat untuk membangunkan kawasan tersebut, kerana melibatkan kos yang tinggi bangunan itu, dalam berjuta-juta, mereka lebih gemar pergi ke Penang Sentral. Saya tidak tahu, ini yang saya dengar. Mungkin belum ada *black and white*.

So, saya minta program ini ataupun cadangan ini, dibawa oleh yang Berhormat Bagan Jermal dalam Mesyuarat EXCO untuk dipertimbangkan. Sebab, kawasan itu cukup strategik, dan kalau kita jadikan Pusat Belia dengan Kolej TVET dan juga kemudahan-kemudahan yang menarik pada belia kawasan Butterworth dia akan jadikan para remaja ataupun belia di kawasan Butterworth diperkasakan. Mereka tidak akan terjebak kat dalam isu-isu sosial seperti arak, dadah dan sebagainya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih cadangan daripada Bagan Dalam saya akan ambil maklum...(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Mohon mencelah. Terima kasih Tuan Speaker, Saya Bayan Lepas menanti hingga saat-saat terakhir, helaian terakhir daripada YB. EXCO. Dengan sabar menanti menunggu jawapan perkara saya bangkitkan bahawa DUN Bayan Lepas tiada kemudahan padang bola yang sempurna. Last sekali, sabar *last* sekali.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Jangan risau saya tak akan lupa semua ADUN yang ada.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Terima kasih, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada cadangan Yang Berhormat Pengkalan Kota, yang berprihatin tentang pembangunan belia di negeri untuk memperbanyakkan program-program belia yang boleh menyediakan belia untuk berhadapan dengan cabaran kehidupan semakin kompetitif pada masa depan. Berhubungan dengan cadangan YB. Bayan Lepas menaiktaraf padang Sekolah Kebangsaan Sungai Batu, saya akan turun padang bersama-sama dengan Jabatan Pendidikan Negeri bagi menilai cadangan bernas tersebut agar Bayan Lepas mempunyai kemudahan bola sepak yang sempurna untuk mengilap bakat baru. Manakala mereka mempunyai cadangan padang sesuai di setiap sekolah. Saya amat setuju bukan semua sekolah mempunyai padang isu yang pertama. Isu kedua saya memilih contoh, ada sekolah yang ada

padang tapi kemungkinan padang itu bersaiz kecil ataupun tidak sesuai ataupun tidak diselenggara dengan baik.

Contoh yang bagus di *Singapore*, di mana setiap sekolah mempunyai padang dan kawasan lapang untuk kegunaan pelajarannya. Manakala sekolah di negara Malaysia jika ada padang pun, padang tersebut bersaiz kecil ataupun tidak diselenggara dengan baik, dan mempunyai banyak masalah. Saya akan meminta Kementerian Pendidikan untuk melihat perkara ini dan saya janji dengan Bayan Lepas kita akan turun ke sekolah berkenaan bersama dengan Jabatan Pendidikan Negeri, untuk melawat bersama-sama.

Untuk penutup Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bagi mengakhiri ucapan penggulungan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pertanyaan dan mengemukakan isu-isu yang berkaitan dengan Belia dan Sukan di Negeri Pulau Pinang. Perkara-perkara yang telah dibangkit oleh ADUN-ADUN akan menjadikan pemangkin untuk saya bekerja dengan lebih keras dan gigih bagi menambah nilai dan memperkukuhkan lagi mutu penyampaian di bawah portfolio belia dan sukan untuk pembangunan menyeluruh di peringkat negeri. Saya tidak melupakan semua ADUN-ADUN yang membangkitkan isu mengenai portfolio saya.

Sekian terima kasih. Marilah kita bersama-sama untuk membangunkan sukan dan juga belia di Negeri Pulau Pinang untuk rakyat Negeri Pulau Pinang. Saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih YB Belia dan Sukan. Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan, Paya Terubong. 10 minit.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin)

Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Teruskan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin)

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Salam sejahtera. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana diberi peluang untuk membentangkan ucapan penggulungan bagi menjawab soalan-soalan tambahan berkaitan isu-isu pembangunan pelancongan, warisan, kebudayaan dan kesenian yang telah dibangkitkan semasa sesi perbahasan. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang membahaskan isu-isu berkaitan dengan portfolio di bawah saya.

Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri akan membangunkan *Penang Art District* sebagai pemangkin dalam bidang industri kreatif di atas sebidang tanah berkeluasan 9.2 ekar bersebelahan Gat Lebuhraya Macallum dan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu. *Penang Art District* dengan konsep bandar kontena akan dilengkapi dengan taman lanskap dan akan menempatkan, menempatkan koleksi terbesar galeri seni, muzium budaya, ruang pameran, studio seni dan muzik, sekolah seni dan bengkel seni di Malaysia. *Penang Art District* akan meningkatkan nilai seni dan budaya Pulau Pinang melalui penglibatan artis, tukang seni, pendidik dan masyarakat umum dalam program-program kesenian. Projek ini untuk makluman, kini dalam proses untuk mendapatkan kelulusan pelan bangunan daripada pihak MBPP sebelum pembinaan dapat dijalankan tahun depan.

Selaku EXCO Kesenian, saya memang mempunyai satu hasrat yang kuat untuk membangunkan Pulau Pinang sebagai satu Hub Kesenian di rantau ini. Dengan kekayaan kebudayaan berbilang kaum dan agama, dan juga latar belakang sejarah kesenian yang sedia ada di Negeri Pulau Pinang. Pulau Pinang memang mempunyai satu potensi yang sangat baik untuk dijadikan destinasi kesenian. Selama ini, negeri kita memang kekurangan satu bangunan ikonik yang dapat mempamerkan produksi kesenian dan persembahan kesenian. Saya yakin

dengan adanya *Penang Art District* ini, bidang kesenian Pulau Pinang juga akan dapat dibangunkan dengan positif. Berkenaan dengan *Butterworth Art District* yang dibangkitkan oleh Bagan Dalam...(gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB Daniel Gooi Zi Sen):

Minta penjelasan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Paya Terubong selaku EXCO Pelancongan Kebudayaan, yang tadi telah membangkitkan tentang *Penang Art District*. Sememangnya kita pun tahulah, seperti mana yang dibentangkan di dalam Belanjawan. Sebidang tanah seluas 9.2 ekar akan diperuntukkan di, di antara Gat Lebu Macallum dan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu iaitu di bawah kawasan Pengkalan Kota. Cumanya soalan saya seperti mana di dalam perbahasan saya. Ingin kita mendapat tahu walaupun ya, dari segi bentuk *hardware* tu sememangnya kita faham tentang konsep bandar kontena tersebut tetapi saya rasa intipati apabila kita berbincang berkenaan dengan kebudayaan ataupun kesenian adalah sebenarnya berkenaan dengan *soft skill*. *Hardware* ataupun kemudahan-kemudahan tersebut sememangnya kita dapat disediakan. Tetapi sekiranya *software* itu tiada. Sebagai contoh di dalam beberapa perbahasan Yang Berhormat seperti misalnya, seperti Yang Berhormat Pulau Tikus dan juga Yang Berhormat Seri Delima yang turut membangkitkan tentang isu kebudayaan dan kesenian di negeri kita. Tapi cumanya isu dia, masyarakat umum kita sama ada kita telah bersedia ataupun kita sampai ke tahap untuk menghayati kesenian ataupun kebudayaan ini. Ini memerlukan satu tempoh masa untuk memupuk sebab berlainan dengan bandar-bandar yang lebih besar contohnya Kuala Lumpur. Di mana sekiranya kita mengadakan program atau pertunjukkan kesenian dan kebudayaan malah contoh yang diberikan Yang Berhormat Seri Delima. Kebanyakannya datang dari Kuala Lumpur dan juga Selangor. Tapi di Pulau Pinang ini mungkin ada tetapi kita tak sampai ke tahap tersebut lagi.

Jadi, sekiranya pembangunan *Penang Art District* ini akan diteruskan, saya berharaplah dari segi *software* ataupun *soft skill* ini...(dengan izin) ini dapat dipertingkat. Sebab dari segi kemudahan memang senang untuk disediakan tetapi untuk memupuk kepentingan ataupun minat daripada kalangan masyarakat umum tu, itu yang paling penting untuk menjadikan Projek *Penang Art District* ini sesuatu yang berjaya.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Inilah sebabnya kita hendak membuat *Penang Art District* untuk memupuk, untuk memupuk, memupuk kesedaran di kalangan rakyat di Negeri Pulau Pinang. Kita mesti ada, mempunyai keyakinan terhadap rakyat kita sendiri. Saya percaya Negeri Pulau Pinang memang ada satu, ada satu *based* yang bagus untuk memupukkan kesedaran kesenian ini di kalangan khususnya untuk di kalangan remaja dan di kalangan orang muda. Oleh itu saya percaya bahawa *Penang Art District* ini mesti diadakan untuk menjadikan Pulau Pinang sampai ke tahap sekurang-kurangnya setanding dengan Kuala Lumpur.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB Daniel Gooi Zi Sen):

Sebenarnya saya setuju dengan pembangunan *Penang Art District* Cumanya dari segi pengurusan ataupun dari segi secara, secara langsungnya dari segi pengurusan dia. Macam mana kita nak menentukan apakah jenis kebudayaan, apakah jenis kesenian yang kita hendak adakan di *Penang Art District*. Nama *Penang Art District* betul. Kemudahan *Penang Art District* itu betul. Itu saya memang sokong. Tapi cumanya dari segi pengurusan dia. Saya rasa, apabila kita membangunkan projek ini, pengurusannya lah yang perlu kita meneliti secara teliti. Khususnya dari segi ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Memang saya setuju bahawa pengurusan untuk *Penang Art District* ini mesti ditelitikan, Jadi seterusnya saya akan membincangkan, membentangkan mengenai penubuhan satu Majlis Kesenian Negeri Pulau Pinang yang akan menguruskan *Penang Art District* ini.

Dan berkenaan dengan *Butterworth Art District* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Dalam. Memang saya pun setuju bahawa kita mesti mencapai satu *balance* di antara Pulau dengan Seberang juga. Dan selama, selama ini *Butterworth Art Walk* yang sedia ada

memang merupakan satu tempat untuk mengadakan aktiviti-aktiviti kesenian di Seberang Perai khususnya di Butterworth. Jadi untuk membina satu lagi *Penang Art District* di Seberang Perai mungkin ini pun boleh dikajilah. Tetapi tertakluk kepada peruntukan juga. Namun begitu kita pun, saya pun setuju bahawa satu kesenian mesti dicapai.

Dan untuk seterusnya, Kerajaan Negeri juga akan membangunkan satu, sebuah projek Pusat Komersial yang bernama *Art, An Outdoor Community Street Mall For Arts & Culture* dengan anggaran kos RM4 juta. Projek ini akan melibatkan pembangunan di atas tanah milik Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) di PT.214, Seksyen 8, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Projek ini akan menyediakan premis seperti gerai makanan, kedai fesyen, farmasi, kedai sukan dan sebagainya yang disewakan pada kadar yang rendah. Projek ini akan mempromosikan seni, warisan dan budaya tempatan dan akan menjadi satu daya tarikan kepada penduduk tempatan dan pelancong. Pada masa ini, Kerajaan Negeri sedang mengkaji cadangan yang dibentangkan oleh pihak swasta berhubung dengan tempoh pajakan dan pulangan kepada Kerajaan Negeri dan dijangka akan dapat dimuktamadkan di tahun depan. Dan juga ini akan membawa satu lagi keuntungan untuk pihak untuk sektor kesenian di Negeri Pulau Pinang.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menubuhkan sebuah Majlis Kesenian Negeri Pulau Pinang atau dikenali sebagai *Penang State Arts Council* untuk memacu perkembangan sektor kesenian dan menyelaras kerja perancangan, pengiklanan dan pembangunan industri secara mampan dan berkesan melalui kerjasama dengan institusi dan organisasi lain tidak kira dalam negara atau luar negara. Antara fungsi yang sedang dikaji termasuk:

1. Menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan pembangunan bidang kesenian dan industri kreatif di Pulau Pinang.
2. Membantu Kerajaan Pulau Pinang dan agensi berkaitan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan bidang kesenian dan kebudayaan di Pulau Pinang.
3. Mengadakan dan meningkatkan wacana awam, persidangan, seminar, forum, bengkel atau penyelidikan berkumpulan untuk mempermudah perbincangan isu-isu semasa serta membentuk strategi berkaitan dengan bidang kesenian dan kebudayaan di kalangan orang ramai, seniman, professional mahupun ahli akademik.
4. Menjalankan penyelidikan berkaitan dengan bidang kesenian dan kebudayaan termasuk kajian untuk membentuk dasar-dasar jangka panjang strategik bagi bidang kesenian dan kebudayaan tidak kira dilantik oleh client dari pihak swasta atau awam tidak kira dalam negeri atau luar negara, dengan bayaran ataupun tanpa bayaran.
5. Menjadi fasilitator, penyelaras atau penasihat kepada kumpulan kesenian dan kebudayaan atau seniman di Pulau Pinang.
6. Menganjurkan bengkel bagi kumpulan sasaran seperti juruteknik atau pengusaha belakang tadbir dengan tujuan untuk membina kapasiti serta meningkatkan bakat mereka.
7. Menaiktaraf infrastruktur dalam Negeri Pulau Pinang secara berkala dan teratur seperti dewan persembahan termasuk sistem pencahayaan dan akustik dalam dewan ke taraf antarabangsa untuk menepati kriteria persembahan kesenian antarabangsa.
8. Mengadakan projek komuniti yang ditumpukan kepada golongan kanak-kanak untuk memupuk minat serta mencungkil bakat untuk pembangunan bidang kesenian dalam Negeri Pulau Pinang.
9. Menganjurkan sesi *brain storming* dengan komuniti seni untuk mencapai aspirasi Negeri Pulau Pinang untuk mengadakan satu acara *showcase* bakat seni Negeri Pulau Pinang.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Dalam masa *injury time*. No problem. Sambung.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin)

Yang Berhormat Timbalan Speaker, bagi menjawab saranan Yang Berhormat Seri Delima untuk memartabatkan kebudayaan tempatan, Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan seperti memberi geran tahunan kepada Kumpulan Kebudayaan Negeri di bawah naungan Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang yang bertujuan untuk memperkembangkan dan mempelbagaikan tarian seni Melayu dan tarian tradisional Melayu. Pada masa ini, Kumpulan Kebudayaan Negeri boleh mempersembahkan 60 jenis tarian seni Melayu seperti Boria, Zapin, Joget, Inang, Canggung, Tarian Kipas, Tarian Asyik dan sebagainya.

Generasi pelapis adalah diperlukan bagi mewarisi seni budaya dan warisan supaya kekal dan tidak dilupakan masyarakat. Kerajaan Negeri menggalakkan penglibatan pelajar-pelajar sekolah bagi mewarisi seni, budaya dan warisan tempatan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):

Yang Berhormat, minta, minta celah sekejap ya. Terima kasih ya. Sebenarnya Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang ini adalah satu idea yang saya rasa memang bagus dan memartabatkan dan memperkukuhkan lagi dunia seni di Pulau Pinang. Tapi, bila selepas mendengar iya, semua itu, saya khuatir juga apabila tadi Yang Berhormat Paya Terubong telah menyatakan bahawa ada satu cadangan untuk membina satu *Art Mall*. Jadi bila *Art Mall* ni saya pun rasa khuatir di mana saya, saya rasa keutamaan perlu diberikan kepada *brand-brand* tempatan serta artisan tempatan. Jadi saya nak tahu Kerajaan Negeri Pualau Pinang adakah akan draf satu garis panduan untuk menyatakan siapakah yang boleh untuk meniaga di *Art Mall* tersebut, dan apakah jenis perniagaan dan benar-benar produk yang dapat dijual?

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Memang kalau untuk *Art Mall* yang akan ditubuhkan, memang produk kesenian tempatan akan diutamakan. Jika berbanding dengan produk daripada luar negeri. Memang kita tujuan menubuhkan *Art Mall* ini adalah untuk mempromosikan dan juga mendapatkan kebudayaan dan kesenian untuk Negeri Pulau Pinang sendiri.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Yang Berhormat, saya mohon mencelah. Sebab *injury time* ada 10 minit lagi. Saya akan pendekkan. Saya ingat pada awalnya untuk di...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat, bukan sahaja *injury time*, saya tengok kehadiran YB semua bagus malam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

So, saya akan habiskan dengan cepat sekali. Tentang *Butterworth Art District* yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Saya tidak minta peruntukkan yang banyak-banyak untuk buat *Butterworth Art District*, di sana seperti yang dibuat di Pulau Pinang, di Pulau. Sebab kita sudah ada aktiviti berkaitan kesenian di sana. So, saya hanya minta jalan Bagan Luar 2 tersebut diwarta sebagai *Butterworth Art District*, oleh Kerajaan Negeri atau MPSP. Saya minta diwartakan, warta yang sangat mudah dan membina satu arca yang tidak mengambil akan mengambil beratus-ratus ribu, dalam di bawah seratus ribu dan juga Kerajaan Negeri atau portfolio Yang Berhormat menyokong program-program kesenian yang dianjurkan di kawasan tersebut. Itu sahaja permintaan saya untuk *Art District*. Yang lain kita akan, kami akan usahakan sendiri untuk, untuk kawasan tersebut Terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Jika tidak melibatkan peruntukkan yang tinggi, ke semua permintaan ini boleh dipertimbangkan. Yang Berhormat Timbalan Speaker, seterusnya generasi pelapis adalah diperlukan bagi mewarisi seni, budaya dan warisan supaya kekal dan tidak dilupakan masyarakat. Kerajaan Negeri menggalakkan penglibatan pelajar-pelajar sekolah bagi mewarisi seni budaya dan warisan tempatan selain daripada kumpulan tarian professional, pihak sekolah turut dijemput untuk persembahan dalam majlis rasmi kerajaan seperti Majlis Jamuan Teh Sempena Hari Keputeraan TYT, Majlis Sambutan Hari Raya dan majlis lawatan delegasi luar negara ke Pulau Pinang.

Platform ini memberikan peluang kepada pelajar-pelajar sekolah menunjukkan bakat dan membolehkan seni dan budaya tempatan diwarisi serta diturunkan kepada generasi akan datang. Kerajaan Negeri juga mempromosikan warisan budaya kepada golongan muda melalui program *Cultural Heritage Education Programme* yang dilaksanakan oleh GTWHI. Program pendidikan ini disasarkan kepada para pelajar yang berumur antara 10 hingga 17 tahun daripada 66 buah sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh Negeri Pulau Pinang. Program ini telah disertai oleh lebih kurang 4,000 pelajar dan guru-guru serta telah berjaya menghasilkan Sekolah Budaya Warisan dalam mempromosikan dan menyokong usaha-usaha dinamik, kreatif untuk pembelajaran warisan budaya sama ada dalam sekolah mahu pun di luar waktu sekolah.

Golongan seniman jalanan mempunyai kumpulan peminat tersendiri dan berupaya menjadi tarikan pelancong ke Pulau Pinang di samping menarik minat masyarakat tempatan menceburi bidang seni muzik. Berkenaan saranan Yang Berhormat Bagan Dalam lagi supaya diwujudkan lesen bagi seniman jalanan, ingin dimaklumkan bahawa peraturan dan undang-undang sedia ada menyatakan bahawa sebarang bentuk aktiviti yang bersifat komersial perlu mendapatkan lesen atau permit dari Pihak Berkuasa Tempatan. Golongan seniman jalanan boleh mendapatkan lesen atau permit daripada Pihak Berkuasa Tempatan dalam kategori aktiviti penjualan karya seni. Peruntukan Undang-Undang Kecil tersebut adalah memadai untuk aktiviti seniman jalanan pada masa kini. Selain itu, pembangunan *Penang Art District* di bahagian Pulau dan mungkin juga di bahagian *Butterworth Art District* akan menyediakan lokasi untuk mereka menunjukkan bakat dalam bidang seni.

Bagi seniman jalanan yang tidak berunsur komersial atau bersifat, tidak bersifat untuk keuntungan, pejabat saya akan memberi arahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengkaji prosedur yang betul atau satu garis panduan yang tersusun untuk membolehkan aktiviti seniman jalanan yang tidak berunsur keuntungan dapat diadakan.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

YB. Paya Terubong boleh beri laluan? Sikit saja nak tanya, tentang seni perjalanan macam mana mereka hendak memohon lesen seni perjalanan sementara waktu? Kebanyakan mereka datang sehari dua sahaja. Macam mana mereka hendak memohon untuk mendapat lesen seni perjalanan dalam masa yang singkat ini? Atau yang membuat lukisan daripada *foreigner* yang datang sehari dua hari, so macam mana mereka pergi ke MBPP untuk *apply* lesen.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Mungkin ini Batu Lancang pun boleh membantu juga. Sebab Batu Lancang dahulu pun Ahli Majlis.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Waktu saya memang kita tidak pernah menguatkuasakan walaupun adanya peruntukan ini. Saya pun terkejut dengan penjelasan ini.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Batu Lancang dan Paya Terubong, memang topik ini pun dibincangkan dalam surat khabar lah. So, mungkin dicadangkan untuk menyelesaikan masalah ini mungkin *council* atau EXCO Pelancongan boleh tempatkan *locate* itu tempat yang khas untuk mereka. Mungkin satu dua hari, cuma pergi *council* atau *online apply* untuk tapak tersebut sahajalah yang spesifik

strategic location untuk mereka datang, untuk nak lukis, untuk nak buat art's di Pulau Pinang lah.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Kalau tidak silap, dahulunya pernah ada di Armenian Street. Pernah ada satu tempat disediakan untuk persembahan aktiviti kesenian tetapi difahamkan telah hentikan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Apa yang dimaksudkan Paya Terubong adalah *Armenian Street Got Talents*. Itu program itu masih dijalankan setiap Sabtulah. Pukul 3 sampai 9 malam. Walau bagaimanapun, respon itu bukan baik sangat. Kerana, pada waktu petangnya ada pelancong. Selepas pukul 7.00, saya ingat pelancong sudah kian kurangnya. Tetapi apa yang dibangkitkan datang sini nak buat lukisan atau nak buat *art performance* mungkin kita boleh khaskan sesuatu tempat seperti *Gurney Drive, Karpal Singh Drive*. Ada tempat-tempat khas Armenian Street, *junction-juntion* atau *Jejantas Octopus* kita khaskan tempat itu supaya mereka tahu dan *publish* dalam *Facebook*.

So, supaya just online application untuk daripada kebenaran daripada MBPP. *So that*, mereka boleh *perform* kah. Boleh jalankan aktiviti dekat tempat tersebut lah. Cuma *short-term* sahaja lah.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Memang idea ini akan dikaji, di peringkat PBT dan juga pejabat saya. Yang Berhormat Timbalan Speaker, Industri kraftangan tempatan dilihat juga mempunyai potensi yang tinggi dan seperti saranan Yang Berhormat Sungai Dua, Kerajaan Negeri akan meningkatkan lagi usaha untuk memajukan industri kraftangan untuk menjana ekonomi penduduk di samping menjadi produk tarikan pelancong. Bagi menggerakkan industri kraftangan sebagai salah satu sumber pendapatan rakyat tempatan, Kerajaan Negeri melalui *Penang Women's Development Corporation* (PWDC) telah memperkenalkan Projek Transformasi Ekonomi Komuniti (CET). Di bawah projek ini, PWDC telah mengendalikan bengkel membuat kraf kertas dan kraf plastik untuk penduduk PPR Desa Wawasan. Hasil kraftangan telah mendapat sambutan tinggi dan sehingga September tahun ini, sebanyak 700 produk kraftangan telah berjaya dijual. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menggalakkan pembuatan produk kraftangan melalui kaedah *up-cycle*. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyokong industri kraftangan dengan menggunakan kraftangan sebagai cenderahati dalam program-program Kerajaan.

Berkenaan pertanyaan Yang Berhormat Bagan Dalam mengenai kolaborasi antara Kerajaan Negeri dan Perbadanan Kraftangan. *Sorry*, Perbadanan Kraftangan Malaysia. Oleh kerana perbezaan fahaman politik terdahulu, tidak ada kolaborasi di antara Kerajaan Negeri dengan perbadanan yang di bawah Kerajaan tersebut.

Kraftangan Malaysia merupakan satu agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan budaya Malaysia. Ditubuhkan di bawah Akta 222, Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, tahun 1979 dan Akta A562 Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Pindaan) Tahun 1983.

Selepas PRU Ke-14, sekarang pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan di bawah satu payung yang sama. Jadi, pada masa itulah, wujudnya kolaborasi di antara Kerajaan Negeri dengan Kraftangan Malaysia. Untuk makluman, Kraftangan Malaysia telah merupakan, juga merupakan salah satu perbadanan utama Kerajaan Persekutuan yang telah menyertai *Inter-Island Tourism Policy Forum* (ITOP) Forum di Pulau Pinang baru-baru ini.

Penglibatan ini boleh membawa peluang kolaborasi dengan kerajaan diantara Negeri dengan Persekutuan. Oleh yang demikian, kami memandang ke hadapan untuk berkolaborasi dengan Perbadanan Kesenian dan Kebudayaan yang di bawah Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan industri Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pulau Pinang....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat, waktu dah pukul 10.15. Saya tangguhkan Dewan untuk hari ini dan Dewan akan bersidang esok pagi pukul 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.15 malam.